

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA PENGAL PERSIDANGAN KEEMPAT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

21 NOVEMBER 2016 (ISNIN)

Kandungan	Muka Surat
PENGUMUMAN OLEH YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI	5
SOALAN-SOALAN LISAN	
Soalan No. 28 – Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng)	7
Soalan No. 29 – Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad)	9
Soalan No. 30 – Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon)	13
Soalan No. 31 – Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin)	16
Soalan No. 32 – Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady)	17
Soalan No. 33 – Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):	19
Soalan No. 34 – Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid)	20
Soalan No. 35 – Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee)	24
Soalan No. 36 – Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi)	25
PENGUMUMAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI	27
SESI PERBAHASAN PEMBENTANGAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2017 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2017	
Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	28
Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	32
<i>Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari</i>	

Kandungan	Muka Surat
<i>Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang .</i>	
SAMBUNGAN SESI PERBAHASAN PEMBENTANGAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2017 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2017	
Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) menyambung perbahasan	44
Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	53
Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	63
Ahli Kawasan Permatan Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	71
Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	83
<i>Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang.</i>	
<i>Dewan disambung semula pada jam 8.00 malam .</i>	
SAMBUNGAN SESI PERBAHASAN PEMBENTANGAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2017 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2017	
Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) menyambung perbahasan	86
Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	90
Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	108
<i>Dewan ditangguhkan pada jam 11.35 malam.</i>	

LAPORAN PERSIDANGAN

MESYUARAT KEDUA PENGAGAL PERSIDANGAN KEEMPAT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 21 NOVEMBER 2016 (ISNIN)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua, Dewan Undangan Negeri
3	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I / Pantai Jerejak
4	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II /Perai
5	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15	YB. Ong Kok Fooi	Berapit
16	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
17	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
18	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
19	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
20	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
21	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
22	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
23	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
24	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
25	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
26	YB. Teh Lai Heng	Komtar
27	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
28	YB. Soon Lip Chee	Jawi
29	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubok
30	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
31	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
32	YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
33	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal
34	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
35	YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
36	YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
38	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
39	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
40	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang–Undang Negeri
3	YB. Puan Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy	-	Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Mohd Roshidi Bin Azmi	-	Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Bacaan Doa.

Timbalan Setiausaha Dewan:

Bacaan Doa.

Setiausaha Dewan:

Soalan Lisan.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

YB. Dato' Speaker, sebelum kita masuk soalan lisan, dengan keizinan YB. Dato' Speaker, saya merujuk kepada *order paper* yang ada di atas meja, pukul 11.00 pagi Penggulangan oleh EXCO. Dengan hormatnya saya ingin meminta budi bicara Dato' Speaker kerana pada hari itu ramai *backbenches* yang belum sempat untuk menyertai *debate* walaupun kita sudah bersedia tetapi atas keadaan, terdapat keadaan di mana kita belum sempat untuk menyambung *debate*. Saya rasa banyak antara kita yang ingin teruskan perdebatan kita, memberikan input-input, pandangan dan kritikan terhadap bajet Kerajaan Negeri. So saya ingin meminta jasa baik Dato' Speaker untuk membuka balik terhadap perdebatan sebelum digulung oleh EXCO.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

YB. Dato' Speaker, memandangkan ramai Ahli-ahli Yang Berhormat masih belum menyampaikan masalah rakyat dan banyak isu-isu yang perlu dibentangkan di dalam Dewan ini, saya juga menyokong Ahli Air Itam mohon jasa baik, budi bicara YB. Dato' Speaker untuk membuka semula perbahasan Dewan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker, saya juga ingin membuat rayuan kepada Dato' Speaker kerana ketika perbahasan ditamatkan, masa ada lebih kurang pukul 5.00 petang pada hari Jumaat dan pada masa itu ada ramai daripada kita yang masih belum berbahas dan saya percaya pada hari itu pun kita tidak berhenti seketika untuk apa-apa urusan lain. Jadi saya memohon, merayu kalau boleh diizinkan supaya YB. Dato' Speaker menggunakan budi bicara supaya dibenarkan Ahli-Ahli yang masih belum berbahas untuk berbahas membangkitkan isu-isu yang melibatkan masalah rakyat. Saya pohon dipertimbangkan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, rayuan telah pun didengar. Cuma dalam isu ini, sebelum saya buat keputusan, saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan bersabit isu ini. Saya jelas dan tegas menyokong apa yang telah pun dibuat oleh Timbalan Speaker pada Jumaat lalu yang telah pun beliau membuat keputusan itu mengikut peraturan yang sedia ada, dan setelah beliau bertanya berulang kali, dan didapati tiada Yang Berhormat ingin bangun untuk menyertai Sesi Perbahasan pada ketika itu dan dalam peraturan mesyuarat pun tidak diwajibkan untuk kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menyertai sesi Perbahasan. Cumanya amalan baik di dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ini, selalunya kita mendapati ke semua Ahli-ahli Yang Berhormat menyertai Sesi Perbahasan dan ini telah pun kita saksikan sepanjang sesi yang lalu. Cumanya selepas isu ini telah pun dibangkitkan, saya berkesempatan juga membaca ulasan-ulasan Yang Berhormat dalam suratkhbar. Saya ingin buat sedikit penjelasan di sini, bahkan teguran juga kerana saya dapati dalam ulasan-ulasan Yang Berhormat dalam suratkhbar ini seolah-olahnya menuju kepada Timbalan Speaker bahawa ia telah berlaku tidak adil kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat. Saya hendak menyatakan di sini bahawa Timbalan Speaker

telah buat satu keputusan yang tepat pada hari itu. Segala ulasan yang telah saya baca dalam suratkhbar itu ingin di sini saya hendak jelaskan.

Satu, ada Yang Berhormat katakan Timbalan Speaker tidak melocengkan supaya Yang Berhormat boleh masuk ke dalam Dewan Persidangan. Ini satu ulasan yang saya rasa Yang Berhormat-Yang Berhormat sendiri pun tahu. Ini tidak bersabit dengan korum pada hari itu. Padahal pada masa ketika itu, korum cukup. Malahan ada yang saya difahamkan, sekurang-kurangnya ada empat (4) hingga lima (5) Yang Berhormat yang masih belum menyertai Sesi Perbahasan pada masa ketika itu. Masa ketika Timbalan Speaker bertanya soalan, sesiapa yang ingin menyertai Sesi Perbahasan pun, ini satu. Bersabit dengan loceng. Saya tidak tahu mengapa ini bersabit dengan loceng. Ada Yang Berhormat yang mengatakan kiraan 1, 2, 3 itu terlalu cepat, mana mungkin tiga saat Yang Berhormat boleh masuk ke Dewan. Ini juga satu alasan yang cukup saya rasa menyedihkan. Yang Berhormat, bila saya tanya, bila Timbalan Speaker tanya, adakah sesiapa yang ingin menyertai Sesi Perbahasan, itu sudah cukup jelas dan sudah cukup pun kalau hendak sampai Timbalan Speaker atau Speaker tanya 1, 2, 3 itu, saya rasa telah pun satu signal yang sudah cukup jelas bagi Speaker ataupun Timbalan Speaker untuk berulang kiraan dan ada sampai Yang Berhormat ataupun yang mengatakan ini masih tidak cukup. Saya pun rasa ada Yang Berhormat yang telahpun memberikan komen yang tepat, itu masalah Yang Berhormat-Yang Berhormat sendiri. Itu adalah tanggungjawab yang Berhormat yang telah pun terlepas peluang menyertai perbahasan. Saya rasa dalam isu ini, sekali lagi saya hendak nyatakan Timbalan Speaker telah membuat satu keputusan yang tepat dan tidak saya rasa tidak Ahli-Ahli Yang Berhormat pun faham dalam Sidang Dewan yang dipengerusikan oleh saya ataupun Timbalan Speaker, perkara ini amaran baik ataupun nasihat supaya waktu Sesi Perbahasan itu perlu diambil serius dan jangan telah pun sampai Sesi Perbahasan masih belum buat persediaan dan tidak dapat Yang Berhormat menyambung Sesi Perbahasan. Telah pun beberapa kali saya memberi nasihat, amaran tetapi masih dia berlaku dan Timbalan Speaker buat keputusan. Semua ini saya rasa perlulah dijadikan ikhtibar kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat semua. Ketegasan dalam senyuman.

Tetapi demi amalan baik Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya setuju untuk membuka balik Sesi Perbahasan walaupun ini satu yang yang saya memang tidak ingini sehingga saat ini tetapi demi suara yang diluar sana, demi mereka yang sedang menunggu-nunggu Yang Berhormat wakil rakyat untuk menyampaikan suara mereka, saya pertimbang dan saya setuju untuk membuka semula tetapi sila Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sekali lagi ini memang secara peribadi adalah satu keputusan yang tidak begitu baik untuk saya sendiri untuk membuka semula Sesi Perbahasan tetapi saya mengambil segala kritikan kalaunya nanti mereka pula kritik saya mengapa saya buka balik Sesi Perbahasan semula dan saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat tolong, sila jangan menyusahkan Dewan, jangan menyusahkan Speaker dalam isu ini. Bantah?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker, saya cuma ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan saya sekali lagi bagi pihak *backbenches* memohon maaf dan saya akan memastikan bahawa perkara ini tidak akan berlaku dan saya berterima kasih kepada YB. Dato' Speaker yang telah membenarkan kami membangkitkan isu-isu yang melibatkan rakyat, demi rakyat. Saya mengucapkan jutaan terima kasih, YB. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

YB. Dato' Speaker, saya juga bagi pihak kawan-kawan, rakan-rakan Barisan Nasional mengucapkan terima kasih di atas keputusan Dato' Speaker yang memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum berucap dan mungkin saya juga hendak cadangkan di sini supaya masa yang terluang ini digunakan sebaik mungkin tanpa membuang masa yang lain-lain dan membuang masa Dewan dan juga YB. Dato' Speaker boleh menghadkan masa itu supaya hari yang diluangkan untuk perbahasan ini dapat dipenuhi, tidak dipanjang-panjangkan, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, yang sudah minta maaf pun diminitkanlah. Ahli-ahli Yang Berhormat, Sesi Soalan Lisan dimulakan. Sila YB. KOMTAR.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Selamat pagi. Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan 28.

No. 28. Apakah pandangan Kerajaan Negeri terhadap “*City Stay*” yang dicadangkan oleh Ahli Parlimen Tanjong YB. Ng Wei Aik?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya mengucapkan terima kasih atas pertimbangan Dato' Yang di-Pertua supaya perbahasan dibuka semula demi rakyat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menyediakan satu Garis Panduan Inap Bandar atau *City Stay* dan diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Perancangan Pemajuan pada 18 November 2015. Garis Panduan tersebut juga telah dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Tempatan pada 15 Februari tahun ini. Namun demikian MMK Kerajaan Tempatan telah memutuskan agar kajian lanjut dijalankan terlebih dahulu agar selaras dengan keperluan semasa sebelum garis panduan ini dilaksanakan memandangkan program pemutihan hotel sedang dilaksanakan dan belum tamat.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

Adakah Kampung Stay juga akan diiktirafkan untuk kawasan kampung sebab *homestay* di bawah Kementerian Pelancongan hanyalah untuk rumah-rumah kampung yang didiami oleh tuan rumah yang akan menyewakan satu, dua bilik kepada pelancong. Tetapi banyak juga di kampung-kampung yang mempunyai rumah kampung yang dipanggil sebagai *homestay* tetapi tidak diiktiraf dan tidak mempunyai lesen daripada Kementerian Pelancongan. Saya hendak tanya jika Kerajaan Negeri atau mana-mana MMK akan mewartakan ataupun memberi satu pengiktirafan kepada Kampung Stay?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua dan YB. Penanti. Memandangkan pelancongan adalah di bawah Kementerian Pelancongan dan aktiviti-aktiviti menggalakkan pelancongan perlu lesen daripada kementerian berkenaan, maka pihak Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Tempatan akan dipimpin oleh kementerian dalam usaha ini. Pihak Kerajaan Negeri bersama Kerajaan Tempatan akan memudahkan apabila Kementerian Pelancongan membuat keputusan-keputusan atau menggubal undang-undang mahupun garis panduan berhubung aktiviti-aktiviti pelancongan dalam kategori baru ini.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Soalan Tambahan. Terima kasih YB. Padang Kota. Kami sedia maklum RKK George Town telah diwartakan pada beberapa bulan yang lepas. Satu syarat adalah bajet hotel adalah tidak dibenarkan di dalam Tapak Warisan Dunia. Memandangkan ada banyak jenis pelawat yang datang ke Pulau Pinang, ada yang mampu ada yang juga bajet rendah. Adakah Kerajaan Negeri akan mengkaji semula keputusan ini supaya pengusaha-pengusaha hotel bajet ini boleh terus beroperasi di dalam kategori bangunan moden seperti *infuel and replacement?* dan bukan kelas 2 atau 1. Sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua dan terima kasih atas soalan tambahan dari YB. KOMTAR. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri telah melancarkan Program Pemutihan Hotel yang beroperasi tanpa lesen mulai tahun 2014 sehingga 31 Oktober tahun depan bagi mengawal bilangan hotel yang beroperasi tanpa lesen di Pulau Pinang. Dalam tempoh ini, walaupun banyak daripada pengusaha ini tidak mempunyai lesen untuk beroperasi, namun Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif untuk membantu pengusaha-pengusaha berkenaan bagi mendapat lesen juga secara sah supaya aktiviti mereka diperakukan sama ada dalam tapak warisan mahu pun di luar tapak warisan. Pelbagai pengecualian telah diberikan, kelonggaran-kelonggaran telah pun diberikan, antaranya, satu perkara yang penting adalah pengecualian daripada permohonan merancang bagi tukar guna aktiviti hotel dalam tapak warisan pun, pengecualian mengemukakan laporan *Heritage Impact Assessment*, pengecualian menyediakan tempat meletak kereta secara fizikal dan sebagai ganti, menerima sumbangan dan juga kelonggaran syarat-syarat Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Baru-baru ini juga kita telah mengurangkan sumbangan tempat letak kereta dan pengiraan keperluan tempat letak kereta. Dalam tempoh ini permit sementara diberikan untuk mereka beroperasi tanpa waspada terhadap penguatkuasaan. Khidmat nasihat diberi kepada pengusaha atau orang-orang yang membuat permohonan. Kita percaya pengecualian-pengecualian dan bantuan ini adalah mencukupi dan memadai dalam keadaan di mana 200 premis digunakan atau ditukar guna tanpa lesen dan tanpa kelulusan untuk dijadikan hotel atau tempat-tempat penginapan. Setelah SAP dikuatkuasakan, maka ada peruntukan-peruntukan yang lebih ketat, sebenarnya adalah berkaitan dengan pemutihan di mana *presint-presint* telah pun ditetapkan untuk kegiatan-kegiatan yang dibenarkan. Kepada pengusaha yang lama sebelum digazet penguatkuasaan kita pun membenarkan, itu satu kelonggaran yang amat besar sehingga SAP digazetkan, pengusaha-pengusaha yang mana premis mereka telah dikuatkuasakan SAP terletak di dalam zon-zon yang tidak dibenarkan, kita masih terima dan memberi kelulusan, itu satu lagi kelonggaran dan pengecualian yang amat besar. Kita amat berharap pengusaha-pengusaha menghargai peluang-peluang ini. Kita pun terima banyak rungutan daripada pihak hotel bahawa perniagaan mereka merosot dan terjejas, bukan sahaja dengan begitu banyak premis-premis penginapan yang tidak berlesen malah ABMB juga memberi satu saingan yang hebat kepada pengusaha hotel yang berlesen yang bersusah-payah melabur dan mematuhi, tetapi perlu bersaing dengan golongan yang tidak ada lesen. Jadi kita perlu satu keseimbangan dari segi ini, kita perlu menjaga kepentingan pihak-pihak yang sudah mematuhi dan kita memberi pengecualian dan kelonggaran untuk juga mengharapkan pengusaha-pengusaha ini mendapatkan lesen yang tetap agar mereka dapat menawarkan perkhidmatan dalam sektor pelancongan yang semakin mengembang di Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan tambahan. Saya hendak tanya sebab tadi telah disebutkan George Town sebagai tapak warisan, adakah Kerajaan Negeri akan mempunyai syarat-syarat yang sama jika kampung dimohon untuk diwartakan sebagai kampung warisan seperti Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang yang telah diwartakan pada 25 Ogos 2016. Adakah syarat-syarat seperti yang dinyatakan tadi jika kampung dimohon oleh penduduk kampung untuk diwartakan sebagai kampung warisan, adakah semua syarat-syarat yang dikenakan di George Town juga dikenakan di kawasan kampung?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua. Soalan YB. Penanti menunjukkan keperihatian Yang Berhormat terhadap isu kampung warisan dan saya percaya rakan saya YB. Datok Keramat akan memberi ulasan dalam penggulungan terhadap isu-isu kampung tradisi, kampung-kampung warisan, persuruhanjaya warisan setelah Enakmen Warisan dikuatkuasakan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila YB. Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad):

YB Yang di-Pertua, soalan saya No.29. Terima kasih.

- No. 29 (a) Di manakah wang RM500 juta hasil jualan tanah Penang Development Corporation (PDC) di Bayan Mutiara yang diperuntukkan untuk perumahan kos rendah di simpan dan nyatakan status perbelanjaannya.
- (b) Jelaskan tatacara perbelanjaan wang Tabung Perumahan Bumiputera dan status pelaksanaannya.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih YB. Pulau Betong. YB. Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan 29 bersama-sama dengan soalan 64, *because the second part of the soalan* YB. Pulau Betong adalah sama dengan soalan 64.

Soalan adalah berkenaan dimanakah wang RM500 juta hasil jualan tanah Penang Development Corporation di Bayan Mutiara yang diperuntukkan untuk perumahan kos rendah disimpan dan status perbelanjaannya. Itu (a) dan (b) jelaskan tatacara perbelanjaan wang Tabung Perumahan Bumiputera dan statusnya, sama juga dengan soalan 64, Dato' Speaker.

YB. Dato' Speaker, hasil jualan tanah di Bayan Mutiara telah diperakaunkan ke Akaun Hasil Negeri Yang Disatukan. Bermula dari Bajet Tahun 2012 sehingga tahun 2015, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan geran tahunan secara berperingkat kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang atau PDC untuk pembiayaan projek perumahan mampu milik. Kesemua pembiayaan berjumlah RM500 juta untuk skim perumahan mampu milik telah selesai diagihkan kepada PDC pada tahun 2015. Sehingga 31 September 2016, sejumlah RM312.15 juta daripada peruntukan tersebut telah dibelanjakan untuk tujuan pembangunan perumahan mampu milik.

(b) Berkenaan Tabung Perumahan Bumiputera dan status pelaksanaannya, Akaun Amanah Perumahan Bumiputera Negeri Pulau Pinang diwujudkan bertujuan bagi mengakaunkan bayaran sumbangan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, pemaju atau pihak lain untuk membolehkan Kerajaan Negeri melaksanakan aktiviti atau program berkaitan dengan pembelian atau pembangunan tanah, rumah, ruang komersial atau hartanah lain untuk manfaat Bumiputera. Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang bertanggungjawab selaku Pegawai Pengawal dan perbelanjaan daripada akaun ini hanya dibolehkan bagi tujuan yang ditetapkan seperti di atas selepas memperolehi kelulusan Pegawai Pengawal, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Menteri.

YB. Yang di-Pertua, sehingga 30 September 2016, jumlah sumbangan yang diterima daripada pemaju selepas kelulusan pelepasan kuota Bumiputera adalah sebanyak RM99,617,382.71. Selain daripada apa yang dinyatakan tadi, daripada Akaun Amanah Bumiputera tersebut setakat ini, ia telah digunakan untuk satu projek iaitu di SP. Chelliah, rumah mampu milik di mana anggaran konservatif pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang atau PDC berkenaan kos sebenar pembinaan seunit rumah mampu milik jenis B, ataupun terdahulunya dikenali sebagai perumahan kos sederhana rendah adalah RM140,000 dan apa yang berlaku melalui pengagihan dana dari Akaun Amanah ini adalah jumlah yang dibayar kepada pemaju adalah RM72,500 dan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang selaku tuan tanah RM67,500 iaitu sejumlah RM140,000. Melalui pembelian oleh Kerajaan Negeri akan sejumlah 320 unit RMM jenis B atau PKSR, kos sederhana rendah melalui kaedah ini bakal pembeli bumiputera dapat menikmati pembelian seunit RMM jenis B atau pun kos sederhana rendah bersama sebuah tempat letak kereta pada harga RM72,500 dari Kerajaan Negeri. Di mana Kerajaan Negeri akan memberi subsidi sebanyak RM27,500 untuk tempat letak kereta di mana pembelian RMM B atau kos sederhana melalui pembelian biasa melalui pemaju adalah pada RM100,000 di mana RM72,500 adalah untuk harga unit dan RM27,500 adalah untuk tempat letak kereta.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad):

Soalan tambahan. Terima kasih kepada YB. Datok Keramat. Soalan tambahan saya begini, dalam tahun 2015, jumlah keuntungan PDC adalah sebanyak RM3.29 juta berbanding dengan tahun 2014

jumlah keuntungan adalah sebanyak RM102.09 juta, penurunan yang begitu ketara sekali dan apabila saya lihat pula pendapatan pada tahun 2014 adalah hasil jualan tanah yang bernilai RM650.82 juta dan pada tahun 2015 jualan tanah adalah sebanyak RM258.78 juta. Ini menunjukkan seolah-olah PDC hari ini telah berubah kepada penjual tanah daripada pemaju perumahan sepatutnya dengan kedudukan tanah PDC yang strategik, Bayan Mutiara Batu Kawan sepatutnya PDC menguruskan sendiri pembinaan dan membuat untung daripada itu, bukan menjual tanah dan mendapat keuntungan daripada tanah. Apakah hala tuju PDC YB. Datok Keramat? Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Sememangnya PDC ada beberapa projek di mana ia mengusahakan, saya telah pun nyatakan ada 14 projek di kelima-lima kawasan daerah Negeri Pulau Pinang di mana kita akan lihat dalam 26,255 unit nanti bakal akan dibina di mana 4 projek telah pun bermula pelaksanaan iaitu seperti saya nyatakan sebelum ini iaitu di SP Chelliah di mana ada tanah daripada Akaun Bumi pun yang digunakan seperti mana yang saya nyatakan dan itu adalah yang pertama yang dijangka siap pada Jun 2019 dan selain daripada itu dalam peringkat pelaksanaan adalah di Daerah Barat Daya satu projek di Teluk Kumbar dan Seberang Perai Utara ada satu projek dan di Bandar Cassia, Seberang Perai Selatan itu pun dijangka siap tahun depan. *In fact* itu yang terawal sekali di Seberang Perai Selatan. Jadi dari segi tu sememangnya PDC ada mengusahakan pembinaan rumah-rumah mampu milik dan tidak boleh dikatakan bahawa sekarang kita menjual tanah itu tidak benar sama sekali, saya telah memperincikan beberapa kali tentang usaha PDC bersama Kerajaan Negeri di dalam beberapa projek-projek tersebut yang bakal akan melihat kepada rumah mampu milik dibina dan saya selalu nyatakan juga in bukan satu angka yang statik. Statistik ini berkenaan projek-projek yang akan bakal di bina oleh PDC ini adalah statistik yang hidup kerana di peringkat sekarang juga kita dalam tengah memperbincangkan beberapa projek lain di keseluruhan kawasan Negeri Pulau Pinang yang bakal akan juga menjadi lebih stok kepada apa yang kita ada di peringkat ini.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Soalan tambahan, Terima kasih YB. Datok Keramat, saya rasa PDC ini telah banyak beralih daripada matlamat asal penubuhan PDC kerana sepatutnya PDC memainkan peranan yang besar di dalam pembangunan membantu sebagai *catalyst* kepada pembangunan bukan saja perumahan tetapi dalam aspek-aspek lain untuk menjadi pemangkin kepada *social engineering* dengan izin. Jadi sepatutnya juga PDC memainkan peranan sebagai satu agen intervensi di dalam *social engineering* tadi di mana kawasan-kawasan yang perlu dibangun dijadikan pusat pembangunan baru seperti apa yang sebelum ini dilakukan oleh Barisan Nasional menubuhkan pusat bandar Seberang Jaya di mana mendapat satu satelit *town* di situ.

Jadi banyak lagi kawasan-kawasan yang perlu diberi perhatian dan stok tanah yang begitu banyak di Batu Kawan patutnya dirancang dengan begitu rupa menjadi satu satelit *town* kawasan pembangunan yang begitu menarik dan bukan dibahagi-bahagi menjadi *watermelon* yang perlu dijual sekeping-sekeping untuk dilaksanakan pembanguan oleh pihak swasta. Jadi soalan saya di sini kenapakah pendapatan yang begitu menurun dengan mendadak dan apakah usaha PDC untuk memainkan peranan sebagai satu agen intervensi di dalam menyusun pembangunan supaya ia lebih *equitable* lebih seimbang kepada penduduk-penduduk misalannya antara bandar dan luar bandar, keperluan untuk IKS untuk perdagangan dan sebagainya yang seperti mana yang sepatutnya PDC lakukan, terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih YB. Telok Ayer Tawar untuk soalan yang cukup baik itu dan sememangnya saya tidak mahu ulang apa yang saya jawab pada YB. Pulau Betong tentang perincian projek-projek yang ada di ketika ini, di peringkat ini, yang masih belum di muktamadkan kerana kita ada banyak lagi projek-projek yang diperbincangkan tetapi apa YB. Telok Ayer Tawar katakan itu betul, PDC sememangnya mempunyai peranan kepada *catalyst* untuk membina dan merancang bandar-bandar satelit yang baru dan sebagainya. Apabila rujukan yang dibuat YB. Telok Ayer Tawar kepada Seberang Jaya itu adalah bukan begitu tepat, untuk kata mereka telah buat Seberang Jaya sebagai satu bandar satelit dan selepas itu apa pun tak dibuat, *that is what instigation is* kerana hakikat dia adalah sekarang pun kita lihat ada beberapa bandar satelit besar yang sedang dirancang oleh pihak PDC, yang senang saja saya rujuk adalah kepada Batu Kawan. Batu Kawan adalah satu bandar tersendiri di mana ada komponen-komponen yang

pelbagai. *It's a mix development new satellite township...*(dengan izin) Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri di mana kita ada komponen perumahan, kita ada komponen industri, kita akan lihat industri telah pun membangun dengan pesat. Kita ada banyak *factory-factory* daripada keseluruhan dunia yang telah memilih untuk datang ke Batu Kawan. Kita lihat kepada komersial, kita lihat dalam seminggu atau dua (2) *Designer Village* yang pertama di Negeri Pulau Pinang akan buka tidak kira lagi dalam kurang dua (2) tahun IKEA akan dibuka di Batu Kawan. Ini akan menjelmakan dan mengubah wajah di kawasan Seberang terutamanya di Batu Kawan dan *of course the main thing there is housing* kerana saya nyatakan PDC stok tanah dia yang kita tumpukan di keseluruhan 14 projek tersebut yang akan membawa kepada 26,000 unit yang saya nyatakan, *actually the lion share is in* Batu Kawan di mana Batu Kawan sendiri akan melihat kepada 11,000 unit pelbagai jenis rumah mampu milik dari RM42,000 sehingga tidak lebih dari RM250,000 di bina di Batu Kawan.

So adalah tidak benar untuk kata bahawa PDC telah berhenti tugasannya untuk merancang untuk membina bandar-bandar baru *and I don't stop there* YB. Telok Ayer Tawar *because* untuk makluman YB. Telok Ayer Tawar ada beberapa rancangan lain dalam proses perancangan yang melibatkan bandar-bandar satelit baru juga bukan saja Batu Kawan, *we are in the stay in planning but after the plan have been finalized, formalized, crystallize* baru kita akan membuat pengumuman. Saya beri jaminan itu kepada YB. Telok Ayer Tawar, sekian.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Pulau Betong dulu.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Bersetujukah YB. Datok Keramat supaya PDC mulai pada hari ini membangunkan sendiri tanah mereka dan bukan menjual, setuju Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Memang soalan yang saya kata tadi, memang mereka membangunkan tanah mereka sendiri iaitu mereka ada 14 projek ini bukan....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Because setiap pemaju memajukan tanah mereka PDC kerana untuk membuat keuntungan. Hari ini keuntungan PDC *reduce* 25 million saja padahal pemaju yang mendapat tanah itu membuat keuntungan yang berlipat kali ganda sepatutnya PDC sendiri sepatutnya...(gangguan) setelah *joint venture* yang mendapat keuntungan pun *stop* sekali... (gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

YB. Pulau Betong sedang membuat insolvensi bahawasanya PDC hanya membuat satu kerja saja, dia jadi agen menjual tanah itu bukan benar sama sekali kerana saya ulangi berkali-kali di dalam Dewan yang mulia ini, Dato' Speaker. PDC memang sedang berusaha untuk membina projek-projek perumahan mampu milik. Mereka yang berusaha untuk membangunkan sendiri, bukan mereka cuma ada satu kerja jual tanah, bukan, *you must not make that insolvency, that there are solely selling land thats not there position* Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, *the reality* hakikatnya ialah mereka dalam proses kita ada 14 projek ini dan bukan di muktamadkan 14 saja dan saya boleh nyatakan di sini hari ini memang ada beberapa lain yang belum di *formalised*, dimuktamadkan dan pengumuman akan dibuat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. *I don't want to repeat myself over and over again but I think thats all in insinuation...*(dengan izin) *its not very fair.*

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid):

Soalan tambahan, baru ini Y.A.B. Ketua Menteri Air Putih telah mengatakan bahawa RM44.6 juta di peruntukan untuk membeli rumah mampu milik iaitu daripada Tabung Amanah Bumiputera, jadi apakah *contribution* state pihak Kerajaan Negeri dalam pembelian ini. Ada apa-apa sumbangan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri? Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Tadi saya dah jawab dalam jawapan pokok saya Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, *this is a in-relation to projek rumah mampu milik di SP. Chelliah di bandar George Town, di mana di dalam komponen perumahan tersebut ada pelbagai jenis perumahan mampu milik starting daripada RM72,500 iaitu rumah mampu milik jenis B atau terdahulunya dikenali sebagai jenis kos sederhana rendah kepada tak silap saya sehingga RM400,000 because this was pre RM300,000 selling for pulau come in this year national, Dato' Speaker.*

So apa yang berlaku di sini kita ada akaun Amanah Bumiputera di mana sepertimana saya nyatakan tadi ada projek-projek di mana setiap projek dirizabkan *percentage of unit for Bumi buyer* tetapi ada kes-kes di mana pemaju tak dapat menjual kepada Bumi, mereka membuat permohonan kepada Kerajaan Negeri. Untuk melepaskan kuota Bumiputera kita ada satu Jawatankuasa yang saya pengerusi dan sekiranya kita lihat bahawa pemaju itu telah mematuhi apa yang perlu syarat yang dipatuhi, dia perlu menunjukkan dia telah iklan sebanyak empat (4) kali di dalam surat khabar, sekurang-kurangnya dua bahasa, satu Bahasa Inggeris, satu Bahasa Malaysia dan pengiklanan ini dibuat tidak kurang daripada enam (6) bulan, di dalam tempoh enam (6) bulan dan sekiranya ini semua telah kita pastikan, kerana kita hendak pastikan bahawa Bumiputera di beri peluang untuk membeli, mereka tidak boleh dengan itu saja memohon mereka perlu menunjukkan syarat-syarat ini dipatuhi. Sekiranya itu dibuat, kita akan membenarkan atau meluluskan melepaskan kuota Bumiputera tersebut kepada pemaju dan pelepasan ini adalah dibuat dengan menggunakan satu formula di mana setiap unit yang dilepaskan pemaju dikehendaki membayar kepada Kerajaan Negeri. Jadi wang itu kita salurkan kepada Akaun Amanah Bumiputera yang saya nyatakan tadi dan sepertimana yang saya nyatakan tadi sekarang kita ada RM99,617 juta lebih kurang di dalam tabung tersebut. Kalau kita ada tabung seperti begitu apa tujuannya. *Rightfully* kerana unit bumi tersebut dilepaskan apabila kita ada sumbangan *rightfully* secara ideal yang perlu digunakan untuk manfaat atau kepentingan orang Bumiputera. Jadi apa kita buat kerana sudah lama diwujudkan sejak 2012 tabung tersebut kutipan pun hampir mencecah RM100 juta di mana saya nyatakan tadi *so for the first time* kita guna projek SP Chelliah *the right* yang dimajukan oleh seorang *developer* iaitu Zubicon dan tanah tersebut adalah tanah milik MBPP.

Untuk makluman YB. Permatang Berangan, Kerajaan Negeri membeli 320 unit *low medium cost* RMMB tersebut daripada pemaju ini dan kita ambil stok ini dan kita sebagai Kerajaan Negeri akan jualnya semula kepada kaum Bumiputera. Apa, bagaimana kita gunakan ini untuk manfaat kaum bumiputra. Tadi saya nyatakan PDC telah beri satu anggaran *at conservative estimate...*(dengan izin) *as to the cost of instructing LMC* unit iaitu anggaran konservatif untuk membina satu unit RMMP ataupun kos sederhana rendah ini adalah pada harga RM140,000 and *I said is an conservative unit because actually I know for a fact when they give that the anggaran now that was about several months ago maybe a year now, now in fact a cost even more RM140,000, I think even YB. Pulau Betong agree with me very hard to build at one forty can go up to RM180,000 also, but anyway conservative estimate was given at that time will decided to go on with this project and using the Tabung Bumiputera. So what happen is* kita buat begini kita beli daripada pemaju *at the bare unit price which is RM72,500 of course kos sederhana rendah, bare unit not including car park is RM72,500.* Kita bayar kepada pemaju RM72,500. 320 unit berjumlah RM23 juta.

Kita bayar juga kepada MBPP selaku tuan tanah kerana *they have suffered losses in fact what we are paying MBPP they don't even recover nearly 10% also. Because the land area, the land costs is about RM250 million but we are only paying them back RM67,500.00 based on the anggaran conservative seperti yang saya nyatakan tadi RM72,500, RM6,000, RM7,000 equals to RM140,000 they only get RM21.6 million not even 10% of the outlay...*(dengan izin) YB. Dato' Speaker.

Ini adalah yang kita buat Ahli Kawasan Permatang Berangan dan apabila kita beli kita ada stok ini, kalau saya *walk in normal walk in customer to developer to get one LMC or RMM 'B' ini I will have to pay RM72,500 bare unit plus one car park RM72,500 equals to RM100,000.* Tapi kerana kita Kerajaan Negeri yang prihatin untuk memelihara kepentingan kaum Bumiputera menggunakan tabung ini kita *absorb*, kita *subsidize* TLK atau pun tempat letak kereta, kita beri satu unit campur tempat letak kereta campur melalui 320 unit yang kita beli melalui kaedah ini *at RM72,500 only* kepada bakal kaum Bumiputera yang hendak beli 320 unit LMC tersebut YB. Dato' Speaker.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sebelum saya teruskan soalan YB. Pulau Betong. Sebelum saya terlupa teringat saya nak mengucapkan tahniah kepada Ahli Kawasan Pulau Betong kerana Ahli Kawasan Pulau Betong dianugerahkan Darjah Kebesaran yang membawa gelaran Datuk Panglima. Datuk daripada Tuan Yang Terutama Negeri Melaka. Nasib baik hadiah ada buka semula sesi perbahasan. Kalau tidak ada jadi hukuman. Sila.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Seorang lagi rakan saya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Siapa?

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

YB. Omar Bin Haji Abd. Hamid.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tahniah juga. Sila YB. Machang Bubuk.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Salam Sejahtera, Salam Bersih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya, soalan 30.

- No. 30. Dalam usaha membangunkan pelancongan perubatan, hospital-hospital kerajaan seringkali diabaikan malahan peruntukan juga dipotong.
- (a) Nyatakan pelan / rancangan Hospital Bukit Mertajam dinaik taraf untuk mengatasi masalah kekurangan katil, parkir kereta dan kepakaran.
 - (b) Adakah Kerajaan Persekutuan akan membina hospital baharu di kawasan Machang Bubuk memandangkan pertumbuhan penduduk yang pesat di persekitarannya?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua dan YB. Machang Bubuk sebelum saya mulakan saya rakamkan ucapan terima kasih kerana membuka sesi perbahasan, walaupun saya telah bersengkang mata untuk menyiapkan ucapan penggulungan.

Menjawab Soalan 30 berdasarkan statistik penggunaan katil Hospital Bukit Mertajam merupakan hospital pakar 242 buah katil mencatatkan kadar penggunaan katil atau *bad occupancy rate* iaitu 65.22% pada tahun 2015 dan 72.42% hingga Jun 2016. Sehingga kini didapati jumlah katil adalah mencukupi untuk kegunaan pesakit dalam atau *in patient*. Dari sudut kepakaran daripada hanya enam (6) jenis perkhidmatan kepakaran yang disediakan di Hospital Bukit Mertajam pada tahun 2014 ianya telah meningkat kepada lapan (8) jenis perkhidmatan kepakaran pada 2016 iaitu Perubatan Am, Pediatrik, Obstetrik dan Ginekologi, Otorhinolaringologi, Psikiatri, Oftalmologi, Perubatan Kecemasan dan Anaesthesia.

Bilangan pakar yang bertugas di Hospital Bukit Mertajam dari 13 orang pada 2015 kepada 17 orang pada tahun 2016. Terdapat juga tujuh (7) jenis perkhidmatan kepakaran disediakan oleh pakar-pakar pelawat atau *visiting specialist* daripada Hospital Pulau Pinang dan Hospital Seberang Jaya iaitu dalam bidang Pembedahan Am, Otopedik, Radiologi, Nefrologi, Respiratori, Dermatologi dan Forensik.

Melalui Program Hospital Kluster Seberang Perai yang melibatkan empat (4) buah hospital utama di Seberang Perai turut merangkumi Hospital Bukit Mertajam. Semua sumber sedia ada seperti perkhidmatan kepakaran peralatan, sumber manusia serta kemahiran akan dapat digemblengkan untuk semua hospital yang terdapat di dalam kluster ini.

Pelancaran konsep ini dapat melancarkan lagi penyediaan perkhidmatan khususnya kepakaran di Hospital Bukit Mertajam manakala kemudahan parkir terdapat kemudahan parkir berbayar yang disediakan berhampiran Hospital Bukit Mertajam pelawat dan pesakit juga digalakkan mengamalkan *drop and go* bagi mengurangkan kesesakan dan mengatasi masalah kekurangan parkir. Buat masa ini Kementerian Kesihatan Malaysia tidak mempunyai sebarang cadangan membina sebuah hospital baharu di KADUN Machang Bubuk.

Malah Hospital Seberang Jaya sedang melaksanakan kerja-kerja naik taraf termasuk pembinaan blok baharu.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih YB. Seberang Jaya. Setujukah YB. Seberang Jaya bahawa dengan pemotongan Bajet 2017 Kerajaan Persekutuan terhadap sektor perubatan akan juga secara tidak langsung akan menjejaskan orang-orang yang memerlukan perubatan tersebut untuk mendapatkan perkhidmatan perubatan di hospital awam dan juga adakah Kerajaan Persekutuan juga mempertimbangkan pertumbuhan penduduk di sesuatu kawasan untuk menimbangkan sama ada membina hospital yang baharu. Ini adalah kerana perkara kita mendapati keadaan sebenar yang berlaku di hospital awam ini adalah sangat teruk di mana ramai yang kena menunggu dengan *queue* begitu panjang dan juga tidak ada cukup katil.

Oleh itu saya tidak tahu maklumat yang dibekalkan oleh YB. Seberang Jaya tadi adakah ia memang menggambarkan keadaan sebenar yang berlaku di Hospital Bukit Mertajam ini? Sebab ada contoh di mana ada pesakit luar yang *accident* masuk mereka hanya diubati dan kemudian terus dihantar balik ke rumah alasan adalah ketidakcukupan tempat katil.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan?

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Saya nak maklumat tadi YB. Seberang Jaya bekalkan saya rasa ada satu jurang yang besar dengan keadaan yang sebenarnya. Saya minta YB. Seberang Jaya terangkan terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Machang Bubuk. Soalan ini saya hanya mewakili sahaja kerana ini tugas Kerajaan Persekutuan, tetapi untuk makluman Yang Berhormat isu kesesakan hospital atau masalah ini telah kita Kerajaan Negeri ambil maklum yang mana sebab itu banyak perancangan dan cadangan yang telah diberikan kepada pihak Jabatan Kesihatan Negeri sama-sama menyelesaikan masalah kesesakan ini. Antaranya cadangan yang telah dibawa oleh saya sendiri kepada pihak Jabatan Kesihatan Negeri untuk menjadikan Hospital Kepala Batas sebagai sebuah Hospital Pakar yang mana ada kepakaran disediakan dan *Alhamdulillah* cadangan itu telah dilaksanakan ketika Pengarah Kesihatan Negeri sebelum ini mencadangkan perkara ini kepada pihak Kementerian mengatur supaya pakar-pakar juga dihantar ke Hospital Kepala Batas dan kini jumlah wad seperti yang dimaklumkan oleh YB. Bertam baru-baru ini semakin meningkat kerana sebelum ini kalau saya pergi Hospital Kepala Batas itu nampak terlampau lenggang.

Jadi sebab itu kita tingkatkan dengan adakan perkhidmatan-perkhidmatan kepakaran ini dan Hospital Seberang Jaya seperti yang kita tahu diumumkan ketika Pilihan Raya Kecil Permatang Pauh dibuat Program Pecah Tanah oleh Mantan Timbalan Perdana Menteri, YB. Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika itu memecah tanah untuk membina sebuah bangunan blok baharu saya difahamkan nilai kos

hampir RM400 juta untuk dibangunkan satu blok baharu di Hospital Seberang Jaya. Semua ini telah ada dalam perancangan tetapi pelaksanaan itu termaktub kepada gerak kerja dan juga cara pelaksanaan Kerajaan Persekutuan. Kita Kerajaan Negeri dan rakyat keseluruhannya di Negeri Pulau Pinang ini hanya terpaksa menunggu dan menunggu dan dalam masa yang sama sengsara bersama untuk berdepan dengan masalah kesesakan yang dihadapi di hospital-hospital ini.

Mengenai isu pemotongan bajet Kementerian Kesihatan, isu ini bukan sahaja berlaku pada tahun ini tetapi tahun lepas sudah ada pemotongan bajet saya dimaklumkan jabatan-jabatan kalau selalu bulan 9 baru *burst* bajet sekarang ini bulan 5 dah *burst* bajet sebab pelaksanaan GST antara salah satu faktor, perkara ini semua berangkaian. Kalau kita nak kata Kerajaan Negeri mempunyai peranan untuk dimainkan saya setuju sebenarnya sebab itu antara langkah-langkah yang kita ambil oleh Kerajaan Negeri Y.A.B. Ketua Menteri meluluskan peruntukan untuk kita belikan peralatan-peralatan kepada Jabatan Kesihatan Negeri antaranya beli mesin *fogging* untuk bantu dan kita percaya Kerajaan Negeri ada dana untuk disalurkan tetapi kerana kesihatan ini adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan maka semua perancangan dan pelaksanaan itu termaktub di peringkat Kerajaan Persekutuan bahkan kalau kita tanya Kementerian Kesihatan Negeri mereka tidak tahu kerana semua dirancang oleh pihak Putrajaya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A.Thambyappa):

Apakah hasil atau manfaat yang Kerajaan Negeri mendapat dengan usaha bangunkan pelancongan perubatan berbanding dengan usaha Negeri Selangor yang bangun satu rancangan berkhidmat untuk orang miskin atau orang yang pendapatan rendah?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Batu Uban, untuk pelancongan kesihatan atau pelancongan perubatan *medical tourism* di Pulau Pinang seperti kita maklum kehadiran pelancong di Pulau Pinang sahaja untuk *medical tourism* adalah seramai hampir 360,000 orang setahun pelancong perubatan. Kalau kita banding dengan negara lain sebagai contoh saya ke Korea Selatan. Di Korea Selatan keseluruhan Negara Korea Selatan jumlah pelancong perubatan 300,000 orang. Maknanya di Pulau Pinang kita mempunyai industri cukup besar sehinggakan 360,000 orang hadir sebagai pelancong perubatan di Pulau Pinang. Maka tugas Kerajaan Negeri mainkan memastikan perkhidmatan-perkhidmatan sampingan atau *support services* sebagai contoh pengangkutan dan lain-lain ini diberikan sedikit perhatian supaya ianya tidak memberikan imej yang buruk kepada negeri pertama, keduanya kita juga membantu dari segi promosi kerana mereka datang dengan membawa nilai ekonomi kepada negeri.

Walaupun begitu banyak peruntukan-peruntukan lain disediakan yang mana untuk pembangunan hospital ini dibangunkan sendiri oleh pihak swasta tidak langsung dibangunkan oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri tidak melaburkan peruntukan dalam program ini tetapi menyahut seruan yang disebut oleh YB. Batu Uban tentang program-program yang telah kita anjurkan. Antaranya kita anjurkan memogram percuma yang saya dimaklumkan kita sudah ada lebih 5,000 orang wanita di seluruh Negeri Pulau Pinang yang telah menikmati perkhidmatan-perkhidmatan percuma ini. Keduanya kita juga menganjurkan kesihatan percuma di bawah *heart safe* di bawah Program Penang Sihat dan Program-program kesedaran denggi, banyak program ini kita tumpukan dan kita laksanakan tetapi dalam masa yang sama melihat kepada kekangan dan juga belanjawan yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri memang berminat untuk melaksanakan banyak lagi program-program kesihatan untuk rakyat tetapi ianya mesti bergantung kepada kemampuan Kerajaan Negeri untuk berbelanja dalam isu ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Soalan tambahan. Saya hendak tanya sama ada EXCO Kesihatan dan juga sudah tulis surat kepada Timbalan Menteri Kesihatan iaitu di Pulau Pinang di mana buat lawatan bersama Pegawai Kesihatan kepada keenam-enam hospital, Hospital Seberang Jaya, Bukit Mertajam, Kepala Batas, Sungai Bakap, Balik Pulau. Adakah boleh membuat lawatan supaya dapat menangani isu-isu setiap hospital di mana kekurangan katil, *parking*, kereta dan kepekaran. Ajak Timbalan Ketua Menteri sekali Timbalan Menteri Kesihatan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Jawi. Untuk makluman YB. Jawi saya sudah beberapa kali terlibat dalam operasi bukan operasi Majlis bersama dengan Timbalan Menteri Kesihatan bahkan beliau sendiri kerap turun untuk berada di Hospital-Hospital yang ada di Pulau Pinang kerana beliau sendiri daripada Pulau Pinang, memang antara perbincangannya adalah tentang isu kesesakan ini telah dibangkitkan dan seperti yang saya telah sebut tadi ianya *solely on* tentang pelaksanaan oleh Kerajaan Persekutuan, cepat lambat kita kena tanya Kerajaan Persekutuan dan saya sarankan Yang Berhormat untuk terus menerus mendesak, menekan pihak Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan tambahbaik-tambahbaik yang telah dijanjikan yang ingin dilaksanakan ini agar ianya dapat memberi manfaat bukan hanya kepada Yang Berhormat - Yang Berhormat tapi kepada seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang ini. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila, YB. Paya Terubong.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Dato' yang di-Pertua soalan saya soalan nombor ke 31.

- No. 31. Semenjak *Penang Transport Master Plan* diumumkan kepada awam, rakyat Pulau Pinang mempunyai harapan yang tinggi kepada pelan ini terutamanya Projek LRT dan Monorail yang disebutkan dalam pelan.
- (a) Apakah tahap perkembangan projek LRT dan Monorail yang disebutkan?
 - (b) Apakah halangan yang dihadapi dalam perkembangan projek LRT dan Monorail.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow) :

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh YB. Paya Terubong, status terkini bagi projek LRT dan *Monorail* dari Bayan Lepas adalah seperti berikut : -

- (a) Skim Rail ataupun *Rail Scheme* Bayan Lepas *Light Rail Transit* (LRT) telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat atau (SPAD) pada 29 Mac 2016 tahun ini. Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk mendapatkan kelulusan bersyarat atau *conditional approval* daripada SPAD dan mesyuarat *kick-start* bersama SPAD telah diadakan pada 8 November 2016 baru-baru ini.
- (b) Penyediaan Laporan *Detailed Environmental Impact Assessment* atau DEIA bagi Bayan Lepas LRT kini di peringkat akhir dan dijangka akan dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar pada penghujung bulan November ini.

Pada masa kini, beberapa cabaran utama yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri adalah penetapan stesen LRT khususnya di KOMTAR atau Sia Boey atas isu warisan yang perlu memperolehi kelulusan wajib dari pihak Kerajaan Pusat untuk pembinaan jajaran LRT dan juga tambakan laut yang merupakan *funding model* Pelan Induk Pengangkutan yang masih dalam peringkat permohonan penyediaan laporan dan sebagainya.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin)

Soalan tambahan. Difahamkan wujudnya soalan-soalan yang mencadangkan bahawa trem digantikan dengan LRT atau monorel memandangkan lebih menjimatkan kos dan juga mengambil contoh-contoh yang berjaya di bandaraya seperti Melbourne dan bandaraya..(kurang jelas) jadi adakah Kerajaan Negeri akan mengambil kira cadangan *tram* ini atau tidak akan mempertimbangkan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Bagi jajaran KOMTAR ke Bayan Lepas LRT sudah pun dipilih pada peringkat ini walaupun kita masih membuka kepada pandangan-pandangan dan keputusan akhir adalah SPAD dan bukan Kerajaan Negeri dalam sesi atau dalam permohonan ini SPAD kemungkinan akan juga membuat penilaian terhadap permohonan kita dan akan saya percaya akan memberi pandangan-pandangan atau syarat-syarat supaya kita dapat penuhi. Bagi sistem *Tram* di bawah Pelan Induk Pengangkutan negeri sistem *tram* cuma akan dicadangkan di kawasan warisan George Town dan ini adalah dalam fasa kedua dan akan ambil sedikit masa lagi sebab projek keutamaan pada peringkat ini adalah LRT dari KOMTAR ke Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Pada mesyuarat 8hb November 2016 adakah cadangan permohonan daripada Penanti untuk *Shuttle* lesen *Shuttle free* itu telah diluluskan?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Dato' Yang di-Pertua dan terima kasih YB. Penanti walaupun mesyuarat *kick-off* diantara Kerajaan Negeri dengan SPAD pada 8hb November adalah untuk mengkhususkan perbincangan berhubung dengan LRT Bayan Lepas dan KOMTAR namun pasukan kita mengambil kesempatan berada dalam pejabat SPAD untuk kemukakan cadangan untuk mengadakan sistem *shuttle van* di kawasan Penanti juga dan kita perlu menunggu pemprosesan SPAD terhadap permohonan daripada Kerajaan Negeri.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Silakan YB. Bagan Dalam.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Dato' Speaker, soalan saya soalan 32.

No. 32. Bilakah tiga (3) lebuhraya yang dicadangkan dibina oleh Kerajaan yang akan dilaksanakan oleh Zenith BUCG akan bermula?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat daripada Bagan Dalam, beliau menanyakan bilakah tiga buah lebuhraya yang dilaksanakan oleh Zenith BUCG akan bermula?

Untuk jawapan ini mengikut perancangan dan persetujuan Kerajaan Negeri, pelaksanaan pembinaan jalan-jalan utama di Pulau Pinang oleh Consortium Zenith BUCG dijadualkan seperti berikut :

- (i) Pelaksanaan pembinaan Pakej 1 iaitu dari Jalan Berkembar Tanjung Bungah ke Telok Bahang dijadualkan selewat-lewatnya pada pertengahan tahun 2018, mengambil kira tempoh penerimaan kelulusan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekeliling iaitu (EIA) dan juga tempoh selesai proses pengambilan balik tanah ke atas lot-lot tanah yang terlibat.

Dato' Yang di-Pertua, sekiranya kedua-dua perkara tersebut dapat diselesaikan lebih awal maka projek ini dapat dimulakan lebih awal juga.

- (ii) Manakala pembinaan Pakej 2 iaitu Jalan Pintas Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Ayer Itam, juga dijangkakan bermula pada pertengahan tahun 2018. Perkara ini tertakluk kepada kelulusan pelepasan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) ke atas lot-lot tanah PTP yang terlibat dengan jajaran Pakej 2 ini, tempoh penerimaan kelulusan Laporan Penilaian Kesan Alam sekeliling (EIA) dan juga tempoh selesai proses pengambilan balik tanah ke atas lot-lot tanah yang terlibat.
- (iii) Pembinaan Pakej 3 iaitu Jalan Pintas Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Persiaran Gurney dijadualkan bermula pada tahun 2019 tertakluk juga kepada tempoh penerimaan kelulusan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA) dan juga tempoh selesai proses pengambilan balik tanah ke atas lot-lot tanah yang terlibat. Sekian sahaja.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Tanjung Bunga.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Terima kasih atas penjelasan tadi dan juga terima kasih di atas *paired road* yang akan dimulakan *mid* pertengahan 2018 untuk Telok Bahang, Tanjung Bunga tetapi semasa kita adakan sesi dialog tempatan di kawasan saya pada minggu lalu dan juga terdapat satu isu yang penting di mana *design paired road in* seharusnya bersambung ke Tanjung Tokong di mana pada penjelasan oleh Zenith bahawa *designnya* cuma sampai ke Tanjung Bunga dekat Jalan Lembah Permai dan ada satu *missing link* dari Jalan Permai itu sampai Tanjung Tokong. Jadi mengapakah *design* itu boleh diadakan begini dan apakah caranya yang akan diselesaikan?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng) :

Terima kasih Yang Berhormat dari Tanjung Bunga, Dato' Yang di-Pertua memang perkara ini telah dibangkitkan oleh YB. Tanjung Bunga semasa sesi berdialog bersama penduduk-penduduk tempatan, dalam RFP yang dibuka untuk tiga-tiga jalan lebuhraya dan terowong. Ia perlu bermula daripada Lembah Permai pergi ke Batu Ferringhi dan Batu Ferringhi pergi ke Telok Bahang dia tidak termasuk dari Lembah Permai ke Tanjung Tokong tetapi *missing link* ini seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi telah diambil kira dalam SRS. Cadangan SRS iaitu satu *Transport Master Plan* di mana telah diberitahu kepada Yang Berhormat dan peserta-peserta dalam dialog itu bahawa Kerajaan memang sudah merancang melalui SRS untuk membina *missing link* itu iaitu dari Lembah Permai sehingga ke Tanjung Tokong melalui satu *elevated* dari Lembah Permai pergi ke Tanjung Tokong memang itu sudah diambil kira dalam perancangan SRS.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Penjelasan. Memang itu satu apa itu cadangan tapi adakah terjamin *connectivity* itu *missing link* itu disiapkan serentak dengan *paired road* itu supaya trafik jalan dialihkan kepada Tanjung Bunga dan keluar daripada Penang Swimming Club satu *border* di mana dekat dengan Tanjung Bunga Hotel ini ada satu yang penting.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Ya, perkara ini memang pun telah dibincang dalam dialog hari itu dan Kerajaan Negeri akan memastikan supaya peringkat yang dibina oleh Consortium Zenith dan SRS itu berjalan serentak yang itu mereka akan siap pada masa lebih kurang sama dan tidak tertinggalan macam itu sahaja.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Dengan ini adakah apa-apa masalah yang dihadapi dengan BUCG dikeluarkan dari Consortium Zenith BUCG?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Dato' Yang di-Pertua, walaupun soalan ini ada keluar daripada soalan yang asal di mana YB. Tanjong Bunga cuma menanya bilakah projek ini akan dimulakan tapi sepintas lalu saya boleh mengatakan bahawa *equity* BUCG dalam *Consortium* ini makin tipis kerana dia perlu menambah *capital* dari semasa ke semasa. Jadi sebelum peristiwa berlaku di Kuala Lumpur di mana satu penyangkut *trail* itu terjatuh dan timpa atas kereta dan seorang perempuan dari Pulau Pinang telah menjadi mangsa dan *equity* BUCG dalam Konsortium ini hanya 0.01% sahaja 0.01% *only*. Selepas peristiwa ini Kerajaan Negeri sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab kita memang mengamalkan keselamatan di mana-mana pun dan ketulusan di mana-mana bidang kuasa pun. Jadi kita meminta syarikat Consortium Zenith BUCG berbincang dengan BUCG sama ada mereka boleh keluar daripada projek ini dan BUCG secara sukarelaya telah bersetuju untuk keluar daripada Consortium Zenith ini dan buat masa sekarang ini, oleh kerana kena pinda nama syarikat *no more* Consortium Zenith BUCG maka mereka sedang meminta kepada SSM Suruhanjaya Syarikat untuk menukar nama, nama telah diberi kepada Suruhanjaya Syarikat belum diluluskan lagi. So bila dia diluluskan nama itu barulah kita boleh mengistiharkan nama syarikat yang baru itu.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Soalan tambahan, mustahak, mustahak ini.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tiga soalan sahaja, cukup mustahak pun saya kena ikut peraturan. Sudah tiga soalan tambahan nanti ada peluang bahas la kalau tak ada nanti saya bagi. Sila Pengkalan Kota.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

YB. Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 33.

No. 33 Sila nyatakan dengan teliti apakah projek pembangunan yang akan dijalankan di KADUN Pengkalan Kota?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh YB. Pengkalan Kota, pembangunan yang dilaksanakan dalam KADUN Yang Berhormat mengikut kelulusan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) meliputi 31 projek seperti mana dalam lampiran yang akan diedarkan kepada Yang Berhormat. Di samping itu Penang Development Cooperation (PDC) juga sedang membuat pelantikan juru perunding untuk penyediaan reka bentuk cadangan pembangunan *Penang Art District* yang telah dikenalpasti untuk dilaksanakan di tapak persempadanan dengan Gat Lebuh Macaum dan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu di KADUN Pengkalan Kota. Cadangan projek ini melibatkan pembangunan Hub Creative bagi kesenian kotemporari dan kebudayaan Pulau Pinang yang merangkumi komponen *cluster* kontena yang akan direka secara inovatif bagi dijadikan ruang galeri seni, studio dan lain-lain yang berkaitan dengan industri kreatif. Sekian.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya. Persilakan YB. Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

YB. Dato' Yang di-Pertua soalan saya nombor 34.

- No. 34. (a) Apakah dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang tentang agihan kuota Perumahan Kos Rendah, Sederhana Rendah dan Mampu Milik?
- (b) Adakah dasar kuota agihan ini berbeza mengikut Pulau/Seberang Perai/Daerah atau Pemaju?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih YB. Dato' Telok Ayer Tawar dan juga Dato' Speaker terhadap soalan yang dibangkitkan, iaitu dasar kerajaan berkenaan agihan kuota untuk perumahan kos rendah, sederhana rendah, dan mampu milik. Dan sama ada ia berbeza mengikut Pulau dan bahagian Seberang ataupun Pemaju.

YB. Dato' Speaker Kerajaan Negeri melaksanakan pengagihan kuota perumahan berpandukan kepada Rancangan Struktur Negeri (RSN) 2020. Di mana Formula pengagihan yang digunakan adalah seperti di jadual berikut:-

Bil.	Jenis Rumah	Bumiputera	India	Cina dan Lain-lain
1	Rumah Mampu Milik 'A' (Kos Rendah) Harga Maksima RM42,000.00	50%	15%	35%
2	Rumah Mampu Milik 'B' (Kos Sederhana Rendah) Harga Maksima RM72,500.00	30%	15%	55%

Infact YB. Dato' Speaker dalam RSN dasar sektoral yang memperuntukkan agihan kuota pada waktu tak ada rumah mampu milik. Rumah mampu milik adalah satu spesis baru yang ada dahulu ialah RM 'A' dan 'B' rumah kos rendah dan kos sederhana rendah seperti mana saya baru nyatakan. Apa yang berlaku apabila rumah mampu milik jenis 'C' *up to the one hundred fifty thousand* dan RM200,000 di Seberang dan Pulau diperkenalkan Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk mengguna agihan kuota rumah mampu milik jenis 'B' ataupun kos sederhana rendah terpakai untuk rumah mampu milik iaitu sama juga:-

Jenis Rumah	Bumiputera	India	Cina dan Lain-lain
Rumah Mampu Milik 'C' C1 : Harga Maksima RM150,000.00 C2: Harga Maksima RM200,000.00 C3: Harga Maksima RM300,000.00	30%	15%	55%

RSN 2020 turut menetapkan bahawa kuota hendaklah fleksibel mengambil kira komposisi kaum di sesuatu kawasan ke arah menggalakan integrasi antara kaum. Dan berkenaan dengan soalan yang kedua YB. Dato' Speaker, dasar pengagihan kuota perumahan ini digunakan secara seragam bagi ke semua daerah dan pemaju. Sekian YB. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Soalan tambahan. Terima kasih YB. Datok Keramat. Kita mengambil kira bahawa RSN ini telah digubalkan saya tak pasti tahun berapa, 2007 dan perlu diambil kira tadi taburan penduduk bukan sahaja jumlah penduduk Pulau Pinang dan agihan mengikut kaum tetapi juga taburan yang menunjukkan lokasi tertentu di mana taburannya berubah-ubah ini adalah kerana demografi di Pulau Pinang. Oleh sebab itu Kerajaan Negeri haruslah mengambil kira taburan penduduk dan faktor demografi ini di dalam agihan kuota perumahan di mana misalannya di kawasan Seberang Perai, di Balik Pulau ramai dari segi demografinya adalah penduduk Bumiputera dan sepatutnya agihan itu *reflects* ataupun membayangkan demografi penduduk di situ. Di kawasan DTL sesetengah Parlimen Bagan dan sebagainya, Bukit Mertajam penduduknya lebih ramai kaum Cina dan India. Oleh sebab itu haruslah diambil kira keperluan-keperluan yang mana dibayangi dari bentuk permintaan perumahan ini kita tak mahulah rumah ini bila ditawarkan bila misalannya di Seberang Perai Selatan, bila dibuat tawaran pembeli tak mau beli kerana dia kaum keluarganya semua asal usulnya dah di kawasan-kawasan tertentu. Jadi soalannya di sini adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk mempertimbangkan formula yang lebih mengambil kira demografi penduduk. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Sebenarnya saya bersetuju dengan YB. Dato' Telok Ayer Tawar berkenaan cadangan yang diberikan tersebut dan *of course* apabila saya nyatakan tadi apabila saya rujuk pada agihan kuota yang sedia ada seperti mana termaktub dalam dasar sektoral dalam Rancangan Struktur Negeri (RSN) ini adalah satu perkara sebelum kita ambil-alih pentadbiran Pulau, *but then the current percentage it just* agihan yang saya sebut tadi. Tapi saya setuju dengan YB. Dato' Telok Ayer Tawar, mungkin kita perlu lihat semula kerana satu kawasan berbanding dengan kawasan lain permintaan menurut kaum demografinya berbeza, *that is fact* kerana itu hakikatnya saya mempengerusikan Jawatankuasa Pemilihan di mana kita buat tawaran dan kita perlu ikut agihan kuota ini dan kita nampak secara hakikat ada permasalahan di untuk beberapa tempat dan sebagainya. Dan saya akan memang ambil cadangan ini *I think this is already consider* kerana sekarang RSN sedang dibuat kajian semula dan kita boleh ambil kira cadangan ini.

Untuk makluman YB. Dato' Speaker tentang kekangan ataupun kalau kita hendak begitu ketat ikut panduan agihan yang sedia ada itu kerana mungkin berbeza dari satu daerah ke daerah yang lain. Untuk pemaju-pemaju rumah mampu milik mereka sudah pun mengalami masalah tersebut dan memohon kepada Kerajaan Negeri umpamanya seperti mana Dato' kata di Daerah Timur Laut untuk buka kuota kerana mereka tak dapat *complied* dengan kuota yang dikenalkan tersebut. Sebaliknya juga kita ada pemaju yang memohon untuk buka kuota. Ada pemaju minta buka kuota kerana tak dapat jual kepada Bumi kerana kawasan itu banyaknya bukan *Non-Bumi* dan sebaliknya ada juga permohonan daripada JKP Sdn. Bhd. minta buka kuota *Non-Bumi* kerana ada banyak permintaan dari Bumi *so we have to take the consideration to case by case this is. I undertstand* apa Dato' kata tapi bagaimana formula dia? Mungkin kalau Dato' ada apa-apa cadangan *maybe can* panjangkan kepada saya kerana *what is the formula, I know this say can generally* demografi dari kaum ke kaum, dari daerah ke daerah, kawasan ke kawasan berbeza *but how we are going to come out the formula?* Itu jadi cabaran kita *I think* kita sedang perhalusi dan *their always open that I say to take into the considered into any suggestion by* Dato'.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Soalan tambahan. Formulanya apa ini saya tanya Kerajaan Negeri sama ada bersedia untuk mempertimbangkan adalah *the end result*. Kumpulan akhirnya adalah jumlah taburan penduduk. Jumlah penduduk 1.6 juta hampir 50% Bumi dan 50% *Non-Bumi*. Kalau dicampur keseluruhannya jumlah macam itu, taburannya mungkin berbeza dari lokasi ke lokasi supaya akhirnya agihannya sama rata kepada semua penduduk Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya nak tanya jika kuota yang bagi mangsa-mangsa banjir saya dah minta sebelum ini, bagi mangsa-mangsa banjir, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memberi *priority* permohonan perumahan kepada mangsa banjir di kawasan dekat dengan rumah mereka sebab sebagai contohnya bila saya ada mohon untuk mangsa-mangsa banjir mereka diberi perumahan di kawasan yang jauh jadi mereka tidak mahu berpindah sebab macam kampung dia di situ semua jadi saya nak mohon jika sebagai contohnya projek JKP Sdn. Bhd. yang telah diluluskan pelan di Padang Ibu di Penanti 1,000 unit *and so on* kalau boleh di *priority* kan kuota itu dibagi kepada mangsa-mangsa banjir yang tinggal berdekatan di situ.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih YB. Penanti bagi soalan yang cukup baik itu. YB. Dato' Speaker untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jawatankuasa Pemilihan atau pun *Instruction Process Announcement Community* yang ditubuhkan 2-3 tahun lalu apabila kita buat proses pemilihan kita ikut syarat yang ketat kita mesti pastikan bahawasanya pemohon layak dan benar-benar layak baru mereka akan ditawarkan seunit rumah yang dipohon dan *of course* baru-baru ini kita ada tomahan bahawa Pejabat Perumahan menawarkan kepada yang layak, saya tidak boleh terima itu kalau ada apa-apa bukti ataupun beritahu kepada Pejabat Perumahan dan kita akan ambil tindakan *because* ini ada impak kepada integriti kepada jawatankuasa ini yang saya pengkerusikan dan yang ada komposisi lapan (8) lagi wakil rakyat, lapan(8) lagi wakil rakyat, sembilan (9) wakil rakyat yang pasti yang layak saja yang mendapat ataupun ditawarkan rumah dipohon tersebut. Jadi datang ke soalan YB. Penanti, memang ini soalan baik kerana perlu saya maklum prosedur pemilihan, antara prosedur pemilihan sebelum kita pergi ke senarai menunggu biasa yang kita ada dalam sistem, kita ada satu senarai yang saya cadangkan diberi keutamaan *before we go to the normal list, we have priority* dan di dalam *priority list* ini kita ada pelbagai kategori, dan kategori yang penting *is of course* mangsa fenomena alam semula jadi seperti banjir, ataupun kebakaran dan sebagainya. *They are being the top priority*, kategori lain, Ibu Tunggal, sekarang saya juga cadangkan kepada Bapa Tunggal dan juga kes-kes perintah pindah, kerana akibat pemajuan ataupun pengambilan balik tanah yang tidak dapat dielakkan dan juga kepada golongan OKU, mereka semua diberikan *weightage* keutamaan diberikan unit-unit tawaran sebelum kita pergi ke senarai menunggu yang biasa dan baru-baru ini juga kita beri keutamaan kepada kakitangan-kakitangan kerajaan kalau mereka juga akan diberi *weightage* kerana *unfortunately* perumahan projek Perumahan Awam 1 Malaysia belum sampai ke Pulau Pinang daripada Kerajaan Pusat so dalam projek-projek dari pemaju biasa kita beri keutamaan kepada pihak kakitangan kerajaan juga dan permintaan YB. Penanti agar apabila kita buat pemilihan untuk siapa walaupun kategori keutamaan ataupun senarai menunggu, *we too take the consideration....*(dengan izin), kawasan, lokasi *because it is important for reason we use the example* YB. Dato' Speaker.

Daerah Barat Daya, peliknya di Daerah Barat Daya di Negeri Pulau Pinang dia bermula dari Bayan Lepas, ataupun Bayan Baru, lepas Queensbay dah Daerah Barat Daya sehingga satu *round* Negeri Pulau Pinang pergi ke Telok Bahang, Daerah Barat Daya, jadi kalau saya ada pemohon dari Balik Pulau, saya nak bagi projek di Daerah Barat Daya kepada dia, pemaju mungkin di Bayan Lepas, adilkah? Tak adil. *Because definitely* dia tak mahu ambil unit itu, pada asalnya kita tak lihat pada itu, kita pergi daerah ke daerah *and* apabila kita lihat ada banyak kadar penolakan pengambilan tawaran tersebut, kita ada dialog dengan pemaju dan sebagainya, pemaju kata *we have to look into it because it this not feasible to give my project to someone who living so far way. So what* kita sudah buat ... (dengan izin) YB. Dato' Speaker, untuk Daerah Barat Daya kerana ia meliputi kawasan luas so kita ada dua *list* satu untuk daerah DBD *proper* Balik Pulau *proper*, kawasan Pulau Betong dan sebagainya so ada *project there we allocated to applicant to who lives around that area*, walhal dari kawasan Bayan Baru sampai Teluk Kumbar tu, kawasan, walaupun Daerah Barat Daya, *I say it adolescent is it to be DTL already because*

very high density that area, Sungai Ara and all that. So we look for project to placement near to where they live. And of course for what YB. Penanti says, kita memang akan ambil under consideration supaya beri unit kepada mangsa-mangsa tersebut seberapa dekat boleh ada projek ataupun projek seberapa dekat boleh kepada kawasan mereka tinggal tersebut YB. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih. YB. Dato' Speaker. YB. Datuk Keramat, saya nak sambung sikit pada soalan yang dibuat oleh YB. Telok Ayer Tawar, saya mendapati bahawasanya terdapat 1484 kos rendah, dan 510 kos sederhana rendah dilepaskan pembinaanya, di Barat Daya 478 kos rendah, Timur Laut ada 549 kos rendah dilepaskan dan 510 kos sederhana rendah dilepaskan di Seberang Perai Tengah ada 50 kos sederhana rendah dilepaskan. Di Seberang Perai Selatan ada 407 kos sederhana rendah dilepaskan. Jadi *total* 1,484 kos rendah dan 510 kos sederhana rendah yang melibatkan sumbangan balik bagi Kerajaan Negeri sebanyak RM124,378,500.

Saya hendak tahu dalam pembangunan, pola keseimbangan yang kaya dan yang miskin, macam mana kita hendak seimbangkan sebab kita sudah dilepaskan tidak akan dibina. So, bagaimana kita nak seimbangkan perumahan kos sederhana rendah di kawasan sebab ada miskin bandar sekarang ini YB. Datuk Keramat. Yang kedua, bagaimanakah duit hala daripada pembeli ini diagihkan? Adakah mengikut keperluan setempat atau bagaimana? Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Jauh lari daripada soalan dari YB. Telok Ayer Tawar, *infact you* ada satu (1) soalan. Soalan saya belum sampai, *so you* ambil untuk jawab *now or? You have a one specific question on that, nothing to do with* agihan kouta. *That why* ini adalah sumbangan terhadap tidak membina 30% di mana kita sudah collect 124. *So, if I answer now then when it comes to your question, I don't answer.*

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nanti dulu.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

So, tidak perlu.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tidak sampai lagi Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Tomorrow lisan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Apa? *Next.*

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Saya akan sampai nanti.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sampai nanti.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Okay, okay. Thank you.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jawi. Jawi, sila.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Tuan Yang di-Pertua. Soalan 35, soalan saya.

- No. 35. (a) Berapa peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada hospital Negeri Pulau Pinang, klinik kesihatan dan klinik desa pada tahun 2014, 2015 dan 2016?
- (b) Terdapat berapa klinik kesihatan dan klinik desa di seluruh Negeri Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih Yang Berhormat Jawi.

- (a) Sejak tahun 2014, hingga Oktober 2016, sejumlah RM3.225 bilion telah diperuntukkan kepada hospital, klinik kesihatan dan klinik desa di Pulau Pinang. Pecahan tahun adalah seperti berikut:
1. Tahun 2014 – RM1.065 bilion
 2. Tahun 2015 – RM1.1 bilion
 3. Tahun 2016 – RM1.05 bilion
- (b) Di Pulau Pinang, terdapat 30 buah klinik kesihatan dan 60 buah klinik desa. Selain itu, rakyat Pulau Pinang juga mendapatkan penjagaan kesihatan dan rawatan di 6 buah klinik kesihatan ibu dan anak serta 22 buah klinik 1Malaysia.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Soalan tambahan saya. Adakah setiap klinik kesihatan bagaimana diberitahu oleh EXCO Kesihatan, 30 klinik kesihatan dan 60 klinik desa. Adakah setiap klinik desa dan klinik kesihatan terdapat sekurang-kurangnya seorang doktor ataupun berapa jururawat yang ada di setiap klinik kesihatan dan klinik desa?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya kurang pasti tentang amalan yang terbaru sekarang tetapi, mengikut amalan sebelum ini semua klinik kesihatan mempunyai doktor kecuali klinik desa selalunya akan diketuai oleh jururawat dan klinik 1Malaysia juga cuma dilengkapi dengan doktor dan juga pembantu kesihatan atau *medical assistant*.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih. Terima kasih YB. Dato' Speaker. Saya ingin mendapat penjelasan daripada YB. Seberang Jaya. Pertamanya pasal isu cadangan pembinaan Hospital Sungai Bakap telahpun dicadangkan beberapa kali dan sehingga hari ini tidak dapat dilaksanakan dan dimaklumkan dalam

RMK11 pun tidak ada. Tetapi saya nak pesan kepada YB. Seberang Jaya, teruskan berjuang orang muda jangan cepat putus asa. Itu saya nak pesan. Hospital perlu.

Jadi soalan saya. Adakah pihak Seberang Jaya telah kenalpasti tanah atau lokasi dimana yang hendak ganti Hospital Sungai Bakap ini yang dicadangkan kepada Kerajaan Pusat atau Kementerian. Yang kedua YB. Dato' Speaker, Jawi amat bertuah sekali sebab dikawasan Jawi ada klinik 1Malaysia. Ada tidak? Dia angguk itu. Jadi, untuk lebih adil lagi boleh tidak saya hendak mencadangkan 1 klinik 1Malaysia diwujudkan dalam KADUN Sungai Aceh dan juga EXCO atau Seberang Jaya nak mencadangkan pasal YB. Datok Keramat pernah nasihat jika hendak lakukan apa-apa, rujuk sama dengan ADUN Kawasan sama. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih Ayahanda Sungai Aceh. Pertamanya, tentang tanah lokasi itu telah kita cadangkan dalam sesi dialog dan juga jawapan balas Kerajaan Negeri ketika Yang Berhormat Menteri (EPU), Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato' Wahid Omar bila dia datang ke Pulau Pinang dan mendapatkan pandangan-pandangan. Antara cadangan yang telah kita berikan adalah tentang cadangan lokasi hospital baru untuk daerah Seberang Perai Selatan. Lokasi itu adalah di Batu Kawan untuk kita cadangkan kerana memandangkan Batu Kawan akan menjadi Bandar Satelit yang baru, maka ada keperluan untuk sebuah hospital kerajaan di situ kerana banyak projek perumahan yang ingin dibina di situ. Jadi, tidak ada jika hanya hospital swasta sahaja yang diberi ruang tetapi hospital kerajaan harus ditambah baik *facility* nya.

Dan tentang cadangan klinik 1Malaysia, yang ini YB. Sungai Aceh kena bawa dalam Mesyuarat Jawatankuasa Persekutuan, ICU kerana ini tanggungjawab yang mana Yang Berhormat adalah sebahagian daripada ahli saya percaya di dalam mesyuarat itu dan untuk klinik 1Malaysia. Ini semua dibawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan, tetapi saya janji, *In sya-Allah* kalau kami semua ambil alih Putrajaya ini, kita pertimbangkanlah untuk buat klinik 1Malaysia di Sungai Aceh.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah, sampai.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud bin Zakaria):

Satu lagi.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah, 3. Tadi, Jawi 1.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Jawi, saya 1. Baru 2.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Dato' sudah lupa, 2 soalan Dato' tanya. Jawapan pun 2 diberi. Sila duduk. Kita masih dalam masa kecederaan. Sila, Berapit.

Ahli Kawasan Berapi (YB. Ong Kok Fooi):

Soalan 36, Dato' Yang di-Pertua.

No. 36. Senaraikan dengan teliti jumlah kerja lawatan ke luar negara oleh Ahli-ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang dari Jun 2016 hingga Oktober 2016, perbelanjaan lawatan, nama negara-negara yang dilawati mengikut portfolio masing-masing.

- (a) Apakah pencapaian atau manfaat yang dibawa untuk negeri Pulau Pinang bagi lawatan-lawatan ini? Sila huraikan dengan teliti.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Pada tahun 2013 sehingga September 2016, sebanyak 131 lawatan telah dilakukan yang melibatkan kos sebanyak RM4,443,766.34 dan ditanggung oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pecahan jumlah lawatan mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Lawatan Mengikut Tahun	Jumlah Kos (RM)
2013	16	444,968.60
2014	46	1,277,940.00
2015	35	1,942,708.79
2016 (sehingga September)	34	778,148.95
Jumlah	131	4,443,766.34

Pencapaian dan manfaat yang diperolehi dari lawatan tersebut merangkumi aspek Ekonomi & Perhubungan Antarabangsa Pelancongan & Alam Sekitar, Pertanian / Asas tani, Pendidikan, Perubatan dan Teknologi & Perindustrian.

Melalui lawatan ini, pelbagai idea baru dapat dijana bagi menambahkan hasil ekonomi dalam pelbagai sektor terutamanya yang berkaitan dengan usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana. Selain itu, lawatan ini juga mampu mengukuhkan persahabatan antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Xiamen, China, mengeratkan hubungan ekonomi dan perdagangan antara Pulau Pinang dan China serta menarik minat pelabur-pelabur China ke Pulau Pinang.

Di samping itu, lawatan ini membantu dalam mempromosikan produk-produk keluaran usahawan Negeri Pulau Pinang dan mewujudkan rangkaian kerjasama antara *International Stakeholders and private sectors*. Lawatan ini membolehkan pertemuan bersama para pelabur dalam bidang elektronik dan ICT serta mewujudkan rangkaian diplomatik dan kerjasama dengan negara luar dalam pembangunan industri halal.

Bagi aspek Alam Sekitar, lawatan ini dapat mewujudkan hubungan kerjasama antara negara yang merangkumi aspek penjimatan tenaga, proses kitar semula, pengurusan sisa pepejal, langkah-langkah menanggapi pemanasan global dan sebagainya. Manakala dari aspek pelancongan, lawatan yang diatur merupakan satu strategi dan pendedahan untuk menyakinkan pengusahaan hotel dan agensi pelancongan kepada potensi pelancongan yang ada di Negeri Pulau Pinang.

Mengenai aspek pertanian / asas tani, pendedahan dan manfaat berkaitan amalan pertanian yang baik, amalan penternakan yang baik, piawaian kualiti dan penggunaan bioteknologi dalam pengurusan pengeluaran makanan yang merangkumi sub-sektor tanaman, ternakan dan perikanan berjaya dicapai. Lawatan ini juga dapat mengenal pasti teknologi atau sistem terkini yang berkaitan dengan industri pemprosesan makanan laut yang sesuai untuk diguna pakai di Pulau Pinang. Melalui lawatan ini juga, pengurusan ladang ternakan khinzir, rawatan air ladang ternakan menggunakan spirulina dan penjaan tenaga diperbaharui dari sisa buangan ladang ternakan dapat diperolehi.

Bagi aspek pendidikan pula, lawatan ini dapat meningkatkan pengetahuan tentang hal ehwal antarabangsa serta dapat bertukar-tukar pengetahuan dan pengalaman berkaitan tugas sebagai wakil rakyat dengan rakan-rakan dari negara-negara Komanwel. Di samping itu, lawatan sebegini juga menjadi platform untuk merapatkan hubungan di antara pimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan pelajar-pelajar Malaysia termasuk pelajar-pelajar daripada Pulau Pinang yang sedang menuntut di luar negara.

Dari aspek perubatan, ianya mewujudkan dan memberi peluang untuk mencipta dan mendapatkan idea baru bersama delegasi luar bagi memperkenalkan Pulau Pinang sebagai destinasi bandar perubatan.

Dari aspek teknologi pula, Kerajaan Negeri mendapat pendedahan dan mempelajari tentang teknologi GIS dan inovasi memproses dan memberi kelulusan kebenaran merancang (*e-submission*) di dalam masa yang singkat.

Manfaat dan pencapaian yang diperolehi dari aspek perindustrian melalui lawatan ini adalah mempelajari kaedah dan inovasi baru di dalam meningkatkan perkhidmatan perancangan taman industri, dan industri perkhidmatan bagi menjana dan meningkatkan ekonomi negeri.

Lawatan-lawatan yang telah diadakan bertujuan memberi manfaat kepada kemajuan pembangunan Negeri Pulau Pinang. Setiap lawatan yang diadakan telah dirancang dengan teliti dan mempunyai objektif tertentu yang akan menyumbang ke arah pembangunan Negeri Pulau Pinang untuk kesejahteraan rakyat di Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Soalan tambahan saya ialah melihat begitu banyak bandar-bandar sudah menjadi *friendship city* dengan George Town, Pulau Pinang, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan 1 badan yang tertentu untuk menjalinkan hubungan yang lebih rapat bersama bandar-bandar *friendship city* ini sebab bagi saya, saya melihat banyak bandar-bandar lain bila mereka ingin datang ke Pulau Pinang, mereka tidak tahu siapa yang patut dihubungi. Terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Yang Berhormat daripada Berapit. Untuk tentukan bandar-bandar yang ingin menjalinkan hubungan, kerajaan negeri mengambil sikap terbuka. Sekiranya mereka ingin menghubungi pegawai, saya rasa Yang Berhormat daripada Air Itam sebagai Setiausaha Politik saya bolehlah menjadi pemudah acara. Tetapi, biasanya apa yang kita perhatikan ialah bandar-bandar tersebut, ia akan menghubungi sama ada MBPP atau MPSP secara langsung. So, saya rasa di sini ia tidak menjadi masalah. Tentulah tentang agenda-agenda lain, ia boleh dibincangkan secara langsung dengan Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, 1 jam 30 minit untuk soalan lisan telah pun tamat. Selaras dengan Sub-Peraturan 26 (7) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab sebentar tadi akan diletak atas meja ahli yang bertanya sebentar lagi dan akan dimasukkan ke dalam penyata rasmi ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, selaras dengan Peraturan 6A (1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mohon supaya masa persidangan hari ini 21 November 2016 (Isnin) dilanjutkan sehingga jam 11.30 malam.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sokongan?

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Saya mohon menyokong, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dengar baik-baik, Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan usul dibawah Peraturan 6A (1) untuk melanjutkan tempoh masa persidangan hari ini 21 November 2016, hari Isnin sehingga jam 11.30 malam. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, katakan 'Ya'.

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya".

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju katakan "Tidak".

Lebih suara bersetuju, usul dipersetujui. Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi perbahasan dibuka semula. Sesiapa yang ingin mengambil bahagian, Telok Bahang sudah beri nota dan berjanji akan berbahas dalam setengah jam sahaja. Silakan Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah):

Sekiranya tidak diganggu. Kalau ganggu, boleh jadi dua jam. Terima kasih Yang di-Pertua. Dato' Yang di-Pertua ni sesuaiilah jadi Speaker untuk Barisan Nasional. Nampak baik, macam orang Barisan Nasional.

YB. Dato' Yang di-Pertua, Y.A.B. Ketua Menteri mencadangkan anggaran defisit Belanjawan 2017 sebanyak RM660 juta berbanding dengan RM292 juta untuk tahun 2016. Untuk tahun 2016 ini juga, adalah dijangkakan ada lebihan belanjawan yang akan menampung anggaran defisit tersebut. Perkara yang sama juga telah berlaku pada tahun 2015 bahkan Y.A.B. Ketua Menteri juga mengesahkan bahawa sejak tahun 2008, walaupun setiap tahun Belanjawan defisit dibentangkan, Kerajaan Negeri masih mampu mencatat belanjaan lebihan. Ini mengikut perkiraan Y.A.B. Ketua Menteri, disebabkan oleh urus tadbir CAT dan kepimpinan yang bersih. Maka setiap tahun kita dibentangkan dengan belanjawan defisit tetapi apabila tahun belanjawan berakhir, ianya mencatat lebihan belanjawan. Y.A.B. Ketua Menteri turut melaporkan bajet lebihan untuk tahun 2008 sehingga 2015 berjumlah RM574 juta. Persoalannya, adakah ianya telah betul-betul memanfaatkan rakyat kerana amalan mengekang perbelanjaan kritikal demi mencapai bajet lebihan telah menjejaskan kualiti taraf kehidupan rakyat umum. Jika begini boleh juga dipersepsikan permainan mengolok belanjawan. Maka saya berpendapat, belanjawan defisit yang dicadangkan saban tahun, adalah satu kaedah yang digunapakai oleh Kerajaan Negeri untuk semata-mata mencatat lebihan di dalam belanjawan sebenar tahun berkenaan dengan cara membawa ke hadapan peruntukan-peruntukan yang tidak digunakan ke hadapan telah mengakitbatkan kekangan kepada banyak perbelanjaan kritikal untuk kesejahteraan rakyat.

Dato' Yang di-Pertua, menurut Professor Dr. Denise M. Rousseau di dalam Oxford Handbook of Evidence-based Management, menyatakan bahawa bajet yang baik adalah satu yang memberi hasil yang lebih baik dari yang diperuntukkan. Maka secara umum dapat dilihat bahawa amalan belanjawan oleh Kerajaan Negeri nampaknya baik. Walau bagaimanapun, beliau juga menggariskan bahawa varian sesebuah bajet perlu di analisa untuk menentukan sebab kepada perbelanjaan yang lebih rendah dari yang diperuntukkan. Seterusnya, beliau juga mengingatkan agar kita tidak dikelirukan bahawa satu *favorable budget variance* yang disebabkan oleh pengurangan perbelanjaan adalah selalunya satu belanjawan yang baik kerana langkah-langkah penjimatan boleh menjejaskan kualiti produk akhir. Malah beliau juga mengingatkan juga betapa perlunya perbezaan bajet ini di analisa dengan mendalam.

Untuk tujuan ini, saya ingin merujuk kepada contoh kedudukan belanjawan untuk lima (5) jabatan dari laporan belanjawan Kerajaan Negeri 2015. Pertama, Jabatan Pertanian, untuk tahun 2015 peruntukan yang diperuntukan RM11,904.660.00. Perbelanjaan sebenar pada tahun 2015

RM10,480,721.86. Peruntukan yang tidak dibelanjakan sejumlah RM1.4 juta bersamaan dengan 12%. Jabatan Hutan, peruntukan dibelanjakan hampir RM5.5 juta, yang sebenar digunakan hampir RM5.1 juta, yang tidak digunakan hampir RM300,000 bersamaan dengan 6%. Jabatan Kebajikan Masyarakat, peruntukan pada 2015 RM10.4 juta, perbelanjaan sebenar RM9.5 juta, peruntukan yang tidak dibelanjakan RM830,000. Peratusnya adalah 8%. Jabatan Pengairan dan Saliran, peruntukan 2015 RM47 juta, yang dibelanjakan RM46 juta, yang tidak dibelanjakan RM1 juta lebih bersamaan dengan 2%. Jabatan Kerja Raya, peruntukan yang diperuntukkan pada tahun 2015 adalah RM59 juta, perbelanjaan sebenar RM34 juta, peruntukan yang tidak dibelanjakan sebanyak RM24 juta. Sebanyak 42% tidak digunakan dan keseluruhan peruntukan yang tidak digunakan hampir RM28 juta untuk 2015 yang dibawa ke hadapan. Untuk jabatan-jabatan tersebut, secara kumulatif terhadap peruntukan yang tidak dibelanjakan hampir 21% dan jumlah keseluruhan bajet untuk tahun 2015. Malah Jabatan Kerja Raya seolah-olah menghadapi kekangan pelaksanaan belanjawan kerana 42% dari peruntukan belanjawan jabatan telah tidak digunakan. Kita dapati, Jabatan Kerja Raya adalah satu jabatan yang kritikal untuk rakyat Pulau Pinang, dengan kesesakan lalu lintasnya, *traffic light* nya, *line* kuningnya pun dah kelabu dan cerun-cerun bukit dan tepi jalan banyak yang berlopak dan runtuh dan saya amat hairan akibat dari proses ini telah merekodkan banyak kemalangan dan kematian maut.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Terima kasih YB. Telok Bahang. Saya rasa kita semua nak tahulah, kalau sampai begitu, berapa juta tadi tak belanja? *RM24 million* untuk JKR adalah jumlah yang besar sehingga 40%, kita nak tahu perinciannya? Untuk tujuan-tujuan apa tidak dibelanjakan dan kenapa tidak dibelanjakan? Rakyat Pulau Pinang perlu mengetahui hak mereka untuk mendapat dibaiki jalan, parit dan sebagainya yang tidak digunakan dan akhirnya tadi menyebabkan banjir besar dan semua. Baru kalut dan pergi *repair* parit, *repair* benteng-benteng yang pecah. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Dato' Yang di-Pertua, 5 minit saya diambil. Tambah 2 minit lagi.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Boleh?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Oh, boleh.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya nak tanyalah, boleh tak perbelanjaan bajet JKR yang tak digunakan 42% disalurkan kepada pembinaan jalan-jalan kampung? Sebab bajet untuk jalan kampung untuk tahun 2017 hanya RM2 juta. Memang kalau bahagi kepada lima (5) daerah, memang terlampau sikit. Jadi saya harap Kerajaan Negeri boleh tak salurkan perbelanjaan yang tidak digunakan RM24 juta untuk membina jalan-jalan kampung.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Terima kasih YB. Penanti. Jawapan ada dua (2), Seberang mai belah sini jadi EXCO dan *Insyallah* kita tunaikan dan saya haraplah EXCO berkenaan dapat ambil perhatian sebab cadangan yang begitu baik. Duit lebihan tak digunakan, kalau saya EXCO, *confirm* saya bagi dah.

Persoalan yang timbul adakah pihak Kerajaan Negeri mengkaji punca kenapa peruntukan yang ada tidak dibelanjakan. Adakah ianya tidak perlu atau terdapat kesilapan dalam menetapkan keutamaan semasa belanjawan dirangka? Bagaimana pula kesannya kepada rakyat yang mengharap kesan positif perbelanjaan tersebut terhadap kehidupan seharian mereka? Adakah pihak Kerajaan Negeri cuba mendapatkan *mileage* dari pengekangan perbelanjaan dan menunjukkan penjimatan sebagai satu langkah pengurusan kewangan negeri yang bijak? Apakah tujuan membentangkan bajet defisit jika saban tahun ianya berakhir dengan lebihan belanjawan? Apakah tujuan belanjawaan seumpama ini yang

diamalkan secara berterusan kerana pihak Kerajaan Negeri seolah-olah sudah pastinya akan mencatatkan lebih belanjawan?

Pada hemat saya, ini tiada kaitan dengan urus tadbir CAT atau bersih atau kepimpinan Kerajaan Negeri bahkan ianya adalah satu permainan belanjawan populis yang bertujuan mengaburi mata rakyat. Saya khuatir jika amalan mengekang perbelanjaan kritikal untuk kebajikan rakyat dan kenaikan cukai dibuat dengan tujuan semata-mata mencapai bajet lebihan. Adalah mudah untuk melepaskan tanggungjawab asasi ataupun “ownership” kepada Kerajaan Persekutuan di dalam apa yang melanda di dalam Negeri Pulau Pinang. Di atas hujah bahawa negeri yang mempunyai bajet yang lebih kecil, tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dan dana dari Kerajaan Persekutuan, maka terlepaslah bebanan kepimpinan Kerajaan Negeri untuk menjamin sesuatu permasalahan itu diatasi dengan sepenuhnya. Saya berpendapat, ini adalah persoalan keutamaan yang perlu diletakkan pada tempat yang betul. Oleh itu, jika Kerajaan Negeri percaya bahawa permasalahan banjir besar akan dapat di atasi dengan penyelesaian Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Sungai Pinang, maka ini adalah isu yang perlu diambil keutamaan oleh pihak Kerajaan Negeri. Saya berpendapat bahawa, menunggu penyelesaian dari Kerajaan Pusat adalah satu pendekatan selesan dan bukannya pendekatan penyelesaian masalah oleh Kerajaan Negeri. Jika belanjawan populis yang membolehkan jumlah terkumpul sehingga RM547 juta, maka belanjawan di mana keutamaan itu berada jika Kerajaan Negeri betul-betul bermaksud dan ingin merealisasikan pendekatan Negeri Kebajikan. Bahkan, saya kira pihak Kerajaan Negeri wajar mengambil ikhtibar semangat yang telah ditunjukkan didalam memperjuangkan projek terowong dasar laut sebelum ini.

Dato' Yang di-Pertua, saya hairan bagaimana Y.A.B. Ketua Menteri kerana mencadangkan peruntukan RM50 juta di dalam langkah memindahkan air dari Empangan Air Itam ke Empangan Telok Bahang yang mana Y.A.B. Ketua Menteri sendiri mengatakan permasalahan ini hanya persepsi masyarakat. Bagaimana kita boleh membuat sesuatu keputusan yang hanya berlandaskan persepsi semata-mata. Ianya dikirakan sebagai satu langkah yang tidak dapat menepati penyelesaian muktamad kepada permasalahan banjir di Telok Bahang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Minta penjelasan, YB. Telok Bahang. RM547 juta untuk memindahkan air daripada Air Itam Dam ke Dam Telok Bahang. Kalau tidak silap saya yang saya baca dan difahamkan ianya kalau ia dilakukan pada musim kemarau, betul tak Y.A.B. Ayer Putih? YB. Dato' Timbalan Speaker, kalau dilakukan apabila air, saya rasa ia pun tidak berkesan, *because*, kalau dibuat pada masa kemarau macam mana hendak pindahkan air, sebab air sudah kurang dan saya fikir ini satu tindakan yang bijak supaya hendak pindahkan air, Air Itam Dam ke Dam Telok Bahang, jauh dan air di sana tidak cukup, YB. Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya rasa Y.A.B. Ketua Menteri boleh menjawab semasa sesi penggulungan. Sekiranya kita betul-betul ingin menyelesaikan masalah rakyat kita perlu membantu semua kawasan tanpa mengira parti sama ada daripada kawasan Barisan Nasional, PAS dan PKR. Seperti semua sedia maklum punca banjir berlaku adalah disebabkan limpahan air dari Sungai Kelian Teluk Awak yang terletak bersebelahan dengan Dam Telok Bahang. Sungai tersebut boleh ditambahbaik melalui dua alternatif, pertama membina paip yang menyalurkan air ke Dam Telok Bahang atau menambahbaik..(dengan izin) *culvert* dengan kos perbelanjaan lebih kurang RM10 juta di mana ia adalah jumlah yang sedikit sekiranya kita melihat lebihan belanjawan Kerajaan Negeri saban tahun begitu besar. Kita perlu cakna dengan masalah rakyat tidakkah kita sedar apabila terjadinya banjir di mana para pekerja terpaksa mengambil cuti, yang sakit perlu dipindahkan, yang bersekolah terpaksa tidak pergi ke sekolah, malah air yang kurang bersih membantutkan kesihatan rakyat, para nelayan tidak dapat turun ke laut, mereka perlu menghabiskan masa mencuci rumah dan menjaga keluarga. Ini semua menjuruskan kepada peningkatan kos sara hidup, kesihatan dan kualiti yang tidak baik kepada masyarakat. Ianya adalah sebahagian dari penyelesaian saya sebagai wakil di DUN Telok Bahang telah menyuarakan cadangan supaya lebih air dari Sungai Kelian juga perlu di salur terlebih dahulu ke Empangan Telok Bahang. Saya berharap akan mendapat reaksi positif dari pihak Kerajaan Negeri. Di sini saya ada sedikit video dan meminta izin hendak berkongsi pasal banjir yang berlaku di kawasan Pulau Pinang, ini air yang turun warnanya cerah, mungkin daripada Ayer Putih. Ini satu lagi. Ini yang teh tarik, saya ingat YB. Padang Kota boleh ambil maklum. Macam teh tarik turun.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan laporan akhbar oleh Ketua Cabang PKR Tanjung mencadangkan agar Kerajaan Negeri memberhentikan penjualan tanah milik Kerajaan Negeri terutama kepada pihak-pihak asing. Saya tertanya-tanya kenapa ianya dijual bukankah lebih menguntungkan dan merakyatkan sekiranya agensi seperti Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang membangunkan tanah-tanah tersebut sudah tentulah dapat mengawal dan mengimbangi harga-harga rumah yang melambung tinggi di Negeri Pulau Pinang ini.

Di antara tanah-tanah yang telah dijual adalah pada tahun 2011, Bayan Mutiara kepada Ivory Properties sebanyak 102 ekar dengan harga RM1.07 bilion, pada tahun 2014 Batu Kawan kepada Eco World sebanyak 470 ekar berharga RM1.02 bilion, pada tahun 2014 juga Batu Kawan kepada Aspen Vision sebanyak 245 ekar berharga RM484 juta, tahun 2013 Gurney Drive Land kepada Consortium Zentih BUCG berharga RM6.3 bilion, pada tahun 2013 Batu Kawan kepada PE Land sebanyak 40 ekar berharga RM65.34 juta, pada tahun 2014 Batu Kawan kepada Paramount Group sebanyak 30 ekar berharga RM67 juta dan pada tahun 2014, 198 ekar di Batu Kawan dan 6.67 ekar di Bayan Lepas dijual kepada Singapore Temasek.

Melalui Bajet Kerajaan Negeri 2017, sebanyak RM707.61 juta telah diperuntukkan kepada Pejabat Y.A.B. Ketua Menteri dan RM609 juta diperuntukkan sebagai pinjaman kepada Penang Development Corporation(dengan izin), (PDC) dan RM30 juta kepada Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang (PBAPP). Dengan penjualan tanah yang begitu banyak ia melahirkan kerisauan mengenai di mana pergi duit-duit tersebut. Apakah status duit tanah...(gangguan).

Y.A.B Ketua Menteri:

Saya agak kesal bahawa seorang profesional seperti YB. Telok Bahang cuba memutarbelitkan apa yang diumumkan oleh Kerajaan Negeri sebelum ini. Penjualan yang Kerajaan Negeri buat memang tetapi tidak dibayar dengan sekali gus, ia dibayar dengan tempoh lima (5) tahun dan kita belum terima jumlah yang sepenuhnya.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Belum habis lagi, kalau Yang Amat Berhormat hendak jawab kenalah dengar sampai habis... (gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Itulah saya hendak sebut tadi, kerana tadi Yang Berhormat katakan, tidak mengapa saya hendak cerita dahulu so, di sini saya harap kita rela dengar tapi berdasarkan fakta dan janganlah sekali mengatakan oh, kalau RM1.07 bilion Ivory dekat Bayan Mutiara ini pembayaran bersih belum diterima, itulah bila sebabnya bila ada *short form*, itulah sebabnya pinjaman diberikan kepada PDC kerana mereka masih belum menerima pembayaran penuh, jadi saya harap ini menjadi satu *reference*, satu rujukan, Yang Berhormat boleh kritik itu tidak menjadi masalah, tetapi janganlah cakap kita sudah terima berbilion-bilion, ini pembayaran penuh belum dibuat biarlah kita membuat kritikan berdasarkan kepada fakta.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Okey, Yang Amat Berhormat, persoalannya dalam ucapan saya ini, saya bertanya apakah status duit tanah tersebut? Kalau Yang Amat Berhormat tunggu sehingga saya habis bercakap, Yang Amat Berhormat boleh tahu, kita hendak tahu status duit, sudah berapa banyak sekian, sekarang kita sudah dapat dan bila boleh dibentangkan dengan hasil penjualan tanah berbilion-bilion ringgit apakah perlu persoalannya, apakah perlu kita memberi pinjaman kepada PDC? Kita tidak nampak rasionalnya memberikan pinjaman kepada PDC.

Apa yang saya ajukan ini adalah permasalahan-permasalahan yang dihadapi oleh rakyat dan juga wakil-wakil rakyat lain juga mempunyai perspektif-perspektif masing-masing tentang permasalahan yang kita hadapi sebagai rakyat Pulau Pinang.

Justeru itu, saya memohon Kerajaan Negeri supaya lebih prihatin dalam menjaga kebajikan rakyat seperti kita sedia maklum rakyat dibelungi dengan kos sara hidup yang tinggi, kos perumahan yang meningkat, disebabkan oleh kerakusan peniaga-peniaga yang mengambil kesempatan. Ini semua menjuruskan kepada peritan dan kepayahan kehidupan masyarakat. Apa yang saya ajukan ini tidak lain dan tidak bukan adalah untuk kepentingan rakyat dan YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua saya sudah ucapkan saya ini dengan *Assalamualaikum* WBT dan terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih YB. Dato' Timbalan Speaker, Saya juga akan cuba menyingkatkan perbahasan saya dengan menumpukan perhatian kepada perkara-perkara utama yang dikatakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri di dalam ucapannya. Sebelum itu saya mengucapkan terima kasih kepada YB. Dato' Timbalan Speaker, yang telah membenarkan kami mengambil bahagian dalam ucapan perbahasan ke atas bajet yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan sebelum saya menjurus kepada isu-isu lain saya ingin membawa perhatian Dewan yang mulia ini masalah-masalah tertentu yang dihadapi oleh Kawasan Seri Delima.

Saya bersyukur kepada Tuhan kerana tidak ada sebarang masalah bencana alam seperti banjir kilat ataupun tanah runtuh yang berlaku di kawasan saya, namun ada masalah-masalah tertentu yang dihadapi oleh kawasan saya, yang pertama adalah berkenaan dengan bekalan air yang selalu terputus di kawasan Seri Delima. Baru-baru ini pada hari Sabtu setelah saya pulang dari Kuala Lumpur pergi ke sana bagi tujuan urusan kerja untuk hadir di mahkamah bagi membela beberapa orang yang telah ditangkap kerana perhimpunan aman Bersih balik ke Pulau Pinang sampai lebih kurang pukul 10.00 difahamkan tidak ada bekalan air dan bekalan air terputus dari pukul 5.00 petang, bukan sahaja pada hari satu sebelum Hari Raya Deepavalli malam itu sebelum isteri saya mula hendak masak juga terputus bekalan air. Tahun lalu sebelum perayaan Hari Raya Cina satu hari sebelum juga terputus bekalan air. Saya akui bahawa Kawasan Seri Delima, iaitu kawasan perumahan Island Glade, Island Park merupakan kawasan perumahan yang mula-mula di bina di Pulau Pinang dan paip-paip yang telah dipasang di situ di bawah tanah kemungkinannya adalah paip-paip yang lama.

Saya merayulah kepada pihak Bekalan Air, Pengurus Besarnya hadir di dalam Dewan ini dan kepada Kerajaan Negeri kalau boleh mempertimbangkan kerja-kerja penggantian dengan segera kerana maklumlah saya juga tinggal di Kawasan Seri Delima jadi saja berlakunya masalah terputusnya bekalan air, rakyat di kawasan itu memang akan mencari saya di rumah dan saban kali berlakunya kejadian di mana mereka selalu datang ke situ ada yang beritahu secara baik-baik, ada juga yang menengking dan juga hilang sabar. Saya tidak menyalahkan mereka tetapi tujuan saya membawa perkara ini kepada Dewan yang mulia ini adalah masalah air ini adalah masalah besar. Maklumlah bukan sahaja bagi kita yang ingin pergi mandi dan sebagainya, terutamanya kedai-kedai perniagaan, restoran-restoran yang banyak juga ada di kawasan Seri Delima. Saya mohon perkara ini diberi perhatian. Kedua masalah di Taman Tun Sardon. Astaka di kawasan Taman Tun Sardon ini merupakan tempat tumpuan ramai semasa hari Sabtu dan hari Ahad, makanannya memang enak di situ dan saya difahamkan ada yang datang jauh daripada Kepala Batas, Batu Maung, Balik Pulau untuk makan makanan yang dihidangkan di kawasan itu kerana semuanya dimasak secara kecil-kecilan bukan seperti komersial di tempat-tempat lain, bila sudah habis, habis ditinggalkan, mee sup, mee jawa, nasi lemak, ikan bakar macam-macam ada yang dihidangkan. Kawasan Astaka di Taman Tun Sardon ini menghadapi masalah tersendiri.

Untuk makluman YB. Dato' Timbalan Speaker, pihak Kerajaan Negeri telah dua kali sebelum ini menggantikan tempat duduk di kawasan tersebut dan juga *garter*...(dengn izin) tempat pengaliran air dari bumbung di mana kawasan itu adalah tempat seluruh tapak di situ adalah di bawah ICU, ICU adalah dikelola oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan apabila kita membincangkan masalah yang berlaku di situ walaupun Pejabat Daerah Timur Laut ingin membantu, pejabat Penghulu dan Pengarah Pejabat Daerah sendiri telah turun dan melihat masalah di situ, kita menghadapi kekangan untuk membantu kerana kita perlu mendapat kelulusan daripada ICU. Sebelum melaksanakan kerja-kerja pembaikan tempat tersebut.

Now, walaupun Kerajaan Negeri mempunyai dana yang mencukupi, walaupun Kerajaan Negeri sedia untuk membantu, mengikut S.O.P kita terpaksa memperolehi kelulusan daripada ICU atau Jabatan Perdana Menteri untuk melaksanakan kerja-kerja meningkatkan taraf di tempat tersebut. Permintaan daripada peniaga-peniaga di situ adalah untuk kita membantu tetapi masalah yang saya sendiri

menghadapi. Masalah yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri baru-baru ini YB. Chow, EXCO Kerajaan Tempatan juga telah membuat lawatan. Adalah tapak ini terletak di bawah ICU atau Jabatan Perdana Menteri. Dan saya ingin menunjukan soalan ini kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada sebelah sana, mungkin Yang Berhormat juga dapat membantu sama-sama untuk mendapatkan kelulusan atau kebenaran daripada ICU atau Jabatan Perdana Menteri untuk membenarkan Kerajaan Negeri untuk membelanjakan wang bagi meningkatkan taraf tempat duduk mungkin, sudah diminta, tetapi ICU tidak memberi sebarang kebenaran. Saya telah minta sejak tahun 2010. Tahun 2009 kita telah memperbaiki tempat duduk disitu. Tahun 2011, kita telah menambahkan bumbung kerana ramai yang mengunjung dan makan di situ pada hari Sabtu dan hari Ahad. Pada hari Rabu petang bila ada pasar malam, ramai juga yang akan datang duduk di situ. Peniaga-peniaga semua tinggal di situ. Jadi, saya nak minta mungkin soalan ini sepatutnya ditujukan kepada Yang Berhormat daripada pihak di sebelah sana kalau boleh menyampaikan permintaan saya supaya kita dapat bermesyuarat dengan segera untuk kita melaksanakan kerja-kerja pembaikan. Kalau Yang Berhormat datang ke Taman Tun Sardon lihat pasar di situ telah dinaiktaraf. Tempat-tempat meletak kereta selesa. Tempat berniaga selesa. Malahan bilik air sekarang status macam *five star hotel*...(dengan izin), dalam pasar. Tempat bilik air bagi OKU, orang kelainan upaya juga telah disediakan. Access kepada OKU juga telah disediakan. Tetapi kita tidak dapat melanjutkan perubahan ini kepada kawasan astaka disebabkan oleh kekangan ini.

Jadi saya nak minta adakah Yang Berhormat mungkin YB. Telok Ayer Tawar, YB. Bertam boleh menyampaikan permintaan ini, saya boleh majukan surat yang telah dihantar oleh pejabat saya. Kalau kita boleh bersama-sama memberi perhatian kepada masalah ini kerana masalah ini adalah masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga di situ.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Silakan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya rasa YB. Seri Delima tidak ada masalah dalam urusan ini. Tak payah cakap dalam Dewan pun kalau jumpa kita kalau ada sedikit tersangkut di situ, itu bisa dibereskan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya berterima kasih kepada YB. Telok Ayer Tawar, saya akan mungkin berjumpa dengan Yang Berhormat dalam masa terdekat untuk kita sama-sama cuba menyelesaikan masalah ini. Masalah ketiga yang akan saya, berkenaan dengan kawasan saya adalah baru-baru ini Ketua Menteri telah pun berbesar hati untuk melaksanakan kerja pemecahan tanah untuk satu bumbung baru di atas gelanggang bola keranjang di *Island Glades*. Saya difahamkan bawah Majlis Bandaraya Pulau Pinang sedang dalam proses meluluskan projek ini, supaya kerja-kerja pembinaan bumbung itu boleh terus dilaksanakan. Tetapi saya difahamkan oleh YB. EXCO Bagan Jermal, bahawa Majlis Bandaraya Pulau Pinang meminta supaya beberapa dokumen dikemukakan dan saya ingin menyeru, merayu lah kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang kalau boleh perlepasan dipertimbangkan bagi mengemukakan dokumen-dokumen ini kerana projek ini adalah projek yang akan memberi manfaat kepada rakyat di kawasan itu, maklumlah kerana projek itu adalah projek yang telah dicadangkan dan dimulakan oleh Ketua Menteri, saya berharap dalam masa yang terdekat, kalau boleh pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang memberi pelepasan bagi permintaan-permintaan seperti mengemukakan dokumen cukai tanah dan sebagainya. Projek itu boleh dilaksanakan dengan seberapa segera yang mungkin dan ini juga akan memberi manfaat kepada rakyat di kawasan tersebut.

YB. Dato' Speaker saya sekarang ingin menuju kepada masalah-masalah lain walaupun saya tidak akan membaca ucapan saya kerana ia adalah sesuatu yang melanggar peraturan seperti YB. Telok Bahang, saya akan memberi ulasan saya di sini tanpa membaca perbahasan atau ucapan saya seperti YB. Telok Bahang.

Pertamanya, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat kepada ucapan yang diberikan oleh Ketua Menteri muka surat 31 kepada pembangunan sukan. Sukan adalah satu perkara yang begitu penting kepada negara kita. Semasa pertandingan ataupun acara baru-baru ini, acara Olimpik yang besar-besaran. Saya begitu menghayat hati, tertarik di mana semua lapisan rakyat di Malaysia bersatu hati menyokong pasukan kita semasa mereka bertanding di Sukan Olimpik. Tak kiralah orang Melayu, orang Cina, orang India. Malahan saya sendiri bersama-sama dengan beberapa pemimpin daripada Barisan Nasional bersama-sama kita menyorak kerana ingin pasukan Malaysia berjaya di peringkat dunia. Terima kasih. Saya pada masa yang sama ingin membangkitkan kerisauan saya, kedukacitaan saya. Adakah pengganti untuk Dato' Lee Chong Wei? Adakah pengganti untuk Dato' Nicol David? Adakah pengganti-pengganti yang akan dapat menyandang tugas untuk terus berjaya di arena sukan untuk mengharumkan bukan sahaja nama Malaysia, tetapi nama Pulau Pinang. Saya di sini ingin menyeru EXCO Sukan untuk melaksanakan program-program di mana kita dapat guna perkataan mencungkil bakat yang baru. Kerana kita lihat Dato' Lee Chong Wei sudah pun 33 tahun. Begitu juga dengan Dato' Nicol David. Mereka sudah pun jauh terlepas daripada usia yang muda mereka. *The prime of their peak performances...*(dengan izin), dan kita sekarang lihat di arena dunia, di arena antarabangsa Dato' Nicol David dan Dato' Lee Chong Wei mungkin tidak dapat memberi prestasi yang baik begitu secara terus-terusan. So, soalan saya apakah inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri, EXCO berkenaan? Bagaimanakah kita ingin mencungkil bakat-bakat yang baru? Adakah apa-apa program dilaksanakan di peringkat negeri bagi kita mengesan bakat-bakat baru ini. Pelapis boleh dikatakan untuk mereka bersiap sedia menyandang ataupun mengambil alih tugas untuk mengharumkan nama Pulau Pinang dan nama negara kita. Ini adalah acara sukan individu.

Kita juga perlu memberi perhatian kepada acara sukan berpasukan. Kalau dulu dalam pasukan bola sepak, Pulau Pinang termasyhur. Kita ada Shukur Salleh, kita ada banyak lagi pemain. *"The Bakar Brothers"*, Isa Bakar. Buat masa sekarang, Pulau Pinang hanya sekadar mengimport pemain-pemain. Dan pemain-pemain *import* ini tidak akan mempunyai komitmen. Saya telah menyatakan dalam sidang Dewan yang lalu, komitmen mereka hanya sekadar menerima gaji. Sama ada Pulau Pinang berjaya atau tidak, sama ada Pulau Pinang dapat meraih kemenangan ataupun tidak, mereka akan mendapat gaji. Memang dapat gaji dan adakah mereka mempunyai komitmen ataupun... (dengan izin) *the fire to win and keep winning* dalam acara bola sepak. Bola sepak adalah satu sukan yang begitu menarik. *It transcends boundaries...*(dengan izin). Ada penyokong-penyokong bola sepak adalah satu yang juga membawa kita bersama-sama. Saya masih lagi ingat dalam satu acara permainan bola sepak, Ketua Menteri dan YB. Telok Bahang bersama-sama menyaksikan acara bola sepak tersebut. Menyokong pasukan Pulau Pinang. Jadi, saya ingin merayu kepada YB. EXCO Sukan untuk memberi perhatian kepada acara bola sepak, pasukan bola sepak. Memastikan bahawa bakat-bakat dalam negeri di Pulau Pinang seperti saya difahamkan di Sekolah Munshi Abdullah pasukan bola sepak mereka adalah pasukan yang begitu kuat dan ramai pemain-pemain daripada Sekolah Munshi Abdullah yang boleh menyandang, memakai jersi negeri untuk main bagi negeri Pulau Pinang, tetapi ada keluhan bahawa di atas masalah-masalah tertentu, mereka tidak diberi peluang.

Saya juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat kepada masalah berkenaan dengan Hospital Pulau Pinang. Hospital Pulau Pinang sudah menjadi begitu sesak. Kalau kita membawa ayah ibu kita ke *ward outpatient*, tiap-tiap hari kita lihat tempat duduk tidak mencukupi. Kerusi roda tidak ada. Kadangkala bila mereka sampai di situ, nombor yang diberikan adalah nombor 40, 45. Maksudnya kalau sampai di situ pada pukul 7.50 pagi pun, sebelum pukul 8.00 pagi, banyak yang sudah menunggu di situ. Mungkin EXCO boleh memberi perhatian kepada masalah ini, dan perkara yang menjadi tanda tanya adalah sama ada EXCO berkenaan sedia maklum tentang Audit Keselamatan yang telah dilakukan di Hospital Pulau Pinang untuk memastikan bahawa kejadian yang telah berlaku di Johor Bahru beberapa minggu yang lalu yang menyebabkan kematian pesakit-pesakit di wad ICU tidak berulang di Pulau Pinang. Tidak berlaku di Pulau Pinang. Perkara ini adalah perkara yang begitu merunsingkan. Hospital Besar Pulau Pinang merupakan nadi Pulau Pinang. Saya menyatakan ia adalah nadi Pulau Pinang kerana semua orang akan jatuh sakit. Tak kiralah kita sebagai sama ada wakil rakyat, orang biasa, semua orang akan jatuh sakit. Dan wakil-wakil rakyat Kerajaan diberi peluang untuk mendapat rawatan yang terbaik daripada Hospital Besar Pulau Pinang.

Saya ingin menyatakan di sini pada masa yang sama kita dikejutkan dengan kenyataan yang telah dibuat oleh YB. Menteri Kesihatan bahawa caj-caj atau bayaran-bayaran perkhidmatan yang akan dikenakan di wad-wad tertentu juga akan dinaikkan. Kita harus ingat bahawa rakyat biasa terutamanya yang mendapat gaji pokok RM1,500 atau RM2,000 kalau isteri beliau merupakan seorang suri rumah dan mempunyai lima (5) atau enam (6) orang anak yang masih di bangku sekolah kalau beliau ingin

mendapatkan rawatan di Hospital Besar Pulau Pinang bukan senang. Mujurlah kita ada klinik-klinik persendirian, sakit seperti selsema, batuk dan sebagainya kita boleh dapat rawatan daripada klinik-klinik persendirian tetapi pada masa yang sama kita harus ingat bahawa bayaran-bayaran yang dikenakan oleh klinik-klinik persendirian pun meningkat secara mendadak. Kalau dulu dalam lima (5) tahun yang dahulu kita boleh dapatkan MC dan rawatan ubat-ubat untuk selsema dalam RM10.00, RM15.00 sekarang sudah mencecah RM35.00, kalau kita pergi mendapat rawatan daripada doktor.

Saya bukan nak menuduh, jangan salah faham niat saya walaupun saya fikir bayaran yang dinaikkan ini adalah sesuatu yang boleh dibela, sesuatu yang membebankan rakyat saya ingin menyeru kepada Dewan yang mulia ini, untuk memberi perhatian kepada masalah Hospital Besar Pulau Pinang yang saya rasa sudah menjadi begitu sibuk dan menjadi tempat yang boleh digeruni kalau kita ingin bawa ayah dan ibu warga emas yang kita sayang untuk mendapat rawatan kerana pada masa mereka sampai di hospital sehingga mereka berjumpa dengan doktor, sehingga mereka pergi mengambil ubat, akan mengambil sepanjang hari.

Isu kedua berkenaan dengan hospital adalah kesesakan tempat-tempat *parking*. Tidak ada tempat untuk kita meletak kenderaan. Kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat sendiri pergi hospital nanti untuk melawat, kalau tak ada *driver* pun memang susah. Kalau tidak ada *driver* pun memang susah. Sebabnya tidak ada tempat untuk kita meletak kenderaan dan tiap-tiap tempat meletak kenderaan itu dipenuhi, ada yang terpaksa meletak kenderaan berdekatan dengan Padang Polo. Di tepi jalan, dan berjalan dan melintas jalan, melintas jalan pun ada masalah juga kerana kenderaan-kenderaan di situ, maaflah di Pulau Pinang, walau pun ada tempat yang khas untuk mereka lintas, kita lihat kenderaan-kenderaan yang lalu di situ, selalunya laju dan mungkin berlaku kemalangan terutamanya kepada warga emas dan juga orang kurang upaya.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Minta laluan YB. Timbalan Speaker. Perkara yang telah disebutkan tadi berkaitan dengan kesesakan yang amat serius di kawasan hospital-hospital. Yang disebutkan tadi Hospital Besar dan yang terbaru, yang saya difahamkan di Hospital Seberang Jaya dengan penambahan blok-blok baru yang dianggarkan lebih kurang tambahan 316 katil. Sekarang ni kita tengok di Seberang Jaya walaupun belum lagi tambahan dibuat, sudah berlaku kesesakan yang cukup mendapatkan masalah kepada mereka yang akan membuat lawatan di hospital. Apatah lagi berlaku 316 buah katil, lagi tambahan dengan blok baru jadi apa pandangan YB. Seri Delima untuk tangani hal-hal yang berkaitan, masalah yang saya rasa, sekarang ni pun *parking* sampai di luar jalan dan menimbulkan lagi banyak masalah. Jadi apa pandangan YB. Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih YB. Permatang Pasir. Perkara ini adalah perkara yang agak *serius* kerana di Hospital Seberang Jaya seperti di Hospital Pulau Pinang, katil-katil diletakkan di kaki lima berdekatan dengan pintu masuk utama ke wad tersebut dan kita lihat juga bahawa tempat-tempat tersebut tidak begitu selesa, bukan sahaja tidak begitu selesa, pada masa yang sama pesakit itu tidak mendapat keadaan yang selesa. Kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat katakan terlantar di hospital Wad Kelas 3, bayangkan boleh menjadi saya (dengan izin)...*nightmare*, igauan kerana kita lihat dalam keadaan di situ begitu sibuk dan wad di situ adalah Wad Kelas 3, kita lihat pesakit-pesakit di situ juga terbiar, walaupun diberi perhatian, saya tidak salahkan doktor-doktor yang memberi rawatan tetapi tidak begitu selesa, tandas, bilik air dan sebagainya walaupun ada keadaan yang lama dan keadaan tidak begitu terurus.

Jadi mungkin cadangan saya untuk mempertimbangkan pembinaan hospital baru di Pulau Pinang tetapi pembinaan hospital itu haruslah di Pulau Pinang dan bukan di Seberang dan hospital itu perlu menempatkan pesakit-pesakit ICU kalau boleh di *ground floor*...(dengan izin). Supaya jika berlaku apa-apa kecemasan nanti, sekurang-kurangnya pesakit-pesakit di situ dapat di pindah keluar.

Saya di sini juga ingin berterima kasih di atas isu lain kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang seperti biasa telah memberi anugerah dan juga darjah kebesaran kepada pekerja-pekerja Majlis Bandaraya Pulau Pinang di mana jasa dan bakti mereka yang telah diberikan sejak ini walaupun mereka membuat kerja-kerja seperti membersihkan jalan raya dan parit. Ke semua mereka telah pun diberi darjah kebesaran sempena Hari Jadi T.Y.T. yang telah berlangsung baru-baru ini. Saya terpenggil untuk

mengucapkan ribuan terima kasih. Sesungguhnya ini saya fikir tidak dilakukan oleh kerajaan sebelum ini, sebelum 2008. Hanya selepas 2008 saja kita lihat darjah-darjah kebesaran yang mengenang jasa dan bakti pekerja-pekerja Majlis Bandaraya Pulau Pinang diberi perhatian. Sebelum ini ada?... (*gangguan*). Tak apa lah okey. Minta maaf lah kalau tersilap.

Pada waktu yang sama saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat-Yang Berhormat kepada masalah yang melibatkan satu kejadian baru-baru ini di Pulau Pinang yang telah mengejutkan Pulau Pinang, dengan izin. Kejadian di mana yang telah dipaparkan dalam surat khabar *The Star*, *The People's Paper*, di mana empat orang ditembak mati, kejadian di Batu Maung termasuklah seorang kanak-kanak yang berusia tiga tahun. Apa yang menarik dalam kejadian ini adalah yang menembak mati ke semua ini adalah pak cik sendiri. Yang ketika itu tidak dilayan apabila beliau meminta wang untuk tujuan mengambil dadah. Di sini saya ingin menyeru Kerajaan Negeri Pulau Pinang, EXCO berkenaan dan kalau hadir wakil-wakil daripada Polis Di-Raja Malaysia untuk memberi perhatian kepada masalah gejala dadah yang makin lama makin serius menular di Pulau Pinang. Bayangkan disebabkan oleh ketagihan dadah, keengganan ibu beliau memberi wang, beliau tergamak menggunakan senjata api menampar ibunya, adiknya, bapa angkatnya dan anak saudaranya yang berusia tiga (3) tahun. Saya di sini tidak menyelar pihak Polis Diraja Malaysia. Jangan salah faham saya. Banyak sangat tenaga digunakan oleh Polis Di-Raja Malaysia untuk mengambil dengan izin, maklumat tentang aktiviti-aktiviti lain seperti bila baru-baru ini dianjurkan konvoi Bersih, banyak sangat anggota yang dihantar untuk merakam gambar, menyiasat, buang tenaga, sepatutnya tenaga itu digunakan oleh Polis Di-Raja Malaysia untuk mengambil tindakan-tindakan untuk mengelakkan kejadian-kejadian seperti ini berlaku. Setiap kali baru-baru ini satu minggu yang lalu, saya sibuk kerana saya terpaksa hadir di IPD Jawi, sebab YB. Jawi, ada anggota polis yang membuat *report* berkenaan dengan penglibatan beliau semasa mengedar risalah Bersih. Saya dengan YB. Jawi dan Ahli Majlis terpaksa pergi ke IPD Jawi pada pukul 5.00 petang disoal siasat sehingga pukul 8.00 malam. Memang layanan baguslah, *mineral water* dan biskut diberikan. Pegawai di situ memberitahu mengikut arahan pegawai-pegawai daripada Bukit Aman dan di sini di Pulau Pinang ada lagi akan dipanggil saya difahamkan. Yang semuanya memakai baju Bersih yang terlibat dalam risalah mengedar. Persoalannya adalah mengapa begitu banyak tenaga digunakan untuk menyiasat perkara-perkara sebegini? Bukankah sepatutnya anggota-anggota melibatkan diri merisik maklumat-maklumat, dalam kes ini persoalan saya bagaimanakah beliau memiliki senjata api tanpa diketahui oleh pihak Polis. Bagaimanakah senjata api itu boleh sampai di Pulau Pinang, di Malaysia dan ini bukan satu saja kejadian.

Satu lagi kejadian yang saya ingin merujuk kejadian yang berlaku di Melaka. *One killer, three dead, three injured* satu keluarga di Melaka di mana Puan Maria, suaminya Hassan Wahab, anak mereka Mohamad Bashir dan seorang anak perempuan Nor Akilah Aina, semuanya dibunuh akibat seorang yang tinggal di rumah mereka sendiri, sebab ketagihan dadah, sebab tidak diberi layanan untuk membeli dadah.

Ini adalah satu lagi, bukan perkara yang saya sendiri mereka tetapi tercatat dalam suratkhbar *The Star*, dengan izin. Perkara yang berlaku disebabkan oleh ketagihan dadah, dua keluarga telah musnah. Jadi saya, Timbalan Yang di-Pertua, ingin menyeru di sini merayu kepada pihak Polis Di-Raja Malaysia, sampaikan maklumat ini kepada Ketua Polis Negara, sampaikan maklumat ini kepada OCPD. OCPD di sini baik orangnya, Tuan Meor, saya tahu baik orangnya. Saya perlu puji kerana beliau apabila dimaklumkan tentang kejadian-kejadian di kawasan saya, memberi perhatian tetapi perkara yang begitu memusykilkan, adalah mengapakah pihak Polis Di-Raja Malaysia selalu sangat menumpukan perhatian dan tenaga menyiasat perkara-perkara yang tidak begitu memberi manfaat. Bukankah tenaga itu dan anggota-anggota yang terlibat boleh digunakan untuk mengesan ataupun mengintip ataupun menyiasat tentang kejadian-kejadian melibatkan penagihan dadah dan penyalahgunaan senjata api?

Perkara kedua adalah berkenaan dengan penyalahgunaan senjata api. Mungkin kejadian ini adalah kejadian yang tidak terlibat tetapi satu lagi kejadian di mana seorang wanita ditembak mati. Kejadian ini berlaku di Jalan Klang Lama. Seorang wanita, beliau ditembak mati di tempat terbuka dan anaknya berusia lapan tahun itu juga terkena tembakan dan dibawa ke hospital dalam keadaan yang teruk, telah dirawat dan telah pulih, saya difahamkan. Jadi dua perkara, satu adalah...(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Beri laluan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sila.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Terima kasih YB. Seri Delima memberi laluan kepada saya. Saya sebenarnya tersentuh juga berkenaan dengan senjata api. Jadi Yang Berhormat sebagai pengamal undang-undang tentunya faham untuk memiliki senjata api, kita perlu membuat permohonan yang sah. Jadi mereka yang membuat permohonan yang sah tentulah mempunyai alasan-alasan yang sah dan terdiri daripada Warganegara-warganegara Malaysia yang mengamalkan perbuatan yang baik. Sebagai contoh, ada di kalangan Yang Berhormat yang memohon senjata api untuk *protection* diri dan sebagainya. Isu sekarang persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat, kenapa Polis tidak tahu dia ini ada senjata api? Jadi senjata api ini ada dua, Yang di-Pertua. Pertama, kalau kita hendak minta secara sah, tentulah pihak Polis akan dapat maklumat siapa yang memiliki, siapa yang memohon dan sebagainya. Yang kedua ini, memiliki secara tidak sah. Bila secara tidak sah ini tentulah mereka mempunyai motif yang berbeza, untuk merompak, untuk menjadi gengster dan sebagainya.

Jadi berbalik kepada persoalan Yang Berhormat, tentulah tidak adil kalau kita hendak menunding jari kepada setiap pihak Polis mengatakan kenapa Polis tidak tahu dia ini memiliki senjata api yang tidak sah. Nama pun tidak sah, tentulah tidak ada permohonan yang dibuat secara sah, pertama. Kedua berkenaan dengan dadah. Pembunuhan ini dilakukan oleh seorang insan yang dipengaruhi oleh dadah dan dadah ini kita faham bukan sahaja masalah di Malaysia, malah seluruh dunia sampai kepada tindakan yang diambil oleh Negara Filipina, tidak mahu memikir lagi, ditangkap ada NGO kata jangan dihukum gantung, jangan dihukum bunuh, jangan ditembak, simpan dan dibebaskan dan benda ini berulang. Tetapi di Filipina hari ini, Yang Berhormat pun faham tindakan yang diambil cukup drastik, tembak sahaja. Semua pengedar, semua pembekal dan sebagainya. Tetapi di Malaysia, kita telah ada undang-undang tentang dadah. Banyak undang-undang kita yang termasuk 39(b) yang mengatakan bahawa kalau kita mengekang dari peringkat atas sampai ke bawah. Pengedar kita gantung sampai mati. Penagih kita masukkan ke pusat khidmat, sudah sembuh, keluarkan, dia masuk balik. Tetapi isunya hari ini ialah dalam suasana yang keadaan kerajaan cuba menentang ataupun mengepung penularan dadah ini, ada juga di kalangan kita yang masih merasakan simpati kepada pengedar dan sebagainya, minta supaya hukuman gantung pada pengedar ini dijatuhkan hukuman penjara seumur hidup sahaja sebab mereka juga manusia dan sebagainya tetapi kita tengok dengan gantung pun masih mereka melaksanakan program ini. Kalau sekadar hendak simpan sebagai, buat habis beras sahaja, YB. Permatang Berangan kata sebab itu kita tengok kesan Yang Berhormat. Bila jadi penagih dadah, dadah hari ini sampai membunuh ahli keluarga. Jadi dadah ini adalah musuh negara bukan sahaja kepada Kerajaan Negeri malah Kerajaan Malaysia malah seluruh dunia. Jadi saya harap kita sama-sama di sini, kita menentang sebarang usaha untuk menghapuskan hukuman gantung dan sebagainya bagi orang yang mengedar dadah. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya tertarik perkara ini sebab dua-dua ini peguam. Saya sokong sebelah sinilah, sana kurang sikit. Saya hendak tanya Yang Berhormat, sebagai seorang peguam, kes-kes dadah ini, pengedar yang bawa ke mahkamah dan saya tidak faham sebab (dengan izin)...*innocent until proved guilty*, itu motto yang kita pakai dan kepada Yang Berhormat sendiri sebagai seorang peguam, Yang Berhormat apabila tengok kes, Yang Berhormat sendiri boleh perasan ini pengedar yang sebenar ke, ini penjenayah yang sebenar ke? Ada juga kes-kes, berapa banyak kes-kes begini walaupun Yang Berhormat rasa dia bersalah Yang Berhormat sendiri ambil pendekatan untuk membela orang-orang yang macam ini semenjak Yang Berhormat jadi peguam sampai sekarang, berapa ramai mereka ini?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan berikan jawapan kepada dua-dua masalah. Satu, kita sebagai peguam, Yang Berhormat faham, dengan izin, bukan membela tertuduh untuk menggunakan ungkapan Mendiang YB. Karpal Singh, *we don't defend the accused...*(dengan izin), *we are defending the law*. Apa yang saya maksudkan ialah bila seseorang itu dituduh dengan kesalahan mengedar umpamanya, di mahkamah kita memastikan bahawa pihak pendakwaan mengemukakan bukti yang sah

mengikuti lunas-lunas undang-undang di mana mahkamah di akhir perbicaraan itu akan memutuskan sama ada beliau adalah bersalah dan patut disabitkan ataupun tidak. Itu adalah jawapan saya, pertama. Kedua di sini, walaupun saya merupakan seorang Peguam Bela yang menceburi undang-undang jenayah dan pembelaan tertuduh di sisi undang-undang jenayah, saya juga mempunyai tugas sebagai seorang wakil rakyat untuk menyeru pihak Polis supaya melaksanakan ataupun mengambil tindakan-tindakan *intelligence*...(dengan izin), kita menggunakan istilah *intelligence* iaitu menyoal siasat ataupun menyiasat kerana di sisi undang-undang, kalau seseorang itu didapati terlibat dalam aktiviti pengedaran dadah, tindakan pencegahan boleh diambil di bawah Akta Dadah Merbahaya, Langkah-langkah Pencegahan Khas,....(dengan izin), *Special Preventive Matters* di mana jikalau terdapat bukti *intelligence* yang menunjukkan bahawa seseorang itu terlibat dalam aktiviti pengedaran dadah, beliau boleh ditahan, disiasat dan dihantar ke pusat pemulihan akhlak di mana beliau akan ditahan selama dua (2) tahun dan kemudiannya dua (2) tahun sehinggalah enam (6) tahun. *Pusher*...(dengan izin), seorang yang terlibat dengan aktiviti pengedaran dadah. Sebabnya saya membawa perkara-perkara ini dalam Dewan yang mulia ini adalah saya berpendapat bahawa kita boleh mengelakkan tragedi ini yang boleh berlaku kepada sesiapa sahaja, *it can happen to anyone*...(dengan izin). Bayangkan kalau kejadian yang saya dimaklumkan salah seorang daripada rakan saya yang telah pergi bersama-sama dengan isteri untuk mengeluarkan wang daripada mesin ATM lebih kurang pada jam 10.30 malam ketika beliau sedang melangsungkan perjalanan daripada Sungai Petani ke Johor Bahru. Selepas keluar makan di Batu Pahat, beliau ingin patah balik, masuk ke dalam lebuh raya, sebelum itu beliau telah pergi ke mesin ATM dan di situ beliau telah diserbu oleh dua (2) orang penjenayah yang mengeluarkan pisau dan daripada cara perwatakan penjenayah tersebut jelas sekali beliau dalam keadaan berkhayal, *high*, mungkin mabuk, mungkin dadah, itu kita tidak pasti. Dan beliau sedar pada ketika itu jikalau beliau tidak menyerahkan dompet dan wang tunai kemungkinan beliau atau isteri beliau mungkin sudah dibunuh malam itu. Sebab itu saya mengatakan, memang di Dewan ini kita lihat semuanya teratur, keadaannya begitu, *it's too ideal*...(dengan izin). Tetapi kita telah sampai ke tahap di mana perkara yang telah saya tunjukkan dalam suratkhobar, bayangkan kedua-dua keluarga ini kehilangan anggota keluarga yang tersayang. *Two (2) families, one (1) in Penang and the other one in Malacca*. Apakah kesalahan yang telah mereka lakukan?

Kita lihat baru-baru ini sebabnya, *while since* saya tidak mahu membangkitkan perkara ini, *but I am now positioning to you now since you ask me*...(dengan izin). Semasa perhimpunan aman Bersih di Kuala Lumpur, ramai sangat anggota Polis berada di tempat tersebut. Ia adalah perhimpunan aman. Kami tidak membawa apa-apa senjata pun pada hari tersebut tetapi ramai sangat anggota Polis yang telah dikerahkan ke tempat tersebut. Ada yang datang dari Pulau Pinang, Johor Bahru, ada yang datang daripada Pahang, negeri-negeri berdekatan, untuk apa? Sebab apa? Benteng-benteng telah diletakkan, macam-macam telah...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Terima kasih YB. Seri Delima. Saya ingat YB. Seri Delima tadi hendak bangun kata terima kasih kepada pihak Polis kerana kehadiran pihak Polis yang ramai itulah yang mengekang, mengawal, memastikan bahawa kejadian-kejadian tidak diingini dan rusuhan tidak berlaku. Sepatutnya kita berterima kasih kepada pihak Polis bukan mengatakan bahawa terlalu ramai Polis yang ada dan saya percaya pihak Polis pun banyak tugas lain yang hendak dibuat. Banyak lagi, ini mereka semua kena dikerahkan untuk menjaga, memastikan negara selamat dan kita semua selamat. Kita patut berterima kasih kepada Polis.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat, saya bukannya tidak berterima kasih, saya berterima kasih tetapi pada masa yang sama, saya berpendapat masalah pada hari itu takkan berbangkit. Nombor satu kerana, ya tidak akan berbangkit kalau nasihat ini Yang Berhormat, nasihat Yang Berhormat, saya terima nasihat itu. Kalau nasihat yang sama yang diberikan oleh Yang Berhormat yang saya sedia terima walaupun saya Parti DAP, Yang Berhormat dari Parti UMNO. Kalau Yang Berhormat sendiri dapat menasihatkan Baju-baju Merah dari UMNO supaya tidak hadir dan kacau ganggu pada hari itu, adakah mereka sudi mendengar nasihat?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Penjelasan. Seronok juga. Yang Berhormat, kalau kita terbalikkan, terbalikkan sendiri ungkapan Yang Berhormat itu, kalaulah yang Kuning itu tidak membuat perhimpunan itu, bukankah semua selamat? Terbalikkan sahaja. Yang Berhormat ini masalah, tunggu *election*. Mengapa hendak kumpulkan orang, hendak bawa pergi sana, kualiti hidup hari Sabtu, hari minggu, peniaga rugi, sebab apa? Terbalikkan, nasihat jangan pergi. Kalau cara yang macam itu, saya rasa tidak ada masalah. Siapa yang mula dahulu? Siapa yang buat dahulu? Sebab kita semua, seorang pun tidak pergi. Saya tengah cari gambar Yang Berhormat ada tidak, saya tengok, saya tunggu tengok gambar Ketua Menteri ke, tetapi saya tidak nampak. Saya dapat gambar Yang Berhormat saya hendak bawa, nasib baik tiada.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Minta laluan YB. Seri Delima. Saya faham YB. Seri Delima, bagi YB. Seri Delima apabila diadakan perarakan Bersih kenapa ramai pihak Polis *dimobilize* oleh pihak kerajaan, PDRM untuk mengawal. Apa perlunya? Sebab di pandangan YB. Seri Delima, ahli-ahli Bersih adalah tidak akan melakukan sebarang tindakan provokasi dan sebagainya. Tetapi sedarkan Yang Berhormat bahawa perhimpunan kali ini berbeza? Selain daripada kuning, ada pula yang berwarna merah. Jadi keputusan kerajaan, kita *mobilize*kan ini semua adalah supaya keamanan dipelihara, keamanan dijaga supaya tidak berlaku sebarang benda-benda yang tidak elok. Itu tujuan kerajaan dan pihak Polis, saya bersetuju dengan pandangan oleh YB. Telok Ayer Tawar, Polis pun banyak kerja lain hendak buat cuma kita kena faham, Yang Berhormat apabila suasana tidak terkawal maka mereka akan bertindak di luar normal batasan dan ini akan membuatkan mereka membuat malah pihak Polis pun berada dalam keadaan tidak selamat. Kalau seorang Polis cuba selesaikan 10 orang dalam sebarang kejadian, dia sendiri akan jadi mangsa. Kita kena letak jumlah yang ramai supaya kita boleh mencegah daripada awal lagi supaya di hati dan di fikiran setiap mereka yang berkumpul bahawa kita pada hari itu dikelilingi oleh pihak polis dan anggota-anggota keselamatan, itu sahaja.

Satu lagi saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat, itu bukan budaya Polis hendak datang ramai-ramai. Pada hari kemerdekaan, kita berkumpul ramai juga tetapi kita tahu semua datang itu dengan niat baik, tidak ada provokasi dan sebagainya, Polis tidak datang ramai-ramai pun. Perarakan Maulidur Rasul, kita berarak ramai-ramai, tidak ada Polis pun. Cuma dalam keadaan-keadaan tertentu yang memerlukan kawalan Polis, mereka kena datang. Tujuan dia *at the end of the day, the result* adalah untuk sesuatu yang positif. Yang Berhormat sendiri kita tengok hari ini tidak pakai koyok, tidak pakai plaster pun, menunjukkan Yang Berhormat selamat walau pun berada di kalangan mereka pada hari tersebut. Betul, Yang Berhormat? Terima kasih.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Hampir satu jam.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Ladies first.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya menyertai Perhimpunan Bersih, saya hendak sebut di sini...(gangguan), bukan saya sahaja, saya bersama keluarga saya. Saya hendak sebut di sini, permasalahan yang ditimbulkan oleh YB. Seri Delima adalah masalah dadah yang berleluasa keadaannya. Tetapi yang Perhimpunan Bersih itu hanya satu hari sahaja dan itu adalah mengikut Perlembagaan Negara dibenarkan sebagai rakyat Malaysia, kita dibenarkan berhimpun secara aman untuk menyatakan solidariti, kita tidak buat apa sebenarnya, kita hanya duduk di situ dan berjalan secara aman sesama kita. Kita hanya berkumpul hanya untuk menyatakan solidariti untuk satu pilihan raya yang bersih.

Saya hendak sebut di sini, jika di negara kita, Malaysia ini mempunyai pilihan raya seperti, contohnya, di Brazil sebab saya buat *post-doctorate* di Brazil. Di Brazil semua rakyat secara automatiknya, tidak perlu daftar undi, secara automatiknya adalah pengundi dan adalah menjadi kesalahan pula jika tidak mengundi. Di Brazil, jika dibandingkan dengan negara kita, cara pengundian itu, saya tinggal di Amazon semasa itu selama 45 hari, semasa pilihan raya diadakan di Amazon dan di seluruh Brazil, kotak mengundi itu disambung ke satelit. Jika kita tidak tahu baca pun, kita boleh nampak orang yang hendak kita undi itu dan kita akan tekan butang jika kita hendak undi orang ini, sangat mudah dan perkara ini masa saya buat *post-doctorate* pada masa itu tahun 2000 lagi. Di Brazil, semua orang yang menjadi calon itu boleh berkempen melalui TV dan yang bagusnyanya di Brazil tidak seperti parti itu kena ada dua blok sahaja iaitu Pakatan dan Barisan Nasional. Di sana mana-mana parti pun boleh masuk dan menang. Jika kita sebagai rakyat Malaysia menyatakan hasrat mahukan pilihan raya yang sebegini, saya rasa tidak ada salahnya, lagi pun hanya sehari saja.

Masalah dadah yang berlaku di Negeri Pulau Pinang dan Malaysia, terutama di kawasan kampung adalah masalah setiap hari. Di kawasan rumah saya juga, dua kali kereta saya dipecahkan semata-mata hendak curi *smart tag* untuk beli dadah. Pada waktu siang-siang hari penyamun tersebut boleh lari duduk menyorok di bawah meja saya, meja di rumah saya. Tapi saya berterima kasih pada Polis kerana mereka datang dan bertindak segera, itu siang hari. Ini menunjukkan di kawasan kita ini, masalah dadah walaupun ada hukuman yang sangat berat iaitu gantung sampai mati, kenapa orang masih boleh mengedar dadah.

Itu persoalan dan saya sangat menyokong dengan apa yang ditimbulkan oleh YB. Seri Delima, adakah ianya disebabkan oleh tekanan hidup? Di kawasan saya, bila saya ziarah, saya selalu buat lawatan rumah ke rumah. Di Pulau Pinang kita ada Jawatankuasa Kemiskinan, setiap bulan saya akan bawa kes-kes kemiskinan di Penanti dengan syaratnya ADUN dan JKKK kena sahkan. Bila saya pergi buat lawatan ini, saya dapati yang buat kerja dan mencari pendapatan di rumah itu adalah wanita. Kaum ibu dan isteri yang buat kerja, jaga anak dan cari rezeki, kaum lelaki tidur, tidak ada kerja hanya buat kerja-kerja kampung. Saya harap dengan ini Kerajaan Negeri memikirkan satu cara, sebab ianya nampak sebagai satu masalah yang kritikal. Mungkin disebabkan oleh kerana tidak ada pekerjaan, keadaan ekonomi dan tidak ada rasa tanggungjawab yang berlaku di kalangan anak-anak muda dan suami. Sebab itu dalam ucapan saya sebutkan di Mahkamah Syariah Pulau Pinang, kita ada Seksyen 61, gunakan Seksyen 61 itu untuk menguatkuasakan supaya orang-orang lelaki perlu bagi nafkah dan bukan saja duduk dan tidur. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Minta laluan YB. Seri Delima, sedikit sahaja. Saya sebenarnya kurang bersetuju kalau dikatakan bahawa kemiskinan adalah pendorong kepada dadah. Dadah tidak memilih sama ada miskin atau kaya, bagi saya ia bermula daripada pergaulan, bermula dengan kebebasan dan juga didikan yang tidak sempurna. Jika kemiskinan, orang miskin tidak mampu membeli dadah. Dadah ini mungkin melibatkan orang miskin jika pergaulan tidak betul, silap berkawan, menghadiri parti-parti malahan orang kaya sekali pun bila menghadiri parti mereka akan menghisap dadah. Ramai di antara kalangan orang kaya, bapa-bapa kaya mereka juga menghadapi masalah yang sama bila ada di kalangan ahli keluarga adalah penagih dadah. Bukan kemiskinan punca kepada dadah tetapi dadah tidak memilih sesiapa yang akan menjadi mangsa. Andai kata kita gagal mengawal institusi kekeluargaan itu daripada mula, kita sibuk dengan tugas kita sebagai Yang Berhormat menjaga rakyat kita terlupa menjaga anak-anak di rumah itu pun adalah salah satu punca di mana anak akan terjerumus. Dadah ini adalah satu benda yang cukup global dan besar dan ia memilih mangsa tanpa melihat keadaan. Kalau penyakit, itu lain, ia memilih orang-orang tertentu yang mendapat penyakit tetapi penyakit dadah ia tidak memilih sesiapa pun.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila membuat kesimpulan YB. Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Machang Bubuk, saya boleh beri lima (5) minit.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih Dato' Timbalan Yang di-Pertua. Tadi saya ada sebutkan tentang Perhimpunan Bersih. Apabila kita bercakap tentang Polis bukan kita menuduh pihak Polis, kita ucapkan terima kasih kepada Polis yang mengawal keselamatan. Masalahnya sekarang ialah siapakah yang mengarah Polis untuk menahan Pengerusi Bersih Marina Chin di bawah SOSMA. Apa kaitan Pengerusi Marina Chin berkaitan dengan aktiviti *terrorists*? Tidak ada langsung tetapi kenapa boleh berlaku begini? Baru-baru ini sebenarnya Menteri Pelancongan sendiri juga menyatakan demonstrasi itu baik untuk ekonomi negara, mengalakkan lebih ramai pelancong lagi. Memang pada hari itu pun kita nampak bisnes begitu pesat sekali di seluruh kota Kuala Lumpur. Menteri itu pun kata boleh anjurkan Bersih setiap bulan, dia sendiri mengalakkan rakyat untuk menganjurkan Bersih, apakah pandangan YB. Seri Delima berhubung... (gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kita buat Bersih di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Boleh, boleh, tidak ada masalah.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Pulau Pinang juga kotor.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Ya, terima kasih. Saya ingin menjawab kepada YB. Telok Bahang tadi, saya tidak hadir untuk Perhimpunan Bersih kerana pada pagi itu dalam perjalanan difahamkan bahawa ada 8 atau 9 orang ditahan akan dibawa ke Balai Polis Jinjang. Saya telah bersama-sama dengan YB. Bukit Gelugor dan beberapa orang peguam ke Balai Polis Jinjang untuk hadir dalam prosiding reman. Setelah selesai dalam pukul 3.30 petang saya telah balik ke Lapangan Terbang Antarabangsa di Subang kerana penerbangan saya pada pukul 6.00 petang, tidak sempat hendak pergi. Kalau sempat memang saya akan bersama-sama.

Perkara kedua, saya sedia terima teguran daripada YB. Telok Ayer Tawar, teguran yang begitu baik sekali. Teguran di mana kita tidak menyalahkan pihak Polis dan kena berterima kasih kepada pihak Polis. Tetapi adakah Yang Berhormat sendiri melihat adegan kita lihat dalam Youtube tindakan baju-baju merah yang merempuh Polis, yang bergaduh dengan Polis, malahan telah cuba menghentam Polis. Bolehkah Yang Berhormat memberi saranan yang sama kepada baju-baju merah supaya mereka menghormati Polis. Baju kuning tidak pernah melawan Polis, baju kuning dan kita sentiasa menyatakan bahawa kita menghormati Perlembagaan, menghormati pihak Polis, tidak bergaduh. Pada hari tersebut itu juga, dalam perhimpunan itu untuk makluman Yang Berhormat, semua lapisan masyarakat berada di situ, Melayu, India dan Cina, golongan tua pun ada, orang kelainan upaya pun hadir, kanak-kanak pun hadir, kita begitu mesra sekali. Malahan ada juga yang menyatakan bahawa mereka sama-sama duduk makan dengan anggota Polis. Anggota Polis tidak begitu merasa tertekan dengan baju kuning cuma tertekan dengan kehadiran baju merah. Nampak sahaja baju merah dalam kalangan kuning mereka terus terkejut walaupun baju merah itu berkawan dengan kita seperti Parti Sosialis, Arun dia pakai baju merah.

Bolehkah Yang Berhormat memberi saranan dan nasihat yang sama kepada baju merah supaya tidak mencabar Polis, supaya tidak bergaduh dengan Polis, tidak bertumbuk dengan Polis, lepas itu mengatakan Polis tumbuk saya, Polis tumbuk saya dan selepas itu menuduh pula Yang Berhormat menumbuk beliau. Saya terima saranan, saya akur dan menghormati Yang Berhormat, bolehkan saranan yang sama diberi kepada baju-baju merah yang mana kesemuanya adalah daripada kalangan pemimpin-pemimpin UMNO. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tidak faham. Saya ingat YB. Seri Delima sudah mengikuti dialog di media dan sebagainya memang semua pihak dah memberi nasihat kepada semua beberapa kumpulan tu kuning, merah menghormati undang-undang tak payah kita di sini *we have the law, this is the law* minta izin Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri kita dilindungi oleh undang-undang dan kita menghormati undang-undang jadi siapa yang tak mematuhi undang-undang tindakan perlu diambil tak kira pakai baju apa kerana kita nak menjaga keamanan dan kesejahteraan serta perpaduan. Apa yang berlaku ini hanya membuang tenaga kita *resources* kita dan banyak membawa gangguan kepada kestabilan. Orang semua jadi bimbang menjadi takut jadi bila dah ada situasi yang mengancam keselamatan tentu sekali tindakan-tindakan dan aktiviti yang dijalankan untuk memastikan bahawa keselamatan itu terjamin dan bila dah tak ada apa-apa berlaku semua orang rasa selesa dan lega dan kalau nak buat lagi sekali naik balik *stress* nya kepada rakyat kepada negara kita tak mahu situasi macam ni jangan ingat *tourist* seronok, seronok nak pergi ambil gambar dan yang lain-lain yang belum rancang datang tak mahu datang kalau berlaku kekecohan dan kemungkinan berlaku kekecohan jadi macam itu lah tak perlu saya rasa siapa memang dalam sistem kita dah diberi amaran supaya tidak berlaku masalah-masalah macam ni.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih Yang Berhormat, saya terima nasihat-nasihat teguran itu.... (gangguan)

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih kepada YB. Seri Delima dan juga Ketua Pembangkang kita YB. Telok Ayer Tawar, saya setuju dengan Ketua Pembangkang dimana kalau kita rakyat pun tak mahu berkumpul- kumpul dan juga pakai baju kuning, pakai apa warna atau tak pakai baju. Ini semua hasrat rakyat kerana saya rasai kalau hari ini pemimpin negara kita yang buat salah kena berundur kerana skandal 1MDB, kerana mata wang turun, ekonomi tak baik, pelabur semua lari, semua pelabur tiada, negara kita tak boleh lagi memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur, ekonomi tak baik rakyat susah maka rakyat rasai bahawa negara kita kena berubah. Negara kita di bawah pimpinan Barisan Nasional kena berubah, sudah tamatnya masa kita kena berubah. Jika kita bandingkan rakyat-rakyat di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak mereka ambil bayaran untuk kapal terbang *fees air ticket*...(dengan izin) Timbalan Yang di-Pertua Dewan, untuk datang Kuala Lumpur untuk berkumpul secara aman, hasrat mereka adalah satu pilihan yang bersih dan juga pemimpin-pemimpin Perdana Menteri kita kena berundur kerana skandal 1MDB tak boleh selesai dan tidak jawab dan inilah hakikatnya di mana rakyat semua bersatu padu matlamat yang sama kerana mereka mahukan satu kerajaan yang bersih untuk memimpin negara Malaysia, setujukah YB. Seri Delima?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya di sini ingin mengatakan bahawa saya menerima dua-dua pandangan yang telah diberikan mungkin saya juga ingin mengatakan bahawa *for the record* memang saranan yang baik yang perlu kita pertimbangkan, YB. Telok Ayer Tawar saya rasa memang itu saranan yang bagus tetapi cuma masalahnya adalah saya pasti daripada kalangan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada barisan sebelah sana di Pulau Pinang tidak ada yang terlibat dengan baju merah dan mungkin tidak ada apa-apa gambar yang kelihatan bersama-sama baju merah. Setakat itu saya mengatakan bagus lah tapi masalahnya adalah bila gambar-gambar pemimpin-pemimpin baju merah ini kelihatan dalam laman-laman web secara terbuka tersiar itu menyebabkan satu persepsi yang tidak begitu baik persepsi serong terhadap parti Yang Berhormat-Yang Berhormat dan saya tidak mahu menunjukkan gambar-gambar tersebut walaupun saya ada di sini, yang gambar baru diambil di mana Jamal itu berjumpa dengan Ismail Sabri Yaacob di Parlimen, ini adalah gambar yang ditunjukkan kepada kami, gambar-gambar di mana pemimpin baju merah itu jelas kelihatan bermakan malam bersama dengan Khairy Jamaluddin, ini adalah gambar yang ada ini bukan *photoshop, it very clearly cut*. Saya tak ingin membuat sebarang tuduhan dan gambar yang begitu mengejutkan adalah gambar Jamal sedang makan durian bersama-sama dengan Perdana Menteri dan Noh Omar selepas gambar ini... (gangguan). Bukan saya mengatakan tidak boleh kawan Yang Berhormat tapi masalah Yang Berhormat adalah masalahnya....(gangguan). Kalau saya dengan Yang Berhormat Sg. Acheh duduk sekali...(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Minta laluan sikit, satu minit! Gambar kalau nak disimpulkan kita boleh membuat berbagai andaian. Pada hari kedua persidangan viral gambar Dato' Jahara makan bersebelahan dengan Y.A.B. Lim Guan Eng, Air Putih masuk dalam *whatsapp* semua, jadi di tulis di situ di bawah rakyat ingat mereka berdua bergaduh rupanya boleh berkawan sekali, itu sahaja. Hanya sebab makan di dalam Dewan gambar Dato' Jahara minum bersebelahan dengan Air Putih Ketua Menteri rakyat buat andaian sebenarnya yang dibincangkan pun tentulah benda-benda yang tersendiri itu saja, begitu juga untuk kita bila YB. Khairy Jamaluddin buat berbagai-bagai kenyataan marah pada baju merah minta supaya benda ini tak dilaksanakan, Dato' Seri Zahid Hamidi sekali pun melarang diadakan sebarang tetapi pada masa yang sama untuk mereka menghadiri majlis untuk minum dengan mereka tak bermakna saya menyokong apa yang mereka laksanakan tidak, so gambar jangan lah dianggap sebagai pemutus segala-gala andaian kita, ini salah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Ini gambar YB. Telok Ayer Tawar dengan Ketua Menteri itu memang telah menjadi viral, tapi tidak ada sebarang desas-desus yang negatif kerana YB. Telok Ayer Tawar adalah Ketua Pembangkang yang dihormati....(gangguan). Betul, betul...(ketawa), tapi gambar itu tidak menyebabkan sebarang persepsi yang negatif kerana YB. Telok Ayer tawar adalah seorang yang Ketua Pembangkang yang dihormati.... (gangguan) seorang Ketua Pembangkang yang kita menghormati dan seorang Ketua Pembangkang yang sangat-sangat dihormati. Jadi gambar beliau Yang Berhormat dengan Ketua Menteri yang kita hormati, yang sangat-sangat kita hormati tidak menyebabkan sebarang persepsi negatif yang menjadi masalah YB. Bertam adalah gambar seorang yang selalunya mencetuskan kontroversi yang selalunya membuat kenyataan-kenyataan yang disifatkan kenyataan perkauman yang menggesa supaya berlakunya rusuhan dan beliau ini kelihatan begitu selesa duduk dengan orang-orang kenamaan bukan parti lain parti Yang Berhormat sendiri itu yang menyebabkan masalah saya kalau dengan Yang Berhormat duduk makan sekali tak jadi masalah yang menjadi masalah adalah gambar ini. Itu yang saya nyatakan kalau nasihat ini boleh diberikan kepada Ketua UMNO cawangan di Bagan, Jamal, Sungai Besar. Mungkin perkara-perkara yang berbangkit ini sudah besar mungkin boleh, di Bagan Datok. Boleh dielakkan daripada berlaku dan saya di sini juga ingin tegur YB. Telok Ayer Tawar perkara ini saya tujukan YB. EXCO dan kepada pegawai-pegawai Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang kalau hadir satu gambar yang viral menunjukkan bahawa baju-baju merah ini keluar daripada Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang di Tepian Gelanggang, di hadapan USM. Macam mana persoalan saya adalah mereka dibenarkan untuk berkumpul di situ?

Saya tak mahu masuk kepada topik lain yang berkenaan dengan salah seorang yang terlibat itu dilanggar mati apabila pulang daripada perhimpunan tersebut dan telah menemui saya untuk mendapat khidmat nasihat saya untuk saman Jamal. Saya akan dedahkan perkara itu di luar bila menfailkan prosiding mahkamah nanti tapi di sini mereka dibenarkan untuk berkumpul di Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang saya ingin tanya kepada kakitangan Jabatan Belia Dan Sukan Pulau Pinang, macam manakah perkumpulan baju merah dibenarkan untuk berkumpul di situ, tempat itu adalah tempat untuk riadah sukan, ada macam-macam gelanggang di situ gelanggang futsal, gelanggang tinju ada, bola sepak ada, macam-macam tempat sukan disediakan. Apakah sebabnya mereka dibenarkan untuk berkumpul disitu bersama-sama untuk membuat rondaan di kawasan-kawasan sekitar di Pulau Pinang.

Ini adalah persoalan yang saya ingin tanya. Saya akan terima nasihat YB. Telok Ayer Tawar, memang baik nasihatnya, kali pertama dalam sejarah Dewan Undangan Negeri, Seri Delima setuju dengan YB. Telok Ayer Tawar dan mungkin saranan ini Yang Berhormat boleh memberikan juga kepada Jamal Ketua Cawangan UMNO Sg. Besar.

Isu yang akan saya bangkitkan seterusnya adalah berkenaan keadaan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang saya telah membangkitkan perkara ini apabila ucapan yang dibuat oleh YB. Bagan....(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Seri Delima, boleh kita sambung nanti, selepas rehat.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Boleh, YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan, bersambung semula pada petang ini jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari.

Dewan bersidang semula pada jam 2.30 petang.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Timbalan Dewan Undangan Negeri:

Dewan disambung semula dipersilakan Ahli Kawasan Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua. Sebelum kita tangguh tadi saya telah menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada masalah yang dihadapi semasa hujan lebat di Lapangan Terbang Antarabangsa di Pulau Pinang. Setiap kali Dewan bersidang saya juga dapat mengutip berita. Kalau sidang yang dahulu pada bulan Mei saya menunjuk di Dewan yang mulia ini satu petikan surat khabar akibat daripada banjir yang menyebabkan hujan lebat yang menyebabkan banjir di dalam atau di luar Lapangan Terbang Antarabangsa. Kali ini pula kita dikejutkan dengan satu paparan dalam Surat Khabar The Star yang menunjukkan dengan jelas di dalam Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang di mana air jelas sekali bertakung dan ini telah memberi liputan seluruh negara *national coverage* di mana seluruh Malaysia dapat melihat keadaan dalam Balai Ketibaan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang di mana bertakung dengan air.

Saya merasa sungguh malu kerana ini menunjukkan keadaan di Pulau Pinang ataupun keadaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang di mana selepas begitu banyak wang yang banyak dibelanjakan dalam laporan ini wang yang dikatakan dibelanjakan adalah RM250 juta untuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Walaupun begitu banyak wang yang telah dibelanjakan keadaan di dalam Lapangan Terbang Antarabangsa masih lagi teruk malahan lebih teruk daripada keadaan sebelum kerja-kerja menaik taraf dibuat. Saya ingin tanya kepada EXCO berkenaan YB. Bagan Jermal atau mana-mana EXCO berkaitan bagaimanakah perkara ini boleh berlaku, Nombor 1. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengelakkan perkara ini daripada berlaku? Dan nombor 3, sama ada Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan dari masa ke semasa memantau keadaan dan juga kerja-kerja yang dilaksanakan terutamanya kerja-kerja berkenaan dengan penambahbaikan penaikan taraf kerja-kerja berkenaan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa maklumlah Pulau Pinang adalah sebuah negeri yang bergantung sangat kepada punca pendapatan daripada kedatangan pelancong.

Dan sekarang kita sedar dewasa ini bahawa pelancong-pelancong dari Asia Barat banyak juga yang datang ke Pulau Pinang cuma ketika mereka sampai nanti kalau melihat keadaan Lapangan Terbang Antarabangsa kita yang tenggelam timbul dalam air ia akan menyebabkan persepsi begitu buruk kepada industri pelancongan di Pulau Pinang. Perkara ini saya merayu sangatlah untuk diberi perhatian dan banyak juga maklum balas yang kita terima bahawa pekerja-pekerja yang digaji oleh kontraktor-kontraktor, yang digaji oleh Kerajaan Persekutuan selepas tender dikeluarkan semuanya adalah pekerja-pekerja asing yang mungkin tidak mempunyai kemahiran dan hanya sekadar melaksanakan kerja ini seperti melepaskan batuk di tangga. Hanya sekadar *cosmetic changes* di mana ciri-ciri teknikal seperti saliran air keluar, seperti takungan air, kolam-kolam tadahan di kawasan berdekatan, semuanya tidak diberi apa-apa perhatian. Dan saya rasa sungguh malu apabila pergi menyambut kaum keluarga saya yang datang daripada New Zealand secara kebetulan satu hari selepas kejadian ini di mana keadaan

bumbung di Lapangan Terbang Antarabangsa ini masih lagi bocor dan kelihatan juga, baldi-baldi diletakkan di dua, tiga tempat untuk mengelakkan pelancong yang datang daripada tergelincir disebabkan air ini dan jatuh.

Dan bila ditanya *is this the standard of your International Airport in Penang?* Maklumlah mereka ini yang datang daripada Pulau Pinang tidak ada masalah bila kahwin tu orang putih, jadi bila orang putih tanya *is this the standard of your International Airport in Penang? I mean you say your government has done so much, is this the standard?* Mereka tidak memahami bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa ini berada di bawah Kerajaan Persekutuan, Malaysia Airport dan sebagainya *the supranational operational powers...*(dengan izin). Jadi saya walaupun EXCO berkenaan mungkin menjawab bahawa beliau akan cuba memantau kerja-kerja penambahbaikan dan sebagainya dibuat oleh Kerajaan Persekutuan, saya rasa *more initiative, there must be more initiative* (dengan izin) EXCO berkenaan perlu....(dengan izin) melaksanakan tanggungjawabnya dengan iniatif yang lebih kuat untuk memastikan bahawa kejadian ini tidak berulang dan tidak berlaku.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Minta penjelasan, YB. Dato' Timbalan Speaker. Tadi saya tertarik dengan ucapan Ahli Kawasan Seri Delima berkenaan selalu memetik The Star, tetapi saya minta supaya YB. Seri Delima lebih *headline* hari ini saya baca *under water*. Seorang wanita terendam dalam air saya baca *title* tajuknya *Floods have claimed two victims in Penang and Kedah...*(dengan izin), *and heavy downpours are forecast in four states. Several Penang rivers will be dredged as the state, which has already been hit by floods five times in three weeks, braces for more.* Saya baca dari muka depan sampai muka belakang saya pun tidak tahu gambar ini diambil berlaku di mana saya baca dan tidak tahu gambar ini di mana tak ada sumber gambar.

Dan kebetulan saya baca *The Sun* pula gambar yang sama *The Sun, A residence standing in chance its flood water inside a home in Grik, Perak* so *The Star* telah memberikan satu inspirasi ini berlaku di Pulau Pinang yang sebenarnya berlaku di Grik, Perak. *It is a MCA newspaper, it is not The People's Paper.* Saya beri amaran kepada Ahli Kawasan Seri Delima jangan guna slogan itu dalam Dewan ini. *MCA newspaper* memberi inspirasi kepada semua pembaca satu Malaysia bahawa ini di Pulau Pinang tidak beri pun sumber lokasi banjir itu. *The Sun tagline* dia "*It is The Sun*" memberitahu kita bahawa gambar ini di Grik Perak. YB. Seri Delima jangan *code* lagi baca Surat Khabar The Sun, Surat Khabar Malaysia Kini dan sebagainya jangan bergantung kepada *MCA newspaper*.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta penjelasan, di sini telah dinyatakan seorang mangsa di Negeri Pulau Pinang akan tetapi selepas siasatan terdapat bahawa mangsa itu sedang bekerja atas dia punya tongkang. Dia jatuh dalam laut pukul 10.00 lebih mayat terjumpa pada lebih kurang 12.30 tengah malam. Akan tetapi banjir adalah pada pukul 1.30. Itulah *the excellence of Star*. Iaitu kata kalau nak tulis cerita macam ini *try better luck not much of this* kerana semua orang Pulau Pinang tahu semua tahu bahawa pukul berapa hujan, pukul berapa banjir dan lain-lain dan di sini dia kata *the victims of flood. Flood* di mana atas tongkang, tongkang di mana dalam Perai river, dia jatuh tidak ada hujan dia sudah jatuh *that is the reason why they come to the extend of even try to express their political view to run out Pulau Pinang and where is their intellectual and in their dignity.* Janganlah baca The Star.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih saya terima teguran daripada Yang Berhormat daripada Sungai Puyu dan YB. Air Itam tetapi kalau boleh saya nak juga kalau boleh nak membela *The People's Paper* sikitlah bukan banyaklah. Sikit sebab walaupun ia adalah satu surat khabar yang mungkin ditaja oleh MCA saya percaya terdapat wartawan-wartawan yang masih berkhidmat dalam The Star yang cuba memberikan berita yang sebenarnya.

Mungkin tersilaplah gambar yang diambil yang telah dipaparkan dalam surat khabar ini. Ataupun mungkin disengajakan tetapi daripada surat khabar yang saya pegang ini memang ini jelas gambar di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang tidak tersilap. Mungkin ada pihak-pihak tertentu dalam The Star yang cuba memberi gambaran atau persepsi yang lain tentang Pulau Pinang tetapi Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Liow Tiong Lai....(gangguan).

Terima kasih Yang Berhormat saya jawab bagi pihak Kerajaan Persekutuan. Macam Menteri. Terima kasih. Tetapi saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat yang berkenaan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang ini saya rasa cukup sedihlah keadaan memang teruk dan belum berlaku apa-apa kemalangan di situ seperti kemalangan lintar pintas....(dengan izin) *short circuit* yang boleh menyebabkan kebakaran atau pun tergelincirnya warga emas akibat lantai yang licin yang boleh menyebabkan apa-apa kemalangan jiwa dan sebagainya. Jadi saya minta EXCO berkenaan untuk memberi perhatian. Satu lagi cerita yang dipaparkan dalam Surat Khabar The Star...(dengan izin) *The People's Paper* minta maaf ya, saya rujuk untuk seketika. Adalah berlaku kebocoran di atas salah sebuah feri di Pulau Pinang dan ini adalah berita yang mengejutkan yang secara tiba-tiba ketika feri itu masih lagi berlayar daripada Seberang ke Pulau Pinang sebelum sampai ke pelabuhan kebocoran ini telah berlaku air dengan jelasny kelihatan di dalam feri.

Saya telah membangkitkan kerisauan saya di atas feri-feri yang digunakan di Pulau Pinang pada sidang Dewan yang lalu di mana saya menarik Dewan yang mulia ini kepada permit keselamatan atau lesen keselamatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan atau pun Kementerian berkenaan di atas kerja-kerja penyelenggaraan dibuat ke atas feri ini untuk menentu sahkan keselamatan feri tersebut. Maklumlah saya mengulangi sekali lagi sikap orang-orang di Malaysia adalah sikap mudah lupa. Sikap tidak mahu ambil berat sehingga perkara itu berlaku ke atas diri kita sendiri. Saya memang tidak mahu kejadian ini berlaku YB. Dato' Speaker, *touch wood we don't want it happen to anyone of us* tetapi jika kita berada dalam feri tersebut kita lihat feri itu mula tenggelam apa yang akan berlaku belum berlaku lagi tetapi jika berlaku perkara itu sehingga menyebabkan kehilangan nyawa, kehilangan Warga Emas dan anak-anak dan sebagainya siapakah yang akan bertanggungjawab dan saya difahamkan semua feri-feri yang berkhidmat sekarang adalah lebih kurang 30 tahun dengan izin, lebih usianya lebih daripada 30 tahun dan saya menyeru kepada EXCO berkenaan untuk memberi perhatian kepada dua-dua perkara ini iaitu masalah yang timbul di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan juga Feri kerana seperti yang telah saya ulang kali menyatakan ada yang datang ke Pulau Pinang semata-mata untuk naik feri kerana tidak pernah mengalami pengalaman naik feri bersama-sama dengan kenderaan dan kalau ada wakil-wakil Penang Port, Pelabuhan Pulau Pinang yang hadir di Dewan yang mulia ini meminta mereka bersama-sama memikul tanggungjawab ini untuk memastikan bahawa kita tidak mengambil sikap sambil lewa kerana keselamatan nyawa pengguna-pengguna feri adalah begitu penting dan cuma kerana perkara ini tidak berlaku dan kita fikir tak akan berlaku kita tidak mahu perkara ini diambil pandang ringan.

YB. Dato' Timbalan Speaker saya sekarang beralih kepada satu lagi isu iaitu berkenaan dengan masalah yang melibatkan Aedes dan Zika. Kejadian terbaru saya difahamkan dilaporkan di Johor Bahru, di Putrajaya dan juga di Sabah kerana saya difahamkan pesakit-pesakit yang telah dijangkiti penyakit Zika ini telah pergi ke Singapura di mana daripada Singapura kerana Singapura melaporkan banyak kes Zika. Jangkitan ini telah merebak kepada yang tinggal di Johor Bahru dan di Putrajaya kerana semasa mereka pergi melawat kaum keluarga di Singapura perkara ini jangkitan ini telah berlaku dan saya ingin bertanya kepada EXCO yang berkenaan sama ada apa-apa langkah-langkah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang ataupun Jabatan Kesihatan untuk memberi perhatian kepada...(dengan izin) tapisan ataupun *screening* yang akan dilakukan atau yang sepatutnya dilakukan di pintu-pintu masuk seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang kerana perkara ini adalah perkara yang serius kita belum habis dapat menangani masalah jangkitan Aedes sekarang pula datangnya Zika dan masalah Zika ini saya percaya adalah lebih serius kerana ia menjangkiti bayi yang berada dalam kandungan dan boleh menyebabkan bayi tersebut lahir dengan kecacatan yang serius yang akan berlaku kepada bayi itu dan akan berada dalam bayi itu seumur hidup. Ini adalah perkara yang saya minta Yang Berhormat memberi perhatian.

Dan saya juga sekarang ingin beralih kepada isu berkenaan pembelian harta-harta di Pulau Pinang oleh orang-orang Singapura. Saya juga merujuk kepada surat khabar The Star....(dengan izin), di mana liputan baru-baru ini menyatakan bahawa banyak daripada bangunan-bangunan dalam kawasan UNESCO di Pulau Pinang mula dibeli secara besar-besaran oleh syarikat-syarikat daripada Singapura dan akibatnya apa yang berlaku adalah apabila pembelian ini berlaku secara besar-besaran, orang-orang yang menghuni di bangunan-bangunan tersebut terpaksa pindah keluar ataupun dikeluarkan dengan notis dan ini menyebabkan masalah kepada orang-orang yang tinggal di bangunan-bangunan tersebut dan saya di sini memegang satu petikan dari The Star Metro yang memetik ..(dengan izin) '*Tenants of 26 pre-war houses in Bertam Lane George Town Penang are now in a fix as the new owner have serve eviction notices and the have nowhere to go*'. Walaupun kawasan ini tidak berada dalam kawasan saya, terdapat beberapa orang yang tinggal di premis-premis ini yang menjadi pengundi di kawasan saya kerana mereka mengusahakan perniagaan seperti Kopitiam dan sebagainya. Diakibatkan oleh pembelian harta ini oleh Warganegara Singapura yang rupa-rupanya mempunyai dengan izin, kekayaan yang begitu

banyak mereka kelihatan seolah-olah mengambil alih bangunan-bangunan ini seperti yang mereka kehendaki sewenang-wenangnya dan menggunakan khidmat peguam untuk mengusir keluar penghuni-penghuni bangunan tersebut dan pada masa yang sama membuat pindaan-pindaan kepada bangunan tersebut dan mengusahakan perniagaan-perniagaan tersendiri di atas bangunan-bangunan tersebut.

Saya menegur kalau boleh Kerajaan Negeri memberi perhatian kepada masalah ini kerana satu polisi walaupun sedia ada perlu kita gubal untuk memastikan bahawa premis-premis ini sentiasa diperlihara bukan sahaja dari prinsip warisannya tetapi penghuni-penghuni yang tinggal di rumah-rumah ini juga harus dibela kalau boleh saya merayu kepada Kerajaan Negeri untuk mengubal satu polisi di mana satu pra-syarat dikenakan sebelum pendaftaran hak milik dipinda kepada tuan punya warga negara asing khususnya dari Singapura ini dibenarkan oleh Pejabat Tanah, satu pra-syarat dikenakan bahawa pampasan yang munasabah dibayar kepada penghuni-penghuni yang tinggal di rumah-rumah tersebut. Terpulanglah sama ada mereka tinggal di situ sebagai menggunakan bangunan itu sebagai bangunan tempat tinggal ataupun premis perniagaan, satu pampasan harus dibayar kepada penghuni-penghuni di situ untuk memastikan penghuni-penghuni di bangunan itu tidak diusir keluar seperti yang diniatkan oleh pemilik-pemilik bangunan yang baru. Perkara ini penting kerana ada diantara bangunan-bangunan tersebut yang telah terpahat di dalam minda orang-orang tinggal di luar daripada Pulau Pinang umpamanya kalau datang seorang sahabat kita dari Kuala Lumpur, beliau datang ke Bertam Lane ke premis Nombor 6 kerana premis tersebut terkenal dengan penjualan biskut ataupun penyediaan ais kacang ataupun dengan Kopitiamnya yang tersendiri seperti kalau kita sebut tentang ais kacang, tentang mee goreng, mee sotong dan sebagainya ada tempat-tempat mereka akan mengunjung untuk makan makanan-makanan yang mereka nikmati dan bangunan-bangunan di situ juga terpahat di minda mereka. Apabila berlaku pembelian seperti ini, ia seperti menukar mereka ke tempat lain dan sekaligus juga menghancurkan ataupun melupakan tarikan Negeri kita Pulau Pinang sebagai tempat yang menyediakan makanan-makanan yang enak dan tempat di mana mereka boleh membeli belah biskut dan sebagainya. Ini adalah pendapat saya tentang perkara ini.

Beralih kepada isu yang satu lagi YB. Dato' Timbalan Speaker, saya juga menyeru Kerajaan Negeri Pulau Pinang kalau boleh, pusat kaunseling boleh memberi khidmat nasihat kepada orang-orang yang mengalami tekanan. Banyak sangat kejadian membunuh diri sejak kebelakangan ini, bukan sahaja daripada murid-murid sekolah yang terjun daripada pangsapuri kerana gagal dalam peperiksaan ada juga kejadian yang berlaku baru-baru ini yang mengejutkan rakyat di Pulau Pinang, seorang yang telah dituduh di mahkamah datangnya daripada kawasan Lahar Yooi yang membunuh diri kerana beliau telah dituduh di mahkamah kerana tidak dapat menanggung ataupun menerima hakikat kemungkinan beliau akan dihadapkan ke mahkamah telah dihadapkan di mahkamah mungkin dijatuhkan hukuman penjara. Kes bunuh diri ini adalah sesuatu yang menyayat hati. Sesuatu yang begitu penting kerana janganlah kita pandang ringan janganlah kita ingat perkara ini tidak boleh berlaku kepada ahli keluarga kita sendiri. Kita harus memberi perhatian kepada masalah ini dan Kerajaan Negeri saya percaya harus lihat lebih peka kepada masalah tekanan-tekanan yang dihadapi oleh rakyat Pulau Pinang.

Maklumlah dengan sikap Kerajaan Barisan Nasional yang begitu rakus, yang begitu zalim, yang begitu kejam yang sanggup menggunakan Undang-Undang SOSMA ke atas pemimpin-pemimpin kita. Saya merayu kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya kita lebih...(dengan izin) *has to be people centric* untuk menyediakan satu pusat di mana jikalau saya menghadapi tekanan jiwa, jikalau saya menghadapi masalah kewangan, jikalau saya menghadapi diheret ke mahkamah kerana melakukan satu kesalahan saya boleh datang untuk berjumpa dengan seseorang di pusat kaunseling di KOMTAR di tingkat 3, tingkat 4, tingkat 5 bercakap kepada orang itu tentang masalah saya dan satu penyelesaian mungkin seperti pembayaran wang dan sebagainya boleh diberikan bagi tujuan untuk mengurangkan masalah beliau. Ini perkara yang harus kita beri perhatian, walaupun kita boleh katakan bahawa masalah ini adalah berbangkit daripada tindakan Kerajaan Barisan Nasional yang rakus dan zalim yang tidak bertimbang rasa yang menyusahkan rakyat apakah tindakan yang boleh dibuat oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk meringankan beban rakyat.

Jadi saya ingin menyeru EXCO berkenaan, kepada YB. Padang Lalang sebagai seorang wanita yang begitu prihatin, sebagai seorang wanita yang begitu simpati akan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat yang sentiasa peka terhadap masalah-masalah seperti tekanan jiwa dan sebagainya untuk kalau boleh menyediakan satu Jawatankuasa di mana Yang Berhormat-Yang Berhormat boleh mengambil masa dalam tiap-tiap minggu daripada pukul 9.00 hingga pukul 5.00 ataupun daripada waktu petang untuk kita sedia-sedia memberi kaunseling kepada mana-mana individu yang menghadapi masalah ini. Walaupun...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Saya rasa YB. Seri Delima memang sangat prihatin. Saya dengar bahawa beliau ada membangkitkan beberapa masalah sosial menyalah gunakan dadah dan sekarang ialah bunuh diri. Semua ini ialah fenomena dia seperti sakit, seperti kalau ada demam dia menunjukkan badan ada *infection* tapi di mana *infection* tak tahu lagi. Jadi ini pun *symptom-symptom*, masalah ini semua adalah *symptom*, jadi dia masalah adalah lebih rumit lagi, mengapa dalam satu keluarga pun mengapa ada adik-beradik ada yang sangat rajin, ada yang menggunakan dadah, ada yang dia memang sangat positif, tapi ada juga yang kurang positif. Jadi itu adalah sangat rumit dan kalau kita mengadakan pusat untuk membantu ini, ini kita hanya *we are curing the diseases, we are not to prevention*. Jadi kalau kita nak buat *prevention* kita memerlukan satu masyarakat yang lebih sempurna. Semua keluarga harusnya ada kerja, dia mesti ada pendapatan yang minimum ini yang kita buatlah.

Di Pulau Pinang ini sudah ada beberapa pusat ada *Be Friender*, ada *Woman Center For Change*, ada *Friend For You*, beberapa lagi, ada Pusat Khidmat Wanita, ada Bukit Mertajam *Woman Right Awareness Association*, so semua ini memberikan khidmat kepada orang-orang khususnya wanita yang menghadapi masalah. Saya rasa kita tak dapat nak buat sehingga nak selesaikan semua masalah ini, memang tak boleh kerana Tuhan pun tak boleh menyelamatkan semua orang. Macam ini orang ini dia sangat *very kind very loving* tapi dia tak dapat menyelamatkan semua orang. Saya rasa Tuhan semuanya pun sangat Maha Penyayang tapi dia tak dapat menyelamatkan semua orang, kita mesti mengadakan sistem kita yang lebih sempurna supaya setiap orang lebih kuat diri sendiri dan mampu menjaga diri sendiri. YB. Seri Delima, kalau mau jadi kaunselor mesti pergi kursus, kursus tiga (3) bulan baru boleh bagi para kaunseling sahaja. Terima kasih.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Beri laluan, YB. Seri Delima. Saya mengucapkan terima kasih kerana YB. Seri Delima banyak mementingkan hal-hal kes-kes bunuh diri. Bagi saya, saya memang menghadapi masalah seperti ini di kawasan saya sebab di kawasan saya kebanyakan suri rumah wanita atau orang menghadapi tekanan jiwa datang ke *office* saya untuk meminta pertolongan dan apa yang kita boleh ialah kita merujuk kepada PPW di Seberang Perai Tengah tetapi saya melihat kakitangan atau orang yang memberi khidmat ini tidak begitu mencukupi, menghadapi masalah domestik *violent* yang meningkat pada masa kini dan saya harap EXCO-EXCO yang berkenaan, EXCO Kebajikan, Masyarakat Penyayang, EXCO Rumah dan Komuniti akan mementingkan peningkatan kes-kes bunuh ini dan menambahkan kakitangan di bawah Port Folio mereka dan tak mahu tunggu orang datang, tapi proaktif sikit pergi menziarahi keluarga-keluarga yang ada masalah dan wang yang diberi oleh Kerajaan Negeri itu cukupkah untuk EXCO-EXCO ini untuk mendirikan lagi banyak *center* seperti di KADUN Berapit. *Actually my service center is almost same as a counseling office already and* tadi YB. Seri Delima kata Yang Berhormat boleh menolong, tapi kalau tak melalui *training* yang *professional* memang tak boleh, *you will course somebody not killing himself and go to kill himself*. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih YB. Bagan Lalang dan YB. Machang Bubuk, Berapit, minta maaf. Saya membangkitkan isu kes bunuh diri ini kerana kejadian ini banyak berlaku di Pulau Pinang dan setiap kali bila kita menziarahi keluarga semasa upacara pengebumian walaupun kita dapat memberi sumbangan kewangan, memberi dengan izin, sokongan moral apa jua yang dilakukan oleh kita tidak akan membawa beliau balik.

Kejadian ini yang menghayat hati apabila isteri saya membawa petikan daripada Free Malaysia Today, saya tidak lihat tapi isteri saya membawa petikan daripada Free Malaysia Today dengan izin, oleh wartawan terkemuka, Predeep Nambiar ada di sini...(dengan izin), Free Malaysia Today kena *cover*, wartawan terkemuka. Dengan izin, satu berita "*Contraband seller facing jail time found dead* nota yang beliau tulis oleh Allahyarham Mohd Shukri berusia 38 tahun yang telah terjun daripada Jambatan Pulau Pinang asalnya Lahar Yooi di mana beliau masih menyifatkan tindakan kerajaan beliau menghadapkan beliau ke mahkamah kali kedua kerana menjual rokok yang tidak dibayar cukai itu sebagai tindakan yang zalim kerajaan, yang dimaksudkan itu ialah Kerajaan Barisan Nasional. Dia sebutlah, faham-faham jer lah Kerajaan Barisan Nasional yang zalim, yang rakus. Kita sebagai Kerajaan Negeri Pulau Pinang harus melakukan sesuatu bagi menangani masalah ini. Walaupun saya faham kita harus menghadiri kursus dan

sebagainya, saya pernah membuat kaunseling dalam kerjaya saya sebagai seorang peguam saya beri kesimpulan, datangnya seorang wanita yang menuntut cerai daripada suami beliau, beliau minta supaya diceraikan kerana suami beliau dikatakan seorang yang mabuk, seorang panas baran dan sebagainya.

Saya sebagai peguam mencari nafkah dengan pendapatan menerima wang dan memfailkan kes di mahkamah tetapi sebagai seorang yang telah berumah tangga yang menikmati....(dengan izin) *the benefits of a family lives* dengan izin, anak-anak isteri balik makan, duduk sembang sekali telah menasihatkan beliau supaya mempertimbangkan macam mana hendak menyelesaikan, dan salah satu daripada cadangan yang telah saya buat adalah senang saja, saya kata kalau boleh *go for your second honeymoon*....(dengan izin) walaupun dia dah ada lima enam orang anak dan beliau menerima cadangan itu. Saya berjumpa dia berseorangan, berjumpa dengan suami dia berseorangan dan minta mereka supaya pergi *the second honeymoon*....(dengan izin), dan saya dapat menyelesaikan masalah rumahtangga mereka. Selepas *second honeymoon*....(dengan izin) tak pergi mana pun cuti Langkawi saja tapi dapat menyelesaikan masalah kerana mereka dapat berdua-duaan tanpa dikacau ganggu oleh anak-anak mereka.

Di rumah saya difahamkan apa yang dibincangkan adalah kerana anak kena pergi tuisyen, suami balik dia minta hantar anak pergi tuisyen, suami letih dia kata kena pergi ambil anak *double* tuisyen, lepas itu hantar anak pergi bermain sukan dan sebagainya. Jadi suami ketika itu memang lepas balik kerja maklumlah dua-dua orang pun adalah profesional, saya tak mahu sebut kerjaya mereka tetapi saya berjaya menyelesaikan masalah itu walaupun saya tidak mengutip apa-apa yuran, pahala daripada Tuhan kita akan dapat. Ini adalah cara penyelesaian.

Jadi saya ingin berkongsi pendapat saya ataupun pengalaman saya, pendapatan tak boleh Yang Berhormat kerana cuma memang tak ada pendapatan, tapi dari sisi menyelesaikan masalah saya dapat menyelesaikan masalah, jadi saya percaya kalau seseorang seperti Mohd Shukri dengan izin, dapat menghubungi wakil-wakil rakyat daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, belah itu saya tak pastilah, sebab mereka tak ada masa kalau ikut YB. Bertam, dalam ucapan beliau dia kata, kehilangan satu nyawa ini tak penting, kehilangan satu nyawa ini ikut YB. Bertam dia kata tak begitu penting dan beliau tidak menyalahkan, beliau kata salah dia sendiri kerana pergi membunuh diri. *I don't think*...(dengan izin), YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan, itu adalah penyelesaian. Saya...(gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Minta laluan YB. Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Pinang Tunggal kawan saya. Kawan saya, saya bagi.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Okey kawan, apa boleh buat. Terima kasih YB. Dato' Speaker, YB. Seri Delima rasa sebut ada, sebut pasal YB. Bertam, itu pendapat buah fikiran YB. Bertam, tetapi malangnya YB. Bertam tak ada dalam Dewan pada masa ini untuk membuat pembelaan, tetapi dalam masa yang sama saya sebut kepada YB. Seri Delima dalam Dewan yang mulia ini kepada isu yang YB. Seri Delima sentuh yang bersangkutan-paut dengan Allahyarham Shukri yang telah pun membuat keputusan seperti mana yang sedia Dewan maklum. Saya suka sarankan kepada YB. Seri Delima supaya dalam isu ini kalau boleh, kita guna akal dan fikiran untuk menghormati keluarga Allahyarham, tak perlu kita sentuh untuk kepentingan politik kita dengan menentang pihak yang lain contohnya tadi saya mendengar daripada YB. Seri Delima bahawasanya Kerajaan Barisan Nasional itu dan ini tetapi saya amat sensitif, bila mendengar perkara yang begini tidak siapa pun di dunia milik Tuhan ini mahu melakukan keadaan dan kedudukan yang sedemikian rupa kecualilah sekiranya iaitu hilang akal, gila. Kita tidak mahu membuat tuduhan kepada Allahyarham kerana memilih jalan yang sedemikian rupa.

Saran saya kepada YB. Seri Delima, saya juga cuba untuk muhasabah diri, untuk merasa rendah diri, untuk *control* diri saya supaya jangan bertindak keterlaluan mengeluarkan perkataan-perkataan yang menyakitkan hati YB. Seri Delima dan seluruh Dewan yang mulia ini apatah lagi keluarga yang terlibat,

saya cuba. Tetapi cuba sedaya upaya saya, saya tak taulah kalau kot-kot tak boleh nak orang kata apa, saya juga ada maruah saya untuk mempertahankan agama saya, bangsa saya dan keturunan saya, terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih YB. Pinang Tunggal.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila ringkaskan, satu jam lebih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Ya, YB. Dato' Speaker, mungkin YB. Pinang Tunggal tersilap faham, siapa yang menyentuh maruah, agama dan keluarga YB. Pinang Tunggal. Saya simpati pada Allahyarham Mohd Shukri, saya simpati sebab itu saya bangkitkan isu ini di Dewan yang mulia ini, telah saya katakan mungkin Yang Berhormat tak hadir sibuk dengan urusan perniagaan minyak, mungkin di luar, saya telah menyentuh dan maklumkan pada YB. Bertam, kehilangan nyawa ini tak boleh dipandang ringan. Perkara ini boleh berlaku kepada sesiapa kepada Yang Berhormat dan saya sendiri, jadi cubalah jangan main-mainkan isu ini Yang Berhormat. Apa yang saya ingin....(gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Cukuplah Yang Berhormat. Saya tak bagi dah pun.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Terima kasih YB. Seri Delima. Saya bukan nak mengajak YB. Seri Delima untuk mempermainkan isu ini dan walaupun saya tak hadir dalam Dewan, sudah pun menjadi tugas dan tanggungjawab saya dengan kemudahan yang ada ini untuk meneliti segala-galanya apa yang diluahkan oleh YB. Seri Delima. Saya teliti, saya teliti semua pendapat, pandangan, buah fikiran yang dilontarkan oleh YB. Seri Delima adalah melalui *handset* saya ini.

So, sebab itulah dengan kesedaran yang ada, dengan apa yang telah pun diluahkan oleh Bertam malam itu pun, saya rasa cukuplah. YB. Seri Delima jangan nak politikkan isu ini dengan nak lebih-lebih lagi. Untuk pengetahuan YB. Seri Delima, YB. Sungai Dua lebih maklum lagi tentang keluarga ini. Saya juga, YB. Seri Delima antara orang yang turun dan mandi mayat....(gangguan) Sungai Dua. Minta maaf. Ini nak mula la ni, sudah datang ketar satu macam. Tetapi tidak apa, saya cuba untuk *control* juga.

YB. Sungai Dua, mandi mayat dalam kawasan dia, sudah tentu dia jauh lebih faham dan lebih maklum dengan apa yang berlaku sama ada hari itu, sebelum itu, dan sebelum-sebelumnya perkembangan seisi keluarga ini macam mana. YB. Seri Delima serupa saya juga, kita duduk jauh dari kawasan Sungai Dua, daripada kawasan Lahar Yooi, kita bukan tahu perkembangan-perkembangan sebelum itu. Tidak perlulah dalam Dewan yang mulia ini untuk kita mengaibkan siapa-siapa. Itu sahaja sebutan saya kepada Yang Berhormat.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila YB. Seri Delima buat kesimpulan. Atau pindah ke tajuk lain.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya tidak perlu menjawab dengan apa yang dibangkitkan.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Silakan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Oleh YB. Pinang Tunggal kerana beliau memang sudah jelas lari daripada apa yang telah saya cuba bahaskan, senantiasa lari. Mungkin mahu atau....(gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Sekali lagi. Saya tak lari pun. YB. Seri Delima, saya masih terhutang, tiga. Sepuluh kali YB. Seri Delima kata Pinang Tunggal bodoh, saya kata tujuh kali kan. Saya masih hutang tiga kali, dok tunggu masa saya sebut tiga kali lagi.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker saya tidak beri.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila buat kesimpulan....(gangguan)

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Berbalik dengan isu,

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Duduk dulu. Duduk Pinang Tunggal. Sila buat kesimpulan.... (gangguan) Nanti saya panggil YB. lain untuk berucap.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Berbalik kepada isu ini dan saya hanya menyeru kepada EXCO berkenaan supaya memberi perhatian kepada perkara atau masalah banyak lagi, banyak lagi yang diluar sana menghadapi masalah. Masalah tekanan mental, masalah tekanan...(dengan izin) *mental and psychological stress* disebabkan oleh masalah yang dihadapi oleh mereka. Dan saya walaupun terpanggil YB. Bertam dan balik, walaupun tidak mahu menjawab kenyataan YB. Pinang Tunggal tentang tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh kerajaan Barisan Nasional....(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila buat kesimpulan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Kalau Kerajaan Barisan Nasional bukan rakus, bukannya zalim, saya hendak bertanya kepada YB. Pinang Tunggal bagaimana kita boleh menyifatkan tindakan kerajaan menggunakan SOSMA ke atas Maria Chin? Bukanlah itu tindakan yang zalim? Penyalahgunaan kuasa dan rakus YB. Pinang Tunggal? Nak jawab? Tidak apa, bukan Menteri dalam Negeri....(gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Saya hendak jawab. Saya memahami daripada penggal pertama Yang Berhormat Seri Delima. Sebenarnya bukan hasrat YB. Seri Delima hendak bertanding ADUN, nak jadi calon untuk bertanding ADUN, YB. Seri Delima memang berminat nak ke Parlimen tetapi sayangnya tempat tidak ada untuk Parlimen. Jadi masih bertanya lagi isu-isu Parlimen ini, biar Parlimen la jawab.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila teruskan Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih YB. Dato' Speaker. YB. Pinang Tunggal membebel hari ini ye. Okey. Saya juga ingin menarik perhatian berkenaan salah satu isu terakhir saya iaitu salah seorang penjenayah yang dikehendaki yang terkenal bernama Richard Huckel. Richard Huckel ini dikatakan telah berada di Malaysia untuk masa yang panjang. Dan selepas beliau balik ke Britain, kita dikejutkan dengan berita bahawa Richard Huckel ini adalah orang yang gila seks. Terutamanya mencabuli kanak-kanak dan Richard Huckel ini telah dibenarkan untuk masuk ke Malaysia, telah dibenarkan untuk mencari pekerjaan di Kuala Lumpur, diberikan permit pekerjaan. Dan setakat ini walaupun ada desas-desus bahawa beliau pernah ke Pulau Pinang tetapi tidak ada berita yang mengesahkan bahawa beliau bekerja di mana-mana. Saya ingin tanya kepada EXCO berkenaan juga, sama ada apa-apa tindakan diambil untuk menyiasat sama ada Richard Huckel menurut surat khabar The Star, dua (2) liputan diberikan. Satu 'Out Rage' satu lagi 'This Monster Defy Our Kids'. Kanak-kanak kita dicabuli oleh Richard Huckel....(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ada kaitan dengan kita kah?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Ada.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Tiadalah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Mungkin YB. Pinang Tunggal tidak ada intelek mencukupi untuk memahami. Tetapi, mungkin dia kurang pandailah. Saya tidak mahu kata bodoh, kurang pandai tetapi perkara ini harus diberi perhatian dan sehingga sekarang tidak ada sebarang daftar dengan pihak Polis Diraja Malaysia untuk mengesan sama ada beliau pernah masuk ke Pulau Pinang, pernah bekerja di mana-mana institusi, maklumlah di Pulau Pinang, kita ada banyak juga *international school*....(dengan izin) sekolah-sekolah antarabangsa dan saya sekali lagi ingin menyeru kepada Kerajaan Negeri, EXCO berkenaan kalau boleh, kalau masa mengizinkan untuk memberi maklumbalas di atas perkara ini yang telah saya bangkitkan.

Akhir sekali YB. Dato' Timbalan Speaker saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua penjawat-penjawat awam, agensi-agensi yang telah memberikan kerjasama yang penuh kepada saya terutamanya seperti Penghulu Nasrizal yang begitu selalunya turun

padang bersama-sama dengan saya di kawasan saya, Pegawai Daerah Timur Laut yang baru dan lama yang sentiasa peka terhadap saya, masalah-masalah yang dihadapi. Tetapi cuma saya ingin mohon kalau boleh mesyuarat-mesyuarat Majlis Tindakan Daerah itu kalau boleh diadakan pada waktu petang. Kalau dulu diadakan pada waktu petang, sekarang ditukarkan ke waktu pagi pukul 9.00 pagi. Masalahnya saya sebagai seorang peguam yang berkhidmat sebagai peguam juga, kadang kala perlu pergi ke mahkamah dan saya juga difahamkan bahawa ada juga EXCO-EXCO yang mempunyai tugas-tugas lain.

Jadi, kalau boleh diadakan Mesyuarat Tindakan Daerah itu pada waktu petang atau pun bermula pada hari Jumaat lebih kurang pukul 3.00 selepas sembahyang Jumaat sehingga pukul 5.00 petang, ia akan mengizinkan kami untuk turut serta di dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut, memberi pandangan dan banyak juga penyelesaian-penyelesaian yang telah kami capai daripada mesyuarat-mesyuarat tersebut. Dengan itu YB. Dato' Timbalan Speaker saya mohon menyokong.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

YB. Sungai Aceh.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh. Salam Sejahtera, Salam Perpaduan, Salam Sehati Sejiwa, Salam 1 Barisan Nasional.

YB. Dato' Timbalan Speaker dan seluruh rakan-rakan ahli mesyuarat. Pertama nak ucap terima kasih pada YB. Dato' Timbalan Speaker. Yang kedua saya nak mengucapkan tahniah kepada YB. Dato' Timbalan Speaker atas keputusan YB. Dato' Timbalan Speaker semalam, keputusan yang tepat Sungai Aceh kata. Dan *Alhamdulillah* YB. Dato' Timbalan Speaker, tadi YB. Dato' Speaker pun *defend* YB. Dato' Timbalan Speaker maka layaklah pasangan yang cantik di atas YB. Dato' Speaker dan YB. Timbalan Speaker yang sentiasa berkongsi mempertahankan undang-undang di Dewan yang mulia ini.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ada kaitan?

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud bin Zakaria):

YB. Dato' Timbalan Speaker, bila YB. Seri Delima berucap tadi saya dok ingat cepat habis. Saya tidak tahu kenapa boleh panjang begitu, akhirnya kerana terlalu panjangnya YB. Seri Delima bercakap, saya juga *tension* dan *stress*. Tadi YB. Seri Delima sudah bercakap soal *tension* dan *stress*. Tahukah YB. Seri Delima, YB Sungai Dua juga sekarang *stress* dan *tension* untuk menjawab soalan-soalan YB. Seri Delima? Secara tidak langsung YB. Seri Delima telah mempertikai wakil rakyat kawasan tidak buat kerja. Tetapi ADUN Sungai Dua akan tunjuk dengan gambar, dengan video sehingga dia mandi mayat Md Shukri itu, dia lebih mengetahui sebagai orang tempatan. Okey YB Sungai Dua, YB. Seri Delima dah angguk dia memperakui, terima kasih.

YB. Dato' Timbalan Speaker, merujuk kepada teks ucapan Bajet. Muka surat 12, sesuai dengan tajuk Bajet Kebajikan Dan Keusahawanan. Saya baca bagi memudahkan, saya nak jelaskan satu persatu apa yang kurang saya faham. "Perkara 26, bagi mengatasi dan mengurangkan kejadian banjir kilat. Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri telah diarah untuk menyiapkan lagi kerja-kerja pengurusan sungai, membaiki tebing-tebing sungai yang runtuh, menyelenggara infrastruktur saluran dan menyelaras projek-projek mitigasi banjir di seluruh negeri. Kami yakin di bawah Pengarah JPS yang bertenaga, kelemahan-kelemahan sebelum ini akan di atasi". Ayat ini agak sensitif, seolah-olah Pengarah JPS yang sebelum ini tidak bertenaga.

"Perkara 27, untuk itu Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak RM150 juta pada tahun 2017 kepada JPS seperti berikut:

Yang Pertama, Sungai Permatang Rawa Daerah Tengah - RM12.6 juta, kedua Padang Lalang, Kampung Permatang Rawa, Tengah juga - RM19.1 juta, Bukit Tengah Daerah Tengah juga - RM19 juta, Taman Mangga, Jalan Juru Seberang Perai Tengah juga - RM11.5 juta, Alma Daerah Seberang Perai Tengah juga berjumlah RM9.6 juta, Mak Mandin Daerah SPU - RM40 juta, Sungai Relau, Bayan Baru - RM20.1 juta, Taman Iping Daerah Barat Daya - RM13.6 juta dan Kampung Naran Daerah Barat Daya - RM4.5 juta.

Sedih sungguh Dato' Timbalan Speaker, Daerah Seberang Perai Selatan tak diberi peruntukan. Kawasan Dato' Timbalan Speaker yang sentiasa banjir, yang dok pi melawat, Kampung Sungai Kechil, betul tak Dato' Timbalan Speaker? Angguk. Kawasan kampung situ Dato' Timbalan Speaker? Angguk. Macam mana depa tak hormat kawasan Dato' Timbalan Speaker? Nasib baik Sungai Aceh yang ada ini membela Dato' Timbalan Speaker.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Minta laluan sikit.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Silakan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Terima kasih YB. Sungai Aceh. YB. Dato' Timbalan Speaker, suka saya sentuh apa yang YB. Sungai Aceh sebutkan pasal pengurusan pencegahan banjir ini. Dalam senarai 9 yang disebutkan oleh YB. Sungai Aceh tadi, enam (6) senarai yang mula itu jumlahnya sudah hampir RM111.9 juta. Enam (6) bilangan yang pertama itu, ada baki tiga (3) lagi. Kesemua enam-enam ini YB. Sungai Aceh, saya dapati ianya kebanyakan di bahagian seberang dan Seberang Perai Tengah sahaja tetapi sedarkah Dewan yang mulia ini, banjir besar yang berlaku baru-baru ini kebanyakannya di sebelah Pulau. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih YB. Pinang Tunggal. Jadi, saya berharaplah memang saya dipesan oleh Dato' Timbalan Speaker, suruh beritahu. Pertimbangkanlah seserius-seriusnya. Janganlah sampai Dato' Timbalan Speaker menangis baru nak lulus sepertimana YB. Penanti. Boleh tera tu?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Sungai Aceh, adakah yang bermaksud dalam penyediaan bajet ini, terdapat elemen 'pilih kasih' yang wujud ketika Kerajaan Negeri mengagihkan bajet-bajet ini supaya memberi tumpuan kepada tempat-tempat yang tertentu sahaja untuk mereka menang pilihan raya, kawasan Barisan Nasional misalnya, biar. Tak ambil perhatian langsung. Apa pandangan YB. Sungai Aceh?

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Saya setuju pandangan YB. Pulau Betong, Datuk Muhamad Farid dan sebab itulah saya nak kata di sini, kalau YB. Seri Delima kata Kerajaan Pusat kejam, maka saya nak kata juga, Kerajaan Negeri Pakatan apa? Juga kejam, kejam dan kejam! Sila rekod. Kemudian, Dato' Timbalan Speaker... (gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Beri laluan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Ada lagi? Kalau saya tak bagi? Saya tengah *climax* dok cakap ini. Nanti saya *tension*.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya lagi klimaks kan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Tak boleh. Nanti *tension*. Nanti gulung. Kita dok cari fakta. YB. Dato' Timbalan Speaker, saya pun dok cari juga bila sebut RM150 juta, nak bagi kepada JPS untuk buat, saya cuba buka dalam buku ini. Tak tahu lah. Saya bukan seorang akauntan. Saya tengok di bawah pembangunan JPS, tak sebut pun yang RM150 juta. Tak ada, saya tak tahu. Cuma di bawah tu *ending* nya, tak jelas. Mungkin nak ambil peruntukan Ketua Menteri yang banyak tu kot ataupun di bawah Pegawai Kewangan Negeri kah? Tak tahu lah. Tapi tak jelas. Tak apa nanti cerita. Memang saya tak tahu.

Kemudian berkait dengan banjir kilat. Ada mereka kata, sebab apa nanti YB. Seri Delima kata minta bukti. Ada mereka kata, antara penyumbang banjir kilat yang mereka kenal pasti adalah berpunca di antaranya kolam tadahan banjir yang dibuat oleh pemaju di taman perumahan yang setengahnya telah ditambah tanah separas dengan jalan oleh penduduk taman untuk dijadikan kawasan lapang. Kalau betul perkara ini berlaku, saya meminta kerjasama PBT terutamanya MPSP untuk membuat pemantauan yang sekerapnya supaya dapat memastikan bahawa kolam tadahan ini tidak ditimbus dan perlu juga pihak MPSP membuat pemantauan berapakah kolam tadahan banjir ini yang kekal sebagai tadahan banjir ataupun ada kolam tadahan banjir yang telah ditimbus tanah yang akhirnya mengakibatkan menjadi banjir kilat.

YB. Dato' Timbalan Speaker, saya difahamkan bahawa bajet MPSP, *surplus*. Makna kira duit lebih lah. Jadi saya dapati padang awam yang tak diselenggara dengan baik. Saya ambil contoh di kawasan saya di Nibong Tebal iaitu satu padang yang dinamakan Padang Aston tak silap saya, YB. Dato' Timbalan Speaker yang dulu terkenal dengan tempat bermain bola sepak dan di padang itu juga melahirkan pemain bola sepak yang terkenal yang telah tidak diurus dengan baik. Kemudian, termasuk juga padang bola di Kompleks Jawi. Mengikut jawapan yang diberi kepada saya, katanya MPSP tak boleh nak selenggara dan serah kepada Pejabat Daerah. Katanya adalah kerana ada peraturan ikut Kanun Tanah Negara. Saya pun tak faham sedangkan dalam Pulau Pinang ini, kawasan MPSP semua, tak ada macam kawasan Perak, ada Majlis Daerah lepas tu di luar bandar, tidak. Semua kawasan majlis. Jadi apa salahnya oleh kerana MPSP duit banyak, pandai urus dengan baik, gunakan duit itu untuk membantu menyelenggarakan Padang Aston yang diguna oleh orang ramai dan masyarakat setempat. Kalau kata tak boleh juga, apa salahnya pihak Kerajaan Negeri memberi peruntukan yang lebih kepada Pejabat Daerah dan Tanah sebagai pejabat yang dekat dengan padang-padang ini untuk nak urus dengan lebih baik dan lebih selesa lagi termasuklah soal Dewan JKKK yang dulu asalnya dewan ini di bina oleh Barisan Nasional di bawah peruntukan Pusat tapi tanahnya oleh Kerajaan Negeri. Oleh kerana kita bercerai, nak buat macam mana. Undang-undang kata jadi hak tanah, maka dewan itu jadi pemilik tanah. Menjadi harapan kita supaya Kerajaan Negeri juga memberi peruntukan yang lebih kepada Pejabat-pejabat Daerah dan Tanah khususnya Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan supaya Dewan-dewan JKKK yang terbiar dengan penuh sawang ini dapat dibaiki dan dapat diselenggara dengan elok.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Minta laluan, terima kasih YB. Dato' Timbalan Speaker. Terima kasih YB. Sungai Aceh. Menambah baik kemudahan awam ini, suka saya sebut, saya difahamkan daripada bajet hari itu, peruntukan yang terlalu besar digunakan untuk baik pulih pasar awam, dewan orang ramai. Kalau setakat RM28 juta saya tak mau nak bangun sebut tetapi jumlahnya amat besar, RM280.01 juta. YB. Sungai Aceh sedar tak perkara ini? Jadi adakah muslihat disebaliknya dengan peruntukan yang begitu besar untuk nak baik pulih prasarana ini sahaja. Kalau setakat RM28 juta saya tak berapa nak pertikaikan sangat. Tetapi dengan sebutan-sebutan yang ada RM280.01 juta, satu jumlah yang amat besar. Kemungkinan YB. Sungai Aceh ada jawapan. Adakah ada muslihat di sebaliknya? Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih atas bantuan YB. Pinang Tunggal. YB. Dato' Timbalan Speaker, ini berkait dengan YB. Seberang Jaya. Berkait dengan siput kepah, Dato' Timbalan Speaker pernah makan kan? Sedap kan? Kepah. Jadi sekarang ini, siput kepah tiba-tiba lahir cukup banyak di kawasan lahir. Wujudnya cukup banyak di kawasan Sungai Udang, Changkat Juru dan persekitarannya. Ia jadi masalah sikit, kacau bilau juga oleh kerana pertama, siput kepah ini wujud tidak diberi lesen sebab Jabatan Perikanan ia hanya keluar lesen kepada nak ambil kerang. Jadi banyaklah nelayan-nelayan yang terpaksa lari apabila penguatkuasa datang. Kadang-kadang mereka menggunakan penyauk, YB. Dato' Timbalan Speaker tahukan?. Penyauk ini diguna sauk udang. Penyauk ini ada lesen. Penyauk ini diberi lesen hanya untuk ambil kerang. Apabila ada sahaja penyauk di atas bot, ada kepah sikit, maka ditangkap kerana dikata mengambil kepah tanpa lesen. Saya tak tau sejauh mana YB. Seberang Jaya telah membantu dalam soal ini. Tapi saya sebagai wakil rakyat kawasan, saya telah mengadakan perjumpaan semua jabatan terlibat termasuk dengan Pejabat Daerah.

Untuk itu, kita nak minta jasa baik YB. Seberang Jaya supaya berunding dengan jabatan yang terlibat supaya diberi lesen untuk nelayan ambil siput kepah. Sekarang ini kerang pun dah tak ada. Pertelingkahan ini bertambah kemuncak apabila ada tanah-tanah tol yang diberi oleh Pejabat Daerah dan Tanah kepada nelayan-nelayan. Saya nak ulangi soalan bertulis yang saya tanya dan dijawab. So mudah saya nak cerita. Saya tanya "Apakah tujuan Kerajaan Negeri memberi tanah LPS, Lesen Pendudukan Sementara ini kepada nelayan-nelayan di kawasan laut?" Jawapannya, "Tujuan Kerajaan Negeri memberi tanah LPS kepada nelayan-nelayan di kawasan laut adalah untuk membolehkan nelayan tersebut menjalankan ternakan ikan dalam sangkar dan ternakan kerang. Pemberian LPS ini akan membuka peluang pekerjaan tambahan serta peluang peningkatan ekonomi dan peningkatan pendapatan lain serta hasil kerajaan".

Okey, yang pertama, ikan dalam sangkar, yang Y.A.B. Air Putih bercakap sehingga ke peringkat antarabangsa. Katanya, Pulau Pinang hebat dengan ikan dalam sangkar dan hampir 300 sangkar kalau nak bandingkan dengan zaman Kerajaan Barisan Nasional tapi sesungguhnya asas perusahaan ikan dalam sangkar ini adalah bermula dari zaman Barisan Nasional. Nelayan-nelayan yang bersembang di waktu petang di kedai kopi, dia kata, walaupun Y.A.B. Air Putih seronok, gembira mengatakan dia telah berjaya melahirkan ikan dalam sangkar, ternakan ikan dalam sangkar 300 sangkar lebih tapi mereka dukacita kerana bayaran lesennya dinaikkan lebih daripada 100%. Mereka kata Kerajaan Negeri bagus, tak zalim kerana mereka terasa sangat, jadi mintalah Kerajaan Negeri menimbang semula kadar lesen yang dinaikkan yang terlalu tinggi. Dikurangkan.

Berkait dengan cerita tol untuk ternakan kerang, sekarang ini kawasan tol itu tidak ada kerang, tiba-tiba timbul siput kepah di kawasan, contohlah saya pinjam Dato' Roslanlah, tak payah panggil Dato' saya panggil Lan, Lan punya tanah tol dia di belakang, lesen diberi untuk belakang sebagai contoh, tiba-tiba timbul siput kepah. Lepas itu tol saya sebelah dia tidak ada kepah ada sikit. Saya ajak Omar, Yusof sebagai nelayan untuk untuk tangkap kepah hasil kerang tidak ada pergi ambil kepah di situ, saya tidak tahu dari segi undang-undang salahkah? Peguam jangan cakap apa lagi, saya faham begini. Tol diberi untuk ternakan kerang, tiba-tiba kepah naik tuan tanah tidak benarkan ambil, contoh Lan tidak bagi ambil. Kalau betul-betul hendak ikut undang-undang oleh kerana sudah beri kepada Lan dia berkuasa dan kami pun tidak boleh lalu di kawasan dia, dia ada empat pancang maknanya tidak boleh masuklah, Perai. Kalau ikut undang-undang kerana sudah jadi milik dia, tetapi banyak juga bot-bot lalu dekat situ. Jadi nak minta dapat penjelasan samada orang lain boleh masuk mengambil kepah itu.

Isu yang berikutnya, soal mengukur. Apabila Pejabat Tanah dan Daerah dan Tanah mengeluarkan surat bagi tol kepada seseorang sudah semestinyalah dalam laut kita kena pacak pancang untuk menentukan kawasan, tetapi nelayan-nelayan di kedai kopi dok bercakap oleh kerana dia kata, bukan saya kata kawasan dia tidak ada kepah dia tahu kawasan Lan ada kepah dia ubah pacak pancang di situ. Jadi susah juga macam mana Pejabat Tanah hendak sukat betul-betul dalam laut dan ada juga nelayan-nelayan kedai kopi bercakap isu sangkar ikan kadang-kadang mereka ubah, mereka tambah, mereka yang kata, jangan tanya kepada saya mana bukti, jadi ini juga pihak penguatkuasa Pejabat Daerah, Pejabat Tanah semualah, hendaklah mengambil tindakan yang serius. Janganlah untuk menentukan sempadan itu kita serah kepada Jabatan-jabatan lain yang hendak menentukan. Bagi mengelak daripada pertelingkahan yang berlaku, memang sebenarnya YB. Dato' Timbalan Speaker, berlaku pertelingkahan antara dua puak yang hampir-hampir menjadi isu keselamatan, tetapi *Alhamdulillah* dapat diselesaikan.

YB. Dato' Timbalan Speaker, saya masih berharap soal bayaran pencen, walaupun pada hari itu saya sudah bercakap, saya meminta untuk dicatitkan semula dan mintalah Kerajaan Negeri pertimbangkan semula, lyalah dah hendak bayar 0.35 itu okeylah, tetapi tidak selesai lagi. Bincanglah supaya dinaikkan elaun pencen ini kepada bekas-bekas wakil rakyat yang telah bersara dan semua negeri telah dibayar kecuali Pulau Pinang dan Selangor sahaja belum bayar. Saya hendak minta YB. Dato' Timbalan Speaker, saya nak baca untuk dicatit, okey. Untuk Negeri Sembilan asalnya pencen dia RM2,056.34 yang baru RM4,477.00 bayar pada Januari 2015. Untuk Negeri Terengganu asalnya pencen dibayar RM2,056.34 dan yang baru RM5,500.00 dibayar pada Disember 2015, untuk Negeri Perlis asalnya dibayar RM3,000.00 yang baru dibayar RM5,500.00 dan dibayar pada Januari 2016, untuk Negeri Melaka dahulunya dibayar RM2,050.00 yang baru dibayar RM4,500.00 dibayar pada Ogos tahun 2015, untuk Negeri Sabah asal RM2,000.00 baru RM3,000.00 bayar tahun 2015, untuk Negeri Kedah RM2,056.00 yang dahulu dan baru RM2,500.00 bayar tahun 2016, untuk Negeri Johor belum bayar, untuk Negeri Kelantan RM2,345.00 bayar pada Januari tahun 2016, untuk Negeri Pulau Pinang belum bayar lagi dan untuk Negeri Perak dahulunya RM2,056.39 sekarang bayar RM4,000.00 bayar pada Januari tahun 2014. Maka saya berharap sesungguhnya mewakili rakan-rakan yang telah bersara supaya elaun pencen ini dapat dinaikkan sesuai dengan bajet pada tahun ini, bajet berkeabajikan...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan sikit YB. Sungai Acheh, bagi Yang Berhormat tarik nafas sikit, YB. Dato' Timbalan Speaker, saya juga menerima SMS dan juga panggilan telefon daripada rakan-rakan ADUN yang lama. Mereka melahirkan rasa harapan yang agak tinggi sebenarnya kepada Kerajaan Negeri untuk permohonan kenaikan pencen mereka, inilah kerana dengan peningkatan kos kehidupan pada hari ini, meletakkan mereka ada yang digelar Dato' tetapi berpendapatan yang cukup rendah. *Normally* YB. Dato' Timbalan Speaker kalaulah seorang Dato' di dalam kampung itu status yang menunjukkan ataupun bergantung pada masyarakat, tetapi dengan kadar gaji RM2,050.00 pencen untuk mereka diri sendiri pun tidak mampu, YB. Dato' Timbalan Speaker. Jadi saya berharaplah seperti kata YB. Sungai Acheh tadi supaya Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan untuk menambahkan lagi jumlah pencen wakil rakyat yang terdahulu dan juga ini adalah untuk kebaikan bagi kita untuk masa hadapan, terima kasih YB. Sungai Acheh.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih YB. Pulau Betong, saya ingat YB. Dato' Timbalan Speaker, sudah setuju, angguk dan kita juga tidak lama, walau bagaimanapun kita akan bersara bukan yang itu saja, sesiapa punlah. Jadi kalau ada sesiapa yang tidak mahu mengaku hendak bersara, tak tahulah saya fikir masa hadapan, bukan sekarang ini, YB. Batu Maung dia tidak bersara lagi, naik pangkat lagi Y.A.B. Air Putih janji dengan dia.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Foi):

Boleh beri laluan, YB. Sungai Acheh. Saya memang setuju dengan YB. Sungai Acheh berkenaan mempertimbangkan kenaikan pencen kepada semua Yang Berhormat yang sudah berkhidmat dan yang sudah bersara, memandangkan kerumitan kewangan pada masa yang terkini kebanyakan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang bekerja sepenuh masa apabila mereka menjadi wakil rakyat, mereka tidak ada pendapatan yang lain, tidak sama seperti YB. Pinang Tunggal "*Businessman*", *have no worry about that*. YB. Seberang Jaya kan Doktor. Bagi pihak kita, kita memandang Yang Berhormat-Yang Berhormat yang baru satu penggal yang kehilangan jawatan mereka sebagai wakil rakyat yang sekarang menghadapi masalah kewangan dan wang pencen mereka tidak sampai pun RM2,000.00, kalau hendak minta BR1M 1 Malaysia boleh dapat kalau gaji di bawah RM3,000.00 kan, jadi saya harap Dewan yang mulia ini dapat pertimbangkan permintaan *I think no YB. here will be objection*, sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih, YB. Dato' Timbalan Speaker, ada rakan-rakan saya yang bekas wakil rakyat dia terima elaun pencen RM1,700.00, dia layak dapat BR1M sedangkan dia berkhidmat kepada rakyat, masyarakat untuk membangunkan Pulau Pinang dah lama, Air Putih terima dengan elok saja, terima kasih YB. Berapit, YB. Penanti pun sokong. Saya tahu kadang-kadang mereka tidak mahu sebut, berapa orang yang bersetuju supaya elaun pencen dinaikkan, catit, yang lain tidak setuju, kalau tidak setuju jangan bayar kalau esok naik.

YB. Dato' Timbalan Speaker, saya hendak minta tolong berkenaan isu perlingkungan semula, saya bercakap berapa kali, jadi masih berlaku lagi. Baru ini pun saya sebut catat tiga belas ekarkah atau hektar, buat lagi perlingkungan semula diluluskan dalam SPC, kawasan saya kawasan bendang dan bendang itu memang ada hasil padi, hari itu sudah terlepas satu, ini ada lagi, jadi minta tolonglah. Saya tidak tahu, takkanlah Jabatan Pertanian memberi ulasan tiada halangan, mustahil sebab bendang, sawah dan mengikut YB. Sungai Dua dia memberitahu kepada saya, beras kita di Pulau Pinang ini berapa peratus, 25% kah kita ambil dari luar, lepas itu bendang kita kurang, makna esok kita hendak import lagi banyak, sepatutnya kita kena memperbanyakkan, sedangkan beras ini adalah makanan utama kita, saya harap sungguhlah, yang lepas-lepas itu sudahlah hendak buat macam mana. Lepas itu kita punya pelan struktur pun belum siap, *local* pelan pun tidak buat lagi, cuma apabila kita bertanya, mereka kata ikut draf, bila hendak digazet saya tidak tahulah. Saya harap disegerakan.

YB. Dato' Timbalan Speaker, satu lagi isu dalam akhbar Cina ini, saya ingat YB. Padang Kota, yang ini YB. Sungai Puyu hendak tengokkah, tidak mengapalah, sebenarnya saya terjemah anak saudara saya belajar di Sekolah Cina di Sungai Udang, mesin judi bertapak di kampung nelayan. Dia tulis sini *headline* dia, *enough is enough*. Mesin judi bertapak di kampung nelayan. 15 NGO bantah kedai *video game*. Kelmarin YB. Jawi pun sokong saya. YB. Machang Bubuk sokong. "Sebanyak 11 kedai *video game* berunsur judi dibuka di Kuala Nibong Tebal dalam masa 2 tahun kebelakangan ini. Ini membawa kepada banyak masalah sosial. Justeru, 15 NGO tempatan mohon pekedai tersebut, depa terjemah kasar sikit, berambus dalam 30 hari. Maknanya jauh sikitlah. Kedai *video game* berunsur judi tersebut penuh dibuka di setiap jalan. Ramai penduduk jadi mangsa kerana terlibat dalam kegiatan judi *video game*. Perbalahan menghutang ekoran berjudi, meminjam dari "Ah Long". Malah timbul perkelahian antara ahli keluarga, mangsa merangkumi pelajar menengah sehingga warga emas lebih 70 tahun tanpa mengira jantina". Ini gambar dia. Ada lagi di belakang. "Kedai *video game* di Nibong Tebal beroperasi 24 jam setiap hari. Terdapat 6 pengusaha yang menggunakan rumah kediaman sebagai tapak perniagaan *video game* dan yang selebihnya didirikan di rumah kedai. Masalah sosial umpama perbalahan menghutang pinjam "Ah Long" dan perkelahian antara anggota keluarga telah menjejaskan keselamatan kawasan setempat. Malah mengganggu kesejahteraan komuniti tempatan. Justeru, diulangi lagi, 15 NGO yang terdiri daripada 5 Persatuan Keagamaan Tokong, Persatuan Ikan, Bomba Sukarela, Pasukan Sukarela Keselamatan, AK Team, RELA Nibong Tebal, Lembaga Pengarah SJK (C) Yok Peng, Persatuan Alumni SJK (C) Yok Peng, PIBG SJK (C) Yok Peng, Tadika Yok Peng, JKKK Sungai Udang, Nibong Tebal. 15 NGO telah sebulat suara bersetuju mengusir kedai berunsur judi tersebut keluar daripada Kampung Nelayan ini. Kami telah pun mengutus surat kepada 11 pekedai dan kepada *Member Of Parliament*", iaitu Dato' Mansor lah. Dan kepada MPSP pun lah. Jadi saya nak benda ini diselesaikan segera.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Dato' Timbalan Speaker, kes ini memang cukup serius sebenarnya, apa yang berlaku di Nibong Tebal juga berlaku di Balik Pulau. Ada kes, dua (2) kes satu anak-anak sekolah tidak ke sekolah kerana bermain *game*. Habis sekolah mereka di situ, kemudian yang paling teruk apabila pasangan suami isteri terpaksa bercerai kerana suami habis gaji menghabiskan masa dan wang gaji itu di kedai judi itu. So, inilah gejala sosial yang agak meruncing dan mendukacitakan yang melanda bukan sahaja Nibong Tebal, Balik Pulau, bahkan di seluruh Pulau Pinang ini. Saya berharap kepada YB. Padang Kota selaku Exco berkaitan untuk mengambil tindakan sewajarnya. Untuk mengekang gejala ini dari berlaku dan kemudiannya berkembang. Persoalannya, mereka semakin berani kerana tindakan agresif ataupun yang mendesak supaya benda ini ditutup kerana kelonggaran dan kealpaan dari segi pemantauan agensi yang membuatkan mereka berani dan janganlah menyalahkan MBPP mengatakan Polis, Polis mengatakan MBPP dan sebagainya, saya rasa perlu ada tindakan bersepadu diantara MBPP, MPSP dan juga Polis, RELA dan sebagainya untuk mengekang gejala sosial yang semakin meruncing yang melanda masyarakat kita di Pulau Pinang ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih YB. Pulau Betong. YB. Dato' Timbalan Speaker, seterusnya saya nak mengulangi sebagai mewakili pengundi, penduduk. Termasuk mewakili SPS lah, termasuk kawasan YB. Timbalan Speaker mengharapkan Kerajaan Negeri melalui YB. Seberang Jaya, EXCO Kesihatan. Janganlah putus asa untuk membuat permohonan. Kita nak minta hospital ni. Hospital ini untuk rekod, YB. Dato' Seri Anwar Ibrahim lahir di situ. Betul tak YB. Dato' Timbalan? Dah lama hospital ini jadi patutlah di perbaiki. Janganlah sebagai seorang EXCO yang dilantik dok bagitahu yang ini urusan Kerajaan Persekutuan. Tapi kalau lain, hampa bantai hak Persekutuan tak kira. Betul tak? Bertanggungjawab la sebagai EXCO. Bila

saya minta Klinik 1 Malaysia, yang ini Persekutuan. Hak yang lain, *billion-billion*, minta. Betul? Tak boleh lah. Tanggungjawab. Soal depa tak bagi, soal lain. Soal minta kita kena minta. Sebagai pemimpin tempatan, betul? Macam kami sebagai wakil rakyat pembangkang, kami minta kat Kerajaan Negeri. Tak bagi tak apa. Kami tunjuk kat pengundi, kami minta depa tak bagi.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Sampai bila nak minta tak bagi? Kalau minta 10 bagi 5 pun cukup lah kan. Ni kalau minta tak bagi langsung. Sekarang ni tak adil, YB. Sungai Acheh.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Minta dah dapat pun dah ada. Dapat ikut belakang pun ada, senyap-senyap. Harap dipertimbangkan. Lepas itu, satu lagi YB. Padang Kota. YB. Padang Kota ini, sejak Y.A.B. Air Putih umum kalau jadi apa-apa kat dia, dia jadi Ketua Menteri, cukup hebat. Ada keyakinan diri. Kami pun seronok dan saya yakin dia akan tolong saya sebelum jadi Ketua Menteri pun dia akan tolong. Dia janji dengan saya. Sebelum ini ada masalah apa Pasar Kemboja ka apa, dia hantar PA dia mai jumpa saya. Saya tabik dengan dia. Ada keyakinan. Mai la sokong ramai-ramai. Nanti dulu, tak habis lagi. Jadi, nak minta lah. Pasal apa saya mula-mula menang pilihan raya tahun 2008, saya minta buat Pasar Awam di Kampung Sungai Acheh, bukan KADUN. Sebab masa zaman Barisan, saya jadi Ahli Majlis, kami dah putus nak buat. Lepas itu, Kerajaan Negeri pun nak ambil. Lepas itu tak jadi ambil. Jadi minta lah YB. Padang Kota. La ni depa jual ikan, jual apa semua banyak berselerak. Lepas itu depa nak beli yang baik sikit depa nak kena pergi Parit Buntar jauh. Nak ikut bas pun kadang tak ada, jadi minta. Di kawasan tu dah membangun. Pasai apa Kerajaan Negeri melalui SPC dah buat 7 *rezoning*. Bagi buat pembangunan la. Jadi, *market* dok tang tu betul lah, dia dah angguk. Saya boleh bawa cerita ini kat kampung saya malam ni, nak sebut dah lulus. Terima kasih banyak-banyak wahai YB. Padang Kota.

Satu lagi, saya cakap tentang pembangunan kawasan. Saya bercakap tiap-tiap kali sidang nak minta buat rumah kos rendah di kawasan saya. Janganlah ia diguna alasan pasal bank tok sah. Saya nak mencadangkan, ada dua tanah, YB. Jawi tak ada. Satu YB. Dato' Timbalan Speaker, di Jalan Bukit Panchor, cuba catit tanah Kuarters JKR yang usang. Tak guna. Penagih dadah dok ada. Sebelah tu, sebelah Dewan JKJK Jalan Bukit Panchor. Tanah Kerajaan. Gunalah duit yang dok ada, tabung yang dok ada, buat rumah kos rendah. Tapi buatlah rumah kos rendah yang bersesuaian. Kawasan itu mereka tak berapa nak suka rumah pangsa. Depa masih nak rumah yang bawah, *landed*.

Satu lagi YB. Dato' Timbalan Speaker, di Jalan Caledonia. Zaman pemerintahan kita itu, masa bos Dato' Muhamad Farid jadi menteri iaitu Tan Sri Noh Muhamad, nak bagi duit nak buat. Jadi, eloklah. Tanah Ladang Caledonia. Tanah kerajaan yang tak jauh lah daripada rumah ehsan yang Sungai Puyu sebut tu, dekat rumah ehsan. Minta dicatitkan saya nak mencadang supaya pembinaan rumah kos rendah dibuat atas tanah Kerajaan. Yang pertama, Jalan Bukit Panchor sebelah Dewan JKJK, yang kedua, atas tanah kuarters JKR yang telah usang dan yang ketiga di Ladang Caledonia.

Dan berikutnya, nak habis dah, YB. Dato' Timbalan Speaker, terima kasih. Berikutnya YB. Batu Maung. Dia tak ada, pi mana? Tak apa, tak apa. YB. Padang Kota tolong jawab. YB. Padang Kota, dia *cover* semuanya, dia bakal Ketua Menteri betullah, layaklah. Masjid Kariah Sri Ampangan, YB. Dato' Timbalan Speaker, Dato' Timbalan Ketua Menteri banyak kali pergi. Cukup mesra dengan jemaah. Depa puji. Poster pun buat. Cucu saya pun tanya, dia kata Tok Wan, baik kah Timbalan Ketua Menteri ? Baik. Depa sebut Pulau Jerejak. Dia kata YB. Pantai Jerejak, silap. Pantai Jerejak. Depa kata YB. Batu Maung kata nak bantu pasal tanah perkuburan. Ada kan? Semua dokumen ada. Lengkap. Semua lengkap. Dah *check* dah semua. Tanah status dia okey. Lepas itu, surat ini dituju kepada siapa? YB. Dato' Abdul Malik Bin Kassim, EXCO Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang. Minta peruntukan bla.. bla.. bla.. nak tambun tanah merah. Nak saya sebut ka? Bukan apa, kot sat lagi saya sebut sahabat saya kecil hati YB. Batu Maung dia nak bagi lebih kat saya. Itu yang saya tak *mention*. Tak apa, saya sebutlah. Telus. Memohon peruntukan sebanyak RM184,320.00 bagi menambun tanah merah di atas Lot 20478 Mukim 9, Seberang Perai Selatan seluas 1 ekar untuk tanah perkuburan Islam Masjid Kariah Sri Ampangan. Harap-harap YB. Dato' Timbalan Speaker, mereka luar tahu kita dok berbincang, perjuang hak depa. Saya tahu depa tengok. Jadi, saya haraplah. Hak dulu, membaiki bumbung dua surau dah lulus. Terima kasih daun keladi dua surau yang dijanji telah ditunai. Jadi, bila dah terima kasih daun keladi, kalau boleh nak lagi. Nak bagitahu kata setuju dah ka? Yang dulu YB. Batu Maung *on the spot* lulus. Buka hansard. Pasal apa yang ini tak berani? Kuasa ditarik kah? Ketua Menteri sebelah itu. Apa ini....(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

YB. Sungai Acheh. Saya rasa Yang Berhormat dah sedia maklum peruntukan Kerajaan Negeri adalah untuk dibuat sesuatu kerja. Bukan boleh bagi duit. Itu adalah satu perkara yang termaktub dalam prosedur kewangan. So, macam surau itu, YB. Sungai Acheh *complain* kata tirih, saya terus *approve* kerana JKR ataupun Pejabat Daerah yang akan pergi buat surau itu. Tapi minta duit, tak bolehlah. Perkara pertama. Perkara kedua ialah Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang kita telah merancang dengan juga UPEN telah merancang jauh ke hadapan tentang rancangan tanah perkuburan orang-orang Islam. Kita dah ada perancangan. So, kita juga tidak mahu tanah perkuburan ini sana sini merata-rata. Kita nak dia jadi satu taman-taman syurga di dunia ini. Kita nak jadi yang elok, yang baik. So, saya akan melihat. Saya dah terima dah permohonan itu. Semalam pun ada pihak-pihak pemimpin masyarakat hantar kat saya. Saya akan pertimbangkan, tengok keadaannya. Tapi duit, kita tak boleh bagi. Kita hanya boleh mengendalikan projek itu kalau diluluskan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih. *Amin Ya Rabbal Allamin*. Terima kasih. Pasal apa nada tinggi sangat? Orang agama, dia kena *slow*. Nampak, tu *testing* tu, *testing*. Dato' Lan, Pinang Tunggal dah tegur dah hari tu.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Itu cara saya.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Dia kena *slow*. Macam dululah macam kita sezaman dengan Anwar dulu. Bukankah kita bersama waktu itu wahai YB. Batu Maung...(*gangguan*). Terima kasih *response* baik cuma saya nak maklumkan kariah ini masalah dia dok kebumi jenazah di Permatang Tok Mahat. Taman dah banyak di situ. USM punya *students* pun ramai, *lecturer*, Taman Ilmu berapa *package*, Taman Pekaka, Taman Sempadan, Taman Transkrian, Taman Ilmu Indah banyak. Jadi la ni bila jadi kami terpaksa bawa jenazah ini ke Permatang Tok Mahat, jauh lagi. Kadang-kadang di Bandar Bharu. Sebenarnya YB. Dato' Timbalan Speaker, yang saya sebutkan angka tadi, bukan nak duit. Tak kan tak boleh mudahnya projek membekalkan tanah merah, projek menambun tanah perkuburan, projeklah. Tak begitu SR Datuk Mohd Farid yang tu pun tak tahu macam mana. Prestasi, YB. Batu Maung kurang memuaskan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Minta laluan. Terima kasih YB. Dato' Timbalan Speaker, suka juga saya *response* kepada tanggungjawab pada YB. Batu Maung, tadi saya lihat kesungguhan YB. Batu Maung dalam memperjuangkan hak-hak terutama sekali umat Islam di bumi Pulau Pinang ini. Suka saya sebut bila kita lihat balik bajet kita pada tahun ini untuk tahun 2017 peruntukan kepada sekolah-sekolah Cina, Sekolah Persendirian dan Mubaligh RM8.5 juta. Manakala kepada Sekolah Agama Rakyat RM1.75 juta. Begitu juga dengan Sekolah Tamil RM1.75 juta juga. Jadi saya nak tanya YB. Batu Maung dan YB. Pantai Jerejak sejauh mana peranan dan tanggungjawab kedua-dua wakil rakyat ini untuk menentukan kedudukan-kedudukan kepada umat Islam di sini fokus kepada Sekolah Agama Rakyat ada di seluruh tempat manakala Sekolah Tamil kurang. Jadi kalau boleh kita lihat di situ perbezaannya tidak ada, RM1.75 juta sama saja RM1.75 juta Sekolah Tamil berbanding dengan persendirian, Sekolah Cina dan Mubaligh RM8.5 juta jadi di mana letaknya tanggungjawab YB. Batu Maung dan YB. Pantai Jerejak juga dalam hal ini....(*gangguan*).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Tangguh dulu jawapannya. Teruskan Sungai Acheh. Dia lari tajuk sikit.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Tak lari tajuk...(*gangguan*).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Tak apa nanti gulung.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Saya tak lari tajuk. Kalau Dato' Timbalan Speaker kata saya lari tajuk, tak betul. Di sini saya mempersoalkan...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Tak apa nanti YB. Pinang Tunggal belum berbahas lagi. Teruskan YB. Sungai Aceh.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

(gangguan)...Bahas tak bahas itu tak masalah YB. Dato' Timbalan Speaker. Saya merujuk kepada apa yang disebutkan oleh YB. Sungai Aceh dan saya membuat dan untuk mendapat penjelasan. Saya ingat tidak menjadi masalah dalam Dewan yang mulia ini betul tak....(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ya betul.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Mana kesabaran YB. Dato' Timbalan Speaker kelmarin. Sepatutnya YB. Dato' Timbalan Speaker tak perlu nak tangguh...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila duduk. YB. Sungai Aceh.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Sikit lagi. Bila YB. Timbalan Dato' Speaker sebut pasal saya sentuh dalam Dewan yang mulia ini tidak ada kena mengena, ini tak betul YB. Dato' Timbalan Speaker....(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila duduk.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya nak minta YB. Sungai Aceh, sedikit lagi. Saya nak minta Batu Maung bil menggulung setahu saya dalam hal perbelanjaan Agama Islam ianya sepenuhnya Kerajaan Negeri. Mungkin YB. Batu Maung boleh jelaskan nanti apakah perkara-perkara yang boleh dibajetkan dalam peruntukan negeri untuk Agama Islam. Saya difahamkan tanggungjawab perbelanjaan peruntukan Agama Islam adalah di bawah Kerajaan Negeri dan bukannya Pusat. Mungkin nanti Yang Berhormat boleh menggulung dan menjelaskan kepada saya apakah perkara-perkara yang boleh dimasukkan dalam peruntukan Kerajaan Negeri untuk Agama Islam. Terima kasih.

Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih. YB. Dato' Timbalan Speaker. Hilang dah. Teringat lagi depa hantar peringat kat saya nak habaq kepada YB. Batu Maung bahawa saya pergi rasmi satu program Muqaballah Tafizi. Ujian Hafiz, makna dalam bahasa Arab. Mereka buat ujian tahfiz-tahfiz. Saya nak *test*, YB. Batu Maung nak

sahut dak. Dia tak sahut maknanya dia tak tahu. Tak apa. Saya terjemah dalam Bahasa Melayu iaitu ujian tahfiz-tahfiz. Jadi ada tiga (3) Sekolah Tahfiz, yang ini ianya bukan sepenuhnya, Batu Maung, dia separa tahfiz. Seronok hampir 300, 400 orang budak-budak kita ada ujian di situ. Depa pun habaqhah bila Tok Mud nak mai sidang DUN ni habaqhah YB. Batu Maung supaya dapat bagi peruntukan yang bersesuaian.

Satu Tahfiz di Masjid Seri Ampangan, satu lagi Tahfiz di Masjid Sungai Aceh yang lama. Nama penuh nanti saya bagilah. Lepas ni depa buat surat saya sokong, Batu Maung tengok saya sokong baru bagi. Orang lain sokong jangan bagi. Saya nak pesan, baru teringat. Okey Akhir sekali...(*gangguan*).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Mohon laluan. Saya nak tanya soalan pada YB. Sungai Aceh.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Boleh.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Sebab kawasan saya memang banyak kampung. Yang saya tahu peruntukan daripada Kementerian Desa yang jaga kampung tu, KKW. Peruntukan itu semua disalurkan kepada JKKP dan juga ADUN-ADUN Barisan Nasional. Saya nak tahu berapa banyak peruntukan yang disalurkan kepada JKKP dan juga ADUN-ADUN Barisan Nasional yang dari Kementerian Pembangunan Desa?

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

YB. Dato' Timbalan Speaker. Siaran tergendala diharap jangan betulkan televisyen anda. Saya nak betulkan JKKP ke, wakil rakyat ke duit tak ada. Mereka bagi peruntukan melalui SDO, Pejabat Pembangunan Negeri. Siapa saja boleh minta, kalau dipertimbangkan ada justifikasinya bersesuaian dia akan diberi pertimbangan. Kami minta dia tak bagi duit macam ni. Kalau macam wakil rakyat sebelah sana tahu beri tunai pun ada. Ada ke? Ada, tak mengaku jangan main. Tunai ada, salah peraturan kewangan. Tapi kita dak. Kita kena lengkap, semua kita buat. Kalau nak tau lebih lanjut nanti malam ni kita bincang lebih lanjut atas dasar persefahaman. YB. Penanti nak bimbang apa. Seri Delima dah baik dengan YB. Telok Ayer Tawar, dia hormat. Kita berdua juga apa salahnya.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Kesimpulan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Akhir sekali nak tanya sikit lagi. Mana dah hilang kertas. Okey. Ni saya bawa cerita ni. Cerita kereta di Hong Kong. Penang, hari itu Dato' Jahara kata produk kita ni, dia kata masa dia belajar di luar negara di UK, laksa Penang terkenal. Saya kira di Hong Kong, ada juga kereta Penang. Katanya kita punya Air Putih, kalau pi Hong Kong dok guna kereta ni. Ni dia, yang ni dia punya geran kereta. Besar, siapa punya tu, ini *lawyer*.

Jadi nak minta gulung nanti kalau YB. Padang Kota nak tolong jawab bagi pihak Air Putih, tolong jawab. Pemilik Value Partners Limited. Lepas tu nak sebut ni bukan apa. Orang ramai juga. Sat ni sila buktikan. *Public opinion*. Dato' Jahara dengar. Katanya pemilik kawan ni. Dia baru terima pingat anugerah Dato', DGPN. Jadi *the public*, orang ramai kata, macamana? Apakah kriteria dia? Sumbangan dia kepada Pulau Pinang. Adakah setakat beri guna kereta di Hong Kong, Air Putih pi Hong Kong naik kereta sebagai sumbangan besar. Saya pun nak lawan depa, tapi nak kena habaq kerana depa kata. Kalau nak ikut Datuk Farid tak payah pergi ambil anugerah di Melaka. Penang boleh bagi. Tiga (3) penggal dok buat kerja, sebagai SR banyak menjadi perunding macam-macam untuk bantu Pulau Pinang terus membangun, minta kat Y.A.B. Air Putih tak bagi. Pasal apa, mereka tak tau nilai. Ni saya tak tahu apa nilainya minta maaf kalau saya tersilap. Kalau ada apa yang tak kena minta maaf. Orang Penang.YB.

Pantai Jerejak pernah naik kereta ni kut. Tak apa, tapi dia dok di Hong Kong, dia dok Hong Kong kut. Angguk lah. Tak apa. Saya minta maaf jika ada salah silap dan sekian terima kasih.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Seterusnya YB. KOMTAR.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan yang mulia ini kerana memberi peluang kepada saya membahaskan ke atas Ucapan Bajet Negeri Pulau Pinang 2017 oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Secara keseluruhannya Bajet 2017 merupakan bajet yang prihatin kepada kebajikan rakyat. Dewan Rakyat semakin berat penurunan nilai mata wang ringgit secara mendadak, Kenaikan harga barang daripada minyak masak ke minyak petrol dan pelaksanaan GST. Usaha Kerajaan Negeri berjiwa rakyat haruslah dipuji kerana memahami kesusahan rakyat dengan terus mengecualikan cukai pintu 2017 bagi semua rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah dan rumah kampung yang bertanah berjumlah RM14.09 juta. Kerajaan Negeri turut memberi pengecualian bayaran GST untuk perkhidmatan MBPP dan MPSP berjumlah RM19.36 juta dan memberikan potongan 6% cukai pintu untuk semua hartanah lain termasuk hartanah komersial yang berjumlah RM21.74 juta. Ketiga-tiga langkah ini akan memberi penjimatan sebanyak RM55.19 juta kepada rakyat. Ini juga bermaksud, wang ini akan digunakan dalam pasaran untuk menggiatkan aktiviti ekonomi Pulau Pinang.

Isu banjir, sudah tentu menjadi salah satu isu yang hangat pada sesi DUN ini. Ini kerana banyak kes banjir telah berlaku baru-baru ini sewaktu musim hujan. Bukan sahaja merosakkan kemudahan awam namun membawa kerugian besar kepada mangsa banjir. Projek berskala besar seperti Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat tetapi Kerajaan Negeri turut melaksanakan tanggungjawab dengan meluluskan permohonan wang segera sebanyak RM665,000 kepada JPS kebelakangan ini untuk menjalankan Projek Tebatan Banjir dengan segera di tujuh lokasi *hotspot* banjir supaya dapat mengurangkan risiko banjir. Sejak tahun 2008 Kerajaan Negeri tidak pernah berhenti daripada memberi peruntukan untuk Projek Tebatan Banjir. Saya berasa amat besar hati sebab peruntukan besar sebanyak RM220 juta dalam Bajet 2017 akan diperuntukkan untuk pelaksanaan beberapa projek bagi mengatasi isu banjir di kebanyakan kawasan di negeri ini.

Walaupun peruntukan ini telah diluluskan, namun Kerajaan Negeri memerlukan masa untuk merancang dan menjalankan projek-projek ini. Oleh itu saya ingin meminta rakyat Pulau Pinang bersabar dan memberi masa kepada Kerajaan Negeri untuk menjayakan projek ini. YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan isu mengenai bilangan pengundi yang semakin merosot di kawasan Tanjong terutamanya di kawasan KOMTAR. Masalah ini semakin serius pada tahun ini setelah senarai pemilih baru diumumkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya (SPR). Di kawasan Tanjong, jumlah bilangan pengundi di ketiga-tiga KADUN telah menurun sebanyak 1163 orang pada tahun ini berbanding dengan tahun 2013. Antaranya, kawasan KOMTAR mencatatkan kemerosotan bilangan pengundi yang paling tinggi dengan mengalami pengurangan sebanyak 3.63% iaitu 588 orang pada tahun 2016 berbanding dengan tahun 2013. Bilangan pengundi kawasan KOMTAR telah dikurangkan dari 16132 orang pada tahun 2013 kepada 15544 orang tahun ini. Ini diikuti oleh nilai yang kedua besar iaitu kawasan Padang Kota yang mengalami kemerosotan pengundi sebanyak 3.4 % iaitu 522 orang.

Seterusnya, kawasan Pengkalan Kota juga tidak dikecuali dengan menghadapi penurunan sebanyak 0.3% iaitu 53 orang. Kemerosotan pengundi di kawasan KOMTAR juga bermaksud jumlah penduduk di kawasan KOMTAR semakin merosot. Keadaan ini semakin jelas setelah Akta Kawasan Sewa 1966 dimansuhkan oleh Kerajaan Pusat dan diikuti dengan pengiktirafan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO pada tahun 2008. Sejak George Town mendapat status warisan tersebut, nilai pasaran premis warisan pra-peperangan semakin melonjak dan menjadi minat syarikat atau warga asing untuk membeli premis-premis ini. Selain itu, pemansuhan Akta Kawasan Sewa menyebabkan peningkatan drastik dalam kadar sewa, isu ini timbul kerana kenaikan kadar sewa tidak lagi terkawal. Dengan itu, kadar sewa telah dinaikkan setinggi yang mungkin oleh pemilik supaya mendapat pulangan yang lumayan daripada premis-premis ini, mengakibatkan penduduk asal dan peniaga tradisional yang tidak mampu membayar sewa terpaksa berpindah keluar dari kawasan KOMTAR.

Demi menangani isu kenaikan kadar sewa yang tidak terkawal, satu enakmen baru iaitu Enakmen Penyelarasan Sewa akan menggantikan Akta Kawalan Sewa telah dicadangkan oleh Kerajaan Negeri supaya dikuatkuasa di Tapak Warisan UNESCO, George Town. Dengan itu, satu jawatankuasa telah dibentuk untuk menjalankan kajian ke atas cadangan ini dan langkah ini merupakan satu permulaan yang baik. Pelaksanaan Enakmen Penyelarasan Sewa ini sememangnya dapat mengawal kadar kenaikan sewa dan merupakan salah satu kaedah yang baik untuk menangani masalah penurunan populasi di kawasan KOMTAR. Namun begitu, kawalan yang terlalu ketat juga akan mempengaruhi aktiviti jual beli hartanah di kawasan tersebut. Oleh itu, keseimbangan haruslah diwujudkan dalam pelaksanaan enakmen ini demi menjamin kepentingan kedua-dua pihak iaitu pembeli dan penyewa. Saya berharap agar Kerajaan Negeri dapat memperkenalkan enakmen ini di Tapak Warisan UNESCO Georgetown dengan kadar segera.

Enakmen ini bukan sahaja dilaksanakan di Malaysia sahaja, negara-negara barat seperti Kanada dan Jerman juga mempunyai akta atau undang-undang sendiri untuk membatasi kenaikan sewa rumah. Negara-negara ini tetap mengizinkan peningkatan kadar sewa rumah, tetapi dengan syarat kadar yang dikenakan tidak boleh melebihi batasan tertentu. Di negara Jerman, peningkatan kadar sewa tidak boleh melebihi 20% dalam masa tiga (3) tahun dan pemilik rumah yang melanggar undang-undang ini akan dikenakan denda. Undang-undang kawalan sewa ini adalah salah satu unsur yang menjadikan Jerman sebuah negara yang harga rumahnya stabil dan juga mempunyai kadar pemilikan rumah yang paling rendah di Eropah.

Selain itu, *The Residential Tenancies Act 2006* yang berkuatkuasa di Ontario, Kanada memastikan peningkatan kadar sewa tidak melebihi 2.5% setiap tahun atau angka yang lebih rendah seperti yang ditetapkan oleh kerajaan. Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan luar negara ini telah menjamin penyewa membayar sewa yang berpatutan, manakala pemilik juga dapat memungut sewa yang seharusnya. Kadar sewa rumah khususnya premis warisan di George Town tidak sepatutnya ditentukan dengan mengikut harga pasaran bebas kerana bilangan premis ini adalah terhad. Jika sebahagian besar daripada bangunan-bangunan ini dimiliki oleh sesuatu individual atau organisasi atau syarikat yang sama, maka sistem *free-floating* tidak akan memberi hasil yang sewajarnya ke atas kadar sewa, tetapi ianya akan dikawal oleh pihak tertentu sahaja. Selain itu, di Tapak Warisan Dunia George Town masih terdapat banyak premis lama dan terbiar dan dimiliki oleh individu tertentu. Kerajaan Negeri boleh membentuk satu dana khas di bawah *George Town World Heritage Incorporated (GTWHI)* untuk membeli dan membaiki premis-premis ini supaya ianya tidak dibiarkan terus usang sahaja. Premis ini juga boleh disewa kepada peniaga tradisional agar perniagaan tersebut diwariskan kepada generasi muda di samping memelihara premis lama yang bersejarah.

Projek rumah mampu milik Jalan SP. Chelliah atau *The Rise* yang dijangka siap pada akhir tahun 2019 adalah langkah permulaan yang baik untuk menarik minat penduduk untuk menetap semula di kawasan KOMTAR. Projek ini akan menyediakan sebanyak 2,093 unit rumah kos sederhana rendah dan mampu milik. Salah satu langkah Kerajaan Negeri dalam merealisasikan hasrat rakyat negeri ini untuk memiliki sebuah rumah. Rancangan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek perumahan mampu milik di lokasi berhampiran dengan kawasan KOMTAR adalah berita baik bagi rakyat Pulau Pinang. Namun, hanya projek perumahan yang dijalankan di kawasan KOMTAR dapat mengubah situasi kemerosotan bilangan pengundi di kawasan KOMTAR. Saya faham bahawa lokasi tapak yang sesuai untuk pembangunan baru di kawasan KOMTAR adalah amat terhad, tetapi saya berharap Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan program *Urban Renewal* dengan mengenalpasti lokasi tapak yang sesuai untuk menjalankan projek pembinaan semula, bagi meningkatkan ketumpatan perumahan di kawasan KOMTAR dengan memaksimumkan penggunaan tanah.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua. *Transit-Oriented Development (TOD)* merupakan pembangunan hartanah kediaman dan komersial di kawasan pengangkutan awam untuk memaksimumkan akses rakyat kepada perkhidmatan awam. Zon TOD biasanya merupakan pusat tumpuan dengan stesen transit atau perhentian perkhidmatan awam yang dikelilingi oleh pembangunan berkepadatan tinggi. Pembangunan jenis ini adalah ciri yang sudah lama terdapat dalam perancangan bandar di *Singapore*, Hong Kong dan Tokyo. Di *Singapore*, pengangkutan utama seperti MRT dan lebuh raya telah diintegrasikan ke dalam pelan guna tanah. Hub pengangkutan bersepadu juga dibina untuk meningkatkan pengalaman penumpang dan memudahkan lagi proses pemindahan antara mod pengangkutan awam. Di Hong Kong pula, unsur mobiliti telah dipertimbangkan dalam perancangan bandar. Hal ini menjadikan kira-kira 75% bangunan pejabat dan lebih kurang 42% rumah di Hong Kong terletak dalam jarak 500 meter dari stesen MRT. Ini memudahkan orang ramai berjalan kaki ke stesen

MRT dan menaiki MRT ke tempat kerja, mengurangkan pergantungan kepada pengangkutan berdasarkan jalan.

Di Malaysia, *Kuala Lumpur Central* atau *KL Central* merupakan sebuah kawasan pembangunan transit yang menempatkan stesen kereta api utama Kuala Lumpur. Pembangunan ini merangkumi hub pengangkutan, hotel, bangunan pejabat, pangsapuri dan pusat beli-belah. Kawasan pembangunan tersebut telah dibahagi kepada beberapa plot tanah dengan setiap satunya diberi fungsi tertentu. Selain Kuala Lumpur dan Johor Bahru, Pulau Pinang juga merupakan bandar yang mempunyai penempatan tertinggi dan pesat membangun di Semenanjung Malaysia. Tambahan lagi, pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Awam (PIP) Pulau Pinang dapat menyempurnakan lagi sistem pengangkutan awam dengan menawarkan kepelbagaian pilihan dari segi pengangkutan seperti LRT dan *Monorail* yang sesuai dengan TOD. Pembangunan kepadatan tinggi di kawasan pembangunan transit bukan sahaja dapat memaksimum akses pengangkutan awam, malah dapat mengurangkan masalah lalu lintas utama. Jumlah penumpang juga meningkat dapat menjana pendapatan yang mencukupi bagi menampung kos pembinaan stesen dan operasi perkhidmatan awam. Walaupun projek ini memerlukan kos yang tinggi dan perancangan yang terperinci, saya berharap Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan implimentasi TOD yang selaras dengan PIP Pulau Pinang. Contohnya melaksanakan projek perumahan berkepadatan tinggi di kawasan berpotensi yang berdekatan dengan stesen pengangkutan awam, lebih-lebih lagi merancang membeli tanah untuk pembangunan masa depan.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua. Sistem pembayaran parkir MBPP telah berubah mengikut masa, bermula dari sistem parkir secara manual dan mesin parkir bermeter, sehinggalah sistem kupon dan sistem pembayaran elektronik yang diperkenalkan pada masa kini mempunyai kelebihan dan kelemahannya masing-masing. Saya juga berasa amat besar hati dengan penyeragaman waktu kawalan parkir yang akan dilaksanakan oleh MBPP. Cadangan ini telah saya bangkitkan pada sidang DUN yang lepas. Mesyuarat biasa MBPP yang diadakan pada 27 Oktober 2016 yang lepas telah bersetuju dengan cadangan penyeragaman waktu kawalan kutipan letak kereta MBPP. Waktu berkuatkuasa yang baru ini akan dilaksanakan mulai tahun depan iaitu Isnin hingga Sabtu termasuk cuti am dari pukul 8.00 pagi sehingga pukul 6.00 petang dan percuma pada hari Ahad setelah diwartakan. Papan tanda yang terletak di tempat letak kereta MBPP seperti yang kita semua tahu terdiri daripada tiga (3) jenis iaitu papan tanda hijau, biru dan merah. Antaranya, papan tanda hijau menunjukkan bahawa tempat letak kereta di suatu kawasan adalah percuma pada Ahad dan Hari Kelepasan Am, tetapi dengan penyeragaman waktu kawalan yang baru ini pengguna tidak lagi menikmati parkir percuma pada hari cuti am. Saya tidak menafikan bahawa langkah penyeragaman waktu kawalan ini dapat memudahkan masyarakat supaya tidak dikelirui oleh papan tanda berlainan warna yang memaparkan waktu kawalan yang berbeza mengikut kawasan tertentu. Namun begitu, maklum balas dan kebajikan masyarakat perlu dijadikan pertimbangan utama sebelum melaksanakan penguatkuasaan ini.

Tempat letak kereta di banyak kawasan PBT seperti Majlis Bandaraya Ipoh, Majlis Perbandaran Kluang, Majlis Perbandaran Port Dickson dan Majlis Perbandaran Selayang adalah percuma pada hari kelepasan am. Ketetapan seperti ini bukan sahaja dapat mengurangkan beban kos parkir rakyat, namun di destinasi pelancongan seperti Pulau Pinang, ia juga akan menjadi salah satu daya tarikan pelancong untuk turus berkunjung ke destinasi tersebut. Memandangkan lebih 45% responden dalam pengumpulan pendapat masyarakat yang dijalankan oleh MBPP setuju dengan cadangan waktu kawalan yang memberi tempat letak kereta percuma pada hari kelepasan am. Saya harap MBPP akan mempertimbangkan semula cadangan saya dan boleh mengambil Majlis Perbandaran Ipoh sebagai contoh untuk menawarkan parkir percuma pada cuti am. Ini dapat memudahkan aktiviti-aktiviti pelancongan di Pulau Pinang terutamanya mereka yang memandu kereta sendiri. Hal ini kerana waktu berkuatkuasa tempat letak kereta Majlis Bandaraya Ipoh juga sama dengan penguatkuasaan baru MBPP.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, anggota penguatkuasa MBPP seringkali memberi imej yang negatif kepada orang awam semata-mata dikaitkan dengan kerja mengeluarkan saman dan merampas harta benda sesiapa yang tidak mematuhi peraturan MBPP. Ini adalah tugas penguatkuasaan MBPP atau PBT. Meronda untuk saman pengangkutan yang melanggar peraturan, meletak kenderaan di kawasan yang ditugaskan merupakan sebahagian kerja harian anggota penguatkuasa. Ini menjadikan anggota penguatkuasa lebih memahami tentang suasana sekeliling, kerosakan kemudahan awam atau masalah yang berlaku di kawasan tersebut. Seramai 68 anggota penguatkuasa MBPP ini sememangnya boleh dijadikan duta MBPP dengan melakukan *multi tasking* iaitu menerima aduan dari orang ramai atau mengesan masalah di kawasan tertentu semasa menjalankan tugas dan melaporkan kepada Biro Perhubungan Awam. Ini dapat mengubah fikiran orang ramai terhadap imej anggota-anggota barisan

hadapan ini. Mereka bukan lagi seorang yang mengenakan hukuman denda sahaja, mereka sedia mendengar aduan dan masalah yang dibangkitkan oleh penduduk setempat.

Dengan itu masalah yang berlaku dapat dikesan dengan segera dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Walaupun anggota penguatkuasa ini telah dipertanggungjawab dengan tugas-tugas yang sedia ada, saya ingin menyeru kepada pihak MBPP supaya mengambil kira cadangan saya untuk meningkatkan imej anggota MBPP seterusnya meningkatkan kecekapan MBPP dalam menyelesaikan masalah.

YB Dato' Timbalan Yang di-Pertua, MBPP sememangnya menyediakan peruntukan khas untuk memasang lampu hiasan perayaan untuk mewujudkan suasana perayaan yang lebih meriah. Lampu hiasan ini biasanya dipasang di kawasan tertentu semasa menyambut perayaan utama seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali, Hari Kemerdekaan dan Sambutan Tahun Baru. Menurut jawapan soalan bertulis saya nombor 25, peruntukan khas ini yang disediakan oleh MBPP adalah semakin meningkat tahun demi tahun. Peruntukan ini pada tahun 2012 hanya berjumlah RM153,000.00 dan telah mengalami peningkatan setiap tahun. Peruntukan bagi tahun ini adalah berjumlah RM382,500.00 iaitu peningkatan sebanyak RM229,500.00 (150%) berbanding dengan tahun 2012. Namun begitu lampu hiasan bereka bentuk lama masih diguna pakai pada waktu perayaan dan tidak ditukar kepada lampu hiasan reka bentuk moden atau *design* yang baru atau *desing-design* yang lebih menarik. Lampu hiasan sememangnya dapat mewujudkan suasana perayaan dan menjadi daya tarikan kepada pelancong, contohnya *Orchard Road* di Singapore dihiasi dengan pelbagai jenis lampu hiasan perayaan yang cantik pada waktu perayaan dan berjaya menarik perhatian pelancong dan orang tempatan untuk berkunjung ke kawasan tersebut. Pada Tahun Baru Cina, selalunya Kek Lok Si akan menghiaskan lampu hiasan LED yang moden dan tradisional dalam kawasan Kek Lok Si untuk tujuan menarik pelancong dan sambutan tradisional.

Saya ingin mencadangkan agar lampu hiasan perayaan PBT yang bereka bentuk lama ditukar dengan lampu hiasan baru yang menunjukkan kepelbagaian dan bercorak moden. Lampu-lampu hiasan perayaan ini juga boleh dipasang di kawasan yang penuh dengan suasana budaya tradisional seperti Little India, Lebuh Armenian, Jalan Kapitan Keling, Lebuh Campbell dan tempoh waktu yang dipasang itu awal sedikit jangan sampai dua (2) minggu hendak masuk perayaan baru pasang...(gangguan).

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Minta penjelasan. Tambahan sedikit kepada apa yang telah dikatakan tadi, untuk makluman YB. KOMTAR, apabila setiap kali perayaan Tahun Baru Cina di sekitar kawasan Air Itam atas inisiatif Kerajaan Negeri dan juga wakil rakyat, kita memasang lampu-lampu perayaan tetapi itu atas inisiatif wakil rakyat. Boleh juga wakil rakyat di kawasan tertentu boleh mengadakan inisiatif dengan tajaan pihak swasta untuk memeriahkan perayaan. Setiap kali Hari Raya Aidilfitri saya menaja di kawasan saya beberapa bintang raya. Bintang-bintang raya dipasang di beberapa kawasan kampung dan kawasan perumahan. Kita boleh meminta MBPP untuk berbuat demikian tetapi juga wakil rakyat kawasan boleh juga menyumbang ke arah itu sama supaya lampu-lampu hiasan sama ada Tahun Baru Cina, Deepavali dan Hari Raya Aidil Fitri boleh digantung di kawasan masing-masing. Itu tambahan idea-idea kepada YB. KOMTAR, terima kasih.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Syabas kepada YB. Air Itam kerana mempunyai inisiatif menggunakan peruntukan dan mencari pihak swasta untuk menaja dan *lighten up the city*.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, menurut jawapan yang diberi terhadap soalan bertulis yang ke 12, saya amat gembira kerana daripada lebih 30 buah unit hartanah yang disenaraikan oleh Kerajaan Negeri ada satu yang sesuai untuk disewakan kepada orang ramai untuk dijadikan *banglo stay* iaitu Banglo Hillside di Bukit Bendera, sekarang dimiliki oleh SSI. Rumah banglo milik MBPP di Jalan Brown pada masa dahulu boleh disewakan kepada orang awam sebagai *banglo stay*. Harga sewa rumah tetamu ini hanya RM50 sehari. Sejak Penang Institute mengambil alih rumah banglo tersebut, MBPP tidak lagi memberikan perkhidmatan sedemikian kepada orang awam.

Saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri, selain dari Banglo Hillside yang saya sebutkan tadi, boleh dapatkan dengan mengenal pasti satu atau lebih rumah banglo untuk disewakan bagi kegunaan rakyat, terutamanya pelajar-pelajar sekolah, kolej atau universiti pada kadar mampu untuk tujuan *banglo stay*, *team building* dan aktiviti yang lain-lain.

YB Dato' Timbalan Yang di-Pertua, kontainer sampah atau *construction waste*, kebiasaannya terletak di tepi jalan untuk kegunaan penduduk setempat atau projek pembinaan. Kontainer-kontainer ini amat berbahaya kepada pengguna jalan raya terutamanya pada waktu malam dan hari hujan. Kemalangan maut dan cedera parah pernah berlaku akibat terlanggar kontainer ini. Pada bulan Oktober yang lalu, satu kemalangan maut telah berlaku di Kerian, Perak. Seorang penunggang motosikal terlanggar sebuah kontainer sampah PBT yang terletak di atas jalan raya sebelum waktu subuh. Penunggang ini telah mengalami cedera parah dan maut selepas dihantar ke klinik yang berdekatan. Ini berlaku kerana anggota-anggota PBT pada masa itu bersedia untuk memindah kontainer sampah yang sudah penuh, maka meletak kontainer sampah yang satu lagi yang hendak diganti di atas jalan raya.

Pada tahun 2011 di Serdang, Selangor, kes yang serupa juga berlaku, dua (2) orang penunggang terlanggar kontainer sampah milik kontraktor di tepi jalan dan menyebabkan seorang cedera parah dan seorang lagi cedera ringan. Kontainer seperti ini sebenarnya tidak sesuai diletakkan di tepi jalan kerana kontainer ini akan mengancam keselamatan pengguna jalan raya dan menghalang lalu lintas. Tambahan pula, penggunaan jalan raya yang mengalami maut atau cedera parah juga akan menyebabkan sesebuah keluarga hilang punca pendapatan tetap atau keupayaan untuk bekerja.

Saya ingin mencadangkan kepada PBT di Pulau Pinang supaya membentuk satu garis panduan untuk dirujuk oleh anggota-anggota PBT supaya mengambil langkah-langkah keselamatan yang perlu semasa menguruskan kontainer ini. Di samping itu, PBT juga perlu elakkan dari meletak kontainer sampah di tepi jalan, melarang mana-mana pihak yang berbuat demikian dan mengeluarkan saman kepada pihak yang melanggar peraturan. Pelekat atau cat pemantul cahaya juga wajib digunakan ke atas kontainer-kontainer ini untuk mengurangkan kes-kes kemalangan.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, pada minggu yang lepas saya telah bertanya satu soalan lisan di sidang DUN ini tentang hasrat Kerajaan Negeri untuk menggubal enakmen bagi mengehendkan pembelian hartanah warisan pra-peperangan di Tapak Warisan Dunia George Town oleh warga asing. YB. Seri Delima juga membangkitkan isu ini semasa beliau berbahas pada petang tadi. Saya diberitahu bahawa Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk mewujudkan enakmen untuk mengehendkan pembelian ini dan cadangan ini adalah bertentangan dengan Akta Persekutuan iaitu Kanun Tanah Negara akan tetapi pihak Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk mengkaji kemungkinan bagi menyediakan Enakmen Penyelarasan Sewa (*Rent Regulation Enactment*) di Tapak Warisan Dunia George Town. Saya telah menyarankan Kerajaan Negeri agar mengkaji laporan media masa yang berkenaan yang membabitkan pembelian tersebut. Sekiranya benar, saya juga berharap agar Kerajaan Negeri berbincang dengan Kerajaan Pusat untuk menggubal akta yang dapat mengehendkan pembelian ini. Saya turut mencadangkan Kerajaan Negeri agar menetapkan harga minima kepada RM200 juta bagi pembelian hartanah di Tapak Warisan Dunia George Town oleh warga asing. Sejak 1 Julai 2012, warga asing hanya dibenarkan membeli hartanah berharga tidak kurang daripada RM2.0 juta di bahagian Pulau dan tidak kurang RM1.0 juta di bahagian Seberang Perai. Bagi hartanah swasta pula, warga asing tidak dibenarkan untuk membeli hartanah yang kurang daripada RM1.0 juta di kedua-dua bahagian ini. Sekiranya harga minima di bahagian Pulau ditetapkan, maksud saya harga minima *property* di kawasan George Town World Heritage, satu amaun yang ditetapkan terlalu dekat dengan harga siling sekarang, ia hanya akan menyebabkan kenaikan harga premis dan tidak akan mengehendkan pembelian hartanah oleh warga asing secara efektif. Hal ini kerana warga asing mempunyai kuasa beli yang lebih tinggi, tambahan pula kejatuhan nilai ringgit Malaysia yang akan meningkatkan lagi kuasa beli warga asing.

Di Tapak Warisan Dunia ini sememangnya tidak mempunyai hartanah yang bernilai RM200 juta dan ke atas. Cadangan ini adalah untuk mengehendkan pembelian hartanah di Tapak Warisan Dunia George Town oleh warga asing. Jika saranan ini dapat dilaksanakan, maka Kerajaan Negeri juga dapat mengehendkan pembelian ini di bawah bidang kuasa sendiri dan tidak bercanggah dengan Akta Persekutuan. Saya percaya rakyat Pulau Pinang tidak ingin melihat premis-premis warisan di Pulau Pinang ini menjadi milik warga asing jika harga premis-premis ini dinaikkan pada tahanan yang terlampau tinggi pada suatu hari. Hakikatnya kita tidak akan mampu membeli semula premis warisan ini. Dengan itu saya ingin menyeru kepada Kerajaan Negeri bagi pihak rakyat Pulau Pinang supaya mengambil pertimbangan teliti dengan mengambil kira cadangan saya bagi mengehendkan pembelian hartanah di

Tapak Warisan Dunia George Town warga asing, akan tetapi aktiviti pembelian oleh warga asing masih boleh dijalankan dikawasan yang lain di Negeri Pulau Pinang.

YB. Timbalan Yang di-Pertua, sejak tahun 2008 banyak usaha telah diambil oleh Kerajaan Negeri dan PBT untuk mengalakkan penggunaan basikal sebagai pengangkutan alternatif yang mesra alam dan baik untuk kesihatan. Halatuju Kerajaan Negeri dalam usaha ini telah diperkukuhkan dengan polisi dan garis panduan penyediaan laluan dan kemudahan basikal.

Sehubungan dengan itu, pelan induk Laluan Basikal Pulau Pinang telah dirangka oleh Kerajaan Negeri dan PBT pada tahun 2010 serta polisi-polisi diadakan untuk mengalakkan penggunaan basikal di Pulau Pinang. Lorong-lorong basikal sama ada secara berasingan atau berkongsi dengan kenderaan bermotor juga telah disediakan di beberapa kawasan di bahagian pulau. Setakat ini, laluan basikal sepanjang 150km telah disediakan dibahagian Pulau.

Laluan basikal perlu disediakan secara asing daripada sesuatu jalan. Hal ini kerana kebanyakan projek jalan raya mengabaikan keselamatan penunggang basikal dan tidak menyediakan lorong khas untuk mereka. Maka, bagi mereka yang menunggang basikal, amat bahaya sekiranya berkongsi lorong dengan pengguna jalan raya yang lain. Selain daripada penggunaan basikal biasa, penggunaan basikal empat (4) roda telah semakin popular di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town terutamanya di kalangan pengunjung. Banyak penunggang basikal ini menunggang basikal mereka seolah-olah kenderaan bermotor yang lain dan ada juga penunggang yang menunggang basikal mengikut arah yang bertentangan tanpa mematuhi peraturan jalan raya. Keadaan ini telah menimbulkan kesusahan kepada pengguna jalan raya yang lain dan menyebabkan kesesakan lalu lintas, lebih-lebih lagi akan membahayakan nyawa sendiri. Masalah ini pernah saya bangkitkan dalam sidang DUN yang lepas.

Menurut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), banyak aduan telah dibuat oleh komuniti tempatan tentang isu yang timbul, akibat daripada basikal empat roda yang melanggar peraturan jalan raya. Selain itu, PBT juga berhasrat untuk mengharamkan penggunaan basikal lebih daripada dua roda selain dari beca di Pulau Pinang. Saya ingin mencadangkan agar PBT menghadkan bilangan basikal empat (4) roda yang disewakan oleh setiap pengusaha, saya mempunyai pandangan yang berlainan dengan hasrat MBPP, saya berpandangan perniagaan ini perlu dilesenkan dengan garis panduan dan bukan mengharamkan sahaja kerana ini merupakan satu daya tarikan untuk pelancong pelancong yang datang di Tapak Warisan Dunia terutamanya kepada mereka yang tidak tahu menunggang basikal dua roda, so satu *family* empat (4) orang, lima (5) orang mereka boleh berkongsi satu (1) basikal empat (4) roda, yang pentingnya kita perlu menetapkan peraturan agar semua pengguna mematuhi undang-undang tersebut.

Sekiranya mendapati ada penunggang langgar peraturan ini saman boleh dikeluarkan kepada pengusaha dan orang-orang yang menunggang basikal tersebut dan sistem demerit boleh digunakan dan sistem amaran juga boleh digunakan kepada pengusaha. Di samping itu satu perbincangan juga perlu diadakan antara PBT dengan pengusaha supaya suara rakyat dan turut didengar sebelum PBT membuat keputusan yang muktamad.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, Selaras dengan tema Belanjawan Negeri 2017 "Ke arah Negeri Keusahawanan dan Kebajikan" dan keseimbangan ekonomi semasa dan kos sara hidup yang semakin menekan, kenaikan harga minyak masak disebabkan pemansuhan subsidi dan pengapungan harga minyak masak mengikut harga pasaran adalah isu yang sangat sensitif dikalangan rakyat Malaysia ditambah dengan kenaikan harga minyak petrol dan diesel bagi bulan November. Ramai rakyat Malaysia, khususnya anak muda memilih sektor perniagaan sebagai jalan kedua bagi menampung kos sara hidup yang semakin tinggi.

Kepada sesiapa yang suka menonton *Asian Food Channel* di Astro, mesti sudah biasa mendengar tentang budaya trak makanan atau *food truck* di sekitar bandar-bandar besar di Amerika dan Kanada seperti New York dan Toronto. Jika di Malaysia, perniagaan trak makanan ini seakan menjadi satu *trend* perniagaan yang semakin popular. Apa yang menarik industri trak makanan ini lebih didominasi oleh golongan muda.

Kebanyakan peniaga trak makanan ini dulunya menjalankan perniagaan secara sambilan kerana masih mempunyai pekerjaan tetap. Namun setelah menerima respon yang memberangsangkan dari pelanggan, ada yang nekad melakukan perniagaan secara sepenuh masa. Bagi mereka, perniagaan

seperti ini ianya lebih jimat kerana tak perlu membayar sewa premis dan hanya fokus kepada kaedah pemasaran untuk menarik pelanggan. Modal yang dikeluarkan untuk perkara-perkara penting seperti minyak kenderaan, bahan mentah dan sebagainya.

Pada masa yang sama berkaitan pemasaran reka bentuk trak yang menarik sebagai tarikan orang ramai. Disebabkan trak makanan bergerak dari satu lokasi ke lokasi yang lain, cara itu sudah memadai untuk memberitahu pelanggan berkaitan perniagaan yang dijalankan. Selain itu, sebagai orang muda, penggunaan media sosial amat penting kerana medium itu banyak membantu mengembangkan perniagaan yang diusahakan menerusi laman *Instagram* dan *Facebook* yang memaparkan lokasi dan jadual pergerakan trak makanan dari semasa ke semasa.

Pilihan makanan bagi pengusaha *food truck* ini pelbagai bergantung kepada pengusaha kerana terdapat pelbagai pilihan makanan seperti aiskrim, sandwich, makanan barat, makanan fusion dan ada yang turut menjual kopi yang di *bru* segar. Tak kurang ada juga yang menjual makanan tempatan seperti kacang pool, mi rebus, laksa dan sebagainya. Makanan juga dipersembahkan dengan cara yang bersih dan kreatif.

Meskipun perniagaan berkonsepkan trak ini dilihat sebagai satu fenomena, namun para usahawan sebenarnya tidak berkecuali daripada berdepan dengan cabaran. Rata-rata peniaga terkilan apabila permohonan untuk mendapat lesen berdepan dengan kesukaran. Kerajaan Negeri perlu komited dalam galakkan perniagaan berkenderaan dan memastikan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dapat melonggarkan syarat pemberian permit umum kepada peniaga-peniaga supaya mereka bebas berniaga terutamanya di sekitar kawasan Tapak Warisan Dunia George Town....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Yang Berhormat minta laluan, terima kasih. Yang Berhormat sebenarnya saya amat berminat dengan kesediaan *food truck* ini dan tambahan lagi saya rasa gerai-gerai atau kiosk-kiosk di atas siar kaki juga boleh menjadi satu penjana aktiviti di kawasan bandar. Namun pada pendapat saya cadangan untuk *food truck* atau gerai di siar kaki ini masih tidak sesuai di Pulau Pinang disebabkan oleh kekurangan pegawai dan sistem penguatkuasaan bagi pihak PBT. Sekarang juga tadi YB. Seri Delima telah membangkitkan tentang masalah kekurangan tempat letak kereta, tambahan lagi kami ada masalah kereta menunggu di merata-rata, tidak cukup penguatkuasaan oleh pihak polis dan sebagainya, jadi sebelum garis panduan *food truck* boleh dikuatkuasakan adalah perlu ada sistem penguatkuasaan itu diteliti dengan amat mendalam sekali. Namun sudah tiba masa bagi Negeri Pulau Pinang mempunyai kiosk-kiosk di siar kaki mempunyai *food truck* kerana ianya memang satu aktiviti yang akan menjana aktiviti di kawasan bandar. Penguatkuasa adalah diperlukan dan saya harap PBT akan jika boleh memberi laporan untuk mempertingkatkan penguatkuasaan agar pelbagai cara untuk menjana aktiviti bandar kami boleh diimplementasikan jika ada penguatkuasaan yang mencukupi, terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan YB. KOMTAR. YB. Timbalan Yang di-Pertua, satu perbincangan yang menarik tentang keusahawanan *food truck* ini dan saya sendiri pun sebagai orang yang mengendalikan usahawan di Pulau Pinang di bahagian Persekutuan juga mendapat banyak pertanyaan dan permohonan untuk mereka berniaga, kalau boleh di malam hari sebagai kerja *part time*, so saya berharap pihak MBPP dan MPSP mempertimbangkan perkara ini untuk memberi lesen kepada mereka untuk beroperasi. Saya rasa ini penting kerana kebanyakan mereka akan meminta bantuan pinjaman dan sebagainya untuk beroperasi.

Yang keduanya tempatkan mereka di kawasan tertentu supaya keluarga orang ramai boleh mengunjung tempat itu sebagai *family outing*, contohnya di kawasan *Queensbay* ditempatkan di situ supaya masyarakat boleh turun boleh makan bersama keluarga di sana dan kalau boleh secepat mungkin perkara ini diambil tindakan supaya pertanyaan-pertanyaan dibuat kepada Kerajaan Pusat tentang permohonan bagaimana dan sebagainya untuk mengwujudkan *food truck* ini dapat dilaksanakan dan saya berharap pihak Kerajaan Negeri dapat menyokong penuh usaha yang dilakukan oleh YB. KOMTAR. Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Food truck memang telah menjadi satu *trend* di luar Pulau Pinang dan telah pun dijalankan dengan baik. Kalau ADUN KOMTAR memfokuskan di kawasan *World Heritage* ADUN Pulau Betong pula menyebut di luar *heritage*, saya di kawasan Bayan Baru telah mengwar-warkan satu penganjuran tersebut dan harap ini boleh disokong oleh pihak PBT untuk merangka garis panduan yang lebih baik lagi tentang pengurusan *food truck*. Ia bagus sebab pengurusan setiap *truck* itu dapat dipastikan memenuhi keperluan alam sekitar, pengurusan makanan berlebihan dan sebagainya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih YB. KOMTAR, saya cuma ingin memberi teguran di sini walaupun kita memang menggalakan perniagaan *food truck* tetapi kita harus memastikan bahawa peluang perniagaan harus ia di khas kepada warga Pulau Pinang sahaja ataupun warganegara Malaysia kerana kalau kita lihat di kawasan berdekatan di Jambatan Pulau Pinang bila menghala ke Queensbay di sebelah kiri, banyak gerai-gerai disediakan, yang saya difahamkan semua tuan punya gerai-gerai tersebut kewarganegaraan mereka boleh dipertikai. Jadi kalau dibenarkan, saya ingin pihak berkuasa untuk memantau, memastikan bahawa perniagaan ini hanya dibenarkan kepada warganegara Malaysia khususnya rakyat Pulau Pinang dimana warganegara asing kita lihat seperti warganegara Bangladesh, Pakistan dan Myanmar. Pakistan kita lihat banyak juga membuka kedai-kedai permaidani di sekitar Pulau Pinang, ada juga warganegara Myanmar dan Bangladesh membuka kedai-kedai barangan keperluan harian seperti dekat KOMTAR. Jadi saya ingin beri pandangan saya bahawa jika perniagaan ini dibenarkan diberikan manfaat kepada warga Pulau Pinang sahaja untuk memohon lesen dan berniaga dan tindakan-tindakan penguatkuasaan diambil jika didapati bahawa perniagaan *food truck* ini diceburi oleh negara asing. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Terima kasih, saya setuju dan ingin membangkitkan bahawa kadang kala garis panduan diwujudkan bukan sahaja untuk memberi peluang orang memulakan *food truck* tapi juga merupakan satu mekanisme untuk mengawal cara di mana *food truck* itu diimplementasikan. Saya juga ingin mengambil kesempatan menekankan bahawa sebenarnya permintaan untuk mengeluarkan *food truck* ini adalah berkaitan dengan mungkin masalah peluang pekerjaan ataupun kesempaan untuk tempat kerja dan sebagainya. Ada satu pertanyaan yang saya dengar, jika semua orang menjual makanan, siapa yang membeli makanan? Jadi pada pengalaman saya banyak orang nak buka gerai *burger*, buka *food truck*, banyak yang mereka tidak ingin bekerja di sektor pembuatan, mereka tidak berminat dalam peluang-peluang pekerjaan yang wujud di Pulau Pinang ini adalah masalah ekonomi. Jadi saya rasa masalah induknya perlu dikenal pasti iaitu ada masalah dari segi pilihan pekerjaan oleh rakyat Pulau Pinang dan mengapa begitu banyak orang berasa bahawa *food truck* ataupun gerai-gerai *burger* juga adalah satu sumber pendapatan yang mereka ingini itu, terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Sebelum YB. KOMTAR, ambil alih mikrofon itu, seperkara lagi saya nak sambung sikit kepada syarat yang dikemuka oleh YB. Seri Delima tadi, kalau boleh pihak MBPP dan MPSP giat merobohkan premis-premis perniagaan yang haram, yang tiada lesen, kalau boleh mereka ini juga berniaga dan kalau boleh diberikan peluang kepada mereka lesen untuk *food truck* supaya mereka boleh teruskan perniagaan mereka untuk mencari makan menyara anak isteri mereka, tetapi kita kelaskan mereka dengan cara ini, dan itu cadangan saya, terima kasih.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Terima kasih kepada YB. Pulau Tikus, Pulau Betong, Pantai Jerejak, Seri Delima kerana terus prihatin kepada *food truck* ini so menunjukkan *food truck* satu topik yang relevan. Saya mencadangkan peniaga tersebut diberikan permit secara bulanan di tempat-tempat yang dikhaskan manakala bagi pengeluaran lesen berkelompok, PBT memberi fokus terhadap penganjuran aktiviti perniagaan hasil kerjasama dengan Jawatankuasa Kemajuan, Keselamatan & Komuniti Negeri (JKKN) sebelum saya menamatkan ucapan saya, saya ingin bawakan satu projek menunjukkan ketidakpuasan hati saya dan rakyat di KOMTAR. Tentang kelewatan kerja naik taraf jejambat *octopus* untuk semua orang tahu *octopus* ini diumumkan oleh Ketua Menteri untuk naik taraf tetapi sampai sekarang bertahun-tahun kerja pun tidak

siap menerusi soalan bertulis yang kedua, antara sebab kelewatan kerja ini adalah pada peringkat permulaan terdapat isu-isu pengaliran kabel utiliti masalah ini selesai. Keadaan kawasan pembinaan lif dan tangga bergerak yang sempit menyukarkan peletakkan mesin, *clamp* dan pemasangan papan penghalang di tapak, saya ingat sebelum jalankan kerja masalah ini telah dikenalpasti.

Masalah kecurian kabel lif yang dipasang di tapak dan beberapa kejadian pergaduhan di tapak pembinaan. Pihak kontraktor telah membuat 5 Laporan Polis yang melibatkan kecurian dan pergaduhan. Bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas kontraktor juga telah melebarkan simpang Jalan Penang dan Jalan Burma agar dua (2) lorong dapat disediakan untuk melancarkan aliran lalu lintas. Bilakah kerja-kerja naik taraf ini dijangka siap pada bulan Mac 2017 tetapi tarikh ini saya kurang keyakinan so saya harap pihak PBT akan terus pantau kerja ini dan kerja ini adalah kerja CSR bukan satu kontrak yang ditawarkan oleh PBT. Tetapi bagaimanapun projek tanggungjawab *social corporate* ini perlu diselesaikan secepat mungkin. Kita tidak mahu tunggu sampai *election* habis kerja ini baru boleh siaplah.

Satu lagi projek dulunya lambat sekarang selepas tukar kontraktor baharu kerja-kerja pun sudah nak dekat siap iaitu Projek Naik Taraf Chowrasta Market. Majlis maklumkan kepada saya akhir bulan ini jika semua okey, *market* itu akan disiap akan disempurnakan. Saya ucapkan terima kasih kepada MBPP untuk menghabiskan menggunakan RM13 juta untuk menaik taraf Pasar Chowrasta dan Pasar Chowrasta sekarang ditransform kepada satu *market* yang baharu yang boleh dapat dikunjungi oleh orang ramai. Dan kawasan KOMTAR lagi dua (2) pasar telah dijanji oleh MBPP untuk dinaik taraf saya juga harap kerja-kerja tender, kerja-kerja akan dijalankan pada masa yang terdekatlah. So supaya semua projek-projek yang dijanji oleh kerajaan tak kira PBT atau Kerajaan Negeri akan disiap pada masa yang ditetapkan.

Sebelum saya menamatkan ucapan sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana mengadakan Bajet 2017 yang berjiwa rakyat. Dengan ini saya memohon menyokong. Terima kasih.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Dipersilakan Ahli Kawasan Permatang Berangan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid):

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. YB. Dato' Timbalan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat Salam Sejahtera dan selamat petang. *Alhamdulillah* setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan inayahnya, kita diberi peluang sekali lagi bersama-sama di Dewan yang mulia ini. Terima kasih kerana memberi saya peluang untuk bercakap untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Anggaran Belanjawan Pembangunan 2017 Negeri Pulau Pinang. Marilah sama-sama kita berdoa kehadrat Allah SWT ini dapat diterjemahkan dalam suasana harmoni, tertib dan mengikut etika perbahasan memenuhi tanggungjawab kita bersama sebagai Ahli Dewan.

YB. Dato' Timbalan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian terlebih dahulu di dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin mewakili rakyat di kawasan DUN Permatang Berangan ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas pembangunan yang diberikan kepada DUN Permatang Berangan walaupun masih banyak lagi dan mampu dan seharusnya dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan pembangunan yang lebih sekata.

Seterusnya saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah di atas tajuk atau hala tuju Kerajaan Negeri iaitu ke arah Negeri Keusahawanan dan Kebajikan. Cuma adalah menjadi harapan saya agar keusahawanan yang ingin dibangunkan hendaklah seimbang dan sekata tidak hanya fokus kepada mana-mana kawasan dan kelompok tertentu sahaja. Usahawan bukan hanya kilang-kilang besar dan projek-projek mega tetapi peniaga pisang goreng adalah satu usahawan. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk memastikan pembangunan usahawan melibatkan kelompok golongan usahawan semuanya.

Negeri berkebajikan telah lama dan dilaungkan oleh negeri di bawah Kerajaan PAS di Kelantan dan hari ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang pula mencanang Negeri Kebajikan. Negeri yang masih mengharapkan adakah Negeri Pulau Pinang masih mengharapkan PAS memperjuangkan politik di Malaysia atau pun Kerajaan Negeri ingin melawan Negeri Kebajikan yang diilhamkan oleh Kerajaan PAS di Kelantan. Walau apa pun hasrat Kerajaan Negeri adalah menjadi harapan saya agar kebajikan rakyat golongan bawahan seharusnya menjadi tumpuan. Peruntukan untuk membangunkan masyarakat seharusnya dijalankan secara adil dan saksama. Peruntukan kepada rakyat seharusnya hendaklah realistik...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan. Saya rasa terbukti yang ditanya oleh YB. Permatang Berangan terbukti, YB. Permatang Pasir masih lagi berada di sana bermakna sebagai wakil rakyat PAS masih lagi bersama dengan DAP dengan Pakatan Harapan bukan Pakatan Rakyat. So ini sebenarnya meng'confuse'kan orang luar Pulau Pinang ini betulkah YB. Permatang Pasir ini PAN ka atau PAS ka. Tetapi kalau PAS dia tidak lagi bersama DAP Pakatan Harapan....(gangguan). Amanah ini yang mana satu Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Yang tadi minta laluan sikit sebut tadi oleh YB. Permatang Berangan negara berkebajikan, negara berkebajikan bukan di peringkat Kelantan tetapi adalah tema muktamad PAS Pusat....(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid):

Selain kehendak perkara tersebut dari itu juga saya ingin menyatakan keprihatinan saya di dalam menghadapi ekonomi global secara langsung atau tidak secara langsung. Sudah tentu memberikan kesan kepada penduduk Pulau Pinang. Kegawatan ekonomi akibat daripada harga minyak yang tidak menentu sudah tentu sedikit sebanyak memberikan kesan kepada rakyat Pulau Pinang. Oleh itu saya amat yakin Kerajaan Negeri mempunyai perancangan dan tindakan yang lebih proaktif dalam memastikan rakyat negeri terus makmur. Walau bagaimanapun saya ingin mengajukan pertanyaan kepada Kerajaan Negeri tentang langkah-langkah Kerajaan Negeri dalam menghadapi situasi ekonomi yang tidak menentu. Oleh itu amatlah penting kepada Kerajaan Negeri menangani langkah-langkah proaktif dalam menangani situasi begini.

YB. Dato' Timbalan Speaker, dalam menghadapi kegawatan ekonomi global kita sepanjang masa dikhabarkan oleh Kerajaan Negeri bahawa kadar *foreign exchange investment*, FDI semakin bertambah. Yang Berhormat sudah tentu saya ingin mengetahui tentang kadar kemasukan FDI secara terperinci pada tahun ini. Dan pada masa yang sama juga saya dikhabarkan bahawa terdapat banyak kilang-kilang di Pulau Pinang telah ditutup. Terdapat banyak pekerja-pekerja yang telah ditamatkan perkhidmatan dan ada juga dikurangkan pekerja. Ini adalah satu perkhabaran yang sangat kontras. Oleh itu saya mohon agar Kerajaan Negeri memberikan terperinci berkaitan data *foreign direct investment* (FDI)...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan sedarkah Yang Berhormat bahawa salah satu faktor yang menyebabkan syarikat-syarikat asing menutup berpindah operasi adalah disebabkan ketidakpercayaan mereka ke atas sistem perundangan yang disebabkan oleh masalah yang berbangkit daripada skandal 1MDB di mana tindakan tegas walaupun dilaporkan dan ada bukti tidak diambil tindakan terhadap pihak-pihak yang bertanggungjawab yang terlibat dalam skandal 1MDB. Ini juga adalah faktor-faktor menyumbang kepada kerisauan kepada pelabur asing untuk datang ke sini kerana tidak ada sebarang jaminan jikalau berlakunya apa-apa masalah melibatkan syarikat mereka tindakan-tindakan tegas akan diambil terhadap pihak yang bertanggungjawab. Terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid):

Jika benarlah perkhabaran bahawa *foreign direct investment* ini bertambah maka sewajarnya pendapatan negeri akan bertambah dan tidak menjadi defisit. Oleh itu sebagai membuktikan FDI ini memberi nilai pertambahan kepada ekonomi negeri maka sewajarnya Dewan Undangan Negeri ini

disediakan butiran terperinci termasuk data kemasukkan penjawatan dan sebagainya. FDI sudah tentu memberikan pendapatan yang lumayan kepada Kerajaan Negeri secara langsung atau tidak langsung tetapi pada masa yang sama perhatian yang serius sewajarnya diberi kepada juga industri kecil dan sederhana. Terdapat ramai pemain industri kecil IKS ini di kawasan Permatang Berangan dan sebagai besarnya adalah di bawah seliaan dan pengawasan bantuan PERDA. Oleh itu saya merasakan perlunya Kerajaan Negeri untuk menyediakan *data base* berkaitan IKS di seluruh Negeri pulau Pinang dengan menyatakan agensi yang terlibat mengawal dan membantu industri IKS kecil ini.

Saya memohon agar Kerajaan Negeri menyediakan satu *data base* sama ada berbentuk visual atau *hard copy* untuk memudahkan pemain industri ini berhubung dan berkomunikasi antara satu sama lain dan saya juga memohon supaya Kerajaan Negeri menyediakan senarai bantuan yang sudah dan sedang diberikan kepada pengusaha IKS ini mohon juga disertakan agensi mana yang terlibat dalam membantu dan memantau pengusaha IKS ini. Selain daripada kursus-kursus yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri untuk pengusaha IKS ini saya juga ingin mengetahui tentang jenis bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri sama ada dalam bentuk makanan, wang tunai, bekalan barangan, gerai atau sebagainya, juga untuk mengetahui Industri kecil dan sederhana ini kebanyakannya berada dalam di kawasan luar bandar dan sudah tentu masih ada banyak, ramai banyak pasarana yang boleh dibangunkan lagi. IKS juga secara langsung dan tidak langsung menyumbang kepada pendapatan negeri. Oleh itu saya ingin mengetahui apakah hala tuju Kerajaan Negeri dalam membangunkan IKS ini terutama IKS yang terdapat di kawasan-kawasan agar industri ini berkembang dengan lebih tersusun .

Saya secara peribadi ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang menjadikan CAT bukan sahaja slogan tetapi sebagai penanda aras dan petunjuk kepada kecekapan intergriti dan ketulusan dan segala yang berkaitan dengan hal tersebut.

Namun saya sebagai Wakil Rakyat saya juga dihujani dengan pelbagai persoalan oleh penduduk kawasan saya khasnya tentang KPI ataupun *Key Performance Index* bagi CAT ini kita berhak mengetahui tentang CAT ini adakah hanya melibatkan slogan semata-mata atau hanya dipraktikkan oleh sekumpulan sebilangan kumpulan tetapi dikecualikan pada kumpulan yang lain.

YB. Dato' Timbalan Speaker, jika CAT masih terus subur dipraktikkan di Negeri Pulau Pinang saya ingin mengetahui akibat dan kesan positif apabila CAT ini dilaksanakan, saya mohon Kerajaan Negeri nyatakan dalam bentuk statistik kejayaan CAT contohnya dapat apa-apa pengurangan perbelanjaan semenjak CAT dilaksanakan. Satu, jika CAT masih lagi terus subur di Pulau Pinang mohon dinyatakan secara statistik berkaitan perkara-perkara berikut. Jumlah kutipan levi katil yang telah diperkenal oleh Kerajaan Negeri dan kemana dibelanjakan? Pihak Kerajaan seharusnya memberi tumpuan tentang jumlah kutipan yang dibuat dan kemana wang hasil tersebut dibelanjakan. Jumlah kutipan levi bagi hartanah yang dilupuskan kurang daripada tiga (3) tahun, kutipan levi ini bertujuan untuk menghalang pembeli untuk membuat spekulasi dan sudah tentulah kadar 3% ini adalah tinggi dan kutipannya juga sudah tentu amat tinggi dan kutipannya juga sudah tentu amat tinggi dan rakyat berhak untuk mengetahui kemana wang levi ini dibelanjakan dan ketiga tabung bagi pengecualian untuk membangunkan Rumah Kos Rendah yang digantikan dengan pembayaran tunai sila nyatakan jumlah dan kutipan perbelanjaan.

YB. Dato' Timbalan Speaker, PERDA masih terus komited dalam membangunkan tanah-tanah miliknya untuk didirikan rumah mampu milik dan rumah kos rendah dan akur dengan syarat-syarat yang ditentukan oleh Kerajaan Negeri. Bagaimanapun saya mohon penjelasan Kerajaan Negeri berkaitan dengan polisi Kerajaan Negeri berkaitan Kos Rendah yang dikehendaki diserahkan secara percuma kepada Kerajaan Negeri. Saya ingin mengetahui apakah merupakan satu amalan atau syarat baru kutipan Kerajaan Negeri dalam membangunkan rumah kos rendah tersebut hendaklah diserahkan secara percuma kepada Kerajaan Negeri. Saya juga ingin mengetahui setelah rumah kos rendah ini diserahkan secara percuma kepada Kerajaan Negeri bagaimanakah rumah-rumah ini diagihkan kepada mereka yang layak?

YB. Dato' Timbalan Speaker saya merujuk kepada para 63 Bajet Perbelanjaan. Kerajaan Negeri juga memperkenalkan sewa beli sebagai inisiatif baru, pihak saya ingin mengajukan pertanyaan berkaitan pihak PERDA yang juga serius dalam melaksanakan program sewa beli ini. Pihak PERDA telah menyediakan lebih banyak rumah agak-agak lebih kurang 100 unit rumah kos rendah di kawasan saya untuk dijadikan sewa beli. Walau bagaimanapun saya difahamkan Kerajaan Negeri masih juga mendesak

pihak PERDA untuk menjual rumah kos rendah kepada orang ramai dan tidak membuat secara sewa beli. Oleh itu saya ingin memohon agar Kerajaan Negeri membuat satu ketetapan berkenaan rumah kos rendah kepunyaan PERDA yang tidak akan dijual dan akan dibuat secara sewa beli kepada mereka yang layak. Selain itu saya juga ingin penjelasan daripada Kerajaan Negeri berkaitan kaedah yang digunakan oleh Kerajaan Negeri dalam menyediakan rumah sewa beli ini seperti kelayakan, syarat-syarat gaji dan pemilihan yang sesuai.

Saya seterusnya masih menunggu perincian pembangunan rumah kos rendah yang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri. Saya amat yakin jumlah 26,255 unit rumah kos rendah ini yang disebut oleh Y.A.B. Air Putih adalah jumlah keseluruhan rumah kos rendah yang dibangunkan oleh semua pihak termasuk pemaju swasta, agensi Kerajaan Pusat, Agensi Kerajaan Negeri dan lain-lain yang menyediakan rumah.

Sebagai seorang Muslim dan sebagai seorang Islam sudah tentulah merupakan kewajipan setiap individu dan zakat juga mempunyai pelbagai jenis zakat tidak kira bantuan individu seperti zakat perniagaan zakat emas dan sebagainya. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab kepada Kerajaan Negeri amnya dan pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang untuk menjelaskan kepada pengeluar zakat tentang jumlah kutipan zakat dan menyatakan secara khusus zakat tersebut kepada semua asnaf-asnaf agar tidak timbul spekulasi dan fitnah yang menyatakan bahawa zakat telah disalurkan kepada pihak yang tidak sepatutnya.

Jika kita lihat pada hari ini hanya terdapat satu sahaja tanah wakaf yang dimajukan di Seberang Perai iaitu Wakaf Sitee Aishah sedangkan masih terdapat banyak tanah-tanah wakaf yang terbiar tidak dibangunkan dan diusahakan. Jadi Majlis Agama Islam memikirkan cara yang terbaik untuk memanfaatkan tanah-tanah wakaf di Pulau Pinang. Jadi adalah lebih baik sekiranya Kerajaan Negeri mengeluarkan data terkini tanah-tanah wakaf di Pulau Pinang dengan menyertakan butiran seperti keluasan, tempat, nilai semasa sama ada tanah tersebut didiami atau sebaliknya dan butiran-butiran yang berkaitan. Semua sedia maklum bahawa masjid yang ada di Negeri Pulau Pinang bukan semuanya baik dan terurus terutamanya di luar bandar di DUN Permatang Berangan. Oleh itu saya memohon agar satu peruntukan yang lebih besar harus diusahakan agar masjid luar bandar juga mendapat kemudahan-kemudahan seperti masjid di bandar-bandar.

Selain daripada itu, saya juga ingin menyatakan bahawa pembangunan pesat di Pulau Pinang telah menyebabkan Kampung-Kampung tradisi yang terhakis dan ini adalah sesuatu yang tidak sihat kepada generasi yang akan datang. Sedar atau kita akan melupakan sejarah tradisi Negeri Pulau Pinang. Oleh itu perlu ada satu perancangan daripada Kerajaan Negeri untuk mengekang daripada fenomena ini daripada terus berlaku. Oleh itu Kerajaan Negeri seharusnya menyediakan perancangan khusus bagi tujuan tersebut.

Negeri Pulau Pinang secara berterusan menjadi negeri tumpuan pelancong dari seluruh dunia walaupun nikmat daripada kemasukkan pelancong ini hanya dinikmati oleh sebahagian besar penduduk bandar dan juga peniaga-peniaga di bandar-bandar. Oleh itu, Kerajaan Negeri seharusnya mengutamakan dan seterusnya giat mempromosikan pelancongan luar bandar seperti Homestay dan sebagainya kerana faedah daripada industri pelancongan luar bandar ini akan terus dinikmati oleh pengusaha sektor pelancongan luar bandar.

Kerajaan Negeri dan juga dan juga Kerajaan Tempatan harus juga meneliti dan mengkaji tentang kewujudan beberapa sekolah Tahfiz yang berbentuk pondok-pondok yang dibina di kawasan kampung. Sesungguhnya tujuan pembinaan ini adalah amat baik demi syariat Islam, walaubagaimanapun satu kajian harus dibuat tentang berkaitan untuk pembinaan mendapat kebenaran Kerajaan Tempatan atau Majlis Agama Islam penting demi untuk mengelak daripada kejadian yang tidak diinginkan seperti kebakaran dan banjir.

Saya merujuk kepada para 37 Bajet 2017, saya juga amat keliru dengan peruntukan modal insan yang disebut oleh Y.A.B. Air Putih di mana peruntukan sebanyak RM8.5 juta diperuntukkan kepada Sekolah Cina tetapi bagi Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Tamil jumlah yang diberikan adalah sama banyak iaitu RM1.75 juta. Oleh itu saya mohon agar satu peruntukan tersebut hendaklah mengikut kadar jumlah sekolah yang wujud dan bukannya memberikan peruntukan dengan sekadar memberikan Bajet tetapi hanya mengikut keperluan dan kehendak sesuatu pihak, apakah kayu ukur dalam menentukan bantuan kepada sekolah itu? Merujuk kepada para 37, bajet yang diumumkan saya juga tertarik dengan

Klausa 37 berkaitan peruntukan sebanyak RM45 juta melalui Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Pulau Pinang dan saya ingin mengajukan soalan kepada Kerajaan Negeri peruntukan sebanyak RM45 juta ini adakah memang daripada Kerajaan Negeri atau daripada peruntukan Kerajaan Pusat. Ini boleh dikiasikan kepada jumlah gaji Guru Kafa yang kononnya dinaikkan oleh Kerajaan Negeri yang sebenarnya dibayar oleh Kerajaan Pusat tetapi Kerajaan Negeri sekadar menaikkan hanya sebanyak RM50 oleh Kerajaan Negeri.

YB. Dato' Timbalan Speaker, rancangan tempatan juga amat penting untuk mengelak daripada berlaku bencana alam yang tidak disangka-sangka contohnya banjir kilat yang sering terjadi di merata tempat di kawasan George Town. Jika Rancangan Tempatan ini dibuat dan dilaksanakan secara yang sepatutnya sudah tentu masalah ini dapat dikurangkan. Oleh itu, Kerajaan Negeri mestilah menyediakan metodologi jangka masa panjang untuk mengelak daripada banjir kilat terus berlaku. Selain itu, saya ingin penjelasan daripada Kerajaan Negeri berkaitan tebatan banjir yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dan tebatan banjir ini telah mengurangkan kadar banjir di beberapa tempat ini, oleh itu Kerajaan Negeri juga seharusnya mempunyai cara untuk mengatasi masalah banjir tanpa lepas tangan dengan menyatakan bahawa banjir berlaku sebab hujan lebat yang sudah tentulah bukanlah alasan baik daripada seorang Ketua Menteri yang maju seperti Pulau Pinang.

Saya juga ingin menegaskan bahawa salah satu punca banjir juga adakah disebabkan ketidakseragaman tambunan tanah bagi satu-satu projek perumahan dapat dilihat apabila projek-projek perumahan dijalankan paras tanah yang ditambun adalah melebihi paras tanah kampung. Ini sudah tentu menyebabkan hujan lebat dan tanah-tanah yang lebih rendah dan sudah tentu mengakibatkan banjir berlaku. Oleh itu saya pohon agar pihak PBT sensitif dalam mengarahkan sesuatu pemaju membuat tambunan agar tidak melebihi paras alam sekeliling.

YB. Dato' Timbalan Speaker, saya merujuk juga kepada klausa 35, antara Bajet yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri adalah menambahbaik kemudahan awam dan antaranya kemudahan yang dilakukan untuk OKU pada kadar RM0.15 juta. Jika kita dengar peruntukan yang disediakan adalah RM0.15 juta sudah tentu jumlah yang agak besar tetapi jika dikira RM0.15 juta adalah hanyalah RM150,000.00 sahaja. Bagaimana nak bela nasib OKU di Pulau Pinang jika peruntukan yang disediakan hanyalah RM150,000.00 sahaja? Oleh itu saya berharap agar Kerajaan Negeri lebih realistik dengan peruntukan yang disediakan dalam keadaan sekarang apalah yang mampu dilakukan oleh RM150,000.00 itu...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ada apa cadang-cadang untuk OKU daripada Ahli Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid):

Kita cadangan itu kita *leave to the* EXCO untuk membuat cadangan. Kalau saya buat cadangan saya bukan EXCO.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Maksud *you* tidak ada apa-apa rancangan atau tak ada cadangan apa yang baik untuk OKU?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid):

Saya tak boleh bagi rancangan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Pendek kata tak taulah.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid):

Bukan tak tau. Taulah. Tapi RM150,00.00 apa yang boleh dibuat dengan RM150,00.00 ini?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

laitu kata jikanya.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid):

EXCO jawablah.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

laitu kata jika projek itu kalau baik, kalau nak tambah kami boleh minta lagi.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid):

Jawapannya duitlah. Peruntukkan lebihlah.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Kami boleh cadanglah.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid):

Saya boleh cadang peruntukan bagi lebih pada OKU. Sebab bagi pada paun anjing pun RM500,00.00 untuk anjing dan untuk OKU hanya RM150,00.00.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Memang kerana apakah *infrastructural* OKU akan datang pada lain bahagian seperti apabila mereka membina dan membina dan memajukan tapak-tapak yang lain iaitu kata *the principal of implementation* apakah cadangan yang *you* ada? Lain daripada cuba *main figure* RM500,00.00 untuk anjing, RM150,00.00 untuk ini. Macam ini macam batu apilah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat. Minta laluan. Berkenaan dengan masalah dengan OKU, saya juga terpenggil untuk memberi pandangan saya dalam perkara ini. Kenyataan yang dibuat oleh YB. Permatang Berangan itu tak adil. Seolah-olah menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri tidak memberi keutamaan kepada masalah yang dihadapi oleh orang-orang kelainan upaya. Seolah-olah kita memberi keutamaan kepada binatang dan tidak memberi keutamaan kepada orang-orang kelainan upaya dan kenyataan itu saya rasa tak kena pada tempatlah dan juga tidak adil lah. Jadi kalau ada cadangan-cadangan yang lain seperti yang ditanya oleh YB. Sungai Puyu tadi saya rasa, berilah cadangan kemungkinan perkara itu boleh diberi pertimbangan. Kalau ada apa-apa cadangan yang bernas seperti menyediakan kerusi roda, seperti menyediakan tempat-tempat *access* kepada bangunan-bangunan awam dan sebagainya. Hanya sekadar memberi kesimpulan bahawa wang yang lebih banyak dibelanjakan untuk *pawn* anjing berbanding dengan orang-orang kelainan upaya itu adalah sesuatu tuduhan yang begitu melulu dan buruk sangkaannya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya nak minta penjelasan iaitu kata dapat, Dato' Timbalan Speaker, pada tahun 1990 Kerajaan Pusat telah berunding di Rio De Janeiro di mana *earth summit fully subscribe to "barrier free"*. Apakah *barrier free? Balance and sustainable develop "barrier free"* LA21, kami ambil kuasa tahun 2008, 18 tahun

selepas *you* bertandatangan. Apakah perancangan yang ada di Negeri Pulau Pinang atau untuk seluruh Malaysia, *what have you done in the last 18 years?* Dan apa kata bila kata bahawa kerana bagi janji kepada *international community on balance sustainable development "barrier free" in the physical and mental. What have you done for the last 18 years?*

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila teruskan YB. Permatang Berangan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid):

Saya bukan menuduh RM150,00.00 itu untuk OKU, dan RM500,00.00 itu untuk paun anjing, tetapi itu adalah termasuk dalam bajet, disebut dalam bajet dan saya tidak ada apa-apa komen tentang YB. Sungai Puyu kerana saya akan memberi cadangan dan pandangan saya selepas ini.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ya, program dan pembinaan tak serupa. *Development and program totally different*, yang ini itu mintalah kena faham, *what is program what is basic infrastructure, basic infrastructure* memang kena perlu lebih kebanyakan kewangan, tetapi program kesedaran itu amat penting bila saya tanya apakah cadangannya ada, langsung tak ada, tetapi tembak kosong tak ingat.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila teruskan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Peraturan YB. Dato' Speaker, peraturan. Saya lihat YB. Permatang Berangan seperti YB. Telok Bahang melanggar Peraturan 46(5). Saya baca peraturan itu "Seseorang ahli itu tidak boleh membaca ucapannya tetapi dia bolehlah membaca cabutan daripada risalah-risalah yang bertulis atau yang dicetak untuk menyokong hujah-hujahnya dan dia bolehlah menengok sekali-sekala kepada catatan-catatan ini". Seperti YB. Telok Bahang juga saya rasa mungkin itu yang menyebabkan kebuntuan apabila kita menulis, saya lihat YB. Barisan Nasional semua tulis, tak sedia datang ke sini untuk berbahas semua tulis datang baca saja teks ucapan secara membuta-tuli.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Minta laluan, minta laluan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Sungai Aceh tak baca kot.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila teruskan Permatang Berangan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Minta laluan. Saya merujuk pada YB. Seri Delima, setelah hampir empat (4) tahun dah beberapa kali saya masuk Dewan, inilah kali pertama Persidangan Dewan yang YB. Seri Delima membangkitkan peraturan tersebut sebab selama ini saya tengok bermula daripada kerusi belakang, satu persatu, satu persatu semua baca Yang Berhormat, semua baca tak ditimbulkan, jadi ini telah menjadi satu amalan dan tidak ditegah oleh Speaker, saya pernah suarakan kepada Speaker, cuma dikatakan berilah peluang dan tak semua orang mampu untuk berhujah secara terus menerus, tetapi bila hari ini bila ditimbulkan, saya rasa boleh kalau kita nak jadikan itu sebagai satu amalan yang akan dikuatkuasakan, kita boleh mula dengan esok, tidak ada sapa pun sepatutnya membawa sebarang tulisan dan sebagainya terus berhujah, cuma kita tunjuk *caption*, *caption* lah surat khabar kah, apa-apa tapi saya rasa benda itu tak akan berlaku, jadi izinkanlah kalau boleh sebab kita bagi *fair* pada kawan-kawan kita yang baru yang baru setahun dua, penggal pertama dan sebagainya, jadi tidak dijadikan itu sebagai isulah kalau boleh. Walau itu pun peraturan, Speaker boleh jawab.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Saya, diizinkan. Sila Permatang Berangan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

YB. Permatang Berangan, izinkanlah.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila YB. Permatang Berangan. Sila habiskan dan buat kesimpulan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid):

Saya nak minta maaf kepada semua....(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

YB. Telok Bahang duduk.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Apa ini. Tak bagi peluang, minum kopi lagi bagus. Yang Berhormat saya nak *refer* saya tengok Ketua Menteri pun baca teks kan so saya rasa Seri Delima. Saya nak bagitau.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Tak apa diizinkan. Sila duduk. Telok Bahang sila duduk. Sila teruskan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid):

YB. Dato' Timbalan Speaker, polisi Negeri Berkebijakan yang dibentangkan oleh Y.A.B. Air Putih secara ringkasnya dan mengurangkan kadar cukai-cukai lazim yang dikutip oleh Pihak Berkuasa Tempatan dengan menyebabkan pengurangan RM55.19 juta. Jumlah ini sudah tentu dapat adalah jumlah yang amat besar dan sebagai wakil rakyat sudah tentulah saya risau jika pengurangan pendapatan sebegini menyebabkan PBT tidak dapat berfungsi sepenuhnya dan seterusnya mengabaikan tugas hakiki seperti memastikan taman-taman dijaga dan sebagainya.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan, Yang Berhormat sikit sahaja. Saya tanya, sama ada pengurangan dari segi kewangan itu ataupun bayaran yang akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri adalah sesuatu yang prihatin kepada rakyat yang menghadapi kekangan dan masalah kewangan akibat pengenalan GST oleh Kerajaan Barisan Nasional yang rakus dan zalim.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid):

Itu kita *leave it to the EXCO to answer the question.*

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sudah dah.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid):

Seterusnya saya ingin bertanya apakah pengurangan pendapatan terlalu drastik maka Kerajaan Negeri secara berleluasa mengenakan caj pembangunan yang pelbagai. Contohnya dengan mengenakan *fees* kepada pembangunan Negeri Pulau Pinang iaitu sebanyak RM15 satu kaki persegi akibat daripada caj yang berleluasa itu mengakibatkan pemaju terpaksa menaikkan harga rumah dan menyelesaikan cukai-cukai tersebut akhirnya pembeli terpaksa menanggung kos yang lebih jika harga-harga rumah terus naik. Saya mengucapkan tahniah di atas Kerajaan Negeri dalam mengkomersialkan sektor pertanian dan penternakan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat, ini saya nak tanya sikit, caj naik tahniah apa?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid):

Caj antara tajuk lain dah.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Owh, saya jadi hairan. Ish, ish, mahalunya.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid):

Caj naik, RM15.00 satu kaki persegi untuk pembinaan rumah dan taman-taman, di Negeri Pulau Pinang. Kalau rumah tanah itu dah RM20.00 satu kaki persegi bermakna kata RM35.00 satu kaki persegi tanah terpaksa dibelanjakan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Apakah, minta jalan, apakah pendirian apabila kata macam IWK caj satu 1% daripada semua *gross development value* iaitu kata kami pembeli dia bina ini apa ini iaitu kata *substation* untuk TNB, serah pada TNB, kami kena lagi bagi *contribution* kami bina IWK, bagi dia semua *facility* dan bagi 1% kepada *cross development value*, adakah apakah pendirian? *What is your tell on this issue?*

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid):

Saya bawa pada Parlimen.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Bawa pada Parlimen, itu lari dari tanggungjawablah.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid):

Saya tak ada berkuasa soalan itu tadi....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Sekurang-kurangnya sebagai wakil rakyat, boleh bagi pendirian hari ini *you* bagi satu pandangan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid):

Saya tanya *you* pendirian, *you* patah balik tanya pendirian saya. Saya tanya pendirian Kerajaan Negeri macam mana, *you* tanya Kerajaan Pusat macam mana. Apa ini. Jawablah Kerajaan Negeri dulu, ini patah balik. Tanya saya tak patutlah.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Kalau saya tanya soalan, mengapa tak bagi pendirian.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

EXCO boleh buat dalam pergulungan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Dia tak boleh. Tak boleh buat.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid):

You cakap dalam pergulungan, *you* taruh apa pun, taruhlah la Kerajaan Pusat, kita tanya, tanya Kerajaan Negeri kita taruh, tanya saja, tanya Kerajaan Negeri jawab.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Jangan taruh, tak perlu taruh.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid):

Saya mengucapkan tahniah di atas usaha Kerajaan Negeri mengkomersialkan sektor pertanian dan penternakan tersebut adalah ternakan ayam dan khinzir. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri seharusnya peka tentang tanah-tanah sawah yang telah ditambun. Adakah tanah-tanah ini ditambun dengan kelulusan dan sebagainya untuk mengurangkan kadar padi dan sawah-sawah bendang dan menyebabkan kita terpaksa mengimport beras yang terlalu banyak, jadi kita tanya Kerajaan Negeri kita tak taruh Kerajaan Negeri.

YB. Dato' Speaker sebagai rakyat Negeri Pulau Pinang saya juga turut terpanggil bertanyakan Kerajaan Negeri berkaitan tentang Beijing Urban Construction Group yang telah menarik diri daripada Konsortium Zenith Berhad, BUCG, saya difahamkan BUCG adalah pemegang saham terbesar dalam Konsortium tersebut dan sudah tentulah penarikan diri BUCG akan memberikan kesan besar kepada Konsortium tersebut. Oleh itu saya pohon penjelasan berkaitan dengan penarikan tersebut dan sebaik sahaja penarikan itu dibuat, adakah Kerajaan Negeri terlibat dalam pembayaran apa-apa pampasan atau BUCG dijanjikan dengan projek-projek lain di Pulau Pinang. Tanya saja, tanya saja. Tanya dan minta penjelasan saja.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Penjelasan. Penjelasan bolehlah. Pagi ini saya sudah jawab kepada YB. Pulau Betong.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid):

Saya tanya sahaja. Bila dah gulung boleh jawab. Sila jawab dalam penggulungan. Saya menghadapi satu lagi masalah, masalah itu adalah kedai-kedai judi di Tasek Gelugor, di Permatang Berangan, terdapat 10 kedai judi yang beroperasi dalam masa tiga (3) bulan sahaja ia menjadi 10 kedai kesemuanya. Semua ini mendatangkan gejala-gejala sosial seperti samun, ragut dan sebagainya. Jadi apakah langkah-langkah dan tindakan proaktif Kerajaan Negeri dalam menangani masalah ini. Saya tanya sahaja ini.

Satu lagi adalah banjir di Negeri Pulau Pinang, banjir-banjir di negeri Pulau Pinang ini bukan sahaja berlaku di bandar-bandar seperti George Town dan sebagainya tetapi berlaku juga di kampung-kampung yang tidak pernah berlaku banjir, ini adalah disebabkan perparitan, sistem perparitan yang tidak teratur oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), ada *corner*, ada *turn U*, ada macam-macam, ada tinggi, ada rendah. Air dari longkang tidak dapat mengalir dengan sempurna. Jadi saya harap pihak MPSP dapat menjalankan satu kajian, dapat menjalankan satu tindakan yang lebih efektif dan proaktif dalam menangani masalah banjir ini supaya tidak berlaku lagi di masa-masa akan datang. Ya tanya lagi, taruh. Satu lagi ialah(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar bin Haji Abd. Hamid):

Ya, nak minta laluan boleh.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya nak tanya soalan. Yang masalah banjir berlaku di kampung kebanyakannya ada juga sebab kelulusan yang dibuat oleh Jawatankuasa OSC meluluskan sesuatu projek pembangunan apa-apa tapi saya dapat jawapan yang mereka tidak memberitahu, tidak mendapatkan ulasan ADUN atau pun ulasan JKKK disebabkan oleh Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Bilangan 6 Tahun 2008. Jadi dalam pekeliling ini semua prosedur dan proses pelaksanaan OSC dia kena ikut dan tiada peruntukan dalam akta yang mengkehendaki pertimbangan terhadap permohonan kebenaran merancang mengambilkira ulasan ADUN dan juga JKKK Kawasan.

Jadi saya nak tanya kalau maknanya MPSP terpaksa, tidak boleh minta ulasan ADUN kawasan dan JKKK yang tahu pasal kawasan itu jadi apa *effect* pembangunan kalau ada apa-apa permohonan kepada OSC kalau minta ulasan ADUN dan JKKK kita boleh bagi tetapi sekarang ini disebabkan oleh prosedur OSC yang terletak di bawah bidang kuasa jabatan Kerajaan Tempatan yang diluluskan Mesyuarat Majlis Negara bagi kerajaan tempatan itu, disebabkan oleh itu tidak ada peruntukan untuk mendapatkan ulasan. Saya nak mohon jika pihak....(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

EXCO jawab nanti.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Maknanya adakah ini di bawah bidang kuasa Kerajaan Tempatan ke? Kerajaan Negeri ke? Kerajaan Persekutuan? Kalau dari jawapan yang saya dapat macam tidak boleh dibuat apa, apa-apa pembangunan ADUN Kawasan, macam hanya terima sahaja bala.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Masa penggulungan nanti tanya balik. Silakan Ahli Kawasan Permatang Berangan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid):

Dia tanya saya tidak apa. EXCO jawab. Satu lagi ialah tentang masalah penjaja kecil di kawasan Tasek Gelugor, di Permatang Berangan. Penjaja-penjaja kecil kuih-muih pagi-pagi ini di tepi jalan diambil tindakan saman dan sebagainya, disuruh arah berpindah ke dalam kawasan parkir di kawasan parkir di pasar-pasar awam Tasek Gelugor, jadi kawasan parkir dah tiada, tinggal sedikit, kawasan parkir ada 20 – 30 biji kereta sahaja tetapi di arah untuk berpindah ke situ, dibuat lot-lot dan sebagainya. Soalan saya adalah, masalahnya ialah, setengah-setengah peniaga tidak di saman, setengah-setengah peniaga di saman dan peniaga-peniaga kedai seperti kedai runcit dan luar kedai runcit di Tasek Gelugor di jalan-jalan market itu menjual ikan dan sebagainya, di tepi jalan tidak dikacau, tidak diganggu. Penjual-penjual kuih ini menjual pagi-pagi sahaja, pukul 11.00 pagi habis dan balik. Mereka berniaga setakat itu sahaja tetapi mereka ini telah disaman 2 – 3 kali dan tindakan yang diambil saya telah hantar surat kepada MPSP agar mereka ini diberi pertimbangan sewajarnya tetapi pihak MPSP tidak mengambil tindakan. Duduk di mana kerja? Tidak kerja pun, kerja boleh saman kah? Saya minta 2 – 3 kali sebab untuk berbincang dengan saya tentang masalah ini macam mana nak selesaikan tetapi pihak MPSP buat tidak tahu sahaja terus saman dan sebagainya. Jadi saya mintalah supaya pihak MPSP kita minta untuk dibuat perbincangan dan sebagainya untuk menyelesaikan masalah rakyat. Masalah rakyat ini bukanlah kata ini masalah orang Barisan Nasional sahaja berniaga, orang PKR, orang PAS pun berniaga situ, masalah, ada juga. Jadi kita bantu semua dan kita minta pertolongan daripada Penyelaras KADUN di situ PAN... (gangguan). Ahli Kawasan Permatang Pasir boleh bagi tau, dan dia pun marah pada MPSP.

Jadi hari ini kita harap MPSP lebih prihatin dan lebih bekerjasama untuk menyelesaikan masalah-masalah ini, bukanlah dengan menyatakan tidak dapat menyelesaikan masalah ini depa lepas tangan, depa hantar saman kepada peniaga-peniaga Melayu, Cina, India dan sebagainya. Saya minta MPSP lebih peka tentang kawasan-kawasan, MPSP pun tidak tahu kawasan dia, kawasan yang di buat agro di kawasan dikatakan Ara kuda dibuat, PTKM kah? Bukan di Ara Kuda, di Jalan Ara Kuda. Kalau di Ara kuda dalam kawasan saya Permatang Berangan, di Jalan Ara kuda, Taman Tun Sardon 20 ekar itu tanah MPSP, itu pun nak kena ajar lagi kah? MPSP? Ini soalan lah, peka la sikit.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tun Sardon bukan di Seri Delima kah?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid):

Tun Sardon satu di Seri Delima, di Kawasan Penanti pun ada satu, bertahun dah kawasannya tapi dibuat satu loji pembersihan sampah, lori kutip sampah ini dibuat di kawasan Pokok Tampang, di kawasan Permatang Berangan tapi dia suruh loji pembersihan sampah di Permatang Cempedak. Di situ kawasan itu kawasan Pengkalan Jaya pengkalan laku sebenarnya peka kawasan-kawasan yang hendak ditakbir oleh MPSP. Jadi saya harap lebih peka dan lebih prihatin tentang sensitiviti-sensitiviti rakyat di kawasan Permatang Berangan.

Saya bukan tidak boleh saya ada sedikit gangguan mata. Mata saya tidak boleh nampak. Jadi saya mengucapkan ribuan, sebelum saya mengakhiri ucapan ini saya mengucapkan ribuan terima kasih cukup, cukup, cukup. Ribuan terima kasih kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-Kerajaan Pusat dan Negeri kerana telah banyak bekerjasama dengan saya dan juga kepada semua pemberita-pemberita dan juga Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri baik di dalam Barisan Nasional ataupun dalam kawasan kerajaan, saya mengucapkan terima kasih dan sekali lagi *Wasalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh*.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Silakan Ahli Kawasan Berapit.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

YB. Dato' Timbalan Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Ahli-Ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dewan yang mulia ini kerana sudi membuka peluang sekali lagi untuk kita mengambil tempat untuk melakukan ucapan perbahasan di atas Bajet Negeri Pulau Pinang 2017 pada hari ini.

YB. Dato' Timbalan Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, cabaran ekonomi di Negeri Pulau Pinang, melihat kemerosotan ekonomi dan penurunan nilai mata wang ringgit secara mendadak telah mendatangkan impak negatif kepada industri pelabur asing dalam sektor pembuatan. Hal ini dapat dilihat dari segi pemberhentian pekerja secara besar-besaran oleh industri pelabur asing sejak tahun 2015 seperti Resident Digital, ES Solitec, INTEL, Seagate dan sebagainya.

Selain daripada menarik lebih banyak pelabur asing, Kerajaan Negeri seharusnya mencari jalan untuk mengekalkan malah meningkatkan profit dan produktiviti untuk membantu terutamanya kilang-kilang tempatan iaitu *local industrial* terutamanya membantu industri sederhana kecil IKS atau SME dalam transformasi sektor, kalau boleh menolong industri pembuatan dalam transformasi sektor pertanian kepada sektor pembuatan dengan kemajuan bio teknologi misalnya membantu pembuatan makanan sihat dengan sumber pertanian sedia ada seperti buah-buahan atau herba-herba seperti buah manggis, sekarang kalau musim buah manggis kita kurang nampak manggis sebab sudah dieksport keluar untuk membuat *enzyme-enzyme* yang sihat untuk rakyat jelata dan juga kalau boleh macam daun pandan, daun serai, lagi apa? Macam rumput, apa itu orang panggih, misai kucing yang boleh membangunkan ekonomi untuk kilang-kilang tempatan dan kalau boleh menjenamakan *rebranding* produk ini sebagai barangan eksport ke luar negara dan kita mendapat balik keuntungan ke negeri kita. Seperti *factory-factory local penang*, saya selalu tertanya-tanya kenapa orang Malaysia, *especially penangnite*. Tidak begitu sokong kilang-kilang tempatan seperti Pensonic, Pensonic bukan Panasonic, barang *electrical* yang dibuat di Bukit Tengah, Juru. Kita beli Sony, Sanyo, Hitachi *brand* dari Japan, dan kalau boleh Kerajaan Negeri menggunakan alat *electronic* yang dibuat oleh Pensonic di dalam bangunan Kerajaan Negeri. Ini kan satu cara untuk menolong kilang-kilang tempatan untuk kemajuan industrial mereka dan lagi satu iaitu kopi-o, kebanyakan pemuda pemudi sekarang minum di Starbucks, tidak minum *local coffee*, kalau boleh macam kopi-o *brand Penang SALUTE* iaitu *captain* atau *kereta api brand*, satu lagi iaitu *hainamese coffee*, ini adalah satu *trend* untuk meningkatkan perusahaan *local industry* dan satu lagi kilang biskut, macam biskut Tambun, *Tao Sa Pia*, *Ghee Hiang* yang memulakan perniagaan mereka pada tahun 1856 sudah 160 tahun, tetapi saya nampak bila Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke luar negara, buah tangan mereka adakah membawa produk-produk yang dibuat di Pulau Pinang. Kalau boleh saya harap Yang Berhormat dari Pantai Jerejak bermula dengan aktiviti, program atau cara-cara untuk menggerakkan rakyat Pulau Pinang mengguna produk yang dibuat oleh Pulau Pinang iaitu *I love Penang Product* or kalau boleh ini adalah satu cara untuk menambahkan kemajuan ekonomi negeri Pulau Pinang.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, melihat pembangunan Belia dan Wanita, saya diberitahu pada tahun yang lepas iaitu Kerajaan Negeri ada bagi sedikit peruntukan kecil iaitu melalui Titian Saksama RM5,000 sahaja kepada belia-wani, belia untuk mulakan kerjaya mereka tetapi sampai hari ini saya tidak nampak Kerajaan Negeri ada berjaya meningkatkan siapa-siapa pemuda pemudi sebagai seorang usahawan yang terkenal di Pulau Pinang, *sorry* ya, saya kena membangkitkan soalan ini. Pada waktu saya sebagai EXCO, saya memang suka membantu usahawan pemuda pemudi di dalam usaha mereka di dalam kerjaya iaitu *re-branding product* mereka dan memperkenalkan kepada orang-orang dalam negeri atau luar negara seperti product *fragrant (EDT) perfume*, oleh seorang pemuda iaitu Josh Lee, Georgetown EDT, tetapi nampaknya Kerajaan Negeri tidak begitu peka dalam membantu keusahawanan pemuda pemudi. Saya harap perkara ini diambil berat oleh EXCO yang memegang jawatan dan saya nampak semenjak 2008, saya bekerjasama dengan WCC untuk menubuhkan Pusat Perkhidmatan Wanita iaitu PPW di kawasan Seberang Perai Tengah dan memberi peruntukan RM150,000.00 untuk pusat ini setiap tahun tetapi nampaknya sampai hari ini pun sama sahaja RM150,000.00 untuk PPW ini berfungsi dan nampak tadi YB. Ahli Kawasan Seri Delima cakap *domestic violence* yang meningkat dan kes-kes keganasan meningkat, kes-kes rogol, kes-kes yang *against White Orange* yang dibuat tetapi

sepatutnya EXCO Pembangunan Wanita lebih baik membangun lagi dua (2) pusat di Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Selatan untuk menolong, Barat Daya lagi satu, di Timur Laut sudah ada WCC, *but* Barat Daya *also*....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat, sedikit sahaja. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat yang telah memberi perhatian kepada perkara ini tetapi saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk meminta YB. Ahli Kawasan Padang Lalang memberikan perhatian kepada kes-kes kejadian keganasan kepada lelaki juga. Banyak juga kes-kes kejadian melibatkan keganasan lelaki, jadi saya tidak memberikan contoh lah, saya sendiri tidak ada lagi tetapi baru-baru ini saya lihat satu program telah dilancarkan dengan *handband orange* dan sebagainya tetapi bagi wanita sahaja. Bagaimana pula bagi lelaki-lelaki yang menjadi mangsa keganasan yang berlaku di rumah sebab apa YB. EXCO tidak memberi perhatian kepada perkara itu? Ramai juga lelaki di luar itu, mungkin ada juga di sini yang menjadi mangsa keganasan tetapi tidak boleh beritahu secara terbuka. Bukankah perkara ini juga harus diberi perhatian. Apakah pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila teruskan YB. Berapit

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Tidak mahu jawab lagi ya. Ada kot, ada kes seperti kes yang Ahli Kawasan Seri Delima sebut, ada kot atau tidak tahu, sebab di kawasan saya kurang. Kawan saya selalunya wanita, okey.

Pada tahun 2011 November, kita sudah menubuhkan Penang Women Development Center (PWDC) dengan peruntukan Kerajaan Negeri sebanyak *RM1.5 million*, RM1.5 juta. Pada ketika itu, peruntukan untuk MMK Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti adalah RM800,000 dan saya mahu bertanya adakah peruntukan ini ditambah sebab kalau baca daripada bajet tahun ini juga sama *RM1.5 million*, adakah ini cukup untuk melaksanakan polisi-polisi yang lama seperti *general responsive budget* dan ada apa polisi yang baru dilaksanakan oleh EXCO Pembangunan Wanita dan apakah pencapaian yang telah dicapai oleh EXCO berkenaan dan ada apa polisi untuk pembangunan wanita. Saya terbaca bajet tahun lepas, ada sebuah program baru iaitu Tampil, iaitu Program Pemberdayaan Kepimpinan Wanita dengan bekerjasama dengan Pusat-pusat Khidmat ADUN dan adakah contoh-contoh yang berjaya. Sila huraikan pada waktu penggulungan nanti. Saya berpendapat bahawa(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Minta Laluan, saya rasa bahawa hari pertama perbahasan YB. Telok Ayer Tawar telah menyerahkan pendapat beliau bahawa peruntukan untuk Pembangunan Wanita Negeri Pulau Pinang (PWDC) haruslah dipertingkatkan. Tadi Yang Berhormat pun ada bertanya tentang peruntukan untuk PWDC, jadi pada pendapat Yang Berhormat adakah peruntukan PWDC itu harus di tambah?

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Jawapan untuk YB. Pulau Tikus, saya memang bersetuju kalau peruntukan kepada PWDC itu dipertingkatkan tetapi ini kena dijalankan oleh YB. Padang Lalang waktu perbincangan EXCO ya, sebab pada waktu saya menjadi EXCO, saya selalu minta pertambahan peruntukan tetapi *reject okay*.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Penjelasan, untuk tadi ada kata PPW, peruntukan untuk PPW telah ditambah RM60,000.00 dari RM150,000.00 ke RM210,000.00. Itu ialah diminta oleh WCC. Jadi peruntukan ini ialah mengikut keperluan, sekiranya kita masih ada peruntukan, saya rasa tidak perlulah kita meminta lebih banyak kerana PWDC memang masih ada rezab, masih cukup untuk 1 tahun. Sekiranya pada tahun yang akan datang, sekiranya kita ada projek yang baru, kita ada pusat-pusat yang baru tetapi kita akan minta lebih banyak peruntukan, hanya sekarang masalahnya ialah susah hendak dapatkan orang ataupun staf yang

sesuai yang mereka telah dilatih untuk menguruskan pusat seperti PPW dan memang kita pun sudah berbincang dengan WCC sama ada WCC ada kapasiti untuk membantu supaya dia boleh adakan, memperbanyakkan pusat ini, tetapi pada waktu sekarang WCC tidak berani hendak ambil cabaran ini. Jadi sekiranya sesiapa yang hendak, dia ada, boleh *introduce*, kalau ada NGO-NGO yang berkemampuan ataupun individu-individu yang sesuai untuk menguruskan pusat-pusat seperti ini. Saya rasa Kerajaan Negeri akan mempertimbang untuk mengadakan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad):

Saya mengikuti perbahasan ini seolah-olah saya difahamkan bahawa bajet itu ada tetapi tidak digunakan, betul ya, bajet itu ada tetapi tidak digunakan, tetapi terfikir juga oleh saya takkanlah sebuah Kerajaan Negeri tidak ada perancangan untuk penambahbaikan program, mesti ada, *you cannot maintain* sampai bila-bila, patutnya setiap tahun ada perubahan-perubahan yang kita belajar dari kekurangan *last year* dan buat penambahbaikan, kurang program tambah program dan sebagainya, tetapi kalau macam itu sahaja perubahannya bermakna tidak ada perkembangan kepada program yang dijalankan, ini tidak sepatutnya berlaku. Terima kasih YB. Berapit.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Saya rasa apa yang ditanyakan oleh Yang Berhormat itu boleh dijawab semasa penggulungan. Saya bergerak kepada pandangan saya yang seterusnya. Saya mendapat inspirasi daripada ulasan daripada EXCO, terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO kerana untuk menjawab ataupun berkongsi pendapat tentang ulasan YB. Berapit tentang acara *Penang Goes Orange* ini dan pertanyaan sama ada wang *Penang Goes* yang digunakan untuk *Penang Goes Orange* adakah lebih berbaloi untuk memulakan pusat-pusat lain seperti PPW. Bagi saya perumpamaan pusat PPW adalah seperti sebuah hospital, mungkin pakar barah, penyakit barah paru-paru, walau pun ada hospital, ada kepakaran barah paru-paru, namun masih perlukah promosi, program promosi agar orang kurang menghisap rokok, kedua-duanya adalah keperluan yang haruslah berjalan dengan seiring, maksud saya *Penang Goes Orange* itu matlamatnya adalah untuk memaklumkan dan mempertingkatkan kesedaran awam tentang wujudnya keganasan ke atas wanita, tetapi selain daripada promosi pusat PPW juga diusahakan untuk membantu mangsa-mangsa. Saya berharap bahawa kedua-dua adalah perlu dan boleh menerima persetujuan daripada YB. Berapit.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Ada sesiapa lagi mahu bertanya soalan tambahan?

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ada 2 minit lagi. Kita sudah hendak berhenti.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya ada soalan berkenaan pusat jagaan kanak-kanak yang Ahli Kawasan Berapit ada sebut iaitu, satu (1) adalah di kawasan saya dan lagi satu (1) di Padang Tembak. Jadi dari jawapan yang saya terima, saya tengok di sini yang saya rasa kalau kerajaan buat pusat jagaan kanak-kanak yang diberi peruntukan subsidi oleh kerajaan dan bayaran yang dikenakan kepada ibu bapa hanya RM50.00 dan saya harap yang kerajaan akan fokus kepada ibu bapa yang memang miskin, memang susah. Jadi saya harap walau pun Kerajaan Negeri hendak menuju kepada 1 model yang lebih efisien, lebih *sustainable* dan efisien sebab saya tengok dari jawapan saya, ibu bapa yang betul-betul miskin hanya macam dua (2) orang sahaja yang datang ke pusat jagaan saya. Saya rasa tujuan pusat ini diadakan ialah untuk membantu ibu bapa yang susah, jadi saya rasa walau pun Kerajaan Negeri hendak menuju kepada lebih efisien dan *sustainable*, kita kekalkan pusat jagaan kanak-kanak ini sebagai satu tanggungjawab sosial. Saya harap begitu dan mungkin apa yang perlu dilakukan ialah bagi pihak pusat jagaan itu betul-betul membuat tapisan maknanya ibu bapa yang layak hantar anak-anaknya RM50.00 itu betul-betul miskin, sebab pusat jagaan ia ada had tidak boleh lebih daripada 35 budak-budak. Jadi saya harap kita kekalkan sebagai pusat jagaan untuk menjaga anak-anak dari keluarga miskin.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Just respond.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

1 minit *respond*

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Ya, pada waktu sekarang bukannya permintaan lebih banyak daripada *supply, now is supply more than demand*. Iya lah, kita tidak boleh penuhkan semua tempat di dalam ini, jadi kalau kita hadkan lagi mungkin 35, had kita ialah *the most we can make 35*, kalau kita hadkan kepada ibu bapa yang sangat miskin, mungkin akan ada hanya lima (5) orang sahaja. Ini adalah seperti Desa Wawasan Flat, ia ada 900 unit tetapi 500 unit di *occupied*, ada 400 lagi tidak ada orang yang minta. Jadi yang inilah kita *review*, macam mana kita nak adakan satu model yang lebih *sustainable and affordable*. Jadi apa-apa yang kita nak mulakan, yang saya *learn*, belajar daripada pengalaman ini, apabila kita hendak mulakan, sebelum kita mulakan sesuatu kemudahan *service*, kita mesti buat *feasibility study*, mesti kaji adakah keperluan di situ, ada berapa, barulah kita adakan satu model yang efisien dan *sustainable*. *Thank you.*

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih YB. Padang Lalang. YB. Berapit nanti kita sambung jam 8.00 malam. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan dan akan disambung semula pada jam 8.00 malam.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang.

Dewan disambung semula pada jam 8.00 malam.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan bersidang semula. Sila YB. Berapit.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua, kita sambung balik perbahasan saya mengenai pembangunan wanita. Saya tadi ada sebut peruntukan untuk MMK Wanita RM800,000 sudah lama dari tahun 2008 sampai tahun ini dan tadi ada banyak Yang Berhormat yang ambil tempat untuk bahas bersama-sama. Bagi pandangan saya sebagai Kerajaan Negeri yang selalu berkata kebajikan kan, kalau boleh EXCO yang berkenaan ambillah wang ini, upah *professional counseling* untuk turun padang bagi *professional counseling* kepada keluarga-keluarga yang menghadapi keganasan rumah tangga atau macam kes-kes, *depression* lagi baik daripada buat program-program yang selalu mengalu-alukan slogan tetapi tak nampak apa-apa pencapaian yang bagus untuk rakyat jelata. Bagi Pembangunan Belia pula, pada penggal yang lalu peruntukan yang diberikan kepada MMK Belia dan Sukan adalah RM600,000 dan lagi satu peruntukan yang berlainan iaitu RM300,000 peruntukan untuk Majlis Belia Negeri Pulau Pinang iaitu MBNPP dan pada tahun lepas kalau tak salah tahun 2015, Kerajaan Negeri sudah berhentikan peruntukan RM300,000 kepada MBNPP yang terdapat sebanyak 23 persatuan dan badan bukan kerajaan di bawah MBNPP dan peruntukan ini memang penting untuk menolong pergerakan dan Pembangunan Belia di Negeri Pulau Pinang dan setahu saya ini negeri yang pertama, *no others state in Malaysia* yang tidak beri peruntukan kepada Majlis Belia Negeri masing-masing.

Apakah polisi yang baru yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam membantu pergerakan dan Pembangunan Belia dan apakah pencapaian Kerajaan Negeri di sektor Pembangunan Belia dalam perusahaan, dalam karier-karier masing-masing, adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memupuk dan menolong belia dan beliawanis atau wanita yang ingin berjaya dalam karier-karier mereka dan sama-sama menolong dan bantuan atau program untuk memupuk dan menjayakan individu atau *company* yang berjaya di dalam negeri sebab sampai hari ini pun tak nampak siapa-siapa individu, belia dan beliawanis atau wanita yang berjaya dari program-program atau pertolongan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Dalam Pembangunan Sukan, atlet-atlet dan tempat berlatih dan *of course* semua jurulatih-jurulatih dan persatuan merupakan sumber yang paling penting dalam pembangunan sukan. Kerajaan Negeri seharusnya menyediakan tempat dan sistem latihan yang sempurna untuk kejayaan prestasi sukan pada hari ini atau masa hadapan. Sebelum ini, penggal yang dahulu ketika saya jadi EXCO saya sudah meminta Kerajaan Negeri tolonglah lengkapkan kolam renang dan kolam terjun di Pulau Pinang *especially* di Penang International Sport Arena (PISA) yang dahulu ialah tempat *training* untuk Persatuan Renang dan apa yang terjadi sekarang ialah PISA iaitu sekarang dinaik taraf dan ditukar nama kepada SPICE dan kolam air yang bertaraf antarabangsa itu nampaknya menjadi kolam renang untuk orang awam dan dimanakah persatuan berenang kita berlatih pada hari ini? Adakah kolam air yang tertentu atau taraf antarabangsa untuk atlet-atlet berenang kita dan terjun kita *training* setiap hari? Saya kalau tak salah 2012 saya dapat satu *training centre* untuk *table tennis*, Persatuan Ping Pong dengan pertolongan ahli YB. Pengkalan Kota di tempatnya iaitu Maccalum, Balai Rakyat Macallum yang di tingkat 3. Kita jadikan *centralized training* untuk ping pong dan hari ini kita nampak prestasi *table tennis* kita meningkat dan atlet-atlet muda ya macam budak-budak di bawah 15 tahun itu sudah mencapai kemajuan dan prestasi yang sangat menggalakkan dan satu lagi ialah....(gangguan). Okey.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Saya mohon laluan. Tadi disebut tentang kolam renang di SPICE atau pun dulu PISA dulu kawasan saya, seingat sewa kolam untuk terjun dia kekalkan iaitu masih lagi buat latihan untuk terjun kecuali kolam renang yang biasa itu telah pun dicitakkan dia punya kedalamannya tetapi setakat ini memang tidak seperti dahulu memang kedua-duanya memang diguna pakai untuk MSN dan juga ahli-ahli Bukit Jalil *good swimmer below under 12*, dia yang memang hantar sana tetapi yang terjun tu masih boleh diguna pakai lagi *that just* untuk terjun, terima kasih.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Terima kasih jawapan daripada YB. Pantai Jerejak. *What I means is centralized training* kalau untuk terjun itu kena ada *Dry Gym*. Sekarang kalau faham persatuan berenang kita *practice* di kelab-kelab berenang di peranginan dan tiada tempat yang tertentu. Seperti tadi saya cakap kalau bola tampar, Persatuan Bola Tampar adalah satu Stadium di Buah Pala tu apa *Karpal Singh Centre, youth centre*. Itu memang satu kejayaan negeri pada penggal lalu. Sekarang banyak lagi yang persatuan-persatuan sukan tidak ada *centralized training* yang seperti disebut-sebutkan oleh Kerajaan Negeri pada bajet tahun lepas iaitu Bajet 2016 seperti mendirikan satu kompleks sukan moden dengan kemudahan *velodrome semi covered* bertaraf antarabangsa untuk trek basikal sepanjang 250 meter ini semua yang disebut-sebutlah pada bajet tahun lepas. Adakah ini masih di dalam rancangan Kerajaan Negeri dan *times frame* bilakah baru persatuan ini dapat tempat berlatih mereka? Sebab ini ditunggu-tunggu pada penggal yang lepas sampai sekarang. Memang *sport* itu selalu dicakap bukannya portfolio yang menjanakan pendapatan *not revenue centre is a core centre but* saya percaya kalau kita mengadakan pertandingan-pertandingan antarabangsa *actually is a sport tourism, we bring people form other country come here to take part in the tournament...*(dengan izin) dan ini memang semua peserta datang tinggal di hotel, beli belah sini, belanja sini *this is income for state* dan apakah program-program international yang akan dilancarkan pada tahun depan oleh MMK Belia dan Sukan dan saya harap ini akan dijalankan dengan pertolongan semua persatuan-persatuan ya seperti dahulu kita bekerja semua dengan persatuan-persatuan NGO di Negeri Pulau Pinang dan tadi belia saya harap kerajaan boleh mencari jalan macam mana menolong belia-belia atau NGO-NGO belia dalam pembangunan mereka dan dengan cara inilah belia dapat mendapat peruntukan daripada Kerajaan Negeri untuk pembangunan mereka.

Pembangunan infrastruktur ini hasrat Kerajaan Negeri memperkembangkan ekonomi digital dan menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat kecemerlangan sains dan teknologi amatlah dialu-alukan. Oleh itu saya berpendapat bahawa Kerajaan Negeri haruslah menjadikan pusat pembelajaran STEM dan perpustakaan digital di kawasan Seberang Perai bukan sahaja di Pulau, pembangunan di Pulau memang selalu ada pesat tetapi di Seberang itu kurang sedikit, walaupun ada pembangunan perumahan, *shopping centre* di Batu Kawan tetapi di SPT kurang di SPU kurang. So saya harap *centre* ni boleh dibuka di bangunan rumah rehat Pejabat Daerah *DO Rest House* saya sebut lama dah sebab sekarang ia masih biar seperti rumah yang uzur di *centre* of Bukit Mertajam. Itu memang tak senonoh di pandang mata rakyat semenjak sejak kita jadi kerajaan dari 2008 sampai. Sekarang pun parti-parti pembangkang MCA malas mahu *bring out the matter in the news also, last time they always* marah saya la sebab tak buat apa-apa dan cadangan saya selain daripada *centre* atau perpustakaan digital dia boleh juga dibuat sebagai *multi level carpark* untuk menampung *parking problem* di Jalan Kuli dengan Jalan Perusahaan Niaga sambungan sebab bila *peak hours* betul-betul *traffic jammed* menyebabkan lalu lintas membawa kesesakan kepada orang awam. Saya harap cadangan saya ini betul-betul mendapat pandangan yang utama penting untuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang tak mahu saya cakap 2008 sampai habis ini 2016 dah berapa tahun dah belum dicapai dan lagi satu ialah masalah kawasan saya iaitu Berapit, saya harap Jabatan Kerja Raya iaitu YB. Bagan Jermal kalau boleh pembangunan jalan raya di Bukit Mertajam itu memang penting sebab nampak perumahan yang pesat didirikan di Bukit Mertajam dan jalan raya itu di Bukit Mertajam saya tak cakap Song Ban King tak ada pelebaran atau naik taraf langsung dan Jalan Kampung Besar itu memang satu jalan utama untuk orang Berapit keluar ke Jalan Kulim dan saya pun cakap dah berapa tahun dah kalau boleh JKR menaik taraf jalan ini sebagai jalan JKR jalan yang penting untuk *connect* Berapit ke Jalan Kulim dan *of course* di tempat keluar di Jalan Kulim *opposite* Sekolah Kebangsaan Cina Kim Seng itu sepatutnya dinaiktarafkan sebab keluar masuk pun bahaya sebab ada rumah di depan jalan itu, saya tak tahu lah KTM sudah bagi kuasa tanah ubah kepada Kerajaan Negeri sebab ini *answer* dari YB. Bagan Jermal dari tahun lepas dia cakap belum lagi.

Saya harap boleh dipercepatkan proses ini dan saya harap tahun depan Jalan Kampung Besar dinaiktarafkan dan mengurangkan masalah lalu lintas di Bukit Mertajam dan satu lagi ialah ciri-ciri keselamatan di Jalan Berapit. Ini saya banyak susah hati setiap tahun sampai hari ini dua (2) hingga tiga (3) nyawa terkorban di Jalan Berapit. Ini disebabkan design jalan itu sempit hanya 2 buah kereta boleh lalu dan selepas r.o.b dibina oleh Gamuda selepas *double track* lagi banyak kereta membawa dengan laju dan tidak mematuhi undang-undang walaupun banyak cadangan saya disebutkan di Tindakan Daerah atau membawa EXCO, JKR iaitu YB. Bagan Jermal dan saya bincang dengan MMK Keselamatan Lalu Lintas, MMK Lalu Lintas tetapi nampaknya tiada apa-apa perubahan sebab baru-baru ini ada nyawa terkorban ada orang cedera parah yang turun di r.o.b banyak kereta yang buat *U-turn* haram menyebabkan kemalangan berlaku dan saya bercadang kalau boleh pihak JKR buatlah *signboard-signboard* yang besar had laju di Jalan Berapit itu dan kalau boleh saya minta *Local Government*, MPSP dengan PDRM buat CCTV dan saya mintalah pihak PDRM menjalankan tugas menguatkuasa di kawasan jalan Berapit *for sometimes like, festive season* sebab kebanyakan pemuda-pemuda membawa kereta dengan cepat apabila waktu perayaan.

So saya harap kemalangan di Jalan Berapit itu boleh dikurangkan masalah alam sekitar disebabkan hujan yang berturut-turut pada dua (2) minggu ini. Taman Sentosa ialah dulu sebagai *black spot*, tempat hitam tanah runtuh sebab hakisan tanah kelmarin terjadi lagi sekali hakisan tanah di belakang Taman Sentosa itu tanah bukit ada keruntuhan tanah berlaku dan memandangkan begitu pesatnya pembangunan perumahan di KADUN Berapit dan saya sebagai wakil rakyat saya berdiri di samping rakyat rumah yang sedia ada di Taman Sentosa, Taman Bukit Emas, Taman Sri Bukit Indah kita menolak projek-projek perumahan tiga (3) di belakang taman tanah bukit atau di bawah bukit sebab kita tak mahu kalau disebabkan pembangunan rumah dan *cause* hakisan tanah atau bencana alam yang disebabkan kegiatan manusia dan saya harap Kerajaan Negeri boleh memantau pembangunan perumahan di tempat-tempat yang selalu terjadinya tanah runtuh atau bencana disebabkan pembangunan perumahan dan kalau boleh kedua-dua Kerajaan Tempatan meningkatkan kerja-kerja memantau dan menyelesaikan projek-projek tebatan air yang Kerajaan Negeri sudah memberi sebanyak RM220 juta dan untuk masa yang singkat ini berhentikan semua pembangunan yang sedang berjalan kita tak boleh tahan tapi yang baru mahu minta pembangunan itu sila *stop for a while, sit down and plan how to connect the new project with the old project* dan mengurangkan banjir kilat seperti berlaku di Machang Bubok disebabkan pembangunan perumahan yang pesat dan tiada longkang-longkang tiada *connection* yang terancang....(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Minta penjelasan, terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Saya ingin menanyakan kepada YB. Berapit yang saya katakan ada tanah runtuh di Taman Sentosa tempat kejadian tanah runtuh itu di atas bukit sana ada apa-apa pembangunan seperti menggondol cerun atau bukit atau tidak dan banjir yang selalu berlaku di Kampung Baru ini masih ada banjir atau pun tidak? Itu sahaja.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Terima kasih saya berucap kepada YB. Bagan Jermal yang ingin mengambil tahu apa yang terjadi sebab di belakang bukit Taman Sentosa dan Taman Bukit Emas itu ada satu tanah *private* individu yang pernah dikosongkan ditebangkan pokok-pokok pada tahun lepas dan MPSP sudah bagi saman dan *stop for the land owner* dan bila hujan yang berturut-turut dua minggu lebih dan tanah sememangnya *hotspot for the tanah runtuh that's why* ada, PA saya pergi tangkap gambar dan betul-betul tanah runtuh dari bukit dan nasib baik perumahan berhenti tak ada orang tinggal, satu rumah projek perumahan yang tidak dijalankan di Taman Sentosa dan saya pun khuatir sebab perumahan Taman Sri Bukit Indah itu belakang ada batu-batu besar dan ada projek pembangunan kondominium bertingkat 40, 30 tingkat dan tidak sesuai dan saya harap projek ini MPSP telah tolak projek ini dan saya harap tak ada di tahun akan datang projek ini akan dibangunkan sebab *answer* daripada MMK Perumahan kata kita bantah tetapi *developer* boleh pergi Kerajaan Pusat so *we cannot do anything that is the sad part*(gangguan)

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Mohon laluan pasal tanah runtuh juga saya nak tanya atau pun mohon jika Kerajaan Negeri since tadi disebutkan JKR mempunyai bajet yang tidak digunakan sampai 42%, saya nak mohon jika Jalan Sungai Lembu yang sering terjadi tanah runtuh jalan itu dinaik taraf sebab jalan itu memang sekarang menjadi satu jalan yang banyak sangat kereta dan lori naik. Lagi satu cara kalau tak nak lebarkan jalan ataupun naik tarafkan jalan itu dan satu lagi cara ialah supaya lori-lori dihadkan dan lori-lori panjang-panjang dihadkan supaya tidak boleh masuk sebab bila dia nak buat turning 45 darjah itu selalu menyebabkan kemalangan *since* disebabkan kejadian hujan setiap hari di situ memang berlakunya tanah runtuh jadi saya nak mohon kepada Kerajaan Negeri jika boleh menaiktarafkan Jalan Sungai Lembu atau pun mencari jalan supaya lori-lori besar tidak boleh lori-lori yang treler-treler besar tidak boleh melalui jalan itu, terima kasih.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Terima kasih YB. Penanti. Ada lagi satu soalan saya kepada Kerajaan Negeri iaitu pada penggal yang lalu Kerajaan Negeri ada mendirikan satu pasukan kecemasan S.O.S jika terjadinya bencana alam 'are we ready' kelengkapan cukup kakitangan kita cukup kalau betul-betul terjadinya bencana alam yang serius di Pulau Pinang atau di Seberang melihatkan *we know global warming* yang begitu serius, hujan yang begitu panjang dan tanah runtuh di sini sana *a lot* di Batu Feringhi. Adakah kita bersedia kalau terjadinya bencana alam *in recreation* daripada kebanyakan orang yang duduk di tempat selalu terjadinya tanah runtuh dan di sini kalau kita lagi bersama dengan semua Yang Berhormat-Yang Berhormat di dewan yang mulia ini pada tahun keempat, *Insya-Allah* kita akan bersama-sama lagi kalau ada pilihan raya akan datang, kalau ini *last one* saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua kakitangan Kerajaan Negeri yang begitu lama memberi kerjasama kepada saya dan of course kepada Tuan DO saya di SPT iaitu Tuan Zulkifli dan saya rasa sedih sebab Penghulu Othman saya baru meninggal dunia Rabu lalu dan saya ucapkan takziah dan saya harap Kerajaan Negeri boleh menambahkan kakitangan di DO SPT sebab tak cukup kakitangan pada waktu sekarang sebab saya tak tahu di penghujung nanti juga *share*.

Cukup untuk saya pada *round* ini dan saya ucapkan terima kasih kepada dewan yang mulia ini kerana Dato' Speaker mengizinkan kita berbahas dan saya minta menyokong. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Berapit, sila YB. Sungai Dua, sila.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Assalamualaikum wbt, Bismilahirramanirrahim.....(bacaan doa). YB. Dato Yang di-Pertua, rakan Ahli Yang Berhormat, Ketua Jabatan tuan-tuan, puan-puan dan Ahli-ahli Dewan yang dihormati sekalian.

Pertamanya, syukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana izin dan limpah rahmatnya kita dapat bersama-sama berada di dalam Dewan yang mulia ini untuk kita sama-sama berbahas dan berbincang dalam menyelesaikan masalah dan isu-isu yang dihadapi oleh masyarakat dan rakyat di kawasan masing-masing. Saya juga nak ucapkan ribuan terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua yang telah memberikan peluang kepada saya Sungai Dua untuk membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan 2017 dan Usul Anggaran Pembangunan Negeri 2017 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada Selasa lalu dan terima kasih kerana memberi peluang untuk kita dua berbahas semula bermula pada pagi tadi.

YB. Dato' Yang di-Pertua, bajet sepatutnya memberikan lebih jelas arah tuju Kerajaan Negeri rakyat Pulau Pinang menanti dan mengharapkan sesuatu yang baik dan luar biasa. Apa yang saya nampak ialah suatu yang biasa yang tidak ada luar biasa kecuali perkara berkaitan dengan hal-hal banjir itu yang luar biasa berbanding dengan yang lain-lain. Tahniah kepada Y.A.B. Air Putih kerana pembentangan bajet hari ini kerana telah berjaya mencatat sejarah dan mencipta rekod Negeri Pulau Pinang dalam beberapa aspek. Pertamanya, bajet defisit setinggi RM667.10 juta adalah bajet defisit yang paling tinggi sepanjang tempoh 2009 hingga 2016. Jika dibandingkan pada tahun 2016, defisit hanya RM292.13 juta. Pada tahun 2017 defisit melangkah ke angka 667.10 juta adalah satu peningkatan yang mendadak sebanyak RM375 juta ini merupakan satu keadaan yang tidak mungkin membanggakan kita.

Kedua, bajet ini menyaksikan perbelanjaan jumlah wang paling besar dalam sejarah Kerajaan Negeri. Khususnya dalam Perbelanjaan Mengurus iaitu RM1.3 billion. Ketiga, meskipun Bajet Kerajaan Negeri 2017 meramalkan bahawa KDNK Pulau Pinang akan meningkat dengan berpandukan projek dan aktiviti yang dilaksanakan, tetapi perbelanjaan mengurus Pulau Pinang sepatutnya dikurangkan melalui pengurangan perbelanjaan perbekalan dan Perkhidmatan. Yang selalunya terdedah kepada pembaziran yang dapat dilihat dalam Laporan Audit Negara setiap tahun. Akan tetapi, Perbelanjaan Perbekalan Perkhidmatan telah meningkat sebanyak RM275 juta.

YB. Dato' Yang di-Pertua, dalam Bajet 2015, anggaran perbelanjaan 2017 adalah meningkat, mendadak daripada RM346.1 juta pada tahun 2016 kepada RM887.4 juta, peningkatan RM541.3 juta iaitu 156.45%. Tahniah dan ini yang saya harapkan supaya lebih banyak projek untuk faedah usahawan dan peningkatan ekonomi penduduk khususnya di luar bandar disalurkan. Pecahan kalau kita lihat dari segi perbelanjaan pembangunan 2017, ada sembilan (9) item. Pejabat Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), RM717.6 juta. Peningkatan daripada berbanding dengan keseluruhan dengan pembangunan, peratusnya adalah 80%, cukup tinggi. 80% belanja untuk Pejabat Ketua Menteri dan SUK. Peningkatan daripada 2016 sebanyak 47%. Manakala yang lain-lain jabatan bawah daripada 1.6%. Termasuklah Jabatan Pengairan dan Saliran, Perhutanan, Jabatan Botani, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Hal Ehwal Agama, Jabatan Veterinar dan juga Jabatan Pertanian. Yang kedua tertinggi adalah Jabatan Kewangan Negeri iaitu RM128.5 juta, 14.5% daripada keseluruhan belanja Pembangunan.

Apa yang malangnya adalah yang saya lihat projek pembangunan usawahan dan peningkatan ekonomi rakyat secara langsung terlalu kecil hanya 0.73% sahaja untuk Jabatan Pertanian dan juga Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan 0.71% untuk projek khas ekonomi. Itu sahaja dua (2) daripada banyak belanja ini, 0.73% melalui jabatan pertanian, projek ekonomi, Projek Pembangunan Industri Asas Tani - IAT dan sebagainya hanya 0.73%. Dan projek khas ekonomi 0.71, ini mungkin projek pembekalan mesin-mesin peralatan melalui Pejabat Daerah saya ingat.

Mengapa peruntukan perbelanjaan pembangunan melalui Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat SUK terlalu tinggi? Adakah pihak Kerajaan negeri melalui niat yang tersirat? Ini bukan tuduhan, nanti YB. Seri Delima bangkit pula kata ini tuduhan, ini bukan tuduhan, saya bangkit, kalau bukan, jelaskan, jawablah. Niat tersirat dalam usaha untuk menjadikan Bajet Kerajaan Negeri 2017 mempunyai lebihan pada hujung tahun, iaitu perbelanjaan yang tidak dicapai sebab saya lihat dalam pencapaian 2015, banyak agensi, jabatan mencapai kurang daripada 70%. Ada dua, tiga jabatan sahaja yang mencapai 80% ke atas. Jadi iaitu perbelanjaan yang tak dicapai akan dimasukkan dalam terimaan, bukan hasil dan pencapaian yang akan terus menjadi lebihan. Kerajaan Negeri juga akan mendakwa bahawa mereka hebat dan sentiasa Cekap, Akauntabiliti dan Telus serta berhemah dalam perbelanjaan....(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Penjelasan. YB. Sungai Dua, terima kasih. Dato' Yang di-Pertua, terima kasih. Sejumlah RM707 juta telah diperuntukkan di Pejabat Ketua Menteri dan juga Pejabat SUK. Sedarkah YB. Sungai Dua bahawa jumlah ini ada satu bilangan yang besar iaitu RM609 juta mahu dipinjam kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan juga satu jumlah RM30 juta akan dipinjam kepada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dan kedua-dua angka ini sudah cukup besar bukan semua untuk SUK dan juga *Chief Minister Office*.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih YB. Bagan Jermal atas penjelasan. Cuma saya nampak, saya tengok pun dalam ini, cuma pinjaman itu akan disalurkan kepada PDC dan juga PBA. Adakah pinjaman itu akan dikeluarkan keseluruhan pada tahun tersebut? Itu juga menjadi satu persoalan kepada kita. Bajet Kerajaan Negeri 2017 juga tidak menjelaskan sumber *revenue* yang baru Kerajaan Negeri. Selain daripada cukai langsung, tidak langsung, hasil bukan cukai, dan juga terimaan bukan hasil. Hasil cukai RM138 juta, hasil bukan cukai RM448 juta termasuk jualan, peralatan dan sebagainya. Terimaan bukan hasil RM99 juta. Apa yang saya lihat tidak ada pun sumber pendapatan daripada penjualan tanah Kerajaan Negeri yang dimasukkan dalam ketiga-tiga sumber hasil Kerajaan Negeri, mungkin saya tersalah pandang. Mungkin hasil ini akan muncul, mungkin itu anggapan saya, silap tolong betulkan. Mungkin hasil ini akan muncul di bawah hasil bukan cukai, setiap hujung tahun. Untuk menampakkan hasil yang tinggi dan seterusnya menunjukkan lebih ataupun *surplus*. Tidak hairanlah saban tahun Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mencapai lebih dalam pencapaian bajet tahunan. Ini merupakan kehebatan yang tidak ada pada Kerajaan Negeri lain di Malaysia dalam mencapai lebih bukannya defisit. *Surplus* atau lebih bukan dicapai melalui perbelanjaan berhemah atau pun pendapatan Kerajaan Negeri yang dibajetkan, ini satu sat lagi YB. Rayer marah. Ini satu manipulasi terhormat yang sering diulang oleh Kerajaan Negeri untuk menampakkan kehebatan Pentadbiran Kerajaan Negeri yang Cekap, Akauntabiliti dan Telus.

Sumber pendapatan utama Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah cukai langsung iaitu pendapatan yang berkaitan dengan segala bentuk cukai tanah, cukai tali air, cukai parit, pelbagai cukai dan tunggakan cukai. Bajet hasil kali ini dilihat semakin berkurangan berbanding tahun 2016. Dan sedikit peningkatan daripada pendapatan tahun 2015. iaitu, 4.9% iaitu RM5.1 juta. Sepatutnya hasil ini bagi Bajet Tahun 2017 dipertingkatkan kepada 10%. Iaitu RM126 juta bukannya hanya 4.9%. Di samping itu jumlah tunggakan cukai yang semakin tinggi dan tidak berjaya dikutip secepatnya perlu diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan sumber pendapatan dapat dipertingkatkan dan mencapai matlamat kutipan. Daripada Bajet 2015, 2016, 2017 dan bajet-bajet sebelum ini yang dibentangkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, apa yang saya lihat, Kerajaan Negeri sering meningkatkan jumlah perbelanjaan mengurus walaupun pencapaian tahun sebelumnya agak rendah tetapi dalam bajet terus meningkat. Bagi yang mencapai 80% ke atas mungkin wajar ditingkatkan. Tapi yang hanya mencapai 60% ke bawah juga dipertingkatkan, maksudnya disamakan ataupun ditingkatkan hanya kadar sedikit. Jika ianya dikembalikan kepada hasil bukan cukai, ini bermakna hasil bukan cukai akan meningkat dan Kerajaan Negeri nampak bagus dari segi penjimatan, belanja berhemah dan seterusnya mampu memperoleh pencapaian lebih. Tema Bajet Kerajaan Negeri Pulau Pinang tahun 2017 adalah Ke Arah Negeri Keusahawanan dan Kebajikan. Apa yang saya faham, saya ini tak berapa pandai, apa yang saya faham dari tema ini, Kerajaan Negeri akan berusaha meningkatkan jumlah usahawan kecil, sederhana mahu pun besar dalam menjana ekonomi yang bakal menghadapi masalah tahun 2017. Dan juga apa yang saya nampak Kerajaan Negeri hanya memperbanyak penglibatan pihak swasta dalam sesuatu inisiatif atau pun projek yang bakal dilaksanakan. Tidak melibatkan mungkin syarikat-syarikat tempatan atau pun koperasi dan sebagainya dalam pelaksanaan aktiviti, program, ekonomi Kerajaan Negeri untuk membentuk lebih ramai usahawan-usahawan.

YB. Dato' Yang di-Pertua, projek-projek membina infrastruktur jalan akan dilaksanakan dalam tahun 2017, apa yang saya lihat cukup banyak. Jumlah peruntukan yang bakal disediakan adalah sebanyak RM57.57 juta merangkumi enam (6) projek besar yang disenaraikan dalam bajet. Iaitu di Bulatan Masjid Negeri, Jalan Pintas Butterworth, penyelenggaraan Jalan-jalan Negeri, Jalan Kampung, Jalan Selamat di Seberang Perai Tengah dan Jambatan Sungai Kerian. Tapi bila saya congak-congak, jumlah yang akan dibelanjakan adalah sebanyak RM84.57 juta keseluruhannya itu. Tak tahulah kalau saya silap jumlah. Bukan RM57.57. Mana lagi baki RM27 juta yang akan diperolehi untuk melaksanakan keenam-enam projek besar ini. Tak tahulah, jumlah balik tengok. RM20 juta, RM7 juta, RM7.64, RM2 juta, RM47.93 juta jumlahnya menjadi RM84.57 juta. Dan adakah semua peruntukan RM84.57 ini disediakan

oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau pun diperolehi daripada sumber-sumber lain, seperti Kerajaan Persekutuan dan sebagainya dan pohon dijelaskan. Dan mengapa peruntukan untuk membina dan menurap jalan kampung hanya RM2.0 juta sahaja. Ini saya faham dengan kampung ini, jalan-jalan kecil di kampung hanya RM2.0 juta dan akan hanya berjaya menurap semula 16 kilometer sahaja dengan harga RM125.00 per meter. Ataupun RM125,000 per kilometer. Jadi saya ingat banyak mana sahaja boleh buat dengan RM2.0 juta, saya rasa perlu difikirkan dan mungkin dipertingkatkan untuk melihat jalan-jalan kampung juga mempunyai jalan yang baik, jalan yang elok, jalan yang sempurna.

Dalam Surah Ar-Rum, ayat 41, Allah S.W.T. telah berfirman dengan maksudnya, "*Telah nampak kerosakan di darat dan di laut disebabkan oleh kerana perbuatan tangan-tangan manusia*". Banjir berlaku di seluruh kawasan Negeri Pulau Pinang. Setiap kawasan menghadapi bencana termasuklah di kawasan saya, di Sungai Dua. Dan setiap Ahli Yang Berhormat, saya tengok dalam *facebook*, turun dengan bot, dengan kasut tinggi, terpaksa turun padang dan menghulurkan sumbangan untuk mereka-mereka yang mengalami banjir kilat. Tidak dinafikan banjir kilat ini berpunca daripada hujan yang terlalu lebat dan air pasang besar, ini yang mereka cerita, hujan lebat sangat sampai 60 mm ke atas dan air pasang besar. Ianya juga berlaku disebabkan oleh faktor-faktor yang lain, bukan hanya kerana air pasang besar dan hujan yang terlalu lebat. Apa yang saya nampak ianya berpunca daripada limpahan sungai. Sungai dah terlalu cetek dan tebingnya runtuh. Sungai dah terlalu cetek dan tebingnya sudah jadi hampir dengan muka air. Longkang, perparitan dan sungai tersumbat, pembangunan keterlaluan di sesuatu kawasan. Saya setuju apa yang dibangkitkan oleh YB. Berapit tadi, dan juga penarahan di kawasan bukit mungkin menjadi puncanya. Dan tiada sistem saliran yang sempurna, itu antara punca-punca lain selain daripada hujan lebat, selain daripada pasang besar, ini juga merupakan punca-punca dan ini perlu dilihat bersama dan saya rasa Kerajaan Negeri telah melihat punca-punca. Bila berlaku banjir kilat, pihak Kerajaan Negeri menunding jari di sini dan di situ, dia tunjuk kat Bagan Jermal, tapi dia tunjuk kat diri dia lima (5), satu (1) tunjuk sana, empat (4) tunjuk kat dia. Mencari salah pelbagai pihak, salah Kerajaan Persekutuan tak bagi bajet, RM300 juta, salah Jabatan Pengairan, dan sebagainya.

Kerajaan Persekutuan dalam tahun 2008 hingga 2016 dah banyak menyalurkan peruntukan bagi Projek Tebatan Banjir ini. Bukan nak tumpu di Sungai Pinang sahaja, RM686 juta telah disalurkan untuk Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB), pemeliharaan sungai, mengukuhkan tebing, dan meningkatkan kualiti air. Melibatkan enam (6) projek RTB Sungai Perai, RM467 juta, paling besar tapi masih lagi berlaku banjir. Tahun ini tambah lagi, Kerajaan Negeri tambah lagi tahun ini. RTB Kepala Batas, RM7 juta, RTB Sungai Kerian, RM46 juta. RTB Tasek Gelugor, *Alhamdulillah* Tasek Gelugor buat RTB, tiada banjir dah, banjir pun setakat sedikit-sedikit bukan tiada langsung, tapi tak seteruk sebelum RTB dibina. Di dalamkan sungai, dinaikkan ban dan tebing, *Alhamdulillah* Tasek Gelugor, kawasan Lahar Yooi, Kawasan Seberang Tok Doi, Air Itam. Banjir sudah tiadak serius dan seteruk dulu, di Sungai Dua kawasan Sungai Makloom dan juga Sungai Lokan masih lagi berlaku banjir. RTB Sungai Juru RM100 juta, bersih dan rawat air Sungai Pinang, RM25 juta. Jumlahnya RM686 juta sepanjang 2008 hingga 2016, ini telah disalurkan oleh Kerajaan Pusat untuk membantu.

Tahniah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana menyediakan peruntukan sebanyak RM150 juta pada tahun 2017 untuk sembilan (9) kawasan sahaja. Lima (5) Seberang Perai Tengah (SPT), satu (1) Seberang Perai Utara (SPU), tiga (3) Barat Daya. Cuma melibatkan sembilan (9) kawasan bagi projek untuk mengatasi banjir tahun 2017. Kita mengharapkan supaya kata-kata Y.A.B. Air Putih masalah banjir 40 tahun dapat diselesaikan dalam masa sembilan (9) bulan dan Pakatan dapat menyelesaikan banjir dalam masa satu (1) penggal akan menjadi kenyataan walaupun sudah melebihi masa yang telah dijanjikan. Terima kasih juga kepada Kerajaan Persekutuan yang telah meluluskan RTB Sungai Pinang Fasal Tiga sebanyak RM190 juta untuk tahun 2017 setelah masalah pemindahan penduduk diselesaikan dalam bulan Mac 2016.

YB. Dato' Yang di-Pertua, langkah Kerajaan Negeri Pulau Pinang menambahbaik kemudahan awam amat dialu-alukan. Sebanyak RM17.34 juta telah diperuntukkan dalam tahun 2017 di bawah Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dalam membina, membaiki dan menyelenggara kemudahan awam, seperti lampu-lampu awam, pasar awam, kompleks makanan, pembinaan paun anjing, kompleks sukan, dewan dan kemudahan OKU. Apa yang menjadi persoalan saya di sini, ialah mengapa terdapat perbezaan agihan peruntukan yang terlalu tinggi di antara Seberang Perai dan Pulau. Pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) diberikan perutukkan sebanyak RM280.16 juta untuk projek yang sama. Perbezaan sebanyak RM262.82 juta....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Penjelasan. Saya rasa itu adalah sumber dalaman PBT, cuma dalam ucapan bajet ia digunakan untuk menggambarkan satu keadaan yang menyeluruh.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih YB. Padang Kota atas penjelasan. Jadi minta dijelaskan mengapa terdapat perbezaan yang begitu besar antara Seberang Perai dan Pulau dan adakah pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menghulurkan sebarang peruntukan kepada pihak Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk tujuan-tujuan tersebut?

YB. Dato' Yang di-Pertua, hasrat Kerajaan Negeri untuk memberikan tumpuan kepada Sains, Teknologi Kejuruteraan dan Matematik (STEM) adalah selaras dengan dasar pendidikan negara iaitu memastikan 60% pelajar mengikuti aliran sains. Dan 40% aliran sastera atau pun perdagangan. Ini adalah kerana terlalu kurang pelajar yang meminati bidang sains dan ekonomi digital dan ekonomi digital memerlukan ramai pelajar-pelajar sains dan matematik. Kerajaan Negeri telah melaksanakan enam (6) inisiatif yang kesemuanya dilaksanakan oleh pihak swasta, tiada satu pun yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Apa yang saya inginkan adalah penjelasan dan maklumat berkaitan hasil dan kejayaan daripada keenam-enam inisiatif yang telah dilaksanakan dalam menjayakan Program STEM ini. Sila senaraikan bilangan peserta yang terlibat dalam keenam-enam program tersebut.

Pelaksanaan dan pengwujudan tiga (3) institusi untuk membantu Industri Kecil dan Sederhana (IKS) amat digalakkan. Perbelanjaan yang begitu tinggi telah dibelanjakan dan akan dibelanjakan lagi. Ini semestinya memfokuskan kepada pembangunan industri kecil dan sederhana. Boleh dijelaskan apakah yang dilaksanakan secara *detail* oleh ketiga-tiga pusat ini dalam membantu usahawan IKS selain daripada menyediakan ruang-ruang kilang kepada usahawan-usahawan baru. Apakah pihak Kerajaan Negeri mempunyai data yang lengkap berkaitan usahawaan IKS dan keperluan mereka dalam membantu dan apakah Kerajaan Negeri mempunyai kerjasama dengan agensi-agensi pusat dalam menyelesaikan dan membantu usahawan IKS ini.

YB. Dato' Yang di-Pertua, seterusnya Industri Halal. Daripada mula Persidangan Dewan Undangan Negeri dulu, saya membangkit dan menyentuh berkaitan Industri Halal dan penyediaan sumber gelatin halal untuk usahawan dalam sektor makanan khususnya. Apa yang saya lihat penyediaan gelatin halal ini masih belum mencapai tahap yang diinginkan. Penyediaan sumber gelatin halal hanya sekadar dalam 20% ke 30%. Ini amat membimbangkan kerana keperluan sumber halal ini makin meningkat. Mohon agar dapat penjelasan berkaitan perkara ini dan dihuraikan lebih lanjut berkaitan pencapaian Halal Hub Negeri Pulau Pinang.

Pelancongan. Festival, banyak dilaksanakan dan tumpuannya hanya di sebelah Pulau. Begitu juga dengan tempat-tempat pelancongan. Begitu juga dengan produk-produk baru pelancongan, semuanya adalah merupakan projek-projek swasta yang tiada langsung dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri ataupun secara *joint venture*....(dengan izin) kerjasama ataupun usaha sama. Bidang pelancongan memerlukan kaedah pengurusan, destinasi dan pemasaran destinasi. Adakah kaedah ini dilaksanakan oleh kerajaan Negeri dalam memastikan sektor pelancongan ini terus menjadi penyumbang besar kepada ekonomi Negeri Pulau Pinang? Hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengkomersialkan sektor pertanian dan Projek Pembangunan Industri Asas Tani (IAT) nampak tak bersungguh-sungguh langsung. Ianya sama seperti bajet-bajet yang lalu. Tiada sebarang perubahan kecuali pembangunan *homeplot*, tahun lepas dia kata nak buat roselle, kelulut, tak tahu, saya minta pembentangan laporan apa pencapaian kelulut dengan roselle ini. Berapa banyak sarang buat dah? Kerana nak jadikan industri kelulut ini hebat, mahal, tahun ini kata nak buat kelulut dengan roselle, minta dibentangkan. *Homeplot*, di mana tapak *homeplot* ini, tak tahu kat mana, mungkin di TKPM Ara Kuda, mungkin di KPM dan keluasannya dan juga konsep pelaksanaannya. Mohon dijelaskan, *homeplot* tanam rumput macam di Negeri Perak ada padang ragut, tanah depa luas, depa ada padang ragut. Orang kampung boleh bela lembu di situ ataupun ambil rumput di situ. Kita tanam rumput untuk kegunaan ternakan-ternakan di Perak, Kedah juga ada.

Di *Penang* ini tiada padang ragut, cuma nak buat *homeplot*, jadi nak pastikan *homeplot* ini berjaya, jangan nak hebat pada nama *homeplot* sahaja tetapi tidak berjaya. Peruntukan pembangunan kepada jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang terlibat iaitu Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Pertanian, adalah sama seperti tahun 2015 dan 2016. Begitu juga dengan projek-projek di peringkat jabatan dan agensi. Berapa banyak projek kelulut yang saya sebutkan tadi dan roselle yang telah dilaksanakan dan berapa ramai peserta minta dibentangkan. Sektor Akuakultur langsung tidak ada peruntukan tambahan kecuali pemberian pukuk-pukuk kepada nelayan. Saya nak soal juga tukun jadi macam mana? Tukun yang buat dulu ini, lepas di Pulau Kendi ke pulau apa, minta dibentangkan, jadi apa dah tukun ini? Ikan mai atau tak, tambahan ikan ada atau tidak.

Kita nampak angka pencapaian dalam bajet yang dibentangkan cukup hebat, akuakultur 58,682 tan dengan nilai RM1.14 bilion tangkapan ikan, 49,782 tan dengan nilai RM484 juta pertanian, tanaman dengan nilai RM477 juta, hebat. Tapi yang saya nampak hebat, ayam dan juga khinzir, itu merupakan penternakan yang telah melebihi *Self Sufficient Level (SSL)* yang lain tak capai, padi pun tak capai. Padi baru 75% SSL. 25% masih kita ambil daripada luar sama ada import atau pun kita ambil daripada negeri lain. Nampak angka pencapaian hebat, tapi agensi pusat dan pihak swasta yang banyak menyalurkan peruntukan dalam melaksanakan projek akuakultur tangkapan ikan dan sebagainya. Sektor IAT masih tak disentuh dan diberi perhatian besar oleh Kerajaan Negeri dalam bajet kecuali sedikit di bawah Jabatan Pertanian, RM180,000. Nak beli mesin apa, RM180,000.00? Saya ingat boleh beli *flour*, *mixer* sebiji RM2,000, *oven* sedikit. Jadi minta tambahlah sikit nak bagi IAT berkembang. Kerajaan Pusat banyak bagi, kita bagi melalui Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), kita bagi melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan juga Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri, banyak kita bagi kepada golongan-golongan miskin, miskin tegar.

YB. Dato' Yang di-Pertua, bagaimana tema Ke Arah Negeri Keusahawanan dan Kebajikan dapat dicapai dalam sektor pertanian, perikanan dan penternakan jika peruntukan disalurkan hanya sekadar melepaskan batuk di tangga sahaja. Nak naik rumah sekarang tiada tangga. Peruntukan sekadar RM6.36 juta. Ramai usahawan dalam sektor ini tetapi langsung tidak diberi perhatian ataupun langsung kurang diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri untuk membangunkan sektor ini. Usahawan yang ada tetap terus menjalankan projek dengan semangat dan juga kekuatan jati diri masing-masing dan hasilkan sumber makanan untuk masyarakat Negeri Pulau Pinang. Tidak kira orang Melayu mungkin dengan sawah padinya, orang Cina dengan sayur-sayurannya terus menyumbang tanpa sebarang bantuan yang besar daripada Kerajaan Negeri dan dalam meningkatkan SSL - *Self Sufficient Level*...(dengan izin) dari segi bekalan makanan, sektor ini perlu terus diperkasakan dan ditambah peruntukan.

Mohon juga jelaskan dari segi skim mikro-kredit Tabung Usahawantani Muda, berapa ramai daripada 49 orang usahawan terlibat berjaya membayar balik pinjaman dan berjaya dalam projek yang dilaksanakan? Adakah cukup dengan pinjaman sebanyak RM5,000 seorang untuk menjalankan projek bagi setiap usahawantani muda?

YB. Dato' Yang di-Pertua, aspek ibu tunggal. Sungai Dua daripada dahulu lagi, amat prihatin tentang aspek ibu tunggal dan juga warga emas. Sungai Dua amat prihatin tentang keperluan golongan ibu tunggal, setiap hari paling kurang lima (5) orang datang, takut-takut lekat sahaja dengan ibu tunggal. Terdapat ramai ibu tunggal dalam DUN Sungai Dua juga di DUN-DUN yang lain. Satu pelan tindakan peringkat negeri di bawah PWDC perlu diwujudkan mungkin sudah diwujudkan untuk membantu ibu-ibu tunggal dalam meneruskan kehidupan dengan lebih baik, dalam meningkatkan taraf hidup dan ekonomi, meningkatkan kemahiran, membantu meningkatkan pendidikan anak-anak dan mendapatkan rumah yang selesa. Kebanyakan ibu tunggal terpaksa meneruskan kehidupan sendirian tanpa sokongan pihak-pihak yang sepatutnya. Saya memohon supaya Kerajaan Negeri mewujudkan persatuan atau pertubuhan yang khusus untuk membantu ibu-ibu tunggal. Saya di Sungai Dua, saya buat satu program. Untuk makluman, Program Pemasaran Kuih Basah. Setakat ini ada 30 orang, hari-hari dia dapat. Kalau seorang 100 biji, dia akan dapat 100 biji x RM0.30 sen *cash* dia akan dapat RM30. *Everyday*, hari-hari, Ya?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Modal?

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Modal sendiri. Modal mereka buat kuih sendiri cuma saya carikan pembeli. Pemborong, dia beli semua kuih dan dia jual di mana tempat dia nak jual. Dia tidak kira habis atau tidak habis. Selalu orang kampung dia letak di kedai, tidak habis dia kena ambil balik. Dia bayar harga dia jual sahaja, dia tolak komisen lagi. Ini dia beli RM0.30 sen sebiji, kalau berasaskan pulut harga lebih dalam RM0.50 sen ke RM0.60 sen.

Jadi ini antara yang boleh kita buat untuk bantu ibu tunggal dan saya harap pertubuhan ini boleh diwujudkan dan Kerajaan Negeri boleh menyediakan satu buku panduan untuk ibu tunggal supaya mereka boleh mendapat maklumat dan berupaya untuk berdikari melalui bantuan dan maklumat yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Penjelasan. Memang mengenai ibu tunggal. Memang ibu tunggal ini merupakan satu isu yang besar kepada masyarakat. *They are about one hundred over thousand* ibu tunggal di Malaysia, seluruh Malaysia. Dan apa yang kita bincang di sini ialah bagaimana, *how to fix the problem?* Sini *we will how to fix the problem, but why there's a problem?* Mengapa? Ramai ibu tunggal, bapa mereka pergi mana? Bapa kepada kanak-kanak ini pergi mana? Inilah masalah, di mana kaum bapa selalunya yang golongan inilah yang tidak bertanggungjawab, tidak memberi nafkah yang seperti yang dikatakan oleh YB. Penanti. Memang dalam Islam, ini kalau-kalau dalam Islam memang siapa yang mesti bagi nafkah? Mengapa jadi masalah seperti ini? Dan masalah seperti ini keluarga dia jadi masalah kerajaan. Selalunya kata kerajaan *you* buat apa? Setiap orang dia buat apa? Keluarga dia buat apa? Dan Kerajaan Pusat buat apa? Ada sistem tak? Sebenarnya semua *income tax* dari Pulau Pinang dibayar kepada Kerajaan Pusat, apakah Kerajaan Pusat telah buat?...(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Minta laluan. Minta laluan. Saya tertarik dengan ucapan daripada YB. Sungai Dua. YB. Sungai Dua bertanya apakah yang boleh Kerajaan Negeri buat untuk membantu ibu-ibu tunggal, bukan kita bercerita tentang punca menjadi ibu tunggal. Hendak jadi ibu tunggal, suami mati jadi ibu tunggal, bercerai pun jadi ibu tunggal. Mereka pun tidak minta untuk jadi ibu tunggal, kalau semua orang dapat suami yang baik macam YB Sungai Dua, tidak jadilah ibu tunggal. Tetapi kita memerlukan seorang EXCO yang berjiwa seperti YB Sungai Dua, dia memahami.

Tetapi yang menjadi masalah bila ditanya EXCO sebelah sana melenting. Ini tidak betul EXCO. Kita cuma minta satu cara, cara macam mana kita boleh membantu di peringkat negeri. YB Sungai Dua membuktikan lima (5) orang ibu tunggal yang datang, dia cari pasaran untuk benda-benda yang mereka boleh buat, jual kuih dan sebagainya. Itu jawapan. Jangan pula kita sekadar menuding jari ini itu sana sini.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

YB. Bertam ada buat tidak?

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Yang Berhormat, isu ini YB. Sungai Dua tanggungjawab EXCO tolong jawab. Jangan suka bagi bola tanggung. Ini sikap yang ada pada EXCO, EXCO kita ini cerita dia macam itu sahaja. Apabila kita tanya kenapa Pulau Pinang punya sukan merosot, dia akan jawab Pusat pun merosot kah? Pusat pun merosot. Ini perangai EXCO Sukan....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Ini memang kenyataan. Ini memang kenyataan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sila beri laluan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Sungai Dua, yang lain duduk dahulu. Duduk dahulu, duduk dahulu. Yang lain kalau nanti sampai *turn* gulung, jawab yang ditanya. Jika tidak saya minta YB. Sungai Dua sambung sahaja. Saya dengar dengan jelas.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

YB. Dato' Speaker, saya hendak minta sedikit sahaja. Sedikit sahaja.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang ini portfolio yang terkenal dengan ini...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ya. Saya juga bertanggungjawab ini.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nanti.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Baik.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nanti gulunglah.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Kebajikan. Satu sahaja. Satu sahaja.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tahulah.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Satu sahaja. Kalau ikhlas, benarkan saya tanya satu soalan sahaja. Satu sahaja. Satu sahaja.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tidak payah.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Jangan takut.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Hendak takut apa?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Bagilah, bagilah.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduk.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya nak tanya satu soalan. Jikanya Ahli Yang Berhormat daripada Sungai Dua ikhlas nak bantu ibu tunggal, satu sahaja. Benarkan Kerajaan Negeri *access to the* ibu tunggal data dalam Kementerian Wanita. *Let us access to the data of the* wanita, ibu tunggal kerana sehingga kini apabila jabatan saya minta data-data, siapakah ibu tunggal yang telah daftar di sana sehingga kini mereka enggan hendak bagi.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ini menunjuk bahawa tidak ikhlas.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Tetapi, nak main politik. Nak main nasib ibu tunggal sahaja.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Okey.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Give us the data, access to the data , we will do it.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ini satu cabaran.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Sungai Dua. Sungai Dua, saya nak puji sikit. Boleh dak.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah. Sudah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya tidak mahu, saya puji sahaja.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Tidak apa.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Boleh ya? Okey terima kasih. Puji sahaja. Puji boleh, puji.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah. Sudah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya nak puji boleh tidak?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudahlah, puji dia tidak mahu pun tidak apa. Sudah.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Okey, saya teruskan. Sekejap lagi / punya lambat nanti. Tidak apalah. *Insyallah*, dari segi data itu, saya ingat kita boleh bincang cuma pihak Kerajaan Negeri tulis boleh berbincang untuk mendapatkan data.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Kalau benar dasar Kerajaan Pusat enggan bagi Kerajaan Negeri *access to the* ibu tunggal punya data. *Let us access*, kami tulis cara rasmi pun tidak mahu jawab.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Okey.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Dekat sini lagi hendak cakap besar.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Dato' Speaker. Saya nak....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya Pembangunan. Tidak payah. Yang lain duduk.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Peraturan Dato' Speaker. Peraturan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

No. No.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Peraturan. Saya nak isu peraturan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Peraturan apa?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Kenyataan EXCO mengatakan bahawa ibu-ibu tunggal disebabkan lelaki menyakitkan hati saya. Betul. Saya *backbenchers* Kerajaan, sakitkan hati saya menyalahkan lelaki sahaja. Sepatutnya.... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Okey, saya teruskan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya minta EXCO tarik balik kenyataan itu.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

YB. Dato' Yang di-Pertua saya teruskan. Kepada....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Boleh tarik balik tidak?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tidak boleh.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Menyalahkan kaum lelaki sahaja menyebabkan ibu tunggal.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nanti bila EXCO gulung, tanya mengapa dia berkata sebegini.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

EXCO selalu hentam lelaki sahaja.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Okey. Seterusnya pembangunan Pulau Jerejak. Pembangunan Pulau Jerejak, kita telah mengetahui bahawa *Pulau Jerejak Resort* akan dibangunkan semula setelah menemui kegagalan dan juga kerugian. Antara komponen yang akan dibangunkan adalah perumahan mewah, Marina hotel 5 bintang, 4 bintang dan taman tema dengan keluasan 80 ekar yang dimiliki oleh Tropical Island Resort Sdn. Bhd. yang mana saham ataupun pemilikannya adalah PDC dan juga Uda Holding Bhd.

Persoalan saya, apakah pendirian Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang dahulunya membantah keras pembangunan Pulau Jerejak dan berhasrat untuk mengekalkan Pulau Jerejak sebagai Hutan Simpan kekal pada sidang DUN 2004? Bagaimana kerajaan negeri bersetuju meneruskan projek pembangunan ini sedangkan ianya bercanggah dengan pendirian pada tahun 2004? Dan konsep pembangunan, kalau boleh kalau hendak dibangunkan kita hendak kekalkan konsep lama. Kita tidak mahu ada perumahan 1,200 buah hotel, taman tema dan macam-macam. Kerana ini mungkin akan menjejaskan dari segi eko-sistem ataupun keadaan hutan di kawasan Pulau Jerejak.

Cadangan pembinaan hotel di Bukit Bendera. Saya mohon penjelasan, apa yang saya dapat maklumat daripada NGO sama ada ini benar ataupun tidak? Jika benar, saya membantah sekeras-kerasnya cadangan tersebut. Ianya akan melibatkan penerbangan pokok-pokok untuk tujuan pembangunan dan membantah pelaksanaan projek-projek yang menyentuh khazanah semula jadi di Negeri Pulau Pinang.

Selain projek hotel besar, kemungkinan projek seperti infrastruktur jalan dan sebagainya akan terlibat. Saya mengharapkan pihak kerajaan negeri melihat semula, mengkaji semula kesan-kesan buruk yang akan terjadi hasil daripada pencerahan bukit dan juga hutan sebelum ini.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Bolehkah beritahu yang telah terdengar yang lot-lot mana yang akan dibangunkan di Bukit Bendera....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Saya tidak ada maklumat....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Pada mula....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Sebab saya dapat maklumat daripada NGO.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

NGO?

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Dalam *paper*, dalam kertas.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Dalam kertas kalau dapat kertas kosong, kertas kosonglah....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

So, minta EXCO jelas lah. Kalau tidak betul, tidak buat. Jelaskan tidak buat.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Yang itu kata....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Puyu duduk. Sungai Dua teruskan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Lorong berbasikal, 200 kilometer. Saya difahamkan bahawa projek ini telah dilancarkan pada tahun 2012 atau 2010. Selepas sekian tahun, hanya 12.5 kilometer sahaja disiapkan. Kalau silap tolong betulkan, dengan kos RM30 juta dan saya dapat maklumat terkini 1.55 kilometer kosnya RM4.6 million antara MBPP dan juga swasta. Kalau kita bahagi kos ini RM2,967 permeter, kos yang terlalu tinggi.

Kalau kita hendak buat jalan kampung pun, turap semula RM125.00 permeter, RM20,000 dapat 160 meter dengan duit RM4.6 million ini, juta ini kita dapat buat jalan 36.8 kilometer. Dan Y.A.B. Air Putih sudah jawab ini projek swasta, apa salahnya kalau projek swasta projek yang begitu tinggi kosnya kita agihkan atau kita cari projek-projek infra yang lain untuk dibangunkan selain daripada jalan basikal yang sudah dibuat tetapi tidak berapa cantik. Kalau saya tengok belok sana belok sini, membahayakan. Tolong tengok balik, bukan kita hendak marah. Tidak marah. Kalau kita ada RM30 juta tadi kita boleh buat 240 kilometer jalan kampung, maksud saya menurap semula jalan kampung. Persoalan saya mengapakah projek ini terlalu perlahan pelaksanaannya, apakah yang menghalang pelaksanaan projek ini sehingga selesai dan mengapa kos yang terlibat begitu tinggi walaupun dilaksanakan oleh swasta, itu jawapan yang diberikan tapi kalau boleh berbincang dengan swasta untuk melaksanakan projek infrastruktur lain yang lebih penting.

YB. Dato' Yang di-Pertua, penduduk di kawasan luar bandar yang hanya bergantung pada sektor pertanian dan industri asas tani amat perlu diberi perhatian. Dalam setiap pembentangan Bajet Kerajaan Negeri, agak kurang diberikan perhatian selain daripada program AES, sedikit di bawah sektor pertanian dan sedikit dalam bidang perniagaan. Mohon diberi perhatian yang lebih dalam bajet yang akan datang untuk membantu masyarakat luar bandar sekurang-kurangnya dalam sektor pemasaran dan pembungkusan industri asas tani. Pembinaan rumah kos rendah, sederhana rendah. Adakah benar Kerajaan Negeri Pulau Pinang langsung tidak membina rumah kos rendah atau rumah mampu milik jenis A? Begitu juga rumah PPR, ianya langsung tidak dibina untuk membantu rakyat yang tidak mampu di bawah paras kemiskinan memiliki rumah dengan konsep sewa. Daripada apa yang disenaraikan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang hanya menumpukan kepada perumahan mampu milik yang dikatakan menyaksikan pembinaan lebih kurang 22,000 unit rumah yang tidak melibatkan pembinaan rumah kos rendah selain daripada pihak swasta. Jelas sekali Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak berhasrat untuk membina rumah kos rendah dan rumah PPR di masa akan datang. Kemungkinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang merasakan pembinaan dan penawaran rumah kos rendah kepada golongan berpendapatan bawah 40 tidak menguntungkan maka tidak ada keperluan untuk merancang dan membina rumah sedemikian. Kerajaan Negeri Pulau Pinang lebih menumpukan kepada pembinaan rumah mampu milik dengan harga RM200,000 ke RM400,000 seunit walaupun senarai menunggu rumah kos rendah dan rumah sederhana rendah masih berjumlah puluhan ribu.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang memang pandai menjelaskan hutang atau mengurangkan hutang tetapi nampaknya masih tidak cekap dalam urusan mengutip kembali hutang-hutang yang telah tertunggak. Hutang-hutang yang tertunggak daripada cukai adalah sebahagian daripada hasil pendapatan kepada jabatan dan Kerajaan Negeri. Saya mengharapkan semoga Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan jabatan terlibat dapat merangka sesuatu pelan yang berkesan untuk mengutip kembali hutang-hutang yang tertunggak supaya penyata kewangan Kerajaan Negeri nampak lebih hebat dan hasil negeri meningkat. Pertubuhan belia yang wujud di Negeri Pulau Pinang nampak terumbang ambing tanpa perhatian oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pertubuhan yang begitu banyak yang terdiri daripada pelbagai kaum ini terus di anak tirikan oleh Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya minta laluan Yang Berhormat. Terima kasih. Bolehkah Yang Berhormat memperincikan apakah sebenarnya kenyataan yang dibuat tadi. Beri kesimpulan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Seperti yang dibangkitkan oleh YB. Berapit sebentar tadi, sebelum-sebelum ini Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan untuk Majlis Belia Negeri dan juga belia-belia di bawah Majlis Belia Negeri, ia ada MBD, Majlis Belia Daerah. Di bawah Majlis Belia Daerah dan Majlis Belia Negeri ini ada pertubuhan-pertubuhan belia, HYO, NAYC, 4B, macam-macam pertubuhan belia yang ada dan banyak menghasilkan dan melahirkan pemimpin-pemimpin melalui pertubuhan belia. Saya mengharapkan Kerajaan Negeri supaya boleh memanggil ataupun membincang dengan NGO-NGO ini, letak politik di sebelah. Kadang-kadang depa kata, semua orang Barisan ni, tak boleh bagi. Itu anggapan yang kadang-kadang yang susah kita nak jawab. Oh semua ni orang Barisan Nasional, tak boleh panggil depa, biar pi kat depa. Jadi kita mengharapkan semoga Kerajaan Negeri tidak memandang sepi kewujudan NGO ini dan mampu melibatkan mereka dalam arus pembangunan dan juga pelaksanaan program di peringkat negeri dan juga di peringkat masyarakat. Yang ada sekarang hanya agensi pusat seperti Jabatan Belia dan Sukan yang terus memberi perhatian dan mengambil berat tentang pertubuhan belia ini seperti menyediakan peruntukan program dan sebagainya.

Masalah penagihan dadah, saya sebagai salah seorang Pengerusi Skuad 1 Malaysia SPU yang berhubung terus, *direct* dengan agensi antidadah dan juga melihat masalah-masalah yang berlaku dalam penagihan dadah yang saya rasa merupakan satu fenomena, satu masalah yang perlu dipandang serius bersama Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pemimpin-pemimpin di peringkat Kerajaan Negeri termasuk di peringkat akar umbi juga perlu melihat ini sebagai satu masalah yang perlu diselesaikan. Kita kena bersama dalam menyelesaikan masalah dadah, tak boleh kata itu dia yang buat, ini dia buat. Jadi kita kena bersama-sama menyelesaikan masalah penagih-penagih yang amat membimbangkan. Tahun lepas saja ada 5,000 - 6,000 orang penagih baru seluruh Malaysia. Budak-budak, di sekolah-sekolah, pergi *check urine*, setiap sekolah mesti ada tiga (3) orang, lima (5) orang yang positif dadah, kerana dadah sekarang adalah dadah yang sintetik. Mak ayah tak boleh nak *trace* dan kita buat kursus untuk depa, tau cara nak *trace* penagih ni macam mana. Simptom-simptom penagih ini juga perlu diberi pendidikan kepada waris, ibu-bapa dan masyarakat supaya tau. Kalau dia pegang kayu pukul orang tu, dia penagih, dia jadi seorang yang berani....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat. Terima kasih. Saya juga nak minta pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan gejala dadah terutamanya dengan kegunaan air ketum di mana kita lihat fenomena baru adalah pengambilan air ketum dan ia merebak dan telah mula menular di mana tabiat mengambil air ketum ini, jangan salah faham niat saya, kalau dahulunya mula dengan golongan nelayan di tepi pantai sekarang telah merebak masuk di mana juga diambil di sekolah-sekolah dan pengambilan air ketum ini tidak mudah dikesan kerana bila dibawa dalam satu bakul dalam motosikal, nampaknya seperti air tebu. Warna hijau dan dibungkus seperti air tebu juga tetapi diedarkan dengan luas dan ini juga menyebabkan masalah pengambilan atau penagihan dadah itu berleluasa. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih YB. Seri Delima. Rupanya YB. Seri Delima juga kenal air ketum. Pernah minum kah? Air ketum adalah merupakan air daripada daun pokok ketum ataupun di sini dipanggil daun biak. Jadi, apa yang menjadi masalah ialah air ketum ini apabila diproses secara yang tidak betul. Dicampur dengan ubat batuk, dicampur dengan *methamphetamine*, dicampur dengan ubat nyamuk, dicampur dengan macam-macam. Jadi ia akan menjadi satu benda yang membahayakan dan ia juga ketagih dan ini merupakan fenomena yang berlaku di semua tempat, di kampung-kampung berlaku. *Insya-Allah* pihak Kerajaan Pusat sedang menukarkan air ketum ini daripada racun kepada dadah. Bila bincang di Parlimen nanti, kita minta dipersetujui supaya ditukarkan daripada Akta Racun kepada Akta Dadah dan mungkin tindakan yang lebih tegas dapat diambil bila berlaku sedemikian.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sedikit Yang Berhormat. Setujukah Yang Berhormat bahawa saya juga setuju dengan sepenuhnya kita tak boleh menolak tanggungjawab ini kepada Agensi Dadah Kebangsaan ataupun kepada pihak Polis ataupun kepada pihak Kastam untuk menjalankan tugas pencegahan, pemeriksaan, penangkapan dan sebagainya. EXCO Kerajaan Tempatan juga harus dari semasa ke semasa mengambil tanggungjawab menubuhkan jawatankuasa di mana ahli-ahli jawatankuasa bolehlah terdiri daripada dua-dua belah daripada kerajaan dan juga pembangkang supaya masalah ini dapat diatasi dengan segera kerana saya percaya terutamanya di kawasan luar bandar, perkara ini seperti di Balik Pulau, Barat Daya, Seberang Perai Selatan, Seberang Perai Utara, masalah menyebabkan ketagihan daun ketum dadah ini sudah pun menjadi kritikal kerana kita lihat dan salah satu cara ia juga merebak adalah *peer pressure*...(dengan izin), di mana bersama-sama dengan kawan, mereka bermula dengan mengambil sekali, dua kali, kononnya ia memberi tenaga kepada mereka untuk bermain bola sepak dengan lebih baik lagi, atau pun bersukan dengan lebih baik lagi dan ini menjadi satu ketagihan secara lama-kelamaan. Ini adalah cadangan saya. Apa pandangan Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih atas pandangan YB. Seri Delima. Saya amat bersetuju dan kalau boleh kita jadikan agenda bersama dalam membanteras, mencegah dan membasmi dadah ini supaya boleh diselesaikan masalah penagihan dadah yang begitu ketara sekarang....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Mohon laluan YB. Sungai Dua. Tentang ketum ni saya nak pandangan YB. Sungai Dua. Yang Berhormat sedar tak yang ketum ni belum lagi termaktub di bawah Akta Dadah? Itu antara satu masalah besar. Saya dimaklumkan bahawa kertas ini telah diangkat ke Parlimen tapi saya tak tau kenapa pihak kerajaan masih lagi tak laksanakan benda ni dalam Akta Dadah. Jadi mungkin YB. Sungai Dua ada maklumat tentang perkara ini mungkin boleh kongsi dengan kita kenapa Kerajaan Barisan Nasional masih tak mau lagi masukkan ketum ni bawah Akta Dadah.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih YB. Seberang Jaya. Apa yang saya dapat maklumat, macam tu lah. Telah disediakan kertas, sedang menunggu untuk dimasukkan dalam Parlimen dan dibincangkan untuk dipinda daripada Akta Racun kepada Akta Dadah. Sabar lah.

Seterusnya yang terakhir ini isu-isu di kawasan Sungai Dua untuk makluman dan juga tindakan pihak Kerajaan Negeri. Pertama, isu taman perumahan lama. Di Sungai Dua ada satu taman, Taman Perumahan Awam Sungai Dua dibina pada tahun 1965 atau 1966 dan terlalu banyak masalah terutamanya dari segi longkang bila pembangunan pesat membangun disekitarnya, ia mengalami masalah longkang, masalah banjir kilat berlaku, jadi kita pohon supaya pihak PBT, pihak MPSP melihat ini sebagai satu keperluan dan ini dimasukkan di dalam bajet PBT untuk keseluruhan rumah-rumah awam lama. Bukan di Sungai Dua saja, semua. Di Pulau Pinang ni banyak. Di Kepala Batas ada dua, di Jawi pun ada perumahan lama jadi kita masukkan supaya menaik taraf sistem saliran, naik taraf sistem jalan dan sebagainya bagi perumahan lama ni. Terlampau lama. Orang yang duduk di perumahan lama ini amat memerlukan usaha menaik taraf kawasan perumahan.

Kedua, isu pusat hiburan keluarga dan juga *cybercafe*. Saya pun pelik. Dulu saya tanya pihak Majlis, dia kata *cybercafe* ni tak keluar lesen dah. *There's no new license*. Tak ada lesen baru untuk *cybercafe*. Tapi naik pula pusat hiburan keluarga. Di Sungai Dua dah ada dua (2). Dulu di Sungai Dua ada tiga, saya dah pi tembak satu (1), tinggal dua (2). Ni saya akan pi tembak pula buat satu aktiviti bersepadu dengan MPSP, Polis dan sebagainya. Pihak tokey dok telefon saya, macam mana Yang Berhormat boleh tolong tak? Hang nak mampus minta saya tolong? Saya kata...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat, minta laluan, sikit sahaja, sebelum Yang Berhormat selesai. Saya hendak tanya satu soalan kepada kawan baik saya, terima kasih. Walaupun saya telah ditegah oleh YB. Dato' Speaker apabila membangkitkan soal peraturan, saya masih sakit hati, menyakitkan hati saya dengan kenyataan YB. EXCO yang menyalahkan lelaki yang menyebabkan ibu-ibu tunggal. Saya hendak menjemput pandangan Yang Berhormat dan saya ingin tahu apa petua yang menyebabkan ibu-ibu tunggal selalu mencari Yang Berhormat. Saya juga hendak mendapat pandangan Yang Berhormat kerana saya kurang berpuas hati, tidak boleh menyalahkan kaum lelaki sahaja yang menyebabkan ibu-ibu tunggal ini wujud. Walaupun saya tidak berpuas hati, saya percaya YB. EXCO akan tarik balik kenyataan ini esok semasa penggulungan. Apa pandangan Yang Berhormat, bolehkah kita menyalahkan kaum lelaki sahaja yang menyebabkan kaum wanita atau ibu tunggal ini wujud. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Penjelasan. Tak payah tunggu sehingga esok. Tadi kalau ada dengar, saya kata di mana suami mereka? Saya rasa bukan semua suami adalah kepada ibu tunggal. *This is a specific question, I am asking where are all the suami of these ibu tunggal? Some of them* sudah meninggal dan ramainya sudah bercerai. Walaupun bercerai masih ada tanggungjawab, ada tanggungjawab kalau bukan kepada isterinya, sekurang-kurangnya kepada anak-anak yang belum dewasa. Mengapa ibu tunggal menjadi miskin, kerana si bapa kepada anak-anak ini tidak bertanggungjawab memberi nafkah. Saya tidak menuduh semua lelaki atau semua suami, ramai bapa di sini, mereka tidak terasa pun.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang lain-lain di sini bukan lelaki? Saya seorang saja kah?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Ada perbezaan antara seorang lelaki dan seorang bapa. Lelaki dan bapa kepada ibu tunggal ada perbezaan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Ini lagi menyakitkan hati saya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila duduk yang lain, tak perlu campur tangan. Saya ingat sudahlah.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Saya tak faham macam mana boleh menyakitkan hati YB. Seri Delima yang merupakan seorang bapa yang bertanggungjawab.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Biar saya jelaskan. Daripada pihak YB. Padang Lalang mungkin menganggap semua lelaki, itu tidak betul, kalau anggap macam itu memang tidak betul. Kalau tidak anggap macam itu, saya pun faham, kadang-kadang yang datang kepada saya, yang perempuan itu pun salah tetapi dia tidak beritahu. Dia datang beritahu lelaki yang salah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Sungai Acheh, saya sokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Sungai Dua lah.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Saya rasa kita di sini lebih matang daripada itu, kita tidak anggap semua lelaki macam itu (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Ini lagi menyakitkan hati, Yang Berhormat kata lelaki tak matang ka? Pengundi lelaki di kawasan saya akan belasah saya kalau saya tidak bela kaum lelaki.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Ini mesti dijelaskan supaya Seri Delima tidak terus sakit hati. Malam ini saya mahu dia boleh rehat dan tidak sakit hati. Ini bukan lelaki *versus* wanita, ini kita katakan lelaki bukan satu jenis, bapa bukan satu jenis, wanita pun bukan satu jenis, selain daripada perbezaan bangsa dan bahasa yang kita cakap, kita ada perbezaan, kita ada tanggungjawab. Kalau kita kata lelaki yang tidak bertanggungjawab bukan bermaksud semua lelaki. Faham tidak? Jangan sakit hati *unnecessary*.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey. Sungai Dua, sila bagi habis.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Mengenai isu pusat hiburan keluarga, *cyber cafe*, saya minta satu pendekatan yang bersepadu dan tegas dalam menyelesaikan masalah ini. Jangan bila kita tanya Polis, Polis kata ini masalah MPSP, MPSP kata Polis, jadi ianya tidak menyelesaikan masalah. Kejadian akan berleluasa, pusat-pusat judi semakin bertumbuh, di Tasek Gelugor ada sepuluh, Sungai Dua ada dua (2), satu (1) sudah kena potong.

Ketiga, isu mengenai kesesakan jalan raya di Sungai Dua, saya sudah bangkitkan dahulu, saya minta YB. Bagan Jermal tolong tengok balik, saya sudah buat dua, tiga kali perbincangan dengan Majlis JKR dan sebagainya untuk selesaikan isu jalan...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Adakah Yang Berhormat bersetuju untuk hidupkan semula *traffic light* di Sungai Dua itu?

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Saya ingat *traffic light* itu kita tidak boleh hidupkan, bila hidupkan ia akan jadi sesak, lagi *jam*. Cuma kita hendakkan satu jalan pintas kalau boleh, JKR sudah cadangkan satu jalan pintas. Kita buat satu jalan pintas supaya daripada sana masuk ke jalan tersebut dan balik pun masuk ke jalan itu terus tembus di Jalan Nyior Sebatang, jadi tidak akan sesak lagi.

Keempat tentang pembangunan *agro tourism* di kawasan Sungai Dua. Semalam kita ada pelancaran *agro tourism* melibatkan tiga (3) kampung, Air Itam, Labuh Banting dan juga Pengkalan Machang. Tujuannya untuk membangunkan nelayan sungai, aktiviti sungai dan *agro tourism, river cruise* di situ yang melibatkan penduduk kampung, yang ada industri kecil, kita akan melibatkan pelancong turun dan melawat di tiga kawasan jeti nelayan termasuk sekali dengan Kampong Terus, kita boleh *join* sekali untuk dapatkan lebih panjang perjalanan sungai. Kita minta Kerajaan Negeri melihat dari segi ini, jangan biarkan hanya koperasi itu berjalan sendiri tanpa bantuan daripada pihak pelancongan, pihak Jabatan Pelancongan Negeri, EXCO dan sebagainya untuk kita lipat gandakan usaha dan masukkan lebih banyak pelancong mungkin apabila ianya sudah berjalan, mungkin dalam dua (2) tahun lagi.

Ketiga, tentang dewan-dewan yang diambil alih, di kawasan Sungai Dua kita ada 10 dewan yang terbiar yang menjadi masalah, yang menjadi tempat kepada penagih-penagih berehat dan sebagainya, pecah cermin, rosak dan sebagainya. Ini yang berlaku di kawasan Sungai Dua, Dewan Alor Merah, Dewan Sungai Lokan, Dewan Desa Murni ada dua (2) buah, Dewan Banjir di Merbau Kudong, Dewan Kampong Setol, Dewan Guar Kepayang, Dewan Permatang Tok Jaya, Taman Sungai Utama dan juga Taman Merbok Indah. Kita harap kalau ada NGO, kalau JKPP minta mungkin Kerajaan Negeri tidak akan bagi, JKPP di bawah Kerajaan Barisan Nasional. Jadi kita minta NGO sama ada persatuan penduduk, KRT, JMB boleh memohon dan diberikan kebenaran untuk menggunakan dewan, jangan biar dewan terbiar, lama-lama kita akan rugi. Peruntukan yang banyak digunakan untuk membuat dewan, akhirnya dewan terbiar menjadi pusat kepada penagih-penagih dadah dan sebagainya.

Seterusnya isu tentang penambakan bendang, bulan lepas saya mengalami situasi ini. Maksud saya dalam skim pengairan, kawasan Sungai Dua ini semuanya dalam skim pengairan, Skim Pengairan Sungai Muda. Pihak pemaju atau tuan tanah ini cuma dapat kelulusan pelan merancang daripada pihak MPSP. Mereka tidak dapat lagi kelulusan kerja tanah tetapi terus masuk kerja tanah. Saya sudah tahan, saya tunggu di situ dengan orang kampung untuk menahan daripada kerja tanah dilaksanakan di kawasan bendang tersebut. Tahan bersama jabatan. Yang Berhormat pertikai saya pergi tahan, saya boleh pergi tahan, tiada masalah hendak gaduh pun tidak ada masalah.

Saya mengharapkan supaya satu keputusan yang tegas dalam penambakan tanah bendang dalam skim pengairan, dalam kawasan pengairan yang sudah ada sistem infrastruktur dan sebagainya kalau boleh dipertingkatkan. Kalau boleh ada satu sistem kerja yang terbaik yang meliputi semua agensi yang ada di bawah Kementerian Pertanian mahu pun di bawah Kerajaan Negeri. Seterusnya isu banjir Sungai Dua, saya harap pihak JPS boleh melihat isu di Sungai Maklom, Sungai Lokan dan juga di perumahan awam. Tentang isu sungai yang telah cetek dan juga tebing yang rendah menyebabkan banjir di Kampong Alor Merah dan Kampong Telok di kawasan Sungai Lokan dan Sungai Dua. Saya ucapkan terima kasih di atas kerja-kerja penambakan atau pun RTB yang dilaksanakan.

Isu gerai-gerai makan di Sungai Dua. Saya minta penjelasan daripada pihak yang terlibat berkaitan dengan tindakan yang diambil oleh MPSP kepada pekedai-pekedai di kawasan Char Koay Teow, Mee Udang dekat dengan Petron. Pihak MPSP baru-baru ini telah mengarahkan pihak peniaga-peniaga itu mengisi borang dan sebagainya. Pihak peniaga ini tertanya-tanya apa tujuan mengisi borang sama ada untuk merobohkan, itu yang mereka takut jadi mereka minta penjelasan yang lebih jelas kepada peniaga-peniaga yang sudah lama berniaga ini. Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Majlis ke atas peniaga sama ada hendak susun semula, hendak bagi lesen penuh atau mungkin ada perkara baik yang hendak dilaksanakan. Cuma peniaga ini beranggapan bila Majlis ambil tindakan, takut premis perniagaan mereka akan dirobah dan sebagainya.

Isu tanah kubur di kawasan Sungai Dua, banyak lagi kubur, ada 6 masjid yang tidak ada tanah perkuburan, kita minta peruntukan RM27 juta pengambilan tanah tahun hadapan boleh digunakan untuk pengambilan tanah bagi tujuan tanah kubur di kawasan masjid-masjid di Sungai Dua, Sungai Lokan, Permatang Tok Jaya dan sebagainya.

Isu klorin di loji rawatan PBA, saya dan YB. Bagan Jermal hari itu bersama dengan pengawasan PBA dan jabatan di kawasan loji di Merbau Kudong, cuma saya tidak nampak lagi penerangan kepada pemimpin di kawasan itu tentang bahaya klorin. Klorin yang digunakan untuk cuci air rupanya satu bahan yang cukup bahaya, bila saya pergi taklimat baru saya tahu bahaya klorin, boleh menyebabkan kesesakan nafas dan sebagainya. Penduduk yang terkena ini kena naik ke bangunan tinggi tetapi tidak ada bangunan tinggi di kawasan situ. Tolong minta PBA buat taklimat dengan pemimpin supaya semua boleh bersedia jika berlaku sebarang kemungkinan kebocoran dan sebagainya.

Isu Ah Long di Sungai Dua, ini juga perlu dilihat dan diberi perhatian kerana banyak Ah Long-Ah Long mula muncul di kawasan Sungai Dua secara *legal* atau pun tidak *legal*. Ini memberikan kesan yang amat tidak baik kepada keharmonian dan juga masalah penduduk di kawasan. Terakhirnya saya ingin sentuh sedikit....(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Minta laluan, saya hendak tanya sahaja. Tadi YB. Sungai Dua sebut hendak buat *river cruise*, jadi *river cruise* pergi ke laut ataupun tidak, sebab sekarang ini tidak ada *arch bridge*, hendak keluar dari Ampang Jajar. Tidak sampai situ? Kalau hendak lalu Kampung Terus pun kita ada *bridge* JPS, itu pun tidak boleh lalu juga. Ada ke tidak YB. Sungai Dua minta dari *Federal* dan dapat kelulusan?

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih. Ini merupakan projek *Federal*, projek Persekutuan dari segi *fokus group* juga terlibat, Pembangunan Bumiputera dan juga pihak SKM, Koperasi dan juga jabatan-jabatan lain yang terlibat, melibatkan peruntukan daripada *Federal* dan juga Ahli Parlimen, mungkin kita boleh tengok macam mana.

Yang terakhir ini, saya hendak sentuh sedikit tentang isu yang berbangkit banyak kali iaitu minggu lepas 17 November pihak tertentu telah menganjurkan satu program Forum Perdana dengan tajuk "Tragedi Lahar Yooi". Empat (4) orang dia punya penceramah terlibat dalam program ini di Dewan Besar Sungai Dua yang menyentuh tentang penama terlibat dan juga menghuraikan tentang kejadian yang telah berlaku dan mungkin menyentuh lain-lain tentang politik. Saya berhubung dengan keluarga beliau, dan keluarga langsung tidak dibincangkan tentang pelaksanaan aktiviti ini. Dalam Islam, kita memandang berat kita seorang yang dah meninggal dunia, kita tak baik menyentuh tentang keaiban dia. Itu benda yang dilarang. Bila dia dah mati, kita pi dok cerita tentang apa yang dia dok buat dan sebagainya. Ini merupakan satu yang dalam Islam dilarang sungguh. Tak boleh kita nak cerita, bila kita *keep on* cerita, ia akan jadi satu *fresh*, satu benda baru. Bila cerita pulak dia akan tambah lagi selain daripada viral politik kata kerajaan zalim. Ini tadi YB. Seri Delima lah sebut zalim. Zalim ini dalam Dewan Bahasa maksudnya tak mempunyai belas kasihan. Tak ada belas kasihan langsung, zalim. Saya rasa Kerajaan Persekutuan ada belas kasihan juga. Takkan tak ada langsung. Dia tak berlaku adil langsung. Dia kejam, itu zalim. Tak berperikemanusiaan, bengis. Itu definisi zalim dan rakus ini maksud dia gelojoh ataupun suka makan banyak dengan gopoh. Itu maksud rakus.

Jadi, kalau bolehlah perkataan zalim ini kita janganlah diperkatakan lagi. Katalah ayat lain sikit... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat, sikit saja.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Saya tak mahu bagi dah. Saya nak perhabiskan. Jadi, dalam pandangan Islam, saya terlibat dalam menguruskan jenazah dan sebagainya. Dan saya tak pernah cerita dekat orang pun tentang masalah yang berlaku dan saya rasa kita perlu selidik punca-puncanya. Bukan hanya sekadar punca yang kita dapat daripada *facebook* itu. Dan dia ada punca-punca lain yang saya tak payah jelaskan. Punca yang lebih besar dan tak payah saya jelaskan. Punca yang saya sebut yang nombor 3 tadi, yang *last* tadi, punca tu merupakan punca asal. Bukannya sekadar menjual rokok dan sebagainya. Jadi ada punca-punca lain yang menyebabkan berlaku ini dan kalau boleh kita tak payah menerangkan, menceritakan kerana ia akan menimbulkan, sentuhan hati, dan perasaan anggota keluarga isteri dan anak-anak ini jadi kita kena jagalah perasaan mereka kerana bila kita dok cerita, sampai ada masyarakat minta diletakkan kubur asing, kubur dia tu letak luar dan saya tak setuju dengan Ustaz Khalid Man. Saya tak setuju, saya kata letak tempat biasa. Saya kata letak di luar, lagi 10 tahun orang mai tanya. Siapa dia tu yang meninggal letak di luar. Cerita lagi. Orang tu cerita pulak lagi. Lagi 10 tahun cerita lagi.

Maknanya cerita dia tadi akan terus disegerakan. Kita tak tahu antara dia dengan Allah S.W.T kita tak tahu. Mungkin dia dengan Allah tak ada masalah. Mungkin. Dia bukan fasik. Bukan kafir. Dia masih lagi Islam cuma itu dia dengan Allah. Jadi kalau boleh kita jadikan iktibar kejadian ini, dan kalau boleh kita tutup. Kita jangan cerita-cerita dah kerana ia akan menimbulkan keaiban dan menimbulkan masalah sensitiviti kepada keluarga.

Dan akhirnya saya ingin ucapkan terima kasih kepada semua Jabatan dan Agensi yang telah banyak membantu saya di peringkat Dewan Undangan Negeri. Yang telah banyak memberi bantuan sokongan tak kira masa mana saya telefon dia sampai nak bincangkan masalah, JPS, JKR dan sebagainya. Semua jabatan agensi yang terlibat, JKM. Dan ini telah memberikan satu sumbangan yang besar kepada saya dalam membantu masyarakat di dalam Sungai Dua. Terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan yang banyak memberi pandangan dan saya memohon maaf. Dan saya sudah dengan *Assalamualaikum W.B.T.*

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Sungai Dua. Sila YB. Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Terima kasih Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan kenyataan Y.A.B. Ketua Menteri dalam ucapan bajet beliau bahawa kita kini dalam zaman tidak menentu. Jika boleh, saya ingin meminjam kenyataan ini untuk menggunakannya sebagai latar belakang atau *backdrop*....(dengan izin) pada perbahasan saya pada hari ini. Malahan ingin saya menekan bahawa (dengan izin).... *we have been living in uncertain times all along. "And the government that caters for uncertainty and resilience is one that is wise"*.

Oleh itu, saya mengalu-alukan tema Bajet Tahun 2017 iaitu "Ke Arah Negeri Keusahawanan dan Negeri Kebajikan". Namun, saya memohon memberi maklumbalas dan cadangan. Terima kasih kepada YB. Dato' Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk membahaskan, peluang khas buat kali ini disebabkan situasi petang hari Jumaat. Terima kasih.

Pertama sekali berkenaan dengan proses format dan kemahiran pihak kerajaan dalam pengendalian pendengaran awam dan komunikasi bersama rakyat. Saya tertarik kepada perbahasan yang berlaku apabila soalan lisan YB. Tanjong Bunga dijawab. YB. Tanjong Bunga berpendapat bahawa tiada maklumat diberi kepada penduduk-penduduk Tanjong Bunga berkenaan lebuh raya-lebuh raya yang akan dibina di kawasan beliau. Namun sebenarnya Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang yang merangkumi lebuh raya-lebuh raya di Tanjong Bunga telah pun banyak kali dipamerkan kepada orang awam. Tambahan lagi, kajian kebolehlaksanaan oleh Konsortium Zenith BUCG telah juga pun merangkumi dialog dan sesi-sesi bersama dengan penduduk Tanjong Bunga.

Maka persoalan yang telah timbul berkenaan tanggapan beliau bahawa adalah beliau yang pertama sekali yang memberi maklumat kepada lebuh raya-lebuh raya itu kepada penduduk kawasan Tanjong Bunga adalah kurang tepat. Tetapi ini adalah saya rasa membangkitkan bahawa ada masalah dalam proses komunikasi kerajaan dengan rakyat. Tambahan lagi saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini laporan Jawatankuasa Kira-Kira Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke atas projek jalan-jalan negeri utama terowong di bawah Pulau Pinang.

Salah satu kesimpulan utama daripada hasil siasatan adalah kelemahan kedua-dua daripada pihak konsortium Zenith BUCG dan juga pihak perunding Kerajaan Negeri berkenaan dengan kajian *social impact*, ataupun impak sosial dan kebolehlaksanaan yang digunakan itu. Saya rasa dengan timbulnya hasil siasatan laporan ini dan juga persoalan daripada YB. Tanjong Bunga jelas sekali ketara bahawa ada kelemahan dalam sistem pendengaran awam dan komunikasi dengan rakyat.

Oleh kerana kita ingin menjadi negeri kebajikan, saya rasa adalah wajar saya mengambil masa untuk membutirkan serba sedikit tentang masalah ini. Pertama sekali, cara notis ataupun panggilan makluman bahawa ada pendengaran ataupun dialog yang akan diadakan haruslah ditambahbaik. Saya sendiri dan selepas daripada itu, saya sendiri pernah menghadiri banyak kali juga dialog yang diadakan oleh Kerajaan Negeri. Masalah yang dihadapi oleh kami sekarang adalah bahawa maklumat seperti Pelan Induk Pengangkutan adalah terlalu banyak, terlalu komprehensif dan mungkin susah difahami oleh majoriti rakyat Pulau Pinang dan tentunya susah difahami dalam satu sesi malam ataupun satu sesi pagi biasanya beberapa jam sahaja dialog ini. Jadi, jika lebuh raya-lebuh raya di Tanjong Bunga dibawa kepada penduduk, maklumkan sebahagian daripada Pelan Induk Pengangkutan adalah amat senang untuk dilepas pandang oleh penduduk-penduduk yang akan diimpak oleh projek-projek tersebut.

Maka kita perlulah mengkaji apakah cara yang paling baik atau sesuai untuk menyampaikan maklumat yang lebih rumit, lebih banyak ini. Untuk makluman semua, sebelum saya menjadi wakil rakyat bagi Pulau Tikus, saya bekerja di Pejabat Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang, sebagai salah satu tugas saya di pejabat beliau. Saya telah mengambil bahagian sebagai salah seorang ahli dalam Jawatankuasa Siasatan dan Pendengaran Awam Rancangan Khas Taman Botani dan juga siasatan dan Pendengaran Awam Untuk Rancangan Khas Bukit Bendera. Saya rasa bukan banyak orang di Pulau Pinang yang telah mengambil bahagian dalam Siasatan Dan Pendengaran Awam Untuk Dua Rancangan Khas. Sebagai ahli dalam panel ini, saya perlu bekerjasama dengan pegawai Jabatan Perancang Bandar Dan Desa yang merupakan sekretariat untuk usaha pendengaran awam ini. Pengalaman saya sebagai ahli panel adalah bahawa proses pendengaran awam adalah amat rumit kerana selepas dipamerkan, orang awam diberi peluang untuk menulis maklumbalas, selepas itu kami mengundang dan menjemput semua orang yang memberi maklum balas untuk menceritakan dan menjelaskan lebih terperinci maklum balas yang diberikan itu.

Semasa orang awam dipanggil satu demi satu masuk ke dalam bilik, setiap individu akan berasa pandangannya adalah betul dan munasabah. Dan banyak orang kata semua orang rasa begitu. Tetapi, pandangan setiap individu itu kadangkala bukan terus bercanggah tapi pun tidak sama sepenuhnya. Kadangkala ada pandangan yang terus bercanggah, tetapi kedua-dua pihak pun rasa semua orang pun rasa macam itu. Jadi, tugas kami sebagai panel siasatan adalah untuk mendengar pandangan ke semua pihak *digest*, memikirkan sebenarnya apakah punca masalah mereka ataupun apakah punca pandangan mereka tersebut dan tugas kami merangkum juga kajian penyelesaian bagi masalah yang dibangkitkan itu. Jadi, satu mereka yang mendengar pendengaran itu perlulah boleh memahami pelbagai pihak dan mengenalpasti punca di belakang masalah mereka.

Yang kedua, sekretariat itu perlulah boleh merekod secara betul, tepat pandangan setiap orang itu. Kerana kadangkala ada *slight*, perbezaan yang sedikit sahaja tetapi dalam rekod dia susah direkod dengan tepat. Selepas itu, jika ada beratus-ratus pandangan, bagaimana beratus-ratus pandangan itu boleh disimpulkan menjadi satu rumusan ringkas tetapi masih mencerminkan segala masalah yang ditimbulkan itu. *Point* yang saya nak bangkitkan adalah bahawa sebenarnya banyak kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan satu pendengaran awam ataupun dialog, dengan berkesan dan sewajarnya.

Maka, walaupun secara sikit-sikit pernah dibangkitkan masalah berkaitan pendengaran awam mungkin kekurangan, mungkin kelemahan. Tetapi buat masa kini, saya perasan bahawa sebarang kemajuan ataupun kajian bagaimana kita boleh meningkatkan dan menambah baik pendengaran awam makluman kepada orang awam tentang butiran yang begitu rumit yang begitu besar ini, masih belum dibajetkan di dalam Bajet 2017. Dan saya berharap bahawa jika kita perlu sumber manusia tambahan, jika perlukan latihan ke semua keperluan ini bolehlah dibajetkan dengan secepat mungkin agar kajian format dan keberkesanan penyampaian maklumat boleh dbuat secepat mungkin.

Saya tertinggal nak bangkitkan juga tentang apa terjadi apabila laporan sesuatu pendengaran awam telah dimuktamadkan. Maksudnya, laporan telah melalui pelbagai proses revisi dan akhirnya dimuktamadkan. Sebaik-baiknya pandangan saya, jika kesimpulan tersebut adalah teliti dan tepat, maka haruslah diberi perhatian dan junjungan yang setinggi-tingginya oleh setiap pihak MMK dan hala tuju Kerajaan haruslah berasaskan hasil siasatan dan pendengaran awam ini. Bukan sediakan laporan tetapi mungkin Kerajaan Negeri tidak ikut dengan secukupnya. Namun, jika laporan itu adalah cukup baik untuk diikuti oleh Kerajaan Negeri, maka adalah amat penting bahawa proses format dan kemahiran mengendalikan pendengaran awam diusahakan dan laporan bolehlah cukup berguna kepada Kerajaan Negeri. Ini hanya untuk menekankan kemahiran dan proses format yang wajar...(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Mohon laluan. Saya mempunyai soalan. Kalau dilihat pada Laporan PAC berkenaan dengan isu ketelitian suatu kajian yang telah dilakukan. Merujuk pada muka surat 440 Laporan PAC, saya menyoal "Berapakah jumlah wang yang dibayar oleh Kerajaan Negeri kepada syarikat yang meneliti hasil kajian sosio ekonomi untuk projek Zenith BUCG". Jawapan yang diterima pada muka surat 440 ialah "Kerajaan membayar RM20 juta kepada Syarikat HSSI untuk menyemak kajian kebarangkalian dan reka bentuk Zenith BUCG". Jadi kalau dengan RM20 juta ini, satu jumlah yang sangat besar seharusnya ketelitian terhadap kajian sebab kalau tengok Laporan PAC dalam rumusan apa yang ditulis adalah agak penting

bagi syarikat yang dibayar RM20 juta dan saya juga nak tanya soalan RM20 juta ini dibayar melalui apa? Adakah melalui tebus tanah dan bagaimanakah RM20 juta ini dibayar kepada syarikat yang meneliti kerja kajian sosio ekonomi itu disebabkan dari laporan PAC. Satu, cara pengumpulan data untuk *perception survey* 791 penduduk. Cara pengumpulan data mengikut *certified sampling* kita juga menyoal dari segi itu sebab *certified sampling* tidak mencerminkan jumlah penduduk di kawasan-kawasan yang terlibat dengan projek tiga (3) jalan utama ini dan juga terowong bawah dasar laut. Kedua, semasa kajian itu dilakukan iaitu dua cara *perception survey*...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Yang Berhormat, boleh kami membenarkan Ahli-ahli Dewan untuk membaca sahaja kerana apa Yang Berhormat membutirkan itu sudah ada dalam laporan...(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Ya, saya just nak tanya maknanya syarikat HSSI yang dibayar RM20 juta ini telah gagal. Satu, cara pengumpulan data. Kedua, methodologi untuk mendapatkan data. Ketiga, hasil kajian daripada sosio ekonomi *studies* itu sendiri cara dilaporkan juga adalah tidak mencukupi. Jadi bagaimanakah Kerajaan Negeri boleh meluluskan bayaran RM20 juta kepada Syarikat yang memeriksa kajian yang telah dibuat untuk *feasibility studies* dan *sosio economic studies*.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Yang Berhormat, saya rasa secara ringkas yang RM20 juta ini penjelasan dia, dia bukan untuk semakan kajian kebolehlaksanaan sahaja tapi merangkumi keseluruhan semakan yang perlu dibuat oleh projek-projek ini, namun saya akan membiarkan EXCO berkaitan untuk menjawab dalam penggulangan tapi saya rasa syabas kepada Jawatankuasa Kira-kira yang merangkumi saya, anda dan Ahli-ahli Dewan yang lain. Bahawa telah pun kami membuat keputusan tentang kelemahan maka dibangkitkan di sini bahawa ada kelemahan dari segi pendengar awam dan saya pun berminat dengan adanya laporan ini apakah tindakan yang dibuat oleh Kerajaan ataupun Konsortium Zenith untuk menambahbaik apa kelemahan yang ada. Sama ada berkaitan dengan projek yang spesifik di laporkan dalam laporan ini ataupun bagi projek-projek yang lain. Saya rasa ini adalah satu penemuan yang baik kerana projek-projek ini merupakan projek-projek awalan bagi Pelan Induk Pengangkutan dan akan ada lebih baik lagi bagi pendengaran awam semasa implementasi pelan induk tersebut dan adalah baik penemuan ini telah dicari semoga pihak Kerajaan Negeri akan mengenal pasti cara-cara untuk menambahbaik proses ini.

Yang kedua adalah prinsip reka bentuk sejagat atau pun *Universal Design*. Saya ingin mencadangkan susulan daripada cadangan YB. Machang Bubuk berkaitan kepentingan mendengar keperluan rakyat dan telah menggunakan contoh rakan yang telah tercedera dan menjadi OKU sementara, saya rasa adalah penting agar pemahaman tentang reka bentuk sejagat dipanjangkan kepada Dewan yang mulia ini kerana ia membawa impak yang amat besar sekali yang akan saya jelaskan pada akhir perbahasan saya nanti. Sekarang, saya ingin menjelaskan definisi Rekabentuk Sejagat ataupun *Universal Design* yang saya petik daripada United Nations. Tujuan saya membangkitkan di sini adalah kerana saya rasa adalah berguna kepada tugas-tugas Ahli Dewan ini. Definisi *Universal Design* dalam bahasa Inggeris dengan izin ialah *Universal Design can be defined as the action of planning the look and function of something before it is built or made. For the majority of designs, this functional requirement is principally about making the object or place usable for human beings. Universal Design considers the diverse needs of the widest range of users, in order to make environments, products and services more user friendly. By considering the divergent physical, sensory and cognitive abilities of the end-users, the designer attempts to include the needs of everyone who can benefit from such design, as this is inclusive. The concept of the Universal Design was defined by the late Ron L. Mace in 1985 at the University of North Carolina as the design of products and environments to be usable by all people, to the greatest extent possible. Without the need for adaptation or specialized design.* Ada tujuh (7) prinsip *Universal Design*, saya akan membiarkan Yang Berhormat untuk meneliti dengan sendiri. Saya bangkitkan di sini kerana saya rasa jikalau ada OKU atau siapa-siapa individu yang mungkin datang ke pejabat kami untuk membuat aduan, adalah senang untuk kami untuk menyelesaikan masalah pengadu tersebut seorang. Ada juga banyak aduan tentang kekurangan kelemahan infrastruktur terbina di kawasan kami tetapi sebenarnya sejak tahun 1985 sudah pun wujud spesifikasi-spesifikasi dan reka bentuk yang telah diperincikan oleh banyak orang di merata dunia sehingga akhirnya sekarang mereka

sudah ada satu hasil satu buku satu format yang amat terperinci untuk memberi arahan maklumat kepada arkitek dan kontraktor cara yang wajar untuk membina mana-mana infrastruktur atau pun bangunan. Kadang kala apabila kita melawat negara yang lebih maju, luar negara kami mungkin berasa, oh kawasan di luar negara tu amat selesa amat selamat untuk berjalan, kita berjalan rasanya macam lebih selesa daripada di Malaysia, masuk tempat awam, masuk hotel, masuk *shopping mall* pun akan rasa lebih selesa.

Sebenarnya untuk mencapai keselesaan yang sama ini, sudah pun adanya spesifikasi ini adalah dipanggil Rekabentuk Sejagat ataupun *Universal Design*. Di Malaysia, sejak tahun saya rasa 2001 telah pun ada manual *Malaysian Standard* untuk *Universal Design* tapi disebabkan penguatkuasaan lemah sampai sekarang masih belum dikuat kuasakan dengan teliti. Konsep *Universal Design* ini amat penting bagi saya kerana dia melibatkan isu kesaksamaan. Isu kesaksamaan maksud saya jika seorang tua penglihatan dia sudah kurang baik, dia tidak mampu untuk bawa kereta, sama ada kawasan perumahan dia, flat kos sederhana dia adalah direkabentuk mengikut reka bentuk sejagat akan mempengaruhi sama ada bila dia keluar masuk rumah selesa atau tidak boleh atau tidak untuk orang itu, keluar masuk rumah sampai kedai, beli makanan. Reka bentuk sejagat juga boleh mempengaruhi seorang budak yang menaiki bas ke sekolah selamat daripada berjalan dalam situasi persekitaran yang selamat daripada rumah dia ke perhentian bas sampai ke sekolah. Atau pun kena berjalan di atas jalan raya ataupun kena naik turun ataupun kena keluar daripada jalan untuk mengharungi halangan yang ada.

Dalam tugas saya sebagai Wakil Rakyat ada juga saya bertemu dengan warga tua yang sebenarnya perlu pergi ke hospital mungkin setiap bulan, setiap tiga bulan untuk mendapatkan rawatan. Biasanya jika mereka tidak pergi seperti diarahkan oleh doktor adalah berfaktorkan masalah *accessibility* ataupun sama ada orang tua itu boleh keluar daripada rumah sampai ke hospital dengan selamat dan selesa. Saya ada ramai rakan-rakan OKU yang berkerusi roda, yang cacat penglihatan dan sebagainya. Sebenarnya kadang kala kita tengok OKU sebagai orang yang memerlukan bantuan orang. Rakan-rakan OKU saya mereka memang ada yang sejak kecil lagi duduk dalam kerusi roda, tangan kaki mereka tidak boleh digunakan seperti kita tetapi walaupun mereka OKU, kita tidak boleh anggap OKU ada hasrat untuk keluar rumah. Tiada ada hasrat untuk punya kawan, tidak ada hasrat untuk tengok wayang, *cinema* seperti kami tidak ada hasrat untuk keluar dengan keluarga pergi makan *buffet* di hotel mungkin. Ini adalah semua aktiviti-aktiviti yang boleh kita lakukan dengan senang. Bagi mereka tidak boleh kerana nak masuk hotel, nak masuk *shopping mall*, *super market* masuk *cinema* semuanya adalah terlalu susah kepada mereka. Mengapa dengan adanya manual reka bentuk sejagat ini akan sekali gus mengeluarkan halangan dan cabaran yang dihadapi oleh mereka. Tidak diberikan tekanan yang lebih tinggi oleh semua pihak. Saya berharap supaya semua Ahli Dewan yang mulia ini di Pulau Pinang bolehlah pelajari mendalam tentang reka bentuk sejagat kerana akan membantu keluarga, kanak-kanak, orang tua, orang sakit dan sebagainya dan akhirnya satu hari nanti saya pun akan menjadi orang tua sama seperti anda.

Ketiga tentang reka bentuk dan distribusi bandar dan perumahan. Dalam perdebatan saya semasa menjawab soalan lisan nombor 26 oleh YB. Datuk Keramat, saya ada persetujuan bersama dengan YB. Datuk Keramat yang mengesahkan bahawa semua pihak termasuk pihak pemaju bersetuju bahawa ada permintaan, *demand* untuk rumah mampu milik dan YB. Datuk Keramat telah membantu mencapai penyelarasan dengan pihak pemaju agar pihak swasta juga kini sedang membina lebih banyak rumah mampu milik. Segala usaha Yang Berhormat dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang mempunyai visi agar ada 50,000 unit perumahan di Negeri Pulau Pinang sebelum tahun 2030 di mana Kerajaan Negeri menganggarkan bahawa setiap unit rumah akan didiami oleh 3.9 penghuni maka boleh menampung 2,000,000 penduduk di Pulau Pinang adalah amat berwawasan tinggi dan dihargai.

Namun, walaupun kita telah bersetuju dengan apa yang perlu didirikan, tetapi belum lagi kita bersetuju dengan bagaimana dan di mana, *where and how...*(dengan izin). Saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini bahawa sebagai ADUN Pulau Tikus dan seorang anak Pulau Tikus, saya amat susah hati. Saya wakil kawasan Pulau Tikus maka izinkan saya menyuarakan perspektif daripada banyak rakyat Pulau Tikus. Sebenarnya saya rasa kawasan kita haruslah menerima pandangan berat daripada Kerajaan Negeri dan mungkin juga negara. Saya berasa bahawa kawasan kita adalah amat unik. Amat unik kerana dalam satu bandar, satu kawasan, kita ada ketumpatan hospital swasta yang terkenal, yang amat tinggi. Island Hospital, Gleneagles Hospital, Adventist Hospital, Loh Guan Lye Hospital, semua yang paling terkenal di Pulau Pinang adalah terletak di Pulau Tikus. Yang kedua, sekolah, sekolah Perempuan Cina Pulau Pinang, Sekolah Saint Georges, Sekolah Convent Pulau Tikus, Sekolah Phor Tay, Sekolah Saint Xavier, semuanya terletak di Pulau Tikus. Di Pulau Tikus juga ada Persiaran Gurney. Walaupun ada tambakan laut, ada Gurney Wharf tetapi masih ada persisiran pantai, masih ada Taman Gurney Wharf.

Dan di sebelah lagi ada Taman Botani dan Bukit Bendera. Di sebelah barat, ada Batu Feringghi, di sebelah Timur, ada UNESCO World Heritage Site.

Saya minta Yang Berhormat-Yang Berhormat carilah di mana lagi kawasan di Malaysia yang ada semua aspek ini tambahan daripada ini, yang lebih penting lagi kami ada satu pusat bandar yang menyeluruh dan masih *intact*. Maksud saya, ada pusat bandar yang ada kedai-kedai, jika ada sebarang, kebanyakan keperluan harian anda boleh diperolehi dengan berjalan kaki ataupun menunggang basikal, dengan jarak yang dekat dan selesa. Ada perkhidmatan *post office*, setiap bank, *dentist*, *clinic*, semua pun ada. Saya hendak bangkitkan ini bukan hendak mengada-ngada hendak tunjukkan tetapi sememangnya Kerajaan Pusat telah menggunakan banyak wang untuk cuba mewujudkan bandar-bandar seperti ini di seluruh Malaysia. JPBD lihat kembali kepada garis panduannya, bertahun-tahun, berpuluh-puluh tahun tengah cuba mewujudkan bandar seperti ini. Di Pulau Tikus bandar seperti ini masih *intact*, maksud saya *intact* dalam Bahasa Inggeris adalah bahawa kami masih ada komuniti. Sepanjang hari siang, jika anda pergi ke sana akan melihat orang berjalan kaki menjalankan aktiviti harian mereka di Pulau Tikus. Di tempat lain kita menggunakan wang berjuta-juta, mengharapkan akan ada orang berjalan kaki. Betul ataupun tidak? Malangnya *it is easier to destroy than to make such community*.

Izinkan saya jelaskan mengapa sebagai rakyat Pulau Tikus saya amat susah hati, sakit hati, pedih hati. Ini adalah kerana walaupun betapa banyak saya berusaha untuk cuba menyelamatkan bandar ini agar akan sentiasa mengekalkan situasi yang selamat dan selesa, aktiviti komersial yang dinamik, namun perkara-perkara yang berlaku di luar daripada Pulau Tikus boleh juga menghancurkan, memusnahkan Pulau Tikus. Secara spesifik, saya ingin jelaskan. Ketumpatan perumahan yang akan dibina di Tanjong Bunga, di Mount Erskine memerlukan bahawa mereka yang tinggal di Tanjong Bunga ataupun yang akan tinggal di Tanjong Bunga ataupun Mount Erskine ini perlulah sampai ke tempat kerja mereka. Buat masa sekarang, tempat kerja ataupun peluang pekerjaan yang paling banyak adalah di sektor pembinaan. Banyak orang yang tinggal Tanjong Bunga, Mount Erskine kerja di sektor pembinaan ataupun yang paling dekat pun di George Town. Maka mereka perlu pergi dari Mount Erskine, Tanjong Bunga sampai ke Barat Daya, sampai ke zon perindustrian. Untuk menampung peningkatan ketumpatan ini yang begitu mendadak, kita telah pun ada pertukaran hala jalan raya. Satu hala, Jalan Kelawai dan Jalan Burma. Sudahpun ada cadangan dan saya perasan memang ada dalam Bajet MBPP untuk ada *underpass* Jalan Mount Erskine dan mungkin juga Jalan Tanjong Bunga untuk menampung peningkatan kenderaan yang ada. Sudahpun diumumkan di suratkhbar tentang *flyover* yang akan dibina dekat dengan Island Plaza untuk menyambungkan satu belah Jalan Tanjong Tokong kepada satu belah Jalan Tanjong Tokong, dekat Tesco Tanjong Pinang. Persoalannya Mount Erskine kalau datang ke arah Pulau Tikus adalah turun bukit. Walaupun had laju Jalan Mount Erskine adalah 60km/j namun saya pasti kebanyakan kereta bukan 60 km/j. Sekarang apabila mereka turun daripada Jalan Mount Erskine, mereka akan turun daripada kawasan pasar sampai buat, sekarang sampai Jalan Burma, tiada lampu isyarat maka mereka akan turun dengan cepat. Jika ada *underpass*, Jalan Mount Erskine masuk ke Jalan Burma, maka lampu isyarat di Jalan Burma, Jalan Gottlieb sudahpun tidak perlu mereka lalui. Sudah tentu berhenti secara langsung. Daripada Pasar Mount Erskine sampai ke pusat bandar, sampai ke Pasar Pulau Tikus, tidak perlu berhenti untuk lampu isyarat. Apakah kelajuan kereta-kereta yang akan melalui Pulau Tikus ini?

Kita cuba mewujudkan persekitaran yang *walk able*, boleh berjalan. Siar kaki yang baik. Kita cuba memelihara komuniti di Pulau Tikus kerana saya suka bahawa masih ada kedai-kedai dengan pelanggan biasa, ada orang yang mengenali antara satu sama lain. Tetapi jika perancangan bandar lemah, maka situasi ini akan berlaku di mana keperluan untuk menggerakkan banyak kenderaan daripada satu bandar melalui satu bandar lain akan memusnahkan komuniti di Pulau Tikus ini. Jangan silap, saya bukan *anti-development* kerana banyak di negara maju *development* ini bukan untuk membenarkan banyak kereta berjalan laju di jalan raya. *The objective of traffic planning...*(dengan izin), *it's only to create smooth transport, not to create fast transport*. Di banyak negara maju, konsep bandar yang mampan, konsep bandar yang berjaya adalah bandar di mana makcik-makcik yang kena jaga anak tetapi perlukan pendapatan. Boleh bekerja ataupun boleh ada *business* dekat dengan kawasan perumahan dia. Tidak perlu ada kesesakan lalu lintas berkilometer panjang sampai ke tempat kerja dia.

Saya bagi gambaran bagi perumahan di Mount Erskine. Yang sudah siap dibina ada Taman Bukit Erskine, The Latitude, The Peak, buat masa kini, setiap perumahan ini dibina asing-asing. Tiada perancangan bagaimana penduduk The Peak boleh berkomunikasi dan pergi masuk keluar dari The Latitude ataupun masuk keluar dari Taman Bukit Erskine. Semuanya adalah asing. Maka jika saya duduk di The Peak, saya hendak lalui jalan untuk ke kedai di The Latitude adalah bahaya, saya hendak lintas

jalan pun bahaya, cara jalan direkabentuk pun bahaya. Saya hendak, kalau saya sokong kepada pemeliharaan alam sekitar dan saya ingin menggunakan pengangkutan bas, jika saya tinggal di The Peak, Taman Bukit Erskine, The Latitude, saya kena jalan hampir satu kilometer, lebih dari satu kilometer untuk sampai kepada perhentian yang paling dekat dan perjalanan ini adalah naik turun bukit yang curang, jauh, tidak selamat, tiada siar kaki dan berbukit-bukit.

Jika perancangan bandar boleh dijalankan dengan lebih berjaya, maka mereka yang tinggal di sesuatu tempat boleh dengan selesa menggunakan persekitaran mereka, *neighbourhood* mereka, kejiranan mereka. Boleh sampai kepada tempat riadah, boleh pergi ke kopitiam berdekatan, boleh membeli kegunaan harian mereka di kedai-kedai yang berdekatan dan tidak akan berasa bahawa ada jalan yang tidak selamat memisahkan mereka. Dari segi perancangan bandar, sebenarnya ada ketumpatan yang *ideal* bagi setiap situasi. Maksud saya walaupun kami perlu menyediakan perumahan, tetapi apabila kami membina dengan lebih tinggi, maksudnya kami perlu menyediakan infrastruktur untuk menampung bilangan penduduk perumahan yang tinggi ini. Disebabkan cara perancangan bandar kami, penduduk yang tinggal di sini perlukan kereta. Maka jika ada 1,000 unit perumahan di perumahan yang tinggi ini, bilangan kereta mereka akan lebih daripada perumahan yang rendah. Apabila perumahan adalah tinggi maka jalan raya perlulah besar. Jika jalan raya adalah besar, maka adalah tidak selamat dan mereka perlukan kereta. Tetapi Yang Berhormat-Yang Berhormat, pemantauan saya biasanya mereka yang tinggal di perumahan mampu milik adalah mungkin mereka yang tidak begitu berupaya. Maka banyak yang menggunakan motorsikal, banyak yang menggunakan pengangkutan awam. Malangnya, bagi mereka yang pendapatan lebih rendah akibatnya mereka mungkin akan tinggal dalam perumahan yang lebih tinggi dan akibatnya persekitaran mereka akan lebih kurang selamat digunakan oleh mereka yang perlu basikal, perlu motorsikal ini.

Jadi tadi saya sudah kata, sebenarnya modul manual untuk mereka bentuk sejagat sudahpun berdekatan diperhalusi dan ditambahbaik oleh masyarakat sedunia. Cara untuk membina jalan raya yang boleh selamat diguna oleh pejalan kaki, oleh orang tua, oleh kanak-kanak, oleh keluarga, sudahpun ada. Persoalannya hanyalah sama ada kita mementingkan kereta, kita mengambil kira atau tidak, komunikasi dan *connectivity* antara projek perumahan-projek perumahan yang berbeza. Negara lain seperti Hong Kong, seperti United Kingdom, seperti Singapura dan banyak lagi negara telahpun lama memerlukan sesiapa pihak pemaju yang ingin menjalankan projek pembangunan, peranan *planner* bagi perancang kerana perancang bagi projek pembangunan tersebut diberi penghormatan yang sewajarnya dan tugas *planner* bersama arkitek adalah untuk mengenal pasti *connectivity* pembangunan tersebut dengan pembangunan yang berdekatan dengan bangunan awam yang paling dekat dengan lokasi pengangkutan awam yang paling dekat. Dengan adanya *travel plan and analysis* ini ataupun *connectivity analysis* ini, maka setiap pemaju perlu melaporkan dalam cadangan pembangunan sama ada pembangunan boleh sampai pengangkutan awam atau tidak, sama ada selamat sampai daripada bangunan-bangunan lain atau pun tidak, sama ada selamat ataupun boleh sampai kepada bangunan-bangunan awam yang lain. Bangunan awam seperti balai rakyat, pusat rekreasi, perpustakaan dan sebagainya. Adalah dengan perancangan ini, dengan menitik beratkan perancangan ini dengan negara lain bolehlah mewujudkan satu persekitaran yang selesa dan selamat digunakan oleh rakyat rakyatnya. Jadi saya rasa kita telah memandangkan bahawa Kerajaan Negeri sudah pun dalam penggal kedua dan sudah belajar kemahiran menjadi satu kerajaan. Sudah sampai masanya kita bergerak *to take it up to the next level* bergerak daripada melaporkan statistik-statistik yang akan dibina dan bergerak untuk lebih mendalam lagi. Cara implementasi sama ada *intention* atau hasrat kita mencapai fungsi atau kesan yang diinginkan atau ada kesan buruk yang boleh dielakkan.

Tadi saya kata saya susah hati, pedih kerana saya Wakil Rakyat Pulau Tikus, anak Pulau Tikus tapi sebagai seorang Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya berasa saya dalam satu situasi dilema. Perumahan-perumahan di Tanjong Bunga, perumahan-perumahan di Mount Erskine banyak sudah dibina ataupun akan dibina dan semua orang yang akan tinggal di Tanjong Bunga dan Mount Erskine ini perlu sampai ke tempat kerja, perlu sampai ke hospital, sekolah dan sebagainya. Tetapi pengangkutan awam kita masih tak mencukupi, perancangan untuk pengangkutan awam di sebelah utara ini pun bukannya dirancang ataupun dijadualkan awal. Pengangkutan awam yang paling awal dijadualkan adalah LRT di sebelah timur Pulau daripada George Town ke Lapangan Terbang, jadi apa akan berlaku kepada kami di sebelah utara dan apa yang boleh saya buat? Takkan saya menafikan penduduk-penduduk Tanjong Bunga dan Mount Erskine mengatakan kepada mereka jangan lalu di sini, anda akan menghancurkan Pulau Tikus, jadi apa *option* saya sekarang?

Sekarang topik keempat mempelbagaikan ekonomi. Kembali kepada tema ke arah negeri keusahawanan dan negeri kebajikan. Fokus Kerajaan Negeri dalam industri STEM, iaitu *Science, Technology, Engineering & Mathematic* adalah jelas tertera dengan inisiatif seperti *Penang Science Cafe* dan *Tech Dome Penang*, namun apa pula dengan bidang-bidang lain selain daripada bidang pelancongan. Ekonomi yang sihat memerlukan diversiti, tambahan lagi dalam zaman yang tidak menentu ini kebergantungan kepada pelaburan asing, syarikat multinasional dan pelancongan meletak negeri dalam keadaan berisiko. Dalam apa-apa perancangan ekonomi, usaha dan diversifikasi ataupun kepelbagaian dan fokus kepada sektor perkhidmatan adalah perlu demi kemampuan ekonomi. Dalam soalan bertulis saya rujukan 4B 24(1), saya bertanya tentang pecahan sumbangan GDP mengikut sektor termasuk pecahan lanjutan. Bagi sektor perkhidmatan ada sumbangan sektor pelancongan, pengangkutan *retail*, kewangan dan sebagainya boleh perincian lagi. Namun maklumat khusus bagi sektor pelancongan tidak diperolehi kerana data yang ada hanya memasuki pelancongan bersama dengan aktiviti-aktiviti lain dalam tajuk perdagangan barang dan runcit, penginapan dan restoran. Kemampuan dan situasi bagi setiap jenis aktiviti, asing-asing ini tidak dikaji secara masing-masing, maka kesimpulan kemampuan dan kesan mereka ke atas ekonomi negeri tidak dapat dikenal pasti.

Misalnya adakah Pulau Pinang mempunyai terlalu banyak *shopping mall* seperti yang telah berlaku di Kuala Lumpur dan berapakah keuntungan yang benar-benar sampai kepada orang tempatan berbanding dengan tauke-tauke perniagaan di luar Pulau Pinang. Di sini adakah orang yang membeli baju ZARA, GUESS ataupun jenama-jenama antarabangsa yang lain? Daripada 1000 helai baju yang berjenama ZARA ataupun GUESS yang dibeli daripada *shopping mall*, berapa banyak wang yang pergi kepada rakyat Pulau Pinang. Kos 1,000 helai pakaian ZARA amat mahal, tapi daripada semua keuntungan itu, berapa yang benar-benar pergi kepada rakyat Pulau Pinang ataupun kebanyakan wang itu mengalir kepada bos jenama di luar negara. Demi kemampuan Pulau Pinang dan kebajikan rakyat. Kerajaan Negeri mesti giat meneliti kekurangan dan keperluan aktiviti-aktiviti selain daripada sektor pembuatan dan pelancongan. Apakah jenis perancangan dan strategi lain yang perlu diusahakan oleh Kerajaan Negeri? Adakah kita tahu jenis latihan kemahiran yang diperlukan oleh sektor-sektor lain? Apakah impak pengambilan pekerja asing dalam aktiviti restoran, *retail* dan sekuriti kepada rakyat Pulau Pinang sendiri? Adakah masalah kesempaan daripada tempat tinggal rakyat kepada peluang pekerjaan menyebabkan mereka susah mendapat kerja kerana perlu menjaga rumah dan anak? Apakah situasi kebajikan pekerja-pekerja Pulau Pinang?

Tadi kita bincang tentang *food truck*, mengapa begitu banyak orang ingin memulakan *food truck*? Mengapa begitu banyak orang ingin jual *burger*? Sebenarnya ini adalah masalah perancangan ekonomi. Kerajaan perlu memainkan peranan yang lebih giat untuk memahami situasi ekonomi, pendapatan dan faktor-faktor yang mempengaruhi peluang pekerjaan rakyat dalam pelbagai keperluan aktiviti ekonomi dan bukan fokus kepada pembuatan dan pelancongan sahaja. Adalah perlu bukan saja sains dan pelancongan yang dijadikan seleksi sokongan Kerajaan Negeri ke atas kerja-kerja dan aktiviti lain akan menjadikan kerja-kerja lain seleksi dan menarik juga dan ini diperlukan untuk mewujudkan negeri yang mampan. Kita perlu rakyat kami berasa bahawa jika saya bekerja sebagai *promoter* di *supermarket*, jika saya bekerja sebagai akauntan, dalam IT dan sebagainya yang juga merupakan pekerjaan yang dihargai, yang penting demi ekonomi negeri kami ini. Institusi keusahawanan masa kini laporan kerajaan masih pada peringkat pengumuman bilangan pelaburan asing dan projek-projek besar seperti *Skycab*, *Spices* dan *The Top*. Butiran **sub** impak dari segi *functional outcome* masih belum jelas kelihatan. Kita dengar projek tapi *functional outcome* daripada projek itu masih kita rasai.

Dengan jelas ucapan bajet Y.A.B. Ketua Menteri telah membangkitkan tiga (3) institusi penting dalam pembangunan Industri Kecil dan Sederhana iaitu pusat penasihat pasaran sumber dan latihan IKS Pulau Pinang (*Penang Smart Centre*), Pusat IKS Pulau Pinang (*Penang SME Centre*), Perkampungan IKS Pulau Pinang (*Penang SME Village*), namun beberapa kali telah dibangkitkan dalam bajet-bajet tahunan, tak banyak maklumat diberi berkenaan institusi-institusi ini. Saya berharap pada persidangan akan datang bolehlah kita membahas dengan lebih terperinci kejayaan dan impak institusi-institusi ini ke atas pembangunan IKS di Pulau Pinang. Banyak lagi rakyat Pulau Pinang yang susah mendapat kerja dan masalah yang dihadapi oleh mereka mungkin memerlukan usaha yang lebih aktif dan lebih mendalam dengan peruntukan dan sistem yang berpadanan. Dasar perolehan yang mendorong keusahawanan tempatan. Demi keusahawanan tempatan dan menyampaikan mesej kepada semua tentang komitmen kerajaan, keusahawanan dan negeri kebajikan, saya mencadangkan agar kerajaan menggubal satu polisi perolehan yang mendorong keusahawanan tempatan dan boleh menampakkan komitmen Kerajaan Negeri ke atas usahawan sendiri bukan saja pelabur asing dan syarikat asing. Maksud saya ataupun cadangan saya, bolehkah Kerajaan Negeri mewujudkan satu skema untuk meneliti tender-tender dan

sebutharga-sebutharga yang dimasukkan kepada sistem perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Skema ini boleh memberi markah kepada misalnya satu, jika syarikat tersebut adalah melebihi 80% daripada pekerjaanya adalah pekerja orang tempatan berbanding dengan ada kebanyakan pekerja asing yang diambil, mungkin syarikat yang mengambil lebih banyak orang tempatan akan menerima markah yang lebih tinggi. Jika syarikat itu ada keseimbangan gender, jika syarikat itu ada OKU, jika syarikat itu menggunakan semua bahan-bahan yang produk dia adalah dari Pulau Pinang, jika syarikatnya mungkin kalau syarikat dia pekerja semua di Pulau Pinang tapi bahan dia datang dari luar negeri, markah dia akan lebih kurang. Dengan ada satu skema yang akan menilai di mana datangnya bahan mentah, berapakah peratusan pemilik adalah daripada Pulau Pinang dan markah tambahan jika dia ada *intention* sendiri, reka bentuk yang asal daripada Pulau Pinang, maka kami bukan saya mendorong keusahawanan tetapi kadangkala dalam pembelian, adalah senang untuk kami terlepas pandang satu inovasi daripada rakyat kami sendiri, satu usaha yang begitu gigih, yang begitu susah, mereka telah menghadapi pelbagai cabaran untuk mengekalkan perniagaan mereka di Pulau Pinang tetapi kami terlepas pandang dan beli pula daripada syarikat yang mengimport daripada negara lain. Dengan adanya skema bolehlah kami ada satu format untuk perbandingan. Masuk kepada pelancongan,....(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Minta laluan, saya rasa apa yang disebut oleh YB. Pulau Tikus boleh dibuat dengan senang juga sebab sebelum saya jadi ADUN, saya ada membuat satu sistem pensijilan untuk IKS, pensijilan ini merangkumi empat (4) kriteria tapi dari sistem pensijilan ini, kita bagi dari situ dari berapa jumlah *point* yang dia dapat, syarikat itu diberi satu *rating* iaitu dia ada *triple A rating* macam yang YB. Pulau Tikus cadangkan, so sistem tu senang saja sebab apa yang saya buat dulu, dia *online*, siapa-siapa boleh masukkan dan dia ada pengauditan, maknanya dia tak boleh cakap bohong. Jadinya saya rasa kalau Pulau Pinang boleh membuat sistem ini dan *reward* syarikat yang mendapat *rating* yang tinggi. Kalau di Kerajaan Pusat kita panggil *Green Lane Policy* ataupun Polisi Laluan Hijau yang bagi dalam proses tender dia akan dapat enam (6) *point* kalau dia dapat *credit guarantee* dan macam-macam ataupun birokrasi dikurangkan, saya rasa sistem ini masa dulu dibuat dalam masa beberapa bulan saja, saya sarankan kepada Kerajaan Negeri untuk mengadakan satu sistem itu. Kalau di Kerajaan Pusat di panggil *The SME Innovation Awards* yang bagi hadiah RM1 juta *cash* dan *is an online system, certification* namanya, *One Inno Cert* dan ganjaran yang di dapat itu dipanggil Polisi Laluan Hijau, Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Terima kasih YB. Penanti. Sebenarnya ada usahawan tempatan, usahawan Pulau Pinang memberi maklum balas bahawa ada banyak program-program tetapi kebanyakkan bertungkus lumus kekal di Pulau Pinang haruslah Kerajaan Negeri memulakan polisi-polisi ataupun mengkaji polisi sebegini. Masuk pelancongan, pernahkah Yang Berhormat-Yang Berhormat mendengar terma *DLMC curse*, penjelasan kepada *DLMC curse* ini adalah bahawa pada suatu masa dahulu memang Pulau Pinang memerlukan pembangunan daripada sawah padi masuk kepada bidang pembuatan. Namun sekarang apabila sektor pembuatan sudah pun lebih kurang matang telah mewujudkan satu *curse*, satu sumpah kepada rakyat Pulau Pinang. Maksud saya syarikat besar *multinational* berupaya memberi gaji yang lumayan kepada pekerja-pekerjanya, syarikat besar berupaya memberi *career path* yang jelas dan menarik kepada pekerja-pekerjanya. Bagi mereka yang masuk untuk bekerja di *DLMC* jarang ada yang rela mengambil risiko untuk keluar daripada persekitaran *DLMC* untuk mewujudkan rekabentuk dan *invention* dia sendiri. Buat masa kini, atau pun dalam masa terdekat ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebenarnya sudah lama berusaha cuba menggalakkan inovasi kita sendiri usahawan kita sendiri, tetapi walau pun ada pekerja *DLMC* yang rela untuk keluar memulakan *business* nya sendiri seringkali *business*nya hanya mempunyai satu (1) pelanggan sahaja, pelanggannya adalah *DLMC* yang dulu dia bekerja kerana kadang kala bagi satu-satu perniagaan, dia *supply* kepada satu *DLMC* sahaja sudah mencukupi untuk menyara keluarganya, maka tidak perlulah dia cuba untuk membuat inovasi, tidak perlulah dia cuba untuk dia ada reka bentuk sendiri, itulah *DLMC curse*. Maksudnya dengan situasi sebegini, kita mengekalkan Pulau Pinang dalam satu situasi berisiko tanpa ada *our own brand*, jenama kita sendiri, reka bentuk kita sendiri, teknologi kita sendiri, kita bergantung kepada *DLMC* ini, jika bila-bila masa *DLMC* keluar daripada Pulau Pinang, kami akan menghadapi masalah yang besar, itulah *DLMC curse*. Namun di samping kita cuba melepaskan diri daripada *DLMC curse* ini dan cuba memupuk keusahawanan dan kejayaan tempatan kita mungkin mula terjebak dalam satu lagi *curse* yang saya panggil *tourism curse*.

Dengan merujuk kepada laporan *negative economic impact tourism* daripada *United Nation*, adalah didapati bahawa pelancongan biasanya hanyalah memanfaatkan negara yang sudah pun maju, di mana ekonomi sudah pun maju dan orang tempatan sendiri lebih berkebolehan mendapat manfaat daripada pelancongan. Jika kita membaca laporan tersebut dan membuat perbandingan dengan situasi di Pulau Pinang, apa yang digambarkan adalah bahawa mereka yang paling banyak untung daripada pelancongan di negara membangun seperti Malaysia adalah syarikat besar dan banyak syarikat besar mempunyai ibu pejabat dan bosnya bertempat di luar negara ataupun luar negeri, maka keuntungan sebenarnya mengalir keluar daripada negeri dan tidak banyak memanfaatkan rakyat Pulau Pinang sendiri kerana rakyat Pulau Pinang hanya mengambil jawatan kecil dan sederhana kecil dan membuat aktiviti jualan runcit dan tidak menghasilkan pendapatan tinggi bagi rakyat Pulau Pinang.

Sebaliknya pelancongan membawa impak negatif kerana memaklumkan pelaburan infrastruktur untuk menampung peningkatan bilangan pelancong dan yang paling teruk sekali bilangan pelancong pula mengakibatkan peningkatan kos makanan, barangan, sewa rumah dan kos-kos kehidupan lain meningkat bagi orang tempatan tanpa menyumbang kepada peningkatan pendapatan orang tempatan. Di Pulau Pinang, kita ada 1.6 juta penduduk dan rekod purata 6 juta orang pelancong setiap tahun. Di Barcelona mereka tidak jauh berbeza dengan kita dengan adanya 2,000,000 penduduk dan merekodkan 7.5 juta orang pelancong setiap tahun. Penduduk Barcelona telah memberontak beberapa tahun ini kerana sudah tidak boleh tahan kerana kedai-kedai kecil semakin digantikan dengan kedai-kedai besar ataupun antarabangsa. Hanya sebagai contoh, jika dahulu kedai jam tangan kebanyakan menjual Casio, Seiko yang kita rasa sudah cantik dan tahan lasak, sekarang lebih banyak kedai-kedai di negeri Pulau Pinang menjual Tag Heuer dan Tissot berbanding dengan 10 tahun dahulu. Jika dahulu kedai kopitiam menjadi tumpuan orang ramai, sekarang kopitiam yang menjual kopi RM2.00 tidak mampu lagi membayar sewa, maka lama-kelamaan semua kopi di George Town akan berharga RM15.00, lama-kelamaan penduduk Pulau Pinang yang gaji tidak meningkat dengan cepat tetapi bilangan pelancong meningkat dengan cepat akan menghadapi masalah kos kehidupan dalam masa yang tidak lama lagi.

Bolehkah pendapatan rakyat kita bertanding dengan usaha Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan bilangan pelancong. Jika kita melihat di Pulau Pinang, siapakah yang memiliki hotel-hotel besar, hospital-hospital swasta, tarikh-tarikan seperti *heritage*, muzium peranakan? Orang asing. *Design village* yang baru dibuka atau pun....(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):

YB. Pulau Tikus, saya rasa YB. Pulau Tikus memberi gambaran ini di negara barat, saya rasa semua peniaga di George Town memang memerlukan pelancong asing atau tempatan datang ke Pulau Pinang kerana kalau berbanding dengan 10 tahun dahulu tidak ada banyak pelancong mereka mengalami perniagaan yang teruk, sekarang mereka sudah cerah, sudah meriah dan mendapat keuntungan yang banyak dan memerlukan lagi banyak pelancong tetapi bukan sebarang, macam kopi minum RM15.00, bukan. Ada banyak lagi RM1.10, ada banyak dan lagi satu tadi yang kata ini Peranakan Mansion adalah anak Pulau Pinang dan semua muzium-muzium ini yang terutama pelancong yang dari luar atau pun dalam yang pergi ke muzium ini terbanyak sekali adalah di Peranakan Muzium, satu hari ada lebih kurang 200 hingga 300 dan bayaran tiketnya saya ingat RM20.00, cuba kira, satu hari 200, satu bulan berapa, ini adalah keuntungan untuk anak-anak Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Yang Berhormat anak Pulau Pinang malangnya juga merangkumi beliau yang ada kereta *Penang* dan Hong Kong dan anak-anak Pulau Pinang juga adalah orang yang memiliki ramai rumah kosong di Pulau Pinang. Maaf. Tetapi hakikatnya tujuan saya berbahas dengan panjang tentang kesan pelancong ini adalah kerana dalam banyak tahun ini pelancongan digambarkan sebagai suatu imej yang positif dan walaupun mungkin ada kesan positif tetapi kami juga haruslah mengambil maklum tentang kesan negatif dan hasil daripada kajian daripada *United Nation*, laporan daripada *United Nation* itu adalah bahawa pendapatan kepada rakyat tempatan daripada pelancongan adalah rendah. Maksudnya mungkin ada banyak orang yang boleh jual *key chain* ke, *mug* ke, dan sebagainya di George Town tetapi pendapatan mereka tidak banyak. Kesan pelancongan adalah bahawa akan memberi pendapatan rendah kepada orang tempatan tetapi lumayan biasanya kepada tenaga mengalir keluar daripada provokasi pelancongan tersebut. Namun sebaliknya lokasi pelancongan tersebut perlulah, kerajaan keluarkan pelaburan yang tinggi untuk mewujudkan infrastruktur untuk menampung bilangan pelancong tersebut dan saya akan butirkan dengan lebih sebentar lagi....(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Minta laluan YB. Pulau Tikus, saya rasa gambaran bahawa pelancong untuk negara adalah untuk mendatangkan bukan begitu baik, saya rasa tidak, semua sekarang buat masa ini, semasa ekonomi di dunia merosot, semua negara di Amerika, di Europe, di Asia, semua tumpu kepada pelancongan dan semua pun mahu menarik pelancong dari Asia seperti Negara China, Negara Korea, Negara Jepun dan semua negara ini mereka mempunyai tempat-tempat pelancongan yang indah dan mereka memerlukan hubungan dua hala. Adakah negara China datang ke sini dan kita pula melawat ke negara mereka, barulah ekonomi boleh gerak. Ini pelancongan memang saya rasa dalam 50 tahun yang akan datang pelancongan akan mengambil bahagian yang utama.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Saya penganut agama Buddha, prinsip Buddha adalah bahawa dalam semua perkara perlulah ada keseimbangan dan tujuan saya hari ini adalah untuk ...(gangguan). Okey. Tahu atau tidak Buddha bukan topik perbahasan....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Pulau Tikus, tahu atau tidak, sudah satu (1) jam lebih.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Saya perlu menjawab kepada soalan tersebut, jadi saya teruskan. Matlamat saya hari ini adalah untuk menguar-uarkan kepada Dewan ini bahawa sebelum kita keluar dari DLMC *curse* ini janganlah kita terjebak dalam *tourism curse*.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Minta penjelasan. Terima kasih YB. Pulau Tikus sebab saya tadi tertarik dengan aspek-aspek atau elemen-elemen yang negatif terhadap pelancongan, kesan yang mungkin negatif terhadap penduduk-penduduk tempatan cuma saya nak minta komen sedikit daripada YB. Pulau Tikus setujukah YB. Pulau Tikus bahawa implikasi yang buruk tersebut sebenarnya adalah disebabkan oleh spekulasi tanah disebabkan nilai hartanah yang tinggi, sewa kedai yang tinggi, rumah hartanah yang tinggi, maka semua barang-barangan yang dijual dalam kedai-kedai itu juga secara tidak langsung kena tinggi juga? So, itu adalah punca bagi saya ia bukan kerana pelancongan tetapi impaknya yang sampingan itu daripada pelancongan yang menaikkan nilai hartanah di Pulau Pinang ini.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Ini terkandung dalam ulasan saya bilangan pelancong yang datang meningkatkan *demand* dan meningkatkan kos-kos termasuk juga dengan hartanah, sewa dan sebagainya. Saya setuju bahawa ia merupakan salah satu faktor tetapi saya akan teruskan. Persoalan saya yang seterusnya adalah adakah bilangan hotel bersempadanan dengan permintaan, daripada jawapan kepada soalan bertulis saya, saya mendapati bahawa bilangan pelancong yang direkodkan bagi Negeri Pulau Pinang tidak berapa meningkat daripada tahun 2010 sehingga 2015 iaitu bilangan pelancong agak stabil dalam lingkungan 6 juta orang setiap tahun. Namun bilangan hotel telah meningkat dalam tempoh yang sama dan lebih banyak hotel lagi akan dibuka dalam masa terdekat. Kos rakyat tempatan juga semakin meningkat. Saya hendak ingin tahu apakah sumbangan dalam pembangunan ini kepada nilai pendapatan setiap individu rakyat Pulau Pinang yang bekerja dalam sektor pelancongan ini? Adakah semua hotel-hotel yang dirancang ini berbaloi? Berapakah sumbangan bilangan pekerjaan dan nilai gaji berbanding dengan beban yang meningkat? Contohnya satu hotel mewah jenis butik yang kepunyaan syarikat di Singapura mungkin membawa kurang daripada 10 jawatan kepada orang tempatan dan jawatan-jawatan lain diisi pekerja asing tetapi membawa masuk beribu-ribu pelancong setiap bulan dan keuntungannya kebanyakannya kembali kepada tuan punya hotel di Singapura. Adakah kita tahu sama ada pelancong beratus ribu ke Pulau Pinang ini setiap bulan ini memang menguntungkan rakyat Pulau Pinang dan berapakah nilai keuntungan kepada orang Pulau Pinang?

Adakah Pulau Pinang begitu hebat sampai boleh terlepas daripada *tourism curse* dan saya ingat Tom Cruise dan *leakages to foreign investors*....(dengan izin) yang biasanya dihadapi oleh tempat-tempat pelancongan walaupun kita ada perbezaan pendapat tetapi saya rasa adalah bertanggungjawab agar kita mengisahkan situasi sebenar dan patutlah kita untuk dan adakah tidak patut kita menganggap sahaja bahawa ini adalah baik dan betul tanpa kajian yang teliti. Pada zaman yang tidak menentu ini jika kita tidak bergerak tanpa data dan maklumat kita mungkin secara tidak berniat terjebak dalam risiko di mana hotel dan shopping mall akan melebihi keperluan dan tidak membantu.

Seterusnya, kepada pelancong perubatan dan impak ke atas kemampuan rakyat untuk mendapatkan khidmat perubatan. Saya juga ingin bertanya tentang pelancong perubatan memandangkan hospital swasta ini harga semua kepunyaan syarikat besar yang mempunyai syarikat induk di luar negara atau pun di luar Pulau Pinang. Adakah kita tahu impak sebenarnya pelancong perubatan ke atas katil-katil hospital adalah mencukupi untuk rakyat tempatan dan apakah kesan peningkatan kos perubatan ke atas rakyat tempatan. Sebagai kerajaan bertanggungjawab kita tidak boleh memberi alasan sahaja bahawa kos kesihatan adalah terpulang kepada pasaran ini adalah kerana tindakan kita seperti penubuhan *Penang Centre of Medical Tourism* seperti meluluskan pembangunan hospital mewah dan bantuan meningkatkan hospitaliti untuk menerima lebih banyak pelancong sudah pun merupakan *intervention* dalam pasaran dan membawa impak kepada kemampuan rakyat Pulau Pinang membiayai kos-kos perubatan. Kajian teliti impak pelancong perubatan kepada rakyat Pulau Pinang adalah perlu kerana memandangkan banyak hospital swasta telah meningkatkan harga katil dan bilik mereka beberapa tahun ini tetapi tidak seiring dengan peningkatan pendapatan rakyat.

Seterusnya, peranan PCMT dan kesediaan penginapan bagi pelancong perubatan, saya dimaklumkan bahawa Kerajaan Pulau Pinang telah menubuhkan *Penang Centre Of Medical Tourism* (PCMT) dengan kerjasama 9 hospital swasta di Pulau Pinang iaitu Hospital Pantai Pulau Pinang, Carl Carrington Medical Centre, Mount Mariam Cancer Hospital, Hospital Lam Wah Ee, Loh Guan Lye Specialist Centre, Islands Hospital, Gleneagles, Penang Medical Centre, Penang Adventis Hospital dan Bagan Specialist Centre. Matlamat PCMT ini adalah untuk mempergiatkan sektor pelancong perubatan. Saya perasan bahawa empat (4) daripada 9 hospital yang memperusaha mempergiatkan pelancong perubatan ini adalah terletak di Pulau Tikus, tadi saya ada kata banyak hospital. Sehubungan dengan itu, saya memohon perhatian daripada pihak kerajaan tentang impak negatif pelancong perubatan kepada warga Pulau Tikus disebabkan sewa bilik haram. Kami menerima banyak aduan daripada penduduk rumah teres mahupun penduduk kondominium yang berasa tidak selesa dan diganggu oleh pesakit-pesakit dan penjaga mereka yang menyewa bilik di kawasan perumahan. Dengan adanya pesakit-pesakit yang keluar masuk kawasan perumahan ia menjadikan sukar untuk penduduk-penduduk mengenal pasti siapa penduduk sah dan siapa penduduk tidak sah contohnya pencuri. Jika jiran anda tiap-tiap malam orang sama keluar masuk rumah kalau orang lain keluar masuk sah atau pun tidak sah jika tiap-tiap hari jiran rumah sebelah orang yang berbeza sukar adalah boleh mengenalpasti sama ada orang itu berniat jahat atau pun tidak.

Ada juga aduan tentang pesakit yang muntah di kawasan perumahan, ada yang menangis-nangis dengan kuat dan pernah ada di kawasan Pulau Tikus yang terjun di kondominium membunuh diri mungkin kerana tekanan yang dihadapi atau masalah kesihatan atau kos perubatan. Kesemua ini mendatangkan persoalan sama ada hospital yang membawa masuk pelancong perubatan dari luar negara haruslah bertanggungjawab ke atas kebajikan pesakit-pesakit ini termasuk perancangan agar adanya kesediaan tempat tinggal berhampiran hospital mereka masing-masing. Seperti mana majikan harus bertanggungjawab ke atas kesediaan tempat tinggal bagi pekerja asing dan ada universiti yang membawa pelajar asing datang juga bertanggungjawab ke atas kebajikan mereka serba sedikit. Hospital juga harus menelitikan kecukupan tempat tinggal bagi pelancong perubatan dan ahli keluarga mereka serta keperluan psikologi mereka.

Mengikut jawapan yang saya terima bagi soalan bertulis pada tahun 2014 sebanyak 335,845 orang pelancong perubatan yang telah menerima rawatan di hospital swasta dengan jumlah pendapatan RM368,973,381 dan pada tahun 2015 pun lebih daripada 300,000 orang pelancong perubatan telah menerima rawatan keuntungan RM390 juta lebih kepada RM390 juta dari hospital swasta. Apakah pendapatan yang diterima oleh hospital Pulau Tikus...sorry oleh warga Pulau Tikus kerana hospital swasta telah terima pendapatan lebih daripada RM390 juta jadi saya ingin tahu berapa banyak kebaikan kami perolehi di Pulau Pinang dan spesifik di Pulau Tikus.

Mengikuti statistik tanpa mengira ahli keluarga dan penjaga yang ikut bersama, pelancong perubatan merupakan 5% daripada 6 juta orang pelancong yang datang ke Pulau Pinang setiap tahun memandangkan mereka adalah 5% daripada 6 juta pelancong maka saya rasa adalah wajar bahawa antara semua tempat penginapan yang dibina dan dirancang agar Pulau Tikus mempunyai sekurang-kurangnya 5% daripada tempat pelancongan ini. Institusi tempat penginapan....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta laluan, terima kasih. Saya ingin juga menjemput Yang Berhormat memberi pandangan tentang faktor bahawa kita lihat hospital-hospital persendirian ini lebih cenderung untuk menerima dan memberi rawatan kepada pesakit-pesakit daripada luar negeri yang mampu membiayai dan membayar bagi kos rawatan yang makin lama makin meningkat dan ini telah mewujudkan keadaan di mana rawatan di luar hospital-hospital swasta ini hanya rupa-rupanya mempunyai bayaran ...(dengan izin), *privilege few* di mana rakyat Negeri Pulau Pinang terpaksa seolah-olah bergantung kepada perkhidmatan rawatan di hospital awam, hospital besar di Pulau Pinang. Apakah cadangan Yang Berhormat dengan *Penang Center Medical Tourism* ini kalau EXCO berkenaan boleh gunakan runding cara bincang untuk memastikan mewajibkan tiap-tiap hospital swasta ini untuk memberi perkhidmatan kepada golongan rakyat miskin yang memerlukan rawatan-rawatan bagi masalah-masalah yang kritikal seperti kanser, kencing manis, dialisis dan sebagainya.

Apakah cadangan Yang Berhormat? Bagaimanakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh memaksa hospital-hospital swasta ini untuk memastikan dalam setahun sekurang-kurangnya mereka mempunyai kuota perkhidmatan untuk diberikan rawatan kepada golongan-golongan yang kurang mampu membiayai kos perubatan yang juga yang mengalami masalah *medical* yang kritikal, apakah cadangan dan pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A.Thambyappa):

Tambah lagi, minta laluan..*the waste generated by the patient as well as the waste generated by those attending this patient whose....*(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Maaf kerana saya tidak ada pengalaman dalam operasi hospital jadi saya tidak pasti setiap hospital mengendalikan sisa mereka. Untuk menjawab kepada YB. Seri Delima, saya rasa sebenarnya saya tengah cari soalan bertulis yang telah saya tanya tetapi akan ambil masa sedikit. Sebenarnya apa yang saya tanyakan adalah bilangan pesakit di setiap hospital dan jenis penyakit yang dirawati namun jawapan yang diberikan kepada saya ialah mereka telah masuk semua dalam satu tahun tiada pecahan penyakit ataupun hospital. Mungkin dan sebab yang diberikan adalah atas sebab maklumat peribadi tapi sebenarnya bagi saya, saya tidak boleh, oleh kerana saya tidak perlukan nama dan biografi pesakit saya rasa tidak perlulah peribadi sangat. Bagi saya bagi mengusaha benda ini menjaga kebajikan rakyat dan saya telah dengar dalam Dewan ini beberapa hari bebarap Ahli Dewan yang telah bangkitkan tentang hospital kerajaan yang tidak mencukupi katil dan keadaan yang amat teruk termasuk YB. Seri Delima, YB. Machang Bubok, YB. Jawi dan banyak lagi Yang Berhormat. Memandangkan hospital kerajaan adalah tidak mencukupi kerana hospital swasta ini bertambah penting dan hanya ada satu cara untuk menangani masalah ini pertama sekali kita harus kita ada maklumat sebenarnya katil mereka berapa yang digunakan oleh orang luar negara dan berapa orang rakyat tempatan yang tidak dapat katil saya sendiri pernah pergi hospital sakit tetapi tidak dapat katil sebenarnya semua sudah penuh saya rasa pada....(gangguan).

Swasta, hospital swasta pun sudah penuh tak ada katil saya pernah ada rakyat yang jumpa datang saya kerana dia tidak berupaya membiayai kos perubatan kerana hanya katil mewah saja yang tinggal, katil murah semua sudah penuh jika dia kena rawat isteri dia perlu bayar kos katil mewah tersebut dan cara hospital-hospital mengenakan bayara mereka jika katil mewah hospital keseluruhan pembedahan harganya berbeza jika katil murah kos keseluruhan pembedahan sebab perkhidmatan harga dia berbeza. Jadi kita haruslah *open transparent, accountable* tetap semua maklumat ini agar kebajikan rakyat boleh ditelitikan, saya tidak tahu ada masalah ka tidak tapi hanya satu cara untuk ketahui sama ada masalah adalah dengan meneliti maklumat dan kita perlu tahu apakah kesan pelancong perubatan ini kepada rakyat Pulau Pinang dan dari segi sewa bilik haram yang tadi saya bangkitkan di Pulau Tikus, orang muntah, bunuh diri dan sebagainya saya berharap bahawa Kerajaan Negeri bersama

dengan PCMT boleh berusaha menangani masalah ini dengan kadar segera dengan melihat persekitaran tempat tinggal di persekitaran hospital mereka dan penguatkuasaan ke atas sewa bilik haram...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih Yang Berhormat, boleh saya cadangkan adakah Yang Berhormat setuju hospital-hospital yang sedia ada apabila mereka memohon kebenaran merancang untuk menambahbaik bangunan mungkin Pihak Berkuasa Tempatan boleh kenakan syarat-syarat apabila tawaran itu disediakan mereka diwajibkan selepas syarat itu disediakan untuk memberi perkhidmatan juga kepada rakyat di kawasan tertentu umpamanya seperti di Pulau Tikus dan jika terdapat permohonan oleh syarikat korporat yang baru untuk membina hospital swasta yang baru yang menceburi bidang seperti pembedahan jantung, pembedahan kornea mata dan sebagainya Pihak Berkuasa Tempatan boleh mengenakan syarat-syarat supaya selepas bangunan itu dibina mereka diwajibkan untuk memberi perkhidmatan caj percuma kepada pesakit-pesakit bilangan pesakit tertentu untuk satu tahun. Ini juga akan memenuhi *Corporat, Social & Responsibility* (CSR) syarikat tersebut. Apakah pandangan Yang Berhormat atas cadangan ini?

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Saya memohon pihak eksekutif untuk mempertimbangkan cadangan YB Seri Delima...(gangguan). YB. Speaker sudah pun....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Pulau Tikus, bila nak habis, saya minta tolong.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta laluan sekejap sahaja. Pandangan saya adakah YB. Pulau Tikus setuju di mana hospital swasta sebenarnya mereka kena tubuhkan satu *department* atau pun bahagian kebajikan di mana *income-income* untuk pesakit-pesakit ataupun yang ahli keluarga mereka yang tidak mampu maka mereka akan memberikan satu *discount rate*...(dengan izin) dan juga saya nak tanya kerana setiap kali kita pergi melawat di hospital swasta, mereka akan tanya satu soalan, "Adakah anda ada membeli insurans?" Kalau ada insurans maka casnya adalah tidak sama. Ini adalah kerana pengalaman saya kerana bapa saya ada hantar ke hospital swasta, maka jauh bezanya dari 100% harga caj untuk rawatan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Okey semua, mohon semua cadangan dan pandangan Yang Berhormat-Yang Berhormat dipertimbangkan oleh *executive*. Okey kesediaan untuk *trend Airbnb*, berhubung dengan sewa bilik haram dan masa yang dihadapi, saya ingin menarik perhatian dewan ini bahawa *trend* perkhidmatan seperti *Airbnb* akan menambah teruk *tourism curse*, membawa impak kepada hotel *demand* dan mungkin akan membawa masalah kepada penduduk tempatan jika di salahguna dan tidak dikawal.

Untuk makluman, *Airbnb* bermula di negara Amerika Syarikat, namun banyak bandar di Amerika Syarikat sendiri telah mengambil langkah untuk menggubal undang-undang baru untuk menangani masalah yang di bawa oleh *Airbnb*. Amerika Syarikat sendiri telah menggubal undang-undang untuk menangani masalah *Airbnb*. Bandar-bandar yang telah menggubal undang-undang untuk menangani *Airbnb* termasuk Chicago, New York, San Fransisco, Anaheim, Santa Monica, Eropah, Berlin, Barcelona dan Amsterdam. Contohnya di Chicago, *Airbnb* perlu membayar Pihak Berkuasa Tempatan Chicago \$10,000.00 setiap tahun sebagai lesen operasi dan semua penyewaan di Chicago dikenakan empat (4) peratus lagi surcaj yang dimasukkan ke dalam tabung Chicago untuk golongan gelandangan. Tambahan lagi keluarga Chicago mesti mendaftarkan setiap unit perumahan yang ingin diiklankan di *Airbnb* dan kos pendaftaran setiap unit adalah \$60. Jika warga Chicago gagal mendaftarkan unit perumahan yang ingin disewa, kedua-dua penyewa dan juga *Airbnb* akan dikenakan hukuman. Tambahan lagi, ada sekatan di mana bangunan perumahan yang ada lima (5) unit sahaja hanya boleh mengiklankan satu unit di *Airbnb* pada bila-bila masa dan perumahan yang melebihi lima (5) unit hanya boleh mengiklankan 25% daripada

bilangan unit yang ada atau enam (6) unit sahaja yang mana yang paling kurang. Di New York, sesiapa yang menyewa keseluruhan unit rumah adalah melanggar undang-undang, maka tuan rumah perlu tinggal dalam rumah yang di sewa. Banyak perkara lain yang saya bangkitkan juga mempunyai undang-undangnya sendiri untuk menangani *Airbnb*. Maka saya berpendapat bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga harus mula mempertimbangkan mekanisme-mekanisme mengawal platform seperti *Airbnb* kerana masalah yang mungkin di bawa.

Seterusnya kawalan sewa rumah. Garis panduan dan undang-undang yang digubal untuk mengawal sewa rumah juga boleh digunakan untuk meneliti situasi kebajikan bagi pelancong perubatan dan pekerja asing. EXCO Perumahan dipohon mengambil maklum bahawa sektor perkhidmatan telah meningkat dengan lebih cepat berbanding dengan sektor pembuatan. Maka adalah wajar untuk menggiatkan perancangan tempat tinggal, pekerja asing sektor perkhidmatan yang lebih tertumpu kepada kawasan bandar. Buat masa kini di Pulau Tikus ada beberapa teres yang didiami pekerja asing yang mana melebihi sepuluh orang sampai 20 orang pun ada di dalam satu rumah. Dan fasiliti basuh baju dan kebersihan adalah tidak mencukupi maka membawa masalah kepada jiran. Pekerja-pekerja asing ini biasanya bekerja di restoran-restoran, kompleks makanan dan *shopping mall* di Persiaran Gurney. Majikan mereka meletak mereka di rumah-rumah di Pulau Tikus kerana berhampiran dengan tempat kerja, maka mereka boleh pergi kerja dengan senang. Namun mungkin sewa di kawasan seperti di Pulau Tikus adalah tinggi, maka majikan meletak orang dalam satu (1) rumah. Situasi ini akan berpanjangan jika tindakan tidak diambil oleh Kerajaan Negeri kerana tumpuan aktiviti komersial bernilai tinggi yang boleh mengambil banyak pekerja asing akan sentiasa di kawasan yang ada ketumpatan tinggi dan sewa yang tinggi. Ini boleh ditangani dengan perancangan bandar yang membolehkan adanya perumahan mampu milik di kawasan ini, agar orang tempatan mampu tinggal di sini dan menjadi pekerja di kawasan yang sama untuk kurangkan penggantungan kepada pekerja asing.

Seterusnya ke arah negeri kebajikan. Saya ingin merujuk kepada soalan bertulis saya nombor 25 dan 27. 25, saya telah membangkitkan bahawa walaupun Kerajaan Negeri ada usaha-usaha untuk belia seperti *Penang Youth Development Corporation (PYDC)*, *Penang Science Cafe* dan *Techno Penang*. Namun sebelum mereka menjadi belia, mereka adalah kanak-kanak dan bayi. Namun asas pembangunan insan adalah pada peringkat pendidikan awal, berapakah peruntukan Kerajaan Negeri untuk pusat jagaan kanak-kanak dan usaha untuk menyokong unit keluarga agar tiada ibu tunggal dan sebagainya. Dan peringkat awal pembangunan anak-anak itu. Jawapan yang diterima adalah bahawa kita ada dua (2) Pusat Jagaan Kanak-kanak (PJKK) di Daerah Timur Laut dan di Seberang Perai Tengah. Dan juga di Taska di KOMTAR. Selain daripada soalan ini, ada saya tanya tentang *aging population* juga iaitu mereka yang sudah tua. Dan sebahagian daripada jawapan ini adalah maklum balas bahawa ada dua (2) pusat aktiviti warga emas. Jadi keseluruhan di Negeri Pulau Pinang ada dua (2) pusat aktiviti untuk warga emas dan dua (2) pusat penjagaan kanak-kanak untuk populasi 1.6 juta orang. Dalam Dewan ini sudah ada dua orang Yang Berhormat yang telah memohon agar peruntukan untuk *Penang Women's Development Corporation (PWDC)* dipertingkatkan termasuk Ketua Pihak Pembangkang dan YB. Berapit. Saya ingin menyokong kuat permohonan ini kerana sebenarnya sakit hati, YB. Seri Delima, sakit hati pelbagai wakil rakyat ini adalah kerana isu kesaksamaan *gender*, isu kebajikan keluarga ini bukanlah satu soalan yang senang ditangani.

Sebenarnya YB. Seri Delima, kita tidak boleh lari daripada fakta dan hakikat. Fakta dan hakikatnya adalah bahawa kita ada banyak kes rogol setiap tahun. Fakta dan hakikatnya adalah masih ada keluarga yang berpendapat bahawa anak perempuan tidak perlu begitu berusaha dalam pelajaran, anak lelaki yang perlu menjadi sumber pendapatan bagi keluarga. Kami ada berkomunikasi dengan lelaki, PWDC ada membuat program-program untuk lelaki juga. Dan maklum balas mereka yang kami faham, maklum balas lelaki sebenarnya sebahagian lelaki mengapa mereka balik rumah, letih, tengok televisyen kerana mereka merasa beban yang tinggi. Sebagai orang lelaki, masyarakat sejak kecil lagi memaklumkan kepada mereka anda perlu berani....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker, ini sungguh menyakitkan hati saya, saya tak boleh tahan dengar ini.... (gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Saya tengah sokong lelaki sekarang.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Ini menyakitkan hati saya, YB. Dato' Speaker. *So far* lelaki kena bantai, yang lain bukan lelaki kah? Bangunlah sekali.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Yang Berhormat, dengar dahulu sebelum ulas.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Pulau Tikus, fakta dan hakikatnya empat (4) minit sahaja.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Bagus YB. Dato' Speaker, tamatkan, tamatkan ucapan ini. Sakitkan hati saya. Tamatkan ucapan Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Saya ingin memaklumkan bahawa situasi adalah rumit, ada *buyers* dan *sterotaip* bagi kedua-dua pihak sahaja dan situasi yang rumit ini memang memerlukan masa dan peruntukan yang lebih banyak untuk menangani situasi ketidaksamaan bagi kedua pihak. Dalam bajet Kerajaan Negeri, ada dimaklumkan bahawa peruntukan untuk Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) akan dipertingkatkan di mana elaun bulanan untuk Pengerusi akan dinaikkan kepada RM700.00 dan untuk Setiausaha JKKK kepada RM600.00.

Dewan yang mulia ini, saya sebenarnya berasa keputusan ini adalah tidak begitu baik kerana perbezaan antara elaun Pengerusi dan Setiausaha sudah pun terlalu besar berbanding dengan ahli biasa. Ahli biasa hanya menerima RM40.00. Tetapi Pengerusi menerima RM700.00 dan setiausaha menerima RM600.00. Jika anda seorang ahli, adakah anda berasa anda perlu berusaha bersama Pengerusi anda? Berusaha bersama Setiausaha anda memandangkan Pengerusi mendapat wang yang begitu banyak. Dalam satu syarikat pun adakah pengurus dan pekerja ada begitu besar jurang pendapatan mereka? Jika kita ingin mengalakkan timbul dan akauntabiliti, maka jurang perbezaan antara ahli dengan Setiausaha dan pengerusi haruslah diperdekatkan. Mungkin dengan peningkatan juga, elaun kepada ahli-ahli....(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Pendapat saya bukan sahaja Ahli Jawatankuasa kerana Bendahari sepatutnya mereka setiap orang kena sediakan akaun kewangan. So maka perbezaan dari segi Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari ambil elaun yang sama seperti ahli biasa. So mungkin kerajaan kena melihat kerana Bendahari selalu kena buat laporan kewangan setiap bulan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

YB. Penanti dan YB. Machang Bubuk telah pun memohon agar peruntukan yang lebih banyak diberi kepada kawasan perkampungan. Saya berpendapat bahawa setiap KADUN ada masalah dan cabaran mereka sendiri. Jadi untuk menjawab permohonan ini, saya memohon juga agar satu mekanisme rasmi diwujudkan. Untuk setiap ADUN menyediakan justifikasi dan memohon lobi bagi projek-projek besar dan sederhana besar di kawasan masing-masing pada awal tahun agar boleh dimasukkan dalam bajet seterusnya. Saya tahu sebagai ADUN boleh kami secara terus pergi kepada setiap EXCO untuk meminta projek-projek tertentu. Namun permohonan saya adalah untuk satu mekanisme rasmi

setiap tahun akan diadakan setiap KADUN boleh memasukkan satu (1) ataupun dua (2) projek keutamaannya dan ADUN sendiri yang bertanggungjawab memberi justifikasi kepada permohonan tersebut dan dengan ini juga mewujudkan akauntabiliti kepada projek-projek besar dan sederhana besar yang dilakukan di kawasan belia.

Dalam soalan bertulis saya, saya tertarik dengan jawapan YB. Bagan Jermal tentang untuk menjawab projek utiliti *tunnel*. Dalam jawapan ada dibangkitkan bahawa kerajaan sedang mengusahakan polisi dan untuk rangkaian gentian optik iaitu *fiber optic* di Pulau Pinang. Saya ingin memaklumkan kepada semua orang bahawa beberapa tahun ini Pulau Tikus kerap mengalami gangguan internet dan telefon. Boleh berminggu-minggu warga Pulau Tikus tidak ada telefon. Apabila saya menulis kepada Syarikat Telekom, dan saya rasa Pengurus Besar Telekom Pulau Pinang sendiri ada datang membuat perjumpaan, dia telah menjelaskan bahawa Telekom menghadapi kesukaran untuk menambahbaik ataupun menggantikan kabel-kabel lama di kawasan George Town dan Pulau Tikus kerana jalan raya kami adalah lebih sempit dan aktiviti adalah lebih banyak. Maka berbanding dengan kawasan mungkin seperti Balik Pulau, Paya Terubong, mereka mempunyai internet yang lebih cepat dan kabel yang baru berbanding George Town dan Pulau Tikus. Itu cerita dua (2) tahun lalu, saya tidak ada status terkini dan berpendapat bahawa gangguan sudah berkurangan akan tetapi dalam usaha Kerajaan Negeri untuk *fiber optic* ini, saya berharap agar situasi ini tidak akan berulang di mana kawasan-kawasan lain akan mempunyai internet yang lebih cepat dahulu dan kami adalah paling akhir dalam negeri kita ini. Saya juga tertarik mengapa polisi *one dig* ini satu...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Pulau Tikus, akhir sekali.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Saya berasa projek *one dig* ini akan mewujudkan *common utilities trenching* untuk gentian optik. Saya tidak faham mengapa sampai sekarang negeri yang ingin menjadi antarabangsa dan intelligent masih belum ada *common trenching* atau belum merancang untuk *common trenching* bagi utiliti-utiliti lain walaupun secara teori, syarikat utiliti harus ada maklumat mereka sendiri tentang di mana adanya paip, di mana adanya kabel dan sebagainya tetapi adalah terlalu kerap di mana semasa kerja galian, mereka terjumpa kabel dan paip yang tidak patut ada di sana. Saya rasa *common utilities trenching* ini bukan sahaja untuk *fibre optic* tetapi untuk utiliti-utiliti lain, haruslah mengular dirancangkan kerana ia adalah projek yang besar sama seperti pelan induk pengangkutan dan akan mengambil peruntukan yang besar juga.

YB. Dato' Speaker, sebenarnya ada lagi. Sambung esok boleh?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tak boleh, *that's why saya* kata kenapa *you all* tak bahas hari itu? Hari ini pun Yang Berhormat sudah mengulas panjang lebar. Ada *five minute to close*.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Sebagai pengakhiran, saya memohon agar cadangan-cadangan dipertimbangkan, maklum balas-maklum balas yang diberi adalah bersifat *caution* kerana saya rasa maklumat untuk mendapati situasi yang jelas tentang kebajikan rakyat Pulau Pinang adalah penting dan penelitian pelbagai aspek bagi ekonomi kita adalah penting dan saya berharap bahawa kita akan teruskan peningkatan kami sebagai satu Kerajaan Negeri untuk meningkatkan prestasi Bajet 2018. Saya memohon menyokong, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Pulau Tikus kerana hampir dua (2) jam. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan dan akan bersidang semula esok, Selasa jam 9:30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.35 malam.